

REPRESENTASI PELARIAN SYRIA DALAM LAMAN WEB
AL-JAZEERA ARAB DAN BBC ARAB DENGAN
MENGUNAKAN ANALISIS WACANA KRITIKAL

SYAHIRAH BINTI ALMUDDIN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2023

**REPRESENTASI PELARIAN SYRIA DALAM LAMAN WEB
AL-JAZEERA ARAB DAN BBC ARAB DENGAN
MENGUNAKAN ANALISIS WACANA KRITIKAL**

SYAHIRAH BINTI ALMUDDIN

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Syahirah binti Almuddin**

No. Pendaftaran/Matrik: **17018256/3 (THA150006)**

Nama Ijazah: **Ijazah Doktor Falsafah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Representasi Pelarian Syria dalam Laman Web Al-Jazeera Arab dan BBC Arab
Dengan Menggunakan Analisis Wacana Kritikal**

Bidang Penyelidikan: **Analisis Wacana**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 13/09/2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,
Tandatangan Saksi

Tarikh: 13/09/2023

Nama:

Jawatan:

**REPRESENTASI PELARIAN SYRIA DALAM
LAMAN WEB AL-JAZEERA ARAB DAN BBC ARAB DENGAN
MENGUNAKAN ANALISIS WACANA KRITIKAL**

ABSTRAK

Pelarian sering digambarkan secara negatif di dalam media. Beberapa stereotaip mengenai pelarian dapat dilihat dalam gambaran media iaitu: terlibat dengan jenayah, berstatus haram, sebagai ancaman kepada identiti negara dan ekonomi. Jika dilihat, kebanyakan kajian yang telah dibuat melibatkan pelarian dari negara dan bangsa yang berlainan. Namun begitu, kajian ini dibuat bagi memberikan gambaran yang lebih jelas bagaimana representasi pelarian Syria dipaparkan dalam artikel berita al-Jazeera selaku wakil kepada bangsa Arab dan BBC sebagai wakil orang luar. Objektif utama kajian ialah mengenalpasti cara representasi pelarian Syria dalam al-Jazeera dan BBC, mengenalpasti aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti yang mempengaruhi representasi pelarian Syria dalam al-Jazeera dan BBC dan menjelaskan amalan sosial yang disampaikan melalui laporan kedua-dua laman berita al-Jazeera Bahasa Arab (AJA) dan BBC Bahasa Arab (BBCA). Kajian ini menggunakan pendekatan Model Tiga Dimensi analisis wacana kritikal (CDA) Fairclough (1992), yang merangkumi 3 dimensi, iaitu teks, amalan wacana dan amalan sosial. Model ini digunakan untuk menganalisis korpus yang mengandungi 100 topik berita mengenai Pelarian Syria dari tahun 2013 sehingga 2015 dari kedua-dua laman berita al-Jazeera (50 artikel) dan BBC (50 artikel). Dapatan menunjukkan terdapat empat representasi yang sering dikaitkan dengan pelarian Syria melibatkan: (i) pelarian sebagai pelarian, (ii) pelarian sebagai angka, (iii) pelarian sebagai mangsa dan (iv) pelarian sebagai orang yang memerlukan bantuan. Kajian ini mendapati terdapat perspektif yang berbeza terhadap pelarian Syria oleh bangsa Arab yang diwakili oleh al-Jazeera dan masyarakat luar

yang diwakili oleh BBC. Al-Jazeera dilihat lebih beremosi melalui pemilihan perkataan yang digunakan ketika melaporkan kesusahan pelarian. Al-Jazeera dan BBC menyampaikan berita mewakili negara Arab dan negara Eropah. Negara Arab seperti Qatar tidak ditonjolkan sebagai negara yang menerima pelarian. Manakala BBC merupakan pihak yang terlibat dengan isu kemasukan pelarian ke Eropah. Hal ini telah membentuk corak laporan antara dua buah badan berita yang mengalami pengalaman yang berbeza dengan isu pelarian.

Universiti Malaysia

THE REPRESENTATION OF SYRIAN REFUGEE ON THE AL-JAZEERA AND BBC ARABIC WEBSITE USING CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS

ABSTRACT

Refugees are often portrayed negatively in the media. Some stereotypes about refugees can be seen in the media's portrayal, namely: involved in crime, illegal status, as a threat to national identity and economy. Most of the studies that have been done involve refugees from different countries and races. Nevertheless, this study was made to provide a clearer picture of how the representation of Syrian refugees is displayed in al-Jazeera news articles as a representative of the Arab nation and the BBC as a representative of outsiders. The main objective of the study is to identify the way Syrian refugees are represented in al-Jazeera and the BBC, to identify aspects of intertextuality and interdiscursivity that affect the representation of Syrian refugees in al-Jazeera and the BBC and to explain the social practices conveyed through the reports of both Arabic al-Jazeera and BBC news sites. This study uses Fairclough's (1992) Three Dimensional Model approach of critical discourse analysis (CDA), which includes 3 dimensions, namely text, discourse practice and social practice. This model is used to analyze a corpus containing 100 news topics about Syrian Refugees from 2013 to 2015 from both al-Jazeera (50 articles) and BBC (50 articles) news sites. Findings show that there are four representations that are often associated with Syrian refugees involving: (i) refugees as refugees, (ii) refugees as numbers, (iii) refugees as victims and (iv) refugees as people in need of help. This study found that there are different perspectives on Syrian refugees by the Arabs represented by al-Jazeera and the outside community represented by the BBC. Al-Jazeera is seen to be more emotional through the choice of words used when reporting on the plight of refugees. Al-Jazeera and

the BBC deliver news representing Arab countries and European countries. Arab countries such as Qatar are not highlighted as countries that accept refugees. While the BBC is involved with the issue of refugee entry into Europe. This has formed a reporting pattern between two news organizations that have different experiences with refugee issues.

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji dan syukur diucapkan ke hadrat Allah s.w.t yang telah melimpahkan rahmatNya dengan memberikan kekuatan, kesabaran, serta semangat kepada penulis dalam usaha menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam atas rasul junjungan Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa rahmat ke seluruh alam.

Penghargaan buat Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik Prof. Madya Dr Surinderpal Kaur dan kakitangan Pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat yang berbahagia Dr. Ahmad Arifin Sapar, Prof. Madya Dr Surinderpal Kaur dan Dr Mohamad Hussin selaku penyelia tesis ini yang telah banyak memberikan bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan semangat kepada penulis bagi menyiapkan tesis ini. Segala ilmu yang dicurahkan amat bermakna. Semoga segala tunjuk ajar yang diberi mendapat keberkatan Allah s.w.t.

Setinggi-tinggi penghargaan buat ayahanda dan bonda tercinta Almuddin Idris dan Nasimah Jusoh kerana telah banyak memberikan galakan dan semangat buat penulis dalam usaha menyiapkan tesis ini. Buat kekanda dan adinda-adindaku sekalian, doa kalian amat bermakna. Tidak lupa ucapan terima kasih buat rakan-rakan dan semua pihak yang secara langsung memberi sumbangan dan galakan semangat kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan tesis ini.

Syahirah Almuddin
Peti Surat 326,
Batu 2 Jln Santan,
01000 Kangar, Perlis.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	III
ABSTRACT	V
PENGHARGAAN	VII
ISI KANDUNGAN	VIII
SENARAI RAJAH	XIII
SENARAI JADUAL	XIV
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	XV
SENARAI SIMBOL TRANSLITERASI KONSONAN BAHASA ARAB	XVI
SENARAI LAMPIRAN	XVIII
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	10
1.3 Objektif Kajian.....	16
1.4 Soalan Kajian.....	17
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Batasan Kajian	25
1.7 Rangka Kajian.....	28
1.8 Kesimpulan	29
BAB 2 ANALISIS WACANA DAN ANALISIS WACANA KRITIKAL.....	30
2.0 Pendahuluan.....	30

2.1 Analisis Wacana dan Analisis Wacana kritikal	30
2.1.1 Analisis Wacana.....	30
2.1.2 Analisis Wacana Kritikal	41
2.1.3 Perbezaan Antara Analisis Wacana dan Analisis Wacana kritikal	56
2.2 Pembahagian Ayat Berdasarkan Ilmu <i>Ma'ānī</i>	56
2.3 Gaya Bahasa <i>Ma'ānī</i>	59
2.3.1 Ayat Penyata	60
2.3.2 Ayat Bukan Penyata (الإِنْشَائِيَّة).....	65
2.3.3 Pendepanan dan Pengakhiran (التَقْدِيمُ وَالتَّأْخِيرُ).....	70
2.3.4 Pengguguran dan Pengekalan (الْحَذْفُ وَالدَّكْرُ)	71
2.3.5 Kata Nama <i>Ma'rifat</i> dan Kata Nama <i>Nakirat</i> (التَّعْرِيفُ وَالتَّنْكِيرُ).....	71
2.3.6 Pengkhususan (التَّصْنِيفُ)	72
2.4 Kajian Ilmu Balaghah dan Analisis Wacana Arab	72
2.5 Jurang Kajian	78
2.6 Kesimpulan	79
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	80
3.0 Pendahuluan	80
3.1 Kerangka Teoritik	80
3.1.1 Teks (Tahap Deskripsi).....	81
3.1.2 Amalan Wacana (Tahap Penafsiran).....	82
3.1.3 Amalan Sosial (Tahap Penjelasan).....	83
3.2 Data Kajian	84
3.2.1 Kaedah Pengumpulan Data	85
3.2.2 Kaedah Analisis Data	88

3.2.2.1	Teks.....	88
3.2.2.2	Amalan Wacana	91
3.2.2.3	Amalan Sosial	95
3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan	97
3.4	Kesimpulan	97
BAB 4 ANALISIS TEKS.....		99
4.0	Pendahuluan	99
4.1	Pelarian Sebagai Pelarian.....	99
4.2	Pelarian Sebagai Angka	128
4.3	Pelarian Sebagai Mangsa	137
4.4	Pelarian Sebagai Penerima Bantuan.....	151
4.5	Kesimpulan.....	185
BAB 5 ANALISIS INTERTEKSTUALITI DAN INTERDISKURSIVITI.....		195
5.0	Pendahuluan	195
5.1	Intertekstualiti Dalam al-Jazeera dan BBC	195
5.1.3	Negara Luar.....	231
5.1.4	Media Luar	238
5.1.5	Badan Sukarelawan dan Bantuan.....	244
5.2	Interdiskursiviti Dalam al-Jazeera dan BBC.....	248
5.2.1	Gaya Bahasa Ma‘ānī Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC.....	249
5.2.1.1	Ayat Penyata Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC.....	249
5.2.1.2	Ayat Bukan Penyata Dalam Laporan Berita Al-Jazeera dan BBC	252
5.2.1.3	Pendepanan dan Pengakhiran (التقديم والتأخير) Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC	258

5.2.1.4 Kata Nama Ma'rifat dan Kata Nama Nakirat (التعريف والتتكير) Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC	260
5.2.1.5 Pengkhususan (التخصر) Dalam Laporan Al-Jazeera dan BBC	261
5.3 Gabungan Wacana dan Gaya Wacana Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC	262
BAB 6 AMALAN SOSIAL	270
6.0 Pendahuluan	270
6.1 Mesej Simpati.....	282
6.2 Mesej Kemanusiaan	286
6.3 Representasi “kita” vs “mereka” (<i>us vs them</i>).....	288
6.4 Pembinaan Identiti Pelarian	291
6.5 Kesimpulan.....	293
BAB 7 RUMUSAN DAN CADANGAN	296
7.0 Pendahuluan	296
7.1 Rumusan Kajian	296
7.2 Jawapan Soalan Kajian.....	298
7.2.1 Soalan Kajian 1 (Analisis Teks).....	298
7.2.2 Soalan Kajian 2 (Amalan Wacana)	304
7.2.3 Soalan Kajian 3 (Amalan Sosial)	307
7.3 Sumbangan Kajian	308
7.3.1 Analisis Wacana Bahasa Arab (Sumbangan Teori & Metodologi)	308
7.3.2 Wacana Bahasa Media (Sumbangan Ilmu terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa).....	309
7.3.3 Analisis Wacana Kemanusiaan (Sumbangan Isu Kajian).....	310
7.4 Cadangan Kajian Lanjutan	311
7.5 Penutup.....	312

RUJUKAN	314
SENARAI PENERBITAN.....	324
LAMPIRAN A.....	325
LAMPIRAN B	330
LAMPIRAN C	335
LAMPIRAN D.....	339
LAMPIRAN E	344

Universiti Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Pengaruh Kematian Alan Kurdi di Media Sosial	14
Rajah 1.2	Kerangka Awal Konseptual Kajian	27
Rajah 2.1	Model Tiga Dimensi Fairclough	34
Rajah 2.2	Pembahagian Ayat Berdasarkan Ilmu Ma‘ānī	59
Rajah 2.3	Bentuk Ayat Penyata dan Penerima	64
Rajah 3.1	Model AWK Fairclough	81
Rajah 3.2	Corak Pergerakan RASIM	87
Rajah 3.3	Kepelbagaian bentuk perkataan “pelarian” لجّ dalam AJA	89
Rajah 3.4	Senarai frekuensi kata dalam AJA	90
Rajah 3.5	Kerangka Konseptual	96
Rajah 4.1	Proses Pelarian Melarikan Diri	127
Rajah 4.2	Struktur Ayat Topik Berita Al-Jazeera	172
Rajah 4.3	Struktur Ayat Topik Berita BBC	175
Rajah 5.1	Sumber luar dalam AJA dan BBKA	196
Rajah 5.2	Jenis-jenis Wacana dalam Laporan Berita AJA dan BBKA	265
Rajah 6.1	Kumpulan Media Terhadap Isu Syria	294

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Kategori Pelarian	100
Jadual 4.2	Frekuensi Perkataan Pelarian dalam al-Jazeera	102
Jadual 4.3	Frekuensi Perkataan Pelarian dalam BBC	105
Jadual 4.4	Pelarian Melarikan Diri Dari Peperangan (Al-Jazeera)	117
Jadual 4.5	Pelarian Melarikan Diri Dari Peperangan (BBC)	118
Jadual 4.6	Pelarian Melarikan Diri Ke Luar Negara (Al-Jazeera)	120
Jadual 4.7	Pelarian Melarikan Diri Ke Luar Negara (BBC)	121
Jadual 4.8	Kata Nama Dalam al- Jazeera & BBC	122
Jadual 4.9	Kata Kerja Dalam al-Jazeera & BBC	126
Jadual 4.10	Taburan Pelarian Sebagai Mangsa al-Jazeera	143
Jadual 4.11	Taburan Pelarian Sebagai Mangsa BBC	149
Jadual 4.12	Taburan Perkataan Mengenai Penerima Bantuan Dalam al-Jazeera & BBC	166
Jadual 5.1	Intertekstualiti dalam Al-Jazeera & BBC	197
Jadual 5.2	Taburan Suara Pelarian dalam al-Jazeera dan BBC	200
Jadual 5.3	Kekerapan Kata Kerja Laporan	209
Jadual 5.4	Taburan Petikan Sumber Agensi Antarabangsa	221
Jadual 5.5	Taburan Petikan Kesatuan Eropah	227
Jadual 5.6	Taburan Petikan Negara Luar	232
Jadual 5.7	Taburan Petikan Media Luar	239
Jadual 5.8	Taburan Petikan Badan Sukarelawan Dan Bantuan	244
Jadual 6.1	Kategori Topik Berita al-Jazeera	276
Jadual 6.2	Kategori Topik Berita BBC	275
Jadual 7.1	Padanan Bab, Dimensi dan Soalan Kajian	298

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

- CDA : Critical Discourse Analysis
- AJA : Al-Jazeera Arabic
- BBCA : Britain Broadcasting Corporation Arabic
- AW : Analisis Wacana
- AWK : Analisis Wacana kritikal

Universiti Malaya

SENARAI SIMBOL TRANSLITERASI KONSONAN BAHASA ARAB

Ortografi Bahasa Arab	Simbol Transliterasi
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w

ي	y
ة	t

(Sumber dipetik daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984: 1-2)

Universiti Malaya

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	:	Senarai Data AJA	331
Lampiran B	:	Senarai Data BBKA	336
Lampiran C	:	Senarai Struktur Ayat Topik Berita Al-Jazeera	341
Lampiran D	:	Senarai Struktur Ayat Topik Berita BBC	345
Lampiran E	:	Semakan Terjemahan	350

Universiti Malaya

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini meneliti gambaran yang diberikan laman berita al-Jazeera dan BBC Bahasa Arab terhadap pelarian Syria melalui penggunaan bahasa di dalam laporan berita yang dikeluarkan. Bab ini membincangkan pengenalan kajian secara keseluruhan. Pada Bahagian 1.1, latar belakang dan pernyataan masalah akan dibincangkan bagi menjawab objektif dan soalan kajian pada Bahagian 1.3 dan 1.4. Seterusnya Bahagian 1.5 membincangkan kepentingan dan rasional kajian berdasarkan batasan kajian yang telah ditetapkan pada Bahagian 1.6. Akhir bab ini akan memaparkan rangka kajian secara keseluruhan pada Bahagian 1.7 serta kesimpulan bab ini pada Bahagian 1.8.

1.1 Latar Belakang Kajian

Fenomena pelarian Syria dan Afrika merupakan krisis pelarian yang paling teruk sejak berakhirnya perang dunia kedua (Plascencia, 2017). Terdapat pelbagai respon dari negara yang menerima pelarian terutamanya negara Eropah kerana secara umumnya, tidak ada satu pun negara Eropah yang tidak terkesan dengan krisis ini. Antaranya Hungari yang telah membina pagar kawat berduri bagi menghalang kemasukan pelarian Syria. Turkiye dan Greece telah membina tembok di sempadan. Lubnan mewajibkan visa pelarian pada tahun 2015 kepada pelarian yang masuk ke Lubnan dan banyak memaparkan laporan berita berbentuk negatif terhadap pelarian. Manakala Estonia, Lithuania dan Portugal menolak semua permohonan suaka pada tahun 2015 (Eurostat, 2019). Plascencia (2017) telah menjelaskan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya krisis pelarian ini. Faktor pertama adalah perubahan ketara yang berlaku terhadap politik di Afrika Utara disebabkan

Arabic Spring. Faktor kedua adalah kerana kemunculan kumpulan pengganas seperti ISIS dan faktor ketiga adalah disebabkan konflik Syria yang berterusan.

Konflik Syria merupakan krisis yang paling lama dalam episod *Arab Spring* yang bermula pada tahun 2011. Peristiwa *Arab Spring* ini telah menyaksikan kejatuhan pemerintahan tradisi dan diktator di beberapa buah negara Arab seperti Zein al-Abidin di Tunisia, Hosni Mubarak di Mesir dan Muammar Gaddafi di Libya melalui penentangan dan kebangkitan rakyat. Peristiwa ini telah menyebabkan berlakunya ketidakstabilan pada ekonomi dan masyarakat. Konflik Syria yang berpanjangan menyaksikan kegagalan kebangkitan rakyat apabila kerajaan Syria masih kekal di bawah pemerintahan sedia ada. Konflik ini telah memaksa jutaan rakyatnya melarikan diri dan mencari suaka di negara Eropah. Konflik ini benar-benar menguji kemampuan pemikiran manusia. Bagi memahaminya, kita perlu mengambil kira konteks di sebalik konflik Syria seperti aspek geopolitik. Kedudukan Syria dan negara Timur Tengah yang lain terletak di kawasan *The Arc of Crisis* sentiasa penuh dengan konflik. Kedudukan geopolitiknya menyebabkan Syria menjadi kawasan tumpuan kuasa-kuasa asing seperti Amerika Syarikat, Iran dan Rusia untuk memperluaskan kuasa dan pengaruh (Ayman Rashdan Wong, 2017). Manakala campur tangan negara-negara Teluk seperti Saudi dan Qatar dilihat demi menyekat kuasa Iran (Ayman Rahsdan Wong, 2017:131).

Konflik Syria telah membawa kepada krisis kebanjiran pelarian yang dianggap paling dahsyat dalam sejarah kemanusiaan moden selepas perang dunia kedua. Sepanjang dua dekad yang lalu, penduduk global yang berpindah secara paksa telah berkembang sebahagian besarnya dari 33.9 juta orang pada tahun 1997 kepada 65.6 juta orang pada tahun 2016, dan ia kekal pada rekod tertinggi. Kadar kenaikan ini ditumpukan antara 2012 dan 2015, didorong terutamanya oleh konflik Syria (Laporan Global Trend UNHCR, 2016).

Kebangkitan rakyat Syria atau *Thaurat al-Sya'b* (ثورة الشعب) telah tercetus dan berlarutan sejak Mac 2011. Keadaan ini menjadi lebih teruk akibat campur tangan kuasa luar yang berkepentingan dan mengambil kesempatan di atas krisis politik dalaman Syria. Rejim Basyar juga disokong oleh puak jahat berfahaman komunis. Hasilnya, peperangan yang berlaku akibat campur tangan kuasa-kuasa luar ini telah membawa kepada peperangan “*war on the ground*” (peperangan secara fizikal) dan peperangan secara “*war on the mind*” (pemikiran/propaganda). Menurut Ayman Rashdan Wong (2017:129), perang berlaku dalam tiga bentuk; a) perang ketenteraan, b) perang ekonomi dan c) perang psikologi. Perang ketenteraan dan perang ekonomi merupakan perang *hard warfare* (peperangan secara nyata). Manakala perang *psychological warfare* atau *PsyWar* (perang psikologi/propaganda) merupakan peperangan yang dilakukan secara halus. Antara caranya ialah melalui penggunaan media. Media merupakan alat yang digunakan untuk mencipta pandangan umum terhadap sesuatu isu. Isu pelarian di dalam media seringkali dipengaruhi oleh istilah yang digunakan bagi merujuk golongan pelarian. Antara istilah yang seringkali digunakan ialah pelarian, pencari suaka, IDPs dan pendatang. Istilah yang digunakan berupaya memperlihatkan golongan pelarian ini sebagai mangsa yang perlu dibantu atau sebagai ancaman yang perlu dijauhi.

Terdapat tujuh golongan utama yang difokuskan dalam laporan *Global Trends* bagi statistik UNHCR 2014. Golongan ini melibatkan pelarian (*refugees*), pelarian yang pulang ke tempat asal (*returned refugees/returnees*), pencari suaka (*asylum-seekers with pending cases*), pelarian dalam negara (*Internally displaced persons IDPs*), IDPs yang pulang ke tempat asal (*returned IDPs*), golongan yang berada di bawah mandat UNHCR (*persons under UNHCR's statelessness mandate*) dan kumpulan-kumpulan lain (*other groups or person of concern*).

Namun kajian ini hanya akan memfokuskan kepada empat kategori utama yang dilihat relevan dengan data kajian iaitu pelarian, pencari suaka, pelarian dalam negara dan pendatang. Perkataan-perkataan ini sering digunakan secara bergilir-gilir antara satu sama lain dan digunakan sebagai perkataan sinonim dalam korpus (Baker et. al 2008; Lee, 2015). Hal ini juga turut ditegaskan oleh Simon dan A. Speer (2007), melalui kajiannya yang mendapati terdapat tiga strategi yang digunakan penutur ketika membicarakan mengenai golongan ini. Pertama, penutur akan membezakan penggunaan kata pelarian (*refugee*) dan pendatang (*migrant*); kedua, penutur tidak membezakan penggunaan kata pelarian dan pendatang ekonomi; ketiga, kata pelarian dan pendatang haram kadangkala dibezakan dan kadangkala digunakan sebagai satu golongan. Justeru, kajian mengenai golongan ini sering kali meletakkan mereka sebagai satu kumpulan yang sama yang dikenali sebagai RASIM (*Refugee, Asylum seeker, dan immigrant*). Pelarian, pencari suaka dan pendatang secara umumnya mempunyai persamaan yang merujuk kepada kumpulan manusia yang keluar dari negara asalnya. Namun berbeza dari aspek tujuan mereka keluar. Hakikatnya, perbezaan kata yang digunakan menunjukkan terdapat perbezaan makna antara setiap kata. Kita akan melihat definisi bagi setiap kata di bawah.

a) Pelarian

Perkataan pelarian dalam bahasa Arab adalah لاجئ. Perkataan ini merupakan kata nama pelaku (*agent*) yang berasal dari kata kerja kala lampau جَاءَ , kata kerja kala kini يَلْجَأُ , dan kata terbitan جُؤءٌ . Menurut kamus al-Munjid (2000), perkataan ini bermaksud menuju ke suatu tempat dan berlindung di situ, berlindung dengan sesuatu pihak dan memohon

bantuan dengan pihak tersebut. Contohnya: جَاءَ إِلَى وَالِدِهِ ertinya: dia telah meminta perlindungan ayahnya.

Istilah pelarian menurut *United Nations Convention Relating to the Status of Refugees, Article 1(A)(2)* Konvensyen Geneva PBB (1951) berhubung status pelarian, pelarian adalah seseorang yang telah meninggalkan negara asal kerana sedang ditindas disebabkan isu-isu bangsa, agama, kewarganegaraan, keahlian sosial atau pandangan politik serta tidak mendapat perlindungan dari negara itu. Melihat kepada definisi ini, pelarian dilihat sebagai golongan yang terpaksa keluar dari negara mereka disebabkan konflik bersenjata atau penganiayaan yang memerlukan perlindungan antarabangsa kerana terlalu bahaya untuk kekal di negara mereka. Golongan ini dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa Konvensyen Pelarian 1951 yang mengiktiraf pelarian dan menggariskan hak asasi yang diberikan kepada mereka.

Prinsip konvensyen adalah pelarian tidak boleh diusir atau dikembalikan kepada situasi kehidupan di bawah ancaman. Mereka sepatutnya diberikan akses kepada perumahan, pekerjaan, faedah kebajikan dan peluang untuk integrasi bersama masyarakat negara tuan rumah. Disebabkan situasi pelarian ini, undang-undang antarabangsa menetapkan kategori pelarian adalah suatu perisytiharan. Hal ini bermakna, mereka mempunyai hak asasi sebagai pelarian sebelum kategori mereka diiktiraf secara rasmi (Amnesty International Jun 2010:5). Perkataan pelarian ini digunakan khusus kepada pelarian yang melarikan diri keluar dari negara asal. Manakala pelarian yang melarikan diri dalam negara dikenali sebagai *Internally displaced persons (IDPs)*.

b) *Internally displaced people (IDPs)*

Perkataan pelarian dalam negara dalam bahasa Arab adalah نازح. Perkataan نازح merupakan kata nama pelaku (*agent*) dari kata kerja kala lampau نَزَحَ, kata kerja kala kini يَنْزَحُ, dan kata terbitan نَزْحٌ/نُزُوحٌ. Menurut kamus al-Munjid (2000), perkataan نازح bermaksud orang yang berpindah keluar dari negaranya dan pendatang. Kata نازحون dalam bentuk jamak merujuk kepada golongan yang dijajah, golongan yang meninggalkan negara mereka untuk tinggal di negara baru di mana mereka membentuk komuniti penting yang mempunyai pengaruh.

Istilah pelarian dalam negara (IDPs) merupakan golongan pelarian yang tidak menyeberangi sempadan untuk mencari perlindungan. Walaupun mereka melarikan diri atas alasan yang sama dengan pelarian lain, IDPs tinggal di negara mereka sendiri dan tetap berada di bawah perlindungan kerajaan. Biar pun mandat asal UNHCR tidak secara khusus melindungi IDPs, UNHCR telah menggunakan kepakarannya untuk melindungi dan membantu golongan ini selama bertahun-tahun (UNHCR, 2015).

c) *Pencari Suaka (Asylum Seeker)*

Perkataan pencari suaka dalam bahasa Arab adalah طَالِبُ جُؤءٍ. Perkataan طَالِبٌ merupakan kata nama pelaku (*agent*) yang berasal dari kata kerja kala lampau طَلَّبَ, kata kerja kala kini يَطْلُبُ, dan kata terbitan الطَّلَبُ yang membawa maksud memohon dan meminta sesuatu.

Istilah pencari suaka merujuk kepada mereka yang memohon pengiktirafan sebagai pelarian di negara lain dan belum ada keputusan dibuat ke atas kategori pelarian mereka (Amnesty International, 2010:5).

d) Pendatang (*migrant/immigrant*)

Perkataan pendatang dalam bahasa Arab adalah مُهَاجِرٌ. Perkataan مُهَاجِرٌ merupakan kata nama pelaku (*agent*) yang berasal dari perkataan kata kerja kala lampau هَاجَرَ, kata kerja kala kini يُهَاجِرُ, dan kata terbitan هِجْرَةٌ / مُهَاجِرَةٌ. Menurut kamus al-Munjid (2000), perkataan مُهَاجِرٌ bermaksud seseorang yang meninggalkan tanah airnya ke negara lain dan menetap di situ, orang asing dan orang yang bermastautin di negara yang dituju. Menurut Kamus Lisanul ‘Arab (2008) dan Kamus Wasit (1990), perkataan مُهَاجِرٌ merujuk kepada mereka yang berhijrah bersama nabi s.a.w ketika peristiwa hijrah. Kajian ini memperlihatkan takrifan perkataan مُهَاجِرٌ dari takrifan yang diberikan kamus al-Munjid.

Istilah pendatang di dalam bahasa Inggeris adalah *migrant* dan *immigrant*. Migran melibatkan pelbagai jenis pergerakan orang dan biasanya boleh dibahagikan kepada orang asing, yang tidak tinggal secara kekal manakala imigran yang masuk ke negara lain dengan niat tinggal secara kekal (Matsaganis, et al., 2011). Jadi, perkataan migran lebih umum berbanding imigran. Perbezaan di antara pendatang dan pelarian ialah penghijrahan pendatang merupakan penghijrahan yang telah dirancang dan merupakan pilihan mereka sendiri (Kyriakides, 2016:5). Golongan pendatang dapat dibahagikan kepada dua golongan utama, pendatang tanpa izin (*illegal immigrant*) dan pendatang ekonomi (*economic migrant*). Pembahagian ini dibuat berdasarkan status mereka di sisi undang-undang negara tuan rumah.

Pendatang tanpa izin adalah mereka yang tinggal di sesebuah negara tanpa mendapat kebenaran. Di sesetengah negara, golongan ini diterima. Golongan yang diterima dikenali sebagai golongan yang tidak mempunyai dokumen yang sah

'undocumented'. Penerimaan ini bukanlah sebagai penerimaan yang sah, namun golongan ini dieksploitasi oleh pihak tertentu demi kepentingan mereka. Sebagai contoh mengambil mereka sebagai pekerja buruh yang tidak memerlukan bayaran gaji yang tinggi serta tiada bayaran pengurusan yang diperlukan. Manakala golongan yang tidak diterima dikenali sebagai pendatang tanpa izin *'illegal immigrants'*. Golongan ini selalunya akan dihantar kembali ke negara asal selepas dikenalpasti dan ditangkap oleh pihak berkuasa. Banyak negara Neoliberal seperti Australia mengambil pendirian yang aktif dalam mengawal pendatang yang memberi keuntungan kepada ekonomi serta menyisihkan pendatang yang tidak memberi keuntungan ekonomi (Lueck et. al., 2015:609).

Pendatang ekonomi, ialah pendatang yang rela meninggalkan rumah atas sebab ekonomi seperti keluar untuk bekerja. Contoh pendatang ekonomi ialah pendatang berkemahiran tinggi di Eropah. Di Eropah, terdapat polisi yang mengalu-alukan kedatangan pendatang berkemahiran tinggi dari negara dunia ketiga *Highly Skilled Thirds Country Nationals* (HS TNCs). Golongan ini akan menerima kad biru (*Blue Card*) bagi membolehkan mereka bekerja dan menetap di sana.

Kesimpulan dari definisi yang diberikan, terdapat perbezaan di antara setiap golongan. Pelarian bukan seorang pendatang. Begitu juga sebaliknya. Pelarian terpaksa keluar dari negara bagi menyelamatkan diri dari ancaman yang dihadapi. Manakala pendatang pula merupakan golongan yang keluar dengan pilihan mereka sendiri untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Malah penggunaan kedua-dua perkataan ini memberi kesan yang berbeza dari aspek penerimaan masyarakat. Pendatang dikenali sebagai *"negative economic migrant"* dan dilihat sebagai golongan yang tidak perlu dibantu.

Manakala pelarian “*positive non-economic*” merupakan mangsa yang berhak dan perlu diberi perlindungan. Pencari suaka pula merupakan golongan pelarian yang berhak mendapat perlindungan daripada 150 buah negara yang menandatangani Konvensyen Pelarian 1951, tetapi sedang menunggu pengesahan status pelarian.

Don (2014) dalam kajiannya mengenai pelarian di Malaysia mendapati golongan pelarian dan pencari suaka kebiasaannya dikategorikan sebagai pendatang haram. Situasi ini telah memberi dua implikasi. Pertamanya, mereka akan dilayan seperti pendatang haram yang lain. Golongan ini terdedah kepada serbuan, penahanan, pengusiran oleh pihak berkuasa dan pegawai imigresen. Keduanya, mereka tidak ditawarkan peluang penempatan dan peluang berintegrasi dengan masyarakat tempatan disebabkan status mereka sebagai pendatang haram.

Walaupun terdapat negara yang tidak menandatangani Konvensyen Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu 1951 berkaitan dengan Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967 seperti Malaysia, negara ini masih terikat dengan undang-undang adat antarabangsa. Justeru, adalah menjadi kewajipan untuk menghormati prinsip *non-refoulement* yang menjadi tunjang kepada perlindungan untuk pelarian. *Non-refoulement* bermaksud seseorang itu tidak boleh dikembalikan ke negara di mana mereka berdepan dengan penindasan atau pelanggaran hak asasi manusia yang lain, dan mereka juga tidak boleh ditolak permohonan masuk ketika berada di sempadan sesebuah negara (Amnesty International Jun 2010:6).

1.2 Permasalahan Kajian

Perang di Syria tidak terlepas daripada unsur propaganda dan *counter-propaganda*. Media AS dan sekutunya (Saudi, Turkiye, Qatar, Israel) seperti CNN dan Al-Jazeera menjaja pelbagai naratif yang memberikan pelbagai justifikasi “*Asad must go*”. Pada masa yang sama media Syria dan penyokongnya (Rusia dan Iran) seperti RT, Sputnik dan Press TV memberi propaganda balas bahawa semua tuduhan terhadap Asad merupakan muslihat untuk menjatuhkan rejimnya (Ayman Rashdan Wong, 2017: 130).

Krisis pelarian telah mendapat perhatian media secara meluas bermula tahun 2015 yang menyaksikan kemuncak krisis ini. Terdapat hubungan yang selari di antara liputan media terhadap isu semasa dan kesannya dalam membentuk pandangan awam mengenainya (Khosravini, 2010). Krisis ini melibatkan bilangan pelarian yang ramai terutamanya pelarian dari Syria dan Iraq yang terlibat dengan konflik peperangan yang berlaku di negara mereka seterusnya melakukan penghijrahan ke Eropah untuk memohon suaka (Tavassoli et. al, 2018). Liputan meluas media terhadap isu ini telah menyebabkan pertambahan kepada wacana anti pendatang/anti pelarian dan sikap yang negatif terhadap golongan ini di negara yang menerima pelarian. Penggunaan kata ‘pendatang’ dan ‘pelarian’ secara bersilih ganti adalah salah satu isu bahasa yang wujud di dalam laporan harian media kerana penyalahgunaan istilah ini berupaya memberikan masalah dan kesan yang negatif kepada golongan pelarian apabila media gagal menggambarkan situasi pelarian dan penderitaan yang dialami golongan ini secara adil. Hal ini boleh mengalih perhatian masyarakat daripada ingin memberikan perlindungan kepada pelarian mengikut undang-undang kepada pengabaian golongan ini dan menjejaskan sokongan masyarakat terhadap mereka. Hal ini kerana media telah memanipulasi istilah ini untuk menyampaikan mesej politik yang

melatari institusi medianya. Pemandang dan pelarian merupakan dua istilah yang berbeza dan memberi kesan dan penerimaan yang berbeza apabila digunakan.

Selain daripada penggunaan istilah pelarian yang digunakan, penggunaan teks luar yang melibatkan pelbagai suara, pelbagai pandangan dari pelbagai pihak digunakan setiap kali laporan berita ditulis. Perkara ini penting untuk dilihat bagi memahami bagaimana laporan berita dihasilkan, disebarkan dan digunakan. Analisis bahasa media secara khususnya boleh mengubah sikap masyarakat dan kerajaan terhadap isu kritikal dan fenomena seperti pelarian dan pemandang (Haider & Olimy, 2018). Analisis ini dapat dibuat melalui analisis dua aspek penting melibatkan aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti yang paling banyak digunakan dalam laporan berita.

Aspek intertekstualiti memperlihatkan penggunaan teks-teks lain dan suara pihak lain bagi menghasilkan laporan berita semasa (Fairclough, 1992a). Oleh itu analisis intertekstualiti adalah analisis untuk mengenal pasti teks lain yang digunakan dalam penghasilan teks laporan berita. Aspek interdiskursiviti pula memperlihatkan jalinan pelbagai jenis wacana, teks dan genre bagi menghasilkan laporan berita semasa (Fairclough, 1992a). Oleh itu, analisis interdiskursiviti adalah analisis untuk mengenal pasti penggunaan pelbagai jenis wacana seperti wacana laporan, promosi, penerangan, cerita dan sebagainya mengikut kebiasaan atau sebaliknya. Analisis interdiskursiviti juga berupaya mengenal pasti siapakah yang menghasilkan wacana atau dalam erti kata lain siapa yang ada di belakangnya dan tujuan wacana ini dihasilkan. Dua aspek ini memainkan peranan penting dalam pembentukan representasi pelarian di dalam berita. Hal ini kerana penggunaan teks luar dan pelbagai bentuk teks yang digunakan akan memperlihatkan


kecenderungan laporan berita yang disampaikan mengenai pelarian. Laporan berita yang disampaikan menggunakan suara Eropah mempunyai kecenderungan memihak dan menyokong tindakan Eropah umpamanya. Hal ini secara tidak langsung akan memperlihatkan amalan sosial yang digunakan dalam laporan berita.

Analisis amalan sosial yang tersirat di sebalik wacana merupakan analisis yang dibuat bagi melihat mesej sebenar yang ingin disampaikan secara tidak langsung mempengaruhi tindakan, fikiran dan kefahaman pembaca/pendengar, pembuat dasar, pihak yang berkepentingan yang mempunyai perkaitan dengan wacana tersebut (Fairclough, 1989, 1992a). Perkara ini memperlihatkan kepentingan bahasa dalam domain tertentu. Sebagai contoh bahasa dimanfaatkan dalam ekonomi sebagai slogan terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Manakala bahasa dalam politik memperlihatkan bagaimana bahasa digunakan ahli politik untuk mengutarakan ideologi diri dan parti bagi mengekalkan kuasa. Analisis amalan sosial wacana memperlihatkan hubungan dialektikal (timbal balas) antara amalan diskursif (amalan wacana) dengan struktur sosial, institusi dan situasi yang melatarinya (Fairclough, 1989). Hubungan dialektikal ini memperlihatkan hubungan timbal balas pengaruh antara struktur sosial, institusi dan situasi masyarakat terhadap pembentukan wacana dan pengaruh wacana terhadap perubahan struktur sosial, institusi dan situasi masyarakat di luar wacana. Sebagai contoh isu pelarian. Isu pelarian yang dibincangkan melalui laporan berita berupaya mempengaruhi tindakan pihak berkepentingan/pihak yang berkuasa terhadap isu yang dibincangkan di dalam wacana di alam nyata.

Ramai rakyat Syria telah keluar dari negara mereka bagi mendapatkan perlindungan pihak luar. Namun, dalam usaha mereka mencari perlindungan luar, mereka masih lagi terdedah dengan bahaya tatkala keluar melalui jalan yang tidak sepatutnya. Beberapa peristiwa bot karam telah berlaku melibatkan pelarian Syria. Umpamanya peristiwa yang berlaku pada Ogos 2015 di perairan Mediterranean apabila sebuah bot nelayan yang usang membawa kira-kira 700 orang pelarian. Kebanyakan pelarian berasal dari Syria. Malangnya, bot nelayan tersebut karam dan menyebabkan lebih dari 200 jiwa terkorban.

Peristiwa ini telah menarik perhatian dunia terutama peristiwa kematian Alan Kurdi yang terdampar di pantai Turkiye pada 2 September 2015. Menurut laporan *The Guardian* pada 9 November 2015, akhbar di Eropah Barat dilihat lebih bersimpati terhadap pendatang dan pelarian sejurus selepas penyiaran gambar jasad tidak bermaya Alan Kurdi di pantai Turkiye. Krisis pelarian ini telah menimbulkan gelombang simpati dunia terhadap golongan ini apabila semua media seluruh dunia menyiarkan gambar Alan Kurdi (Tavassoli et. al, 2018). Peristiwa ini juga telah menyumbang kepada penerimaan 25,000 orang pelarian Syria di Canada. Rajah 1.1 yang diperoleh melalui Oxfamgbpress menunjukkan pengaruh kematian Alan Kurdi terhadap isu pelarian dan pendatang di *twitter*. Pengaruh kematian Alan Kurdi telah membuka mata pelbagai pihak dan krisis ini mula diberikan perhatian.

MENTIONS OF REFUGEES AND MIGRANTS ON TWITTER



Rajah 1.1: Pengaruh Kematian Alan Kurdi Terhadap Isu Pelarian Di Media Sosial

Sumber:Oxfam dan Pular,

<https://twitter.com/oxfamgbpress/status/771630773925392384/photo/1>

Bertitik tolak dengan peristiwa yang berlaku di Syria, pelbagai respon dan reaksi dari seluruh dunia dapat dilihat hasil daripada liputan yang diberikan pihak media. Menurut Fairclough (1995), media berkuasa mempengaruhi ilmu pengetahuan, kepercayaan, nilai, hubungan sosial dan identiti sosial seseorang. Media memainkan peranan penting dalam mendidik kesedaran masyarakat terhadap sesuatu isu. Analisis bahasa media sepatutnya menjadi unsur penting dalam penyelidikan mengenai proses perubahan sosial dan budaya yang menjadi minat pengkaji masa kini. Hal ini kerana, menurut Fairclough (1995) dengan menganalisis media kita dapat mengetahui tiga perkara utama iaitu bagaimana dunia ditonjolkan, apakah kumpulan atau identiti masyarakat yang cuba ditonjolkan dan apakah hubungan sosial yang terlibat.

Kajian mengenai representasi pelarian dalam media sentiasa giat dijalankan kerana isu pelarian ini dilihat tiada titik noktahnya. Mereka sering digambarkan sama ada melalui cerita kesedihan mereka atau sebagai golongan yang mengancam negara tuan rumah (*host country*). Beberapa stereotaip mengenai pelarian dapat dilihat dalam gambaran media iaitu: terlibat dengan jenayah, berstatus haram, sebagai ancaman kepada identiti negara dan ekonomi (Hanyes et. al, 2004). Kajian representasi pelarian secara umum di dalam akhbar telah banyak dilakukan. Kebanyakan kajian menunjukkan representasi yang negatif seperti kajian Coole (2002), Mollard (2001) dan Esses et. al (2013), Abid et. al (2017) dan Tavassoli et. al (2018).

Jika dilihat, kebanyakan kajian yang telah dibuat melibatkan pelarian dari negara dan bangsa yang berlainan. Namun begitu, kajian ini dibuat bagi memberikan gambaran yang lebih jelas bagaimana representasi pelarian Syria dipaparkan dalam artikel berita *al-Jazeera Arabic* (AJA) selaku wakil kepada bangsa Arab. Kajian ini juga akan melihat representasi yang disampaikan dalam artikel berita *Britain Broadcasting Corporation Arabic* BBCA selaku wakil masyarakat luar. Hal ini kerana, kebanyakan laporan yang disampaikan al-Jazeera sering menggambarkan kesengsaraan yang dihadapi oleh pelarian. Golongan ini dilihat tidak mendapat pembelaan yang sepatutnya. Dapatan awal mendapati Al-Jazeera selaku media Arab yang paling penting seolah-olah lebih cenderung membawa mesej pembelaan kepada pihak pelarian.

Kajian ini melihat cara kedua-dua laman berita memaparkan representasi pelarian Syria dalam artikel berita mereka melalui analisis bahasa yang menggunakan analisis ilmu Ma‘ānī kerana melibatkan teks bahasa Arab. Di samping itu, kajian ini akan meneliti

aspek penyampaian suara dalam bahasa yang digunakan di samping sikap yang diambil pewacana ketika melaporkan suara pelarian. Analisis intertekstualiti dan analisis interdiskursiviti digunakan bagi melihat bagaimana penyampaian suara dan pelbagai genre teks digabung jalinkan dan digunakan dalam laporan berita pelarian tersebut. Hal ini penting bagi menampakkan penilaian dan pendirian pewacana ketika melaporkan berita dan seterusnya mempengaruhi pembaca melalui berita yang disampaikan. Penilaian dan pendirian pewacana dilihat melalui amalan sosial yang melatari laporan berita. Analisa amalan sosial ini bertujuan untuk melihat apakah perspektif masyarakat Arab terhadap pelarian Arab Syria dan bagaimana wacana berita mempengaruhi masyarakat.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini ingin melihat gambaran yang diberikan al-Jazeera dan BBC terhadap pelarian Syria. Gambaran ini dilihat melalui objektif kajian ini secara rinci iaitu:

1. Mengenalpasti cara representasi pelarian Syria dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC.
2. Menganalisis aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti dalam berita mengenai pelarian Syria dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC.
3. Menjelaskan amalan sosial yang disampaikan melalui laporan berita al-Jazeera dan BBC.

1.4 Soalan Kajian

Objektif kajian ini akan dicapai dengan menjawab soalan-soalan berikut:

- Apakah representasi yang digunakan untuk menggambarkan pelarian Syria dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC?
- Bagaimana aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti menyumbang kepada representasi pelarian Syria?
- Bagaimana amalan sosial mempengaruhi cara representasi pelarian Syria dalam kedua-dua akhbar?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat penting bagi menambah kajian dan ilmu pengetahuan di dalam dua bidang utama iaitu analisis wacana bahasa Arab dan kajian bahasa media. Kajian ini akan mengisi jurang kajian sedia ada yang tertumpu kepada tiga aspek; a) Kajian sedia ada melibatkan kajian mengenai pelarian dari bangsa yang berlainan, b) Kajian sedia ada melibatkan data kajian berbahasa Inggeris; c) Kajian analisis wacana menggunakan data bahasa Arab dengan gabungan Model Tiga Dimensi Fairclough dan ilmu Balaghah tertumpu kepada teks ucapan dan teks agama. Aspek-aspek ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut selepas ini.

- a) Kajian sedia ada melibatkan kajian mengenai pelarian dari bangsa yang berlainan.

Analisis wacana bahasa Arab berupaya memperlihatkan perspektif dan sikap yang diambil bangsa Arab terhadap isu bangsa Arab. Kebanyakan kajian sedia ada membincangkan perspektif masyarakat barat apabila menggunakan sumber data dari media barat terhadap

isu pelarian Syria yang berbangsa Arab. Kajian ini melihat isu ini dari kaca mata bangsa Arab melalui analisis teks bahasa Arab dalam al-Jazeera serta kaca mata masyarakat luar yang diwakili oleh BBC.

Kajian ini juga membuka ruang kepada pengkaji untuk melihat aspek kepentingan bahasa dan kuasa yang dibawa oleh media dalam isu kemanusiaan sebagai isu yang perlu diberi perhatian. Melalui kajian ini, kita dapat melihat bagaimana pembinaan identiti (*social construct*) pelarian telah diperkenalkan kepada masyarakat luar melalui bahasa yang digunakan dalam laporan berita. Setiap yang disampaikan media, berupaya mempengaruhi pembaca untuk menerima dan bersetuju dengan isu yang dibincangkan. Walaupun terdapat perbezaan antara gambaran yang dilaporkan media dengan apa yang berlaku di dunia realiti. Melalui kuasa yang dimiliki pihak media, pelarian dikenali dengan identiti pelarian yang ditonjolkan dalam laporan berita.

Perbincangan bahasa dan kuasa banyak dibincangkan oleh Fairclough dalam buku beliau *Language dan Power* (2001). Beliau membincangkan bagaimana bahasa berperanan mengekalkan hubungan kuasa atau mengubahnya dalam masyarakat. Hal ini bergantung kepada kepekaan masyarakat terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Kepekaan ini adalah tindakan awal yang boleh dibuat untuk mengubah hubungan kuasa yang sedia ada.

Analisis wacana media juga penting untuk dianalisis kerana hubungan kuasa yang berlaku adalah tidak jelas dan terdapat kuasa yang tersembunyi di sebalik wacana yang ditulis pewacana. Wacana media bersifat satu hala dari pewacana kepada pembaca. Sumber media merupakan satu produk yang dihasilkan pengeluar kepada pengguna yang tidak diketahui. Menurut Fairclough (2001), pengeluar mempunyai kuasa ke atas

pengguna. Mereka berhak menentukan bagaimana produk itu dihasilkan dengan menetapkan informasi apa yang hendak dimasukkan dan informasi apa yang perlu dibuang. Mereka berhak menentukan bagaimana sesuatu peristiwa berita disampaikan. Mereka berhak menentukan dari perspektif mana mereka ingin melaporkan sama ada sebagai orang atasan atau orang bawahan. Mereka juga berhak menentukan sumber mana yang ingin diambil yang biasanya tidak mewakili semua kumpulan sosial. Mereka juga berhak menentukan siapakah subjek ideal yang perlu diketengahkan dan sebaliknya. Perkara-perkara ini penting bagi memperlihatkan peranan media dalam pembinaan kepercayaan masyarakat dalam sesuatu isu.

Kajian ini juga penting kerana mengenengahkan isu pelarian Syria secara khusus dan isu pelarian secara umum. Melalui analisis bahasa laporan berita berbahasa Arab mengenai pelarian kita berupaya mendapat gambaran umum tentang pendirian masyarakat Arab terhadap isu ini sebelum kita melihat secara terus kepada isu pelarian, yang perlu mengambil kira latar belakang peristiwa yang menyebabkan isu pelarian berlaku.

b) Kajian sedia ada melibatkan data kajian berbahasa Inggeris.

Kebanyakan kajian representasi pelarian sedia ada membincangkan perspektif masyarakat barat apabila menggunakan sumber data berbahasa Inggeris dari media barat terhadap isu pelarian yang melibatkan pelarian berbangsa Arab seperti pelarian Syria dan pelarian Palestin. Kajian ini juga melihat kepentingan analisis wacana perang di Timur Tengah dalam mengenengahkan isu kemanusiaan sejagat kepada masyarakat. Peperangan boleh berlaku di mana-mana tempat. Jadi, penting bagi masyarakat untuk mengambil tahu tentang politik antarabangsa. Pemimpin yang bijak memainkan peranan dalam politik

antarabangsa melalui dasar luar yang ditetapkan dan melalui keupayaan mengurus konflik antarabangsa berupaya menjaga keamanan rakyat dan negara yang dipimpinnya. Politik di tempat kerja, politik dalam perhubungan antara manusia merupakan cerminan ringkas kepada politik antara negara di peringkat yang lebih tinggi. Setiap pihak ada kepentingan dan keperluan yang ingin dipenuhi dan perlu dijaga. Bagi menjamin kelangsungan hidup sesebuah negara bangsa, perlu ada imbangan kuasa antara kuasa-kuasa besar untuk memelihara kepentingan negara. Seperti yang kita dapat lihat, hanya negara yang memiliki kuasa yang boleh bertahan dalam dunia yang terdedah kepada kezaliman dan penindasan kuasa-kuasa besar.

Kajian seperti ini berupaya membuka mata masyarakat untuk menilai terlebih dahulu segala maklumat yang diperolehi di media sosial dan tidak menerimanya secara membuta tuli. Hal ini penting kerana bukan sahaja maklumat yang diperolehi mudah untuk diakses malah maklumat juga mudah tersebar dan mudah dikongsikan kepada pihak lain. Semua maklumat mengenai Syria kita tahu melalui media sama ada media yang menyokong Asad atau yang menentang Asad. Kita tidak tahu kebenaran isu ini kerana kita tidak berada di situ. Perkara ini perlu diteliti menggunakan sumber-sumber lain yang boleh membantu kita memahami isu ini.

c) Kajian analisis wacana menggunakan data bahasa Arab dengan gabungan Model Tiga Dimensi Fairclough dan ilmu balaghah tertumpu kepada teks ucapan dan teks agama.

Analisis wacana yang bersifat interdisiplin membuka ruang gabungan pelbagai bidang dalam kajian yang dibuat. Dalam kajian ini pendekatan analisis wacana diintegrasikan dengan analisis ilmu balaghah bahasa Arab bagi menganalisis data berbahasa Arab di

dalam teks berita. Hal ini akan memperlihatkan keunikan ilmu balaghah yang menjangkau analisis sintaksis, malah melibatkan analisis semantik dan pragmatik.

Kajian sedia ada tertumpu kepada analisis ilmu balaghah di dalam teks agama seperti khutbah, hadis dan al-Quran. Analisis wacana bahasa Arab menggunakan ilmu balaghah bahasa Arab dilihat berupaya mengenengahkan keunikan bahasa Arab secara umum dan ilmu balaghah secara khusus. Hal ini kerana, balaghah dibincangkan pada tahap analisis wacana dan ia berkait rapat dengan analisis teks (Mohd Zaki dan Che Radiah, 2013).

Ilmu balaghah bahasa Arab terbahagi kepada tiga cabang utama merangkumi ilmu *Bayān*, ilmu *Badī'* dan ilmu *Ma'ānī*. Ilmu *Ma'ānī* membincangkan struktur ungkapan dan maknanya dengan menjadikan aspek tatabahasa sebagai fokus utama dalam menganalisis ayat. Manakala ilmu *Bayān* membincangkan kepelbagaian ungkapan menggunakan bahasa kiasan dan perumpamaan dalam menjelaskan suatu idea. Ilmu *Badī'* pula membincangkan penggunaan pelbagai gaya bahasa dalam memperindahkan sesuatu ungkapan dari segi luaran dan dalaman.

Kajian ini akan menggunakan ilmu *Ma'ānī* bagi menganalisis penggunaan kosa kata dan makna serta struktur ayat bahasa Arab pada peringkat analisis teks. Ciri bahasa Arab yang melibatkan bentuk perkataan yang berderivasi, sistem ayat, sistem tatabahasa dan seterusnya aspek makna memerlukan alat analisis yang sesuai. Hal ini demikian kerana bahasa Arab merupakan bahasa fleksi dan mempunyai ciri yang kompleks (Mohd. Zaki & Che Radiah Mezah, 2016:81). Analisis menggunakan ilmu *Ma'ānī* menghasilkan dua pengaruh utama. Pengaruh pertama, menerangkan kemestian wujudnya kesesuaian ayat

dengan konteks pendengar dan tempat yang melatarinya. Makna-makna yang dapat difahami daripada ayat atau percakapan itu dikenali atau difahami melalui petunjuk-petunjuk tertentu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, mana-mana percakapan tidak akan sampai maksudnya sehinggalah sesuai dengan konteksnya serta sesuai pula dengan tahap pendengar atau pembaca. Pengaruh kedua ialah membahaskan makna (hakiki atau bukan hakiki) yang dibentuk oleh unsur-unsur bahasa (yang terdapat dalam struktur bahasa dan bentuk susunan ayat). Perkara ini dapat dilihat melalui pelbagai bentuk dan gaya bahasa yang digunakan di dalam teks.

Kesimpulannya, kajian analisis wacana penting bagi mendapatkan gambaran keseluruhan proses penghasilan sesuatu teks seterusnya menghasilkan sebuah produk yang membincangkan sesuatu isu yang berlaku. Perkara ini membezakan antara wacana dan teks. Fairclough di dalam buku beliau *Language dan Power* (1989) menjelaskan bahawa teks merupakan produk yang dihasilkan melalui proses penghasilan teks. Wacana ialah keseluruhan proses interaksi sosial yang mana teks merupakan sebahagian dari proses tersebut. Proses ini melibatkan proses penghasilan dan proses interpretasi. Teks merupakan produk kepada proses penghasilan, manakala dalam proses interpretasi, teks adalah sumbernya. Hal ini menjelaskan bahawa analisis teks hanya sebahagian dari analisis wacana yang merangkumi proses penghasilan dan proses interpretasi. Fairclough (2003) juga menjelaskan bahawa teks dilihat sebagai sebahagian daripada peristiwa sosial. Hal ini kerana antara cara manusia berinteraksi ialah dengan cara bertutur atau menulis. Sebahagian peristiwa sosial mempunyai ciri tekstual seperti kelas di universiti yang melibatkan apa yang disampaikan oleh pensyarah seperti nota. Manakala sebahagian

peristiwa sosial tidak melibatkan ciri tekstual secara menyeluruh seperti perlawanan bola sepak yang hanya melibatkan percakapan pemain ketika meminta bola.

Secara ringkasnya, teks ialah segala jenis contoh penggunaan bahasa seperti surat khabar, transkripsi pertuturan dan temubual program televisyen (sama ada secara bertulis dan bercetak). Manakala wacana merupakan proses yang lebih luas yang mencakupi proses interpretasi. Malah Fairclough (1992a) melihat wacana itu sendiri sebagai praktis sosial. Melalui analisis wacana, terdapat 3 perkara yang dapat dihasilkan dan dibentuk iaitu ; a) identiti sosial, b) hubungan sosial antara manusia, c) ilmu pengetahuan dan sistem kepercayaan. Analisis ini berupaya memperlihatkan gambaran yang lebih jelas terhadap sesuatu isu yang dibincangkan dari pelbagai perspektif.

Perspektif agama melihat isu ini berlaku sebagai pertikaian antara Sunni dan Syiah. Kaca mata politik pula melihat isu ini sebagai isu politik yang bermula dari isu politik dalaman negara Syria serta campur tangan kuasa asing. Setiap negara ingin mempertahankan negara masing-masing dengan menjalin hubungan yang baik dengan negara yang berkepentingan dan menjalin hubungan sebaliknya dengan negara yang tidak berkepentingan. Perspektif hak asasi manusia melihat isu ini perlu diselesaikan dengan cara yang sepatutnya agar golongan pelarian yang merupakan mangsa dari isu peperangan yang berlaku diberikan hak yang sewajarnya sebagai pelarian. Perspektif kemanusiaan pula berupaya menarik perhatian masyarakat untuk membantu apa yang termampu sebagai tanda sokongan kepada golongan pelarian yang dianggap lemah dan tidak berdaya. Manakala perspektif undang-undang melihat isu ini sebagai pertikaian yang berlaku di antara negara yang terlibat dan perlu kepada penyelesaian di peringkat akar umbi

bagi menyelesaikan masalah peperangan yang berlaku sebelum memberikan solusi kepada isu pelarian yang timbul.

Selain itu, analisis wacana media kemanusiaan juga dilihat penting bagi mengembalikan jati diri masyarakat sebagai manusia yang memiliki rasa kemanusiaan yang tinggi di dalam dunia baru tanpa sempadan. Dunia baru yang mencabar ini dipenuhi dengan isu kemanusiaan seperti peperangan, pembunuhan, isu penindasan antara kelas sosial yang lebih tinggi dan lebih rendah, isu penyalahgunaan informasi yang mengakibatkan perpecahan berlaku di antara masyarakat. Kebanyakan perkara yang berlaku ini berada di luar pengawasan dan kawalan manusia. Perkara ini tidak dapat dikawal dan dibendung lagi kerana masyarakat terdedah dengan akses internet yang mudah dan pemindahan informasi yang laju melalui media sosial. Malah, laporan berita di dalam talian lebih mudah diakses berbanding laporan berita secara bercetak.

Oleh itu, wacana kemanusiaan seperti isu pelarian penting untuk dianalisis dan diketengahkan bagi membina kembali jati diri manusia yang cakna dengan isu semasa khususnya isu kemanusiaan terutamanya melalui penggunaan bahasa yang digunakan. Kajian wacana kemanusiaan sedia ada tertumpu kepada kajian di bidang undang-undang antarabangsa, kajian polisi dan kajian sains politik. Kajian ini secara tidak langsung berupaya memberikan pengetahuan dan kepekaan masyarakat terhadap isu yang diketengahkan melalui penggunaan bahasa yang disampaikan. Secara tidak langsung memberikan pembelaan kepada golongan yang tertindas dan lemah melalui kempen kemanusiaan dan sebagainya. Masyarakat perlu dididik dengan jiwa kemanusiaan agar

masyarakat yang ada sekarang berupaya memimpin negara dengan lebih baik sebagai pemimpin di masa hadapan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada empat aspek utama melibatkan data kajian, analisis data, sumber data dan metodologi. Perinciannya adalah seperti berikut:

a) Data kajian

Artikel berita yang dipilih dalam kajian ini hanya melibatkan artikel berita mengenai pelarian Syria yang diterbitkan secara dalam talian selama dua tahun (2014 - 2015) di dalam kedua-dua laman berita AJA dan selama tiga tahun (2014-2016) di dalam laman berita BBKA. Pengumpulan data BBKA dipanjangkan sehingga tiga tahun berikutan kekurangan data yang ada. Analisis hanya tertumpu kepada teks tulisan berita tidak termasuk gambar, audio dan video. Jumlah data yang dijadikan sampel kajian adalah melibatkan 100 artikel yang disaring dan dibaca yang diwakili 50 artikel al-Jazeera dan 50 dari BBC. Artikel ini kemudiannya dibaca dan disaring dari aspek kandungannya yang dikhususkan kepada berita kesengsaraan yang dialami pelarian. Perkara ini penting bagi memperlihatkan perbezaan kedua-dua laman berita melaporkan kandungan yang sama tetapi berlainan dari aspek penyampaian berikutan perbezaan organisasi yang diwakilinya.

b) Analisis data

Aspek yang dianalisis adalah tertumpu kepada analisis teks, analisis intertekstualiti dan analisis interdiskursiviti dan analisis amalan sosial yang melatari laporan berita tersebut. Bagi peringkat teks, ia melibatkan analisis aspek bahasa menggunakan alatan korpus (*Antconc*) dan ilmu Ma'ānī. Bagi peringkat amalan wacana, analisis akan dibahagikan

kepada dua bahagian utama. Pertama, analisis amalan wacana melibatkan aspek intertekstualiti. Kedua, analisis amalan wacana melibatkan interdiskursiviti serta strategi laporan lain yang digunakan. Melalui analisis teks dan analisis amalan wacana, pengkaji akan menjelaskan amalan sosial yang melatari laporan kedua-dua laman berita.


3) Sumber data

Data yang dipilih merupakan artikel berita bahasa Arab yang diambil melalui laman web berita al-Jazeera dan BBC. Bagi al-Jazeera, data diperoleh melalui laman web <http://www.aljazeera.net/portal>. Manakala BBC diperoleh dari laman web <http://www.bbc.com/arabic>. Al-Jazeera dan BBC dipilih kerana kedua-duanya merupakan media berita utama yang melaporkan berita dalam bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Al-Jazeera selaku wakil bangsa Arab kerana dimiliki oleh negara Arab iaitu Qatar, manakala BBC pula mewakili bangsa selain Arab tetapi menyampaikan berita di dalam bahasa Arab dan dimiliki oleh negara Eropah yang terlibat dengan isu pelarian. Eropah merupakan negara yang dituju pelarian setelah peperangan berlaku. Al-Jazeera dipilih kerana ia dilihat sebagai saluran berita Arab yang paling banyak ditonton. Pada mulanya, ia dilancarkan sebagai sebuah rangkaian berita bahasa Arab dan saluran hal ehwal semasa. Namun kemudiannya berkembang menjadi rangkaian yang besar melibatkan beberapa cawangan pusat penyiaran di banyak negara seluruh dunia (Shreim, 2008:79). Al-Jazeera juga menyampaikan berita dari perspektif bangsa Arab (el-Nawawy, 2003; el-Nawawy dan Iskandar, 2002; Johnson dan Fahmy, 2008). Pemilihan BBC Arab pula dibuat berdasarkan kejayaannya sebagai saluran berita asing bahasa Arab yang berjaya. BBC Arab adalah rangkaian baru yang dibiayai oleh kerajaan Britain yang dilancarkan perkhidmatannya oleh *BBC World* pada Mac 2008. Ia merupakan saluran BBC pertama dalam bahasa asing yang dibiayai secara awam. Ini merupakan percubaan kedua BBC dalam pasaran Timur Tengah

selepas ia gagal pada tahun 1996 dalam perselisihan dengan keluarga diraja Arab Saudi (Shreim, 2008:79).

4) Metodologi

Analisis data dalam kajian ini akan dilaksanakan mengikut pendekatan Model Tiga Dimensi *Critical Discourse Analysis* (CDA) yang dipelopori oleh Norman Fairclough (1992a) dengan diintegrasikan bersama kaedah dan prinsip khusus ilmu balaghah bahasa Arab menggunakan Ilmu *Ma'ānī*. Secara ringkasnya kajian ini akan menggunakan kerangka konseptual kajian berikut:



Rajah 1.2: Kerangka Awal Konseptual Kajian

1.7 Rangka Kajian

Kajian ini melibatkan tujuh bab utama iaitu:

Bab 1: Membincangkan pengenalan mengenai keseluruhan kajian. Ia melibatkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, serta batasan kajian.

Bab 2: Membincangkan kajian lampau yang telah dibuat berkaitan representasi pelarian, analisis wacana, analisis wacana kritikal, Model Tiga Dimensi Fairclough dan Ilmu Balaghah.

Bab 3: Membincangkan pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu melibatkan Model Tiga Dimensi Fairclough (1992a) dan ilmu balaghah.

Bab 4, 5 dan 6: Membincangkan analisis data yang akan dibahagikan kepada tiga bab utama berdasarkan objektif kajian:

Bab 4: Membincangkan analisis tekstual yang memfokuskan kepada analisis penggunaan bahasa dan tatabahasa.

Bab 5: Membincangkan analisis amalan wacana (intertekstualiti dan interdiskursiviti) yang terdapat dalam berita pelarian.

Bab 6: Memaparkan analisis amalan sosial (analisis makrostruktur) dalam kedua-dua laman berita.

Bab 7: Bab terakhir ini akan membicarakan kesimpulan kajian. Bab ini merupakan bab rumusan kajian yang melibatkan perbincangan dapatan utama, sumbangan kajian dan cadangan kajian akan datang.

1.8 Kesimpulan

Bab ini merupakan bab pengenalan keseluruhan kajian ini. Bab ini telah menjelaskan gambaran keseluruhan perjalanan kajian ini, bermula dengan latar belakang krisis Syria yang telah menyebabkan krisis pelarian Syria. Selain itu, penerimaan masyarakat terhadap pelarian bergantung kepada perkataan yang digunakan kepada mereka. Oleh itu penting untuk dijelaskan definisi perkataan pelarian yang pelbagai dan yang sering digunakan merangkumi perkataan pelarian, pencari suaka, pelarian dalam negara (IDPs) dan pendatang. Bab ini juga membincangkan permasalahan kajian, objektif kajian yang menjadi landasan kepada soalan kajian dan mendorong kepada kepentingan kajian ini dilakukan. Kajian ini dilihat berupaya memberi sumbangan kepada beberapa bidang utama iaitu analisis wacana secara umum dan analisis wacana media dan wacana kemanusiaan secara khusus. Perbincangan bab ini diteruskan dengan penjelasan mengenai batasan kajian yang memberi penumpuan kepada aspek data kajian, analisis data, sumber data dan metodologi yang digunakan. Kajian ini akan diteruskan dengan melihat konsep utama yang terlibat dalam kajian serta dapatan kajian terdahulu dalam bidang yang berkaitan pada Bab 2.

BAB 2

ANALISIS WACANA DAN ANALISIS WACANA KRITIKAL

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kajian lepas yang telah dijalankan menggunakan analisis wacana, analisis wacana kritikal dan ilmu balaghah. Bab ini juga akan memperkenalkan konsep dan topik utama di bawah kajian analisis wacana dan ilmu balaghah yang akan digunakan dalam kajian ini. Ia akan dimulakan dengan penerangan mengenai analisis wacana dan analisis wacana kritikal pada bahagian 2.1, analisis wacana dan Model Tiga Dimensi Fairclough pada bahagian 2.2. Diikuti latar belakang ilmu Balaghah pada bahagian 2.3 sehingga 2.5. Jurang kajian yang membolehkan kajian ini dibuat akan dijelaskan pada bahagian 2.7. Akhir sekali, bab ini akan disimpulkan pada bahagian 2.9.

2.1 Analisis Wacana dan Analisis Wacana kritikal

Analisis wacana (AW) dan analisis wacana kritikal (AWK) merupakan pendekatan kajian yang menjadikan wacana sebagai bahan utama. Namun kedua-duanya mempunyai perbezaan dari segi tujuan, teori dan pendekatan yang digunakan. Kita akan melihat bagaimana perkembangan kajian analisis wacana dan analisis wacana kritikal dalam perbincangan selepas ini.

2.1.1 Analisis Wacana

Wacana adalah bahan sedia ada dan bahan sedia guna yang tepat dan asli untuk dijadikan data kajian bagi memahami bahasa penggunaan sebenar, sama ada lisan atau tulisan bercetak atau dalam talian (*online*), seperti buku, berita, naratif, resepi, iklan, notis, arahan, risalah, manifesto, wawancara, ucapan, artikel, rencana, surat, dokumen rasmi, laman web,

wacana tempat kerja, mesyuarat, perbicaraan, dan sebagainya (Idris Aman dan Kamila Ghazali, 2016). Analisis wacana ialah kajian tentang bahasa yang memanfaatkan bahasa yang benar-benar digunakan dan menyelidiki untuk apa bahasa digunakan (Tannen, 1989) dalam Idris Aman (2014).

Idris Aman (2014) juga menjelaskan AW boleh menghurai dan menjelaskan ‘dunia bahasa’ (sistem bahasa dan penggunaannya) dan boleh juga menghurai dan menjelaskan tentang ‘dunia nyata’ (sistem kehidupan sosial manusia seperti ekonomi, politik dan sosiobudaya). Fairclough (2003) melihat teks sebagai sebahagian peristiwa sosial (*social events*). Salah satu cara manusia berinteraksi dan bertindak dalam peristiwa sosial ialah dengan cara bertutur atau menulis. Wacana bagi Fairclough (1992a) adalah satu bentuk praktis sosial terhadap dunia dan masyarakat serta mempunyai hubungan dua hala dengan struktur sosial yang terlibat.

Perkembangan kajian analisis wacana boleh dilihat kepada aspek pendekatan dan matlamat analisis yang dilakukan. Matlamat analisis wacana boleh dilihat dari sudut deskriptif dan kritikal (Idris Aman, 2014) melalui pendekatan kritikal dan bukan kritikal (Fairclough, 1992a). Secara umumnya, kajian bahasa adalah berbentuk deskriptif kerana melibatkan analisis secara huraian pada peringkat permulaan. Peringkat analisis wacana melibatkan 3 pendekatan analisis bermula dari analisis teks (berorientasikan deskriptif), diikuti analisis amalan wacana (berorientasikan interpretatif) seterusnya analisis sosiobudaya (berorientasikan kritikal). Ketiga-tiga pendekatan ini menurut Idris Aman (2014) boleh dilaksanakan secara terpisah atau gabungan tertakluk pada tujuan masing-masing.

Kajian analisis wacana terdahulu tertumpu kepada analisis wacana berbentuk deskriptif melibatkan wacana pertuturan (seperti Goffman, 1981; Sacks, Schegloff dan Jefferson 1974; Labov dan Waletzky 1967) dan mengkaji bahasa di dalam konteks dan situasi (seperti Sinclair & Coulthard 1975; Labove & Fanshel, 1977) dan juga melibatkan wacana tulisan dan tertumpu kepada analisis tatabahasa seperti Halliday & Hassan (1976) yang mengkaji aspek kohesi di dalam bahasa.

Kajian Fotopoulos dan Kaimaklioti (2016) telah menggunakan gabungan metodologi seperti korpus linguistik dan analisis wacana di dalam kajian mereka mengenai pelarian. Kajian ini mengkaji bagaimana media Yunani, Jerman dan Britain melaporkan isu krisis pelarian di Eropah antara 20 Mac 2016 sehingga 31 Mei 2016. Sebanyak 1340 artikel telah dikaji dan mendapati kebanyakan akhbar menggambarkan representasi pelarian dalam bentuk nombor yang memfokuskan kepada aspek pengurusan krisis pelarian dan isu pelarian kanak-kanak. Kajian analisis wacana kini dilihat telah beralih menggunakan pendekatan interpretatif dan kritikal (seperti kajian Kirkwood, 2017; Goodman & Kirkwood, 2019; Zheni, 2019) dan lebih dikenali dengan nama analisis wacana kritikal (*Critical Discourse Analysis*).

2.1.1.1 Analisis Wacana dan Pendekatan Model Tiga Dimensi Fairclough


Pendekatan analisis wacana Fairclough bertujuan untuk membuat penambahbaikan kajian lampau yang dibuat oleh ahli teori sosial sama ada lebih cenderung untuk mengkaji sosial tanpa mengkaji bahasa atau lebih cenderung menganalisis bahasa dalam teks tetapi tidak melihat kepada isu-isu sosial (Fairclough 1992a, 1995, 2003). Beliau berpandangan kajian sosial mesti dibatasi oleh kedua-duanya iaitu mengkaji sosial di samping melihat apakah

kesan bahasa yang digunakan. Hal ini kerana bahasa merupakan sebahagian daripada kehidupan sosial. Fairclough (2003) menjelaskan hubungan wacana dengan praktis sosial dapat dilihat melalui perbezaan kelas sosial, konteks situasi, konteks institusi dan konteks budaya. Model yang dibuat oleh Fairclough ini merupakan model AWK yang mengaplikasikan secara serentak analisis wacana yang berteraskan analisis linguistik dan sosial.

Fairclough (1989, 1992a, 1995, 2003) melihat wacana atau penggunaan bahasa sebagai praktis sosial berbanding amalan individu atau tindak balas yang berlaku kesan daripada pengaruh konteks situasi. Wacana sebagai praktis sosial menjelaskan dua kesan penting (Fairclough, 1992a). Pertama, wacana merupakan satu bentuk aksi atau tindak balas masyarakat terhadap dunia terutamanya tindak balas sesama anggota masyarakat. Kedua, terdapat hubungan dua hala (*dialectical*) antara wacana dan struktur sosial. Hal ini bermaksud, bentuk sesuatu wacana dipengaruhi struktur sosial yang melatarinya disebabkan faktor-faktor seperti kelas, status, umur, kumpulan etnik, dan jantina; wacana juga membentuk dan mempengaruhi masyarakat yang menggunakannya. Wacana menyumbang kepada pembentukan tiga perkara yang juga merupakan tiga fungsi bahasa iaitu identiti sosial (*identity*), hubungan sosial (*relational*) dan sistem pengetahuan dan kepercayaan (*ideational*).

Fungsi identiti menjelaskan apakah identiti sosial yang ditetapkan dalam wacana. Manakala fungsi hubungan menjelaskan bagaimana perhubungan sosial antara individu dalam wacana dibentuk dan dijelaskan. Fungsi idea pula menjelaskan bagaimana teks memaparkan keadaan dunia realiti serta perubahan yang berlaku dalam dunia. Model Fairclough (1989, 1992a, 1995, 2003) telah menggabungkan tiga tahap analisis yang

berbeza. Ia melibatkan analisis teks iaitu tahap penghuraian (*text*), analisis amalan wacana iaitu tahap penafsiran (*discursive practice*) dan analisis konteks sosial iaitu tahap penerangan (*social practice*).



Rajah 2.1: Model AWK Fairclough (1992a)

Analisis teks merupakan analisis ciri-ciri linguistik yang terdapat pada teks. Teks boleh dianalisis melalui sistem tatabahasa seperti pemilihan perkataan, sintaksis, semantik, kohesi dan sebagainya. Analisis teks yang merupakan sebahagian daripada analisis wacana merupakan analisis yang melibatkan dua jenis analisis iaitu analisis linguistik dan analisis intertekstual (Fairclough, 1992a; Bakhtin, 1986; Kress & Threadgold, 1988 ; Thibault, 1991). Hal ini kerana analisis yang dibuat tidak hanya tertumpu kepada analisis linguistik secara tradisional seperti sistem Fonologi, Morfologi, Sintaksis dan Semantik, malah

menjangkau analisis struktur susun atur sesuatu teks. Analisis linguistik menunjukkan bagaimana teks dibuat melalui pilihan sistem tatabahasa tertentu.

Manakala analisis intertekstual menunjukkan bagaimana susunan teks dibuat dan disusun untuk menjadi sebuah teks melalui susunan tertentu seperti penggunaan pelbagai unsur teks luar, dan pelbagai genre. Konsep intertekstualiti dan interdiskursiviti merupakan konsep utama yang dibincangkan Fairclough (1989, 1992a, 1995, 2003) pada tahap analisis kedua (tahap penafsiran) dalam model beliau iaitu analisis amalan wacana. Analisis ini melibatkan analisis proses penghasilan, penyebaran dan penggunaan teks dalam wacana sama ada dari sudut intertekstualiti atau interdiskursiviti oleh pewacana.

Intertekstualiti telah mendapat perhatian pengkaji teks hampir tujuh dekad yang lalu. Istilah ini diperkenalkan oleh Kristeva pada akhir tahun 1960-an hasil pemerhatiannya terhadap kerja-kerja Bakhtin yang berkait rapat dengan konsep '*dialogism*' dan teori Genre beliau yang telah memperkenalkan konsep ini terlebih dahulu dengan istilah *translinguistic*. Konsep *dialogism* atau *heteroglossia* yang diperkenalkan Bakhtin (1981) dalam buku beliau "*The Dialogic Imagination*" menyatakan penulisan sesuatu wacana tidak pernah sunyi daripada pengaruh unsur luar yang membentuknya. Teks seolah-olah berdialog antara satu sama lain.

Dalam aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti, Fairclough (1992a) memperkenalkan dua istilah penting iaitu *manifest intertextuality* dan *constitutive intertextuality*. *Manifest intertextuality* merujuk kepada teks luar yang dipilih, diambil dan diubah untuk digunakan dalam penghasilan sesuatu teks. Teks luar ini boleh dikenalpasti kewujudannya dengan melihat kepada beberapa tanda seperti penggunaan tanda petikan (*quotation marks*) dan penggunaan kata kerja laporan (*reporting verb*). Fairclough melihat

intertekstualiti sebagai kandungan teks yang dipenuhi dengan petikan unsur-unsur teks lain sebagaimana dijelaskan beliau:

'intertextuality is basically the property texts have of being full of snatches of other texts, which may be explicitly demarcated or merged in, dan which the text may assimilate, contradict, ironically echo, dan so forth' (Fairclough, 1992a: 84).

Manakala *constitutive intertextuality* atau interdiskursiviti merujuk kepada unsur pelbagai jenis wacana (*discourses*), genre, laras bahasa (*register*) dan gaya (*style*) yang digunakan dalam satu teks. Interdiskursiviti ini sering dirujuk Fairclough sebagai proses bagaimana sebuah wacana dihasilkan melalui gabungan pelbagai struktur wacana (*orders of discourse*). Fairclough juga menjelaskan wacana dan teks yang terdapat dalam sesuatu teks mempunyai nilai sejarah sebagaimana yang dinyatakan Kristeva (1986), dan tergolong dalam beberapa siri sejarah. Nilai sejarah di sini memberi maksud bahawa penghasilan sesuatu teks dibuat menggunakan unsur-unsur teks lain yang pernah dihasilkan. Analisis penafsiran konteks intertekstual merupakan proses untuk menentukan teks ini tergolong dalam siri sejarah yang mana dalam erti kata lain berasal dari teks yang mana (Fairclough, 1989).

Intertekstualiti dan interdiskursiviti sangat memberikan peranan dalam pembinaan teks. Teks mengenai perubatan umpamanya, sering kali memetik pendapat pakar perubatan (merujuk kepada intertekstualiti) bagi menguatkan fakta yang disampaikan. Malah bagi menyokong fakta ini, bukti-bukti dari wacana saintifik (merujuk kepada interdiskursiviti) dari kajian makmal juga digunakan. Unsur teks luar yang dipetik mempunyai peranan tertentu. Antara peranan intertekstualiti ialah mewujudkan jarak atau ruang di antara penulis dan unsur teks luar yang disampaikan (Don & Lee, 2014; Ho, 2011, Fairclough

1992a), menguatkan sesuatu maklumat yang disampaikan (Ho, 2011; Moloji & Bojabotseha, 2014), dan berperanan membina hubungan sosial yang baik (Ho, 2011).

Peranan interdiskursiviti pula dapat dilihat melalui fungsi gabungan pelbagai wacana dalam satu teks. Ho (2011) yang mengkaji peranan intertekstualiti dan interdiskursiviti dalam emel yang ditulis guru bahasa Inggeris di sebuah institut pendidikan awam di Hong Kong mendapati interdiskursiviti digunakan untuk dua tujuan utama. Pertamanya, menekankan peranan guru kepada penerima emel mengenai peranan penulis emel yang terdiri daripada pelbagai status melalui penggunaan gabungan tiga jenis wacana iaitu wacana institusi, wacana professional dan wacana peribadi. Keduanya, elemen interdiskursiviti juga membantu penulis emel untuk menjalin hubungan yang baik antara penerima emel dengan penggunaan laras bahasa rasmi dan tidak rasmi seperti penggunaan unsur jenaka. Aspek-aspek yang terlibat dalam intertekstualiti dan interdiskursiviti (Bahagian 3.1.2) akan dijelaskan dalam Bab 3.

Akhir sekali merupakan analisis konteks sosial yang melibatkan proses analisis pengaruh sosial, amalan sosial dan struktur sosial terhadap teks. Analisis tahap ini melihat konteks situasi dan perkara yang berada di luar teks mempengaruhi penggunaan bahasa dalam teks seperti konteks budaya, politik, sosial yang berkaitan. Analisis di tahap ini hanya akan disentuh secara ringkas. Kajian analisis wacana ini menggunakan pendekatan analisis wacana kritikal. Aspek-aspek yang terlibat dalam setiap tahap analisis akan diperincikan pada bab 3.

2.1.1.2 Ilmu Balaghah dan Analisis Wacana Arab

Ilmu balaghah merupakan alat analisis yang sesuai untuk menganalisis wacana bahasa Arab. Menurut Mohd Zaki dan Che Radiah (2013), balaghah dibincangkan pada tahap analisis wacana dan ia berkait rapat dengan analisis teks. Balaghah menumpukan kajian terhadap gaya bahasa, struktur ayat (Munif, 2008; Ben Isa, 2008) dan pemilihan gaya bahasa yang sesuai mengikut konteks pendengar atau pembaca (Ben Isa, 2008).

Ilmu balaghah dapat dibahagikan kepada tiga cabang ilmu yang utama iaitu ilmu *Ma‘ānī*, ilmu *Bayān* dan ilmu *Badī’*. Menurut Mohd Zaki dan Che Radhiah (2013), ilmu *Ma‘ānī* membincangkan struktur ungkapan yang selaras dengan maksud penutur dan menjadikan aspek tatabahasa sebagai batu loncatan dalam menganalisis ayat. Manakala ilmu *Bayān* membincangkan kepelbagaian ungkapan dalam menjelaskan suatu idea melalui penggunaan bahasa kiasan dan perumpamaan. Ilmu *Badī’* pula membincangkan selok belok dalam memperindahkan sesuatu ungkapan dari segi luaran dan dalaman.

Kajian menggunakan ilmu balaghah banyak tertumpu kepada kajian wacana agama melibatkan wacana al-Quran dan wacana hadis. Hal ini kerana tujuan utama ilmu balaghah itu sendiri adalah bagi mengetahui keistimewaan al-Quran dan mengetahui keistimewaan rasul yang datang membawa kata-kata yang ringkas tetapi lengkap (جوامع الكلم). Namun begitu terdapat juga tujuan umum yang tidak berkaitan dengan tujuan agama. Kajian ilmu balaghah biasanya akan menggunakan salah satu dari tiga ilmu balaghah yang tiga iaitu: ilmu *Ma‘ānī*, ilmu *Bayān* dan *Badī’* (rujuk Bahagian 2.3 & 2.4). Hal ini kerana perbincangan ilmu balaghah sangat luas dan melibatkan pelbagai topik perbincangan sekiranya dibincangkan secara sekaligus.

Menurut ‘Abdul ‘Azīz (2003) dalam bukunya “fi al-balāghat al-‘arabiyyat: ilmu *al-Ma‘ānī*, menjelaskan terdapat dua tujuan utama ilmu balaghah iaitu tujuan khusus dan

tujuan umum. Bagi tujuan khusus, ilmu ini digunakan bagi tujuan keagamaan. Iaitu bagi mengetahui keistimewaan al-Quran dan mengetahui keistimewaan rasul yang datang membawa kata-kata yang ringkas tetapi lengkap (جوامع الكلم). Baginda merupakan manusia yang paling fasih bertutur dalam bahasa Arab.

Manakala tujuan umum pula tidak berkaitan dengan tujuan keagamaan. Bahkan merupakan satu percubaan bagi mencari rahsia-rahsia ilmu balaghah dan kefasihan sesuatu ayat yang bukan bersumberkan al-Quran. Iaitu terdiri dari ayat-ayat percakapan orang Arab seperti syair (الشعر) dan prosa (النثر). Hal ini kerana, tidak ada satu ilmu lain selain balaghah yang dapat membezakan ayat-ayat yang fasih dengan yang paling fasih serta yang tepat dengan yang paling tepat ('Abdul 'Aziz, 2003 : 36).

Kedua-dua tujuan di atas dilihat masih dalam lingkungan tujuan secara umum. Namun, Ben Isa (2008:26) pula menerangkan tujuan ilmu Balaghah dengan lebih khusus. Menurut beliau, tujuan ilmu Balaghah adalah untuk menyampaikan makna ke hati, memberi kesan kepada jiwa pendengar dengan memilih gaya bahasa Balaghah yang sesuai dan lafaz-lafaz yang fasih. Ayat yang disampaikan mestilah cantik dari segi lafaz dan maknanya, dan baik dari segi susunan ayat.

Dalam kajian ini hanya ilmu *Ma'ānī* yang akan digunakan untuk proses analisis. Hal ini kerana ilmu *Bayān* dan ilmu *Badī'* membincangkan aspek memperindah kata-kata dengan menggunakan aspek-aspek seperti simile, figurasi, metonimi, antithesis dan asonansi. Aspek-aspek ini sering ditemui dalam teks-teks novel dan ucapan. Namun tidak banyak digunakan dalam wacana akhbar.

Ilmu *Ma'ānī* adalah salah satu dari ilmu balaghah bahasa Arab yang tiga. Iaitu: ilmu *Ma'ānī*, ilmu *Bayān* dan *Badī'*. Abdul Qāhir al-Jurjāniy merupakan pengasas ilmu ini (Ben Isa, 2008; Faḍl Ḥassan, 2009). Ilmu ini lahir dari teori beliau yang terkenal iaitu teori *al-naẓm*. Beliau telah membincangkan ilmu ini di dalam bukunya yang bertajuk "*Dalā'il*

al-Ijāz” (دلائل الإعجاز). Ilmu ini memfokuskan dua perkara utama iaitu struktur tatabahasa dan konteks (Ben Isa, 2008:37).

Menurut ‘Abdul ‘Azīz (1985) dalam Munif (2008), ilmu *Ma‘āni* berkisar tentang dua perkara. Pertama, membahaskan keselarasan antara kata-kata (struktur bahasa dan bentuk susunan ayat) dengan keadaan pendengar dan situasi percakapan supaya bertepatan dengan tujuan yang hendak disampaikan. Kedua, membahaskan makna (hakiki atau bukan hakiki) yang dibentuk oleh unsur-unsur bahasa (yang terdapat dalam struktur bahasa dan bentuk susunan ayat).

Terdapat dua pengaruh utama ilmu *Ma‘ānī*. Pengaruh pertama, menerangkan kemestian wujudnya kesesuaian ayat dengan konteks pendengar dan tempat yang melatarinya. Makna-makna yang dapat difahami dari ayat atau percakapan itu dikenali atau difahami melalui petunjuk-petunjuk tertentu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, manamana percakapan tidak akan sampai maksudnya sehinggalah sesuai dengan konteksnya serta sesuai dengan tahap pendengar atau pembaca. Terdapat satu kaedah dalam pepatah Arab yang mengatakan لكل مقام مقال yang bermaksud setiap situasi ada ungkapan yang sesuai. Menurut Ben Isa (2008), tahap pendengar dan pembaca pula dapat dikategorikan kepada tiga keadaan yang mempengaruhi cara penyampaian sesuatu maklumat dibuat iaitu :

- a) Keadaan pertama, pendengar dan pembaca tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai perkara yang disampaikan. Dalam keadaan ini, perkara yang disampaikan itu haruslah sesuai dengan konteks pendengar dan pembaca tanpa perlu menambah sebarang unsur penegasan.
- b) Keadaan kedua, pendengar atau pembaca mempunyai sedikit maklumat tentang perkara yang disampaikan. Tetapi pengetahuannya itu menimbulkan syak dan perlu ditegaskan.

- c) Keadaan ketiga, pendengar atau pembaca mungkin sudah mengetahui perkara yang ingin disampaikan itu, tetapi tidak percaya dengannya. Ketika ini perkara yang ingin disampaikan itu perlu disertakan dengan satu unsur penegasan atau lebih mengikut tahap keingkarannya. (Ben Isa, 2008:38)

Pengaruh kedua ialah membahaskan makna (hakiki atau bukan hakiki) yang dibentuk oleh unsur-unsur bahasa (yang terdapat dalam struktur bahasa dan bentuk susunan ayat).

2.1.2 Analisis Wacana Kritis

Analisis wacana kritis atau dalam bahasa Arabnya (التَّحْلِيلُ النَّقْدِيُّ لِلخَطَابِ) dulunya dikenali dengan Linguistik kritis (*Critical Linguistics*) atau Kajian Bahasa kritis (*Critical Language Study*) adalah satu alat kajian yang penting untuk mengkaji penggunaan bahasa secara teliti. Teun A. van Dijk yang menggunakan istilah Kajian Wacana Kritis (*Critical Discourse Studies*) berpendapat, pendekatan kritis tidak hanya melibatkan analisis secara kritis, malah melibatkan teori dan aplikasi-aplikasi kritis. Fairclough (1989) ketika membincangkan pendekatan ini menjelaskan bahawa kritis merupakan satu cara untuk menunjukkan kemungkinan terdapat hubungan yang disembunyikan oleh masyarakat seperti hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi. Kajian AWK cuba meneroka makna wacana dan bagaimana makna itu dihasilkan. Pada peringkat analisis bentuk bahasa yang digunakan, AWK cuba untuk mendedahkan pengaruh ideologi terhadap wacana, pengaruh wacana terhadap ideologi dan bagaimana kedua-dua elemen ini muncul dan membentuk struktur sosial dan hubungan kuasa. Kesimpulannya, kajian AWK bertujuan untuk mendedahkan hubungan antara bahasa, ideologi dan kuasa (Liu & Guo, 2016)

Kemunculan AWK boleh difahami dari dua aspek. Pertama, mengekalkan aspek kritis di dalam istilah kajian terdahulu yang dikenali sebagai Linguistik kritis. Kajian

Linguistik kritikal ini dipelopori oleh Roger Fowler dan Gunter Kress di dalam buku mereka yang bertajuk *Language dan Control* pada tahun 1979. Mereka telah menggunakan *Systemic Funtional Linguistics* oleh Halliday sebagai asas kepada kerangka teori mereka. Kedua, menggunakan aspek “analisis wacana” bukannya “linguistik”. Perkara ini menunjukkan kajian AWK tidak terhad kepada penggunaan SFL oleh Halliday kerana ia menerima konsep “wacana” daripada sains sosial. Jadi, kajian AWK digunakan untuk meneruskan kajian Linguistik kritikal, memperbaiki kelemahan Linguistik kritikal dan meluaskan pendekatan analisis yang digunakan dalam analisis wacana dari perspektif kritikal (Lui & Guo, 2016).

2.1.2.1 Tujuan dan Ciri Analisis Wacana Kritikal

Menurut Van Dijk dalam Wodak dan Meyer (2009), kajian wacana kritikal bukan satu bentuk metodologi tetapi lebih kepada satu bentuk pandangan, pendirian atau sikap yang kritikal dalam disiplin kajian wacana yang terdiri daripada pelbagai disiplin. Menurut Wodak dan Meyer (2009), ciri utama dalam pendekatan AWK ialah kajian ini mestilah berorientasi masalah, teori dan metodologinya saling bergabung bagi memahami masalah sosial yang berlaku dalam data yang dikaji seperti mendedahkan struktur kuasa dan ideologi yang tersembunyi. Hal ini kerana, salah satu dari tujuan utama kajian AWK adalah untuk mendedahkan strategi manipulasi yang dipraktikkan oleh golongan dominan bagi mengekalkan ketidakadilan sosial (Fairclough dan Wodak, 1997; van Dijk 1996, 2006). Sebelum istilah-istilah ini muncul, istilah Analisis Wacana merupakan kajian pada peringkat awal dalam disiplin kajian wacana.

Van Dijk (2009) dan Wodak dan Meyer (2009) meringkaskan tujuan kajian AWK sebagai kajian yang berorientasi masalah dan bukannya memberi tumpuan kepada teori

atau disiplin tertentu; kajian yang melibatkan interdisiplin kerana melibatkan pelbagai teori, kaedah dan pendekatan yang diaplikasi dalam menyelesaikan isu dan masalah serius dalam masyarakat; kajian yang dianggap sebagai penyelidikan sosial kerana mengkaji masalah sosial untuk memahami hak asasi manusia, ketidakadilan sosial, salah guna kuasa di dalam domain seperti perkauman, kelas sosial dan sebagainya; kajian yang mengkaji isu tidak beretika yang dilakukan oleh golongan dominan, kajian yang menekankan penilaian secara spontan terhadap sesuatu isu dan fenomena yang dikaji tanpa terikat dengan peraturan betul atau salah. Kajian AWK berupaya menjawab persoalan dalam pelbagai disiplin ilmu berkaitan kehidupan manusia seperti komunikasi, sosiologi, psikologi, antropologi dan sebagainya.

Kajian AWK selalunya tertumpu pada kajian wacana yang berat sebelah dari segi ideologi, dan cara ideologi ini memisahkan 'kita' (*ingroups*) dan 'mereka' (*outgroups*). Strategi representasi positif adalah terhadap diri sendiri (*positive self-representation*) manakala strategi representasi negatif pula terhadap orang lain (*negative other-representation*) yang menekankan perkara baik ada pada diri sendiri dan perkara tidak baik pada orang lain. Hal ini dapat dilihat dalam kajian-kajian AWK yang selalunya melibatkan topik dan bidang seperti wacana politik, ideologi, rasisme, wacana ekonomi, iklan dan promosi, bahasa media, gender, wacana institusi, pendidikan dan literasi. Sebagai contoh kajian yang dibuat terhadap golongan minoriti seperti pelarian dan pendatang sering kali digambarkan secara negatif dalam media.

Dalam konteks analisis wacana kritikal, wacana dilihat sebagai praktis sosial. Praktis sosial yang berlaku merupakan salah satu cara interaksi bahasa. Wacana bukan sahaja digunakan untuk menyampaikan sesuatu, malah sebagai bentuk tindakan yang

muncul disebabkan pengaruh dari struktur dan konteks sosial yang melatarinya. Tindakan ini perlu dibongkar melalui penggunaan bahasa. Melalui pilihan perkataan, struktur ayat, tatabahasa dan kohesi akan memperlihatkan tindakan sosial seperti ideologi, dominasi kuasa, penyalahgunaan kuasa, praktis kepemimpinan atau ketidakadilan yang tersembunyi dalam sesebuah teks. Terdapat beberapa pendekatan yang digunakan dalam AWK. Antara yang paling menonjol adalah Analisis Wacana Sejarah (*Discourse – Historical Approach*) yang dipelopori oleh Ruth Wodak, Pendekatan Sosiokognitif (*Sociocognitive Approach*) yang dipelopori Teun Van Dijk, Pendekatan Sosio-semantik (*Socio-Semantic Approach*) yang dipelopori oleh Van Leeuwen dan Pendekatan Hubungan Dialektikal (*Dialectical Relational Approach*) yang dipelopori oleh Norman Fairclough.

2.1.2.2 Perkembangan Kajian Analisis Wacana Kritikal

Perkembangan kajian AWK boleh dilihat berdasarkan tempat kajian dilakukan, matlamat kajian seterusnya pendekatan yang digunakan. Kajian analisis wacana kritikal banyak menggunakan sumber data dari negara-negara barat dan dijalankan di negara-negara barat seperti di Britain (lihat KhosraviNik 2009, 2010; Blinder & Allen, 2016), di Austria (lihat Van Leeuwen dan Wodak, 1999; Wodak, 1996; Reisigl dan Wodak, 2001), di Jerman (lihat Mustafa-Awad, dan Kirner-Ludwig, 2021), dan di UK (lihat Phillips, 2006, Zetter dan Pearl, 2000; Gabrielatos dan Baker, 2008, Esses, Medianu, dan Lawson, 2013).

Matlamat kajian AWK pula banyak tertumpu kepada kajian mengenai bagaimana sesuatu ideologi ditonjolkan di dalam wacana yang dikaji (lihat Bolte dan Keong, 2014; Maserah Shabudin dan Idris Aman, 2012; Gill, 2012), kajian mengenai bagaimana etnik minoriti seperti pelarian dan pendatang digambarkan (seperti Burroughs, 2015; Lueck, Due

& Augoustinos, 2015; Parker, 2015; Don dan Lee, 2014; Esses, Medianu dan Lawson, 2013; Alonso et al., 2010; Coole, 2002; KhosraviNik, 2009, 2010) dan kajian mengenai masalah sosial seperti isu gender, isu penyalahgunaan kuasa dan berat sebelah (lihat Haider, Olimy dan al-Abbas, 2021; Al-Hejin, 2014; Jeff, M., 2013; Dragaš, 2012).

Pendekatan AWK tertumpu kepada pendekatan seperti Analisis Wacana Sejarah (DHA) (lihat Lee, 2016; KhosraviNik, 2009; KhosraviNik, 2010; Leeuwen dan Wodak, 1999), pendekatan Sosiokognitif (lihat KhosraviNik, 2009; KhosraviNik, 2010), pendekatan Sosio-semantik (lihat KhosraviNik, 2009, KhosraviNik, 2010; Lee, 2016) dan Pendekatan Hubungan Dialektikal (lihat Lee, 2016; Bolte dan Keong, 2014; Mohamad Rushdan Azizan, 2012).

Pendekatan AWK juga kini dilihat telah berkembang dengan gabungan kajian AWK menggunakan alat korpus dan kajian AWK menggunakan pendekatan analisis multimodaliti yang menggunakan pelbagai jenis dan sumber data selain tertumpu kepada analisis teks sahaja sebelum ini seperti dokumen (lihat Millar, 2013; Van Leeuwen dan Wodak, 1999) dan teks berita (lihat Ozdora et. al, 2021; Dimitrova et. al, 2018; Tavassoli et. al, 2018; Toker, 2019; Ramirez, 2017). Penggunaan alat korpus di dalam kajian AWK memudahkan analisis data yang besar dan banyak. Alat korpus juga berupaya menunjukkan amalan diskursif yang sering digunakan melalui frekuensi kata dan penggunaan kolokasi (lihat Mustafa dan Kirner, 2021; Lee, 2016; Efe, 2018; Gabrielatos, 2008; Baker et. al, 2008). Kajian AWK menggunakan pendekatan multimodaliti berupaya menyokong dan memberikan bukti yang kukuh kepada analisis yang dibuat kerana melibatkan analisis pelbagai sumber seperti teks, gambar, audio, visual dan lisan yang berkaitan dengan isu yang dikaji.

2.1.2.3 Analisis Wacana Kritis Di Dalam Media

Media adalah salah satu sumber utama yang menjadi kajian AWK. Hal ini kerana cara penyalahgunaan kuasa sosial, penguasaan, dan ketidakadilan digubal, dibentuk, dan dikekalkan melalui teks dan perbincangan dalam konteks sosial dan politik (van Dijk, 2001:352). Terutamanya melalui amalan diskursif yang diamalkan media yang menunjukkan pihak yang berkuasa berusaha untuk menguatkuasakan dan mengekalkan ideologi mereka (Fairclough, 2001). Perkara ini dapat dilihat melalui hubungan sosial yang terlibat seperti hubungan antara pembaca dan wartawan yang menulis laporan berita tersebut. Antara sarjana yang mengkaji bahasa media ialah seperti Fairclough (1995), Van Dijk (1991), Kress (1994) dan Martin (1995).

Fairclough (1995) menjelaskan bagaimana pembaca berita ditonjolkan sebagai golongan yang mudah menerima sesuatu berita (*receptive*), golongan yang sentiasa menunggu untuk diberitahu (*waiting to be told*), golongan yang sentiasa ingin tahu dan berperanan sebagai pengguna yang mendapat maklumat dari laporan berita yang dibaca. Manakala wartawan pula ditonjolkan sebagai individu yang berautoriti menyebarkan berita, golongan yang mempunyai pengetahuan mengenai fakta sesuatu berita dan sebagai golongan yang mempunyai hak untuk memberitahu. Berlaku proses pemindahan maklumat di antara wartawan yang berpengetahuan kepada masyarakat yang berminat untuk mengetahui.

Peranan utama media sebagai medium penyampaian maklumat dan juga hiburan menggunakan beberapa cara untuk menarik perhatian pembaca. Antaranya menggunakan gaya bahasa pertanyaan, menggunakan metafora dan frasa yang menarik dan mudah diingati serta menggunakan pelbagai jenis genre di dalam laporan yang disampaikan sama

ada sebagai penceritaan sesuatu peristiwa yang telah berlaku atau sebagai sebuah cerita yang dijangka akan berlaku pada masa akan datang (Fairclough, 1992a).

Analisis bahasa media cuba melihat tiga aspek utama melibatkan analisis peristiwa sosial yang ditonjolkan, analisis struktur sosial yang dipaparkan, dan hubungan sosial yang ditetapkan di dalam laporan seperti hubungan antara wartawan atau pakar dengan pembaca (Fairclough, 2003). Kandungan teks berita tidak lari dari info yang memberi maklumat atau info hiburan dan maklumat yang berbentuk fakta atau fiksi semata-mata. Melalui teks berita sama secara dalam talian atau teks berita yang dicetak, kita bukan hanya mengetahui bagaimana institusi penyiaran mempamerkan sesuatu peristiwa malah boleh melihat bagaimana penggunaan kosa kata yang khusus berupaya merangsang pendapat pembaca melalui cara yang dikehendaki media. Sebagai contoh, lihat kajian mengenai representasi pelarian dan pembinaan sosial pelarian seperti Blinder dan Allen (2016), Lee (2016), Don dan Lee (2014) dan Gabrielatos dan Baker (2008).

Penggunaan kosa kata pelarian asli "*genuine asylum-seeker*" dan pelarian palsu "*bogus asylum seeker*" tentunya memberikan penerimaan dan respon masyarakat yang berbeza. Kajian yang dilakukan oleh Olsen et. al. (2014) mendapati perubahan program kerajaan Kanada "Program kesihatan Persekutuan Interim (*Interim Federal Health Program*) yang dikenali sebagai IFHP terhadap golongan pelarian disebabkan gambaran yang diberikan oleh wacana polisi mengenai pelarian di Kanada. Terdapat dua kategori pelarian baru telah dibezakan dan diperkenalkan. Golongan pertama merupakan pelarian yang datang dari negara yang terjejas dan menyebabkan krisis pelarian yang dikenali sebagai *Non-Designated Countries of Origin* (Non-DCO). Manakala golongan kedua merupakan golongan pelarian yang datang dari negara yang bukan kebiasaannya

menghadapi krisis pelarian yang dikenali sebagai *Designated Countries of Origin* (DCO). Golongan ini dirujuk sebagai pelarian palsu “*bogus asylum seeker*” dan dianggap cuba mengambil kesempatan dan menyalahgunakan sistem bantuan pelarian yang sedia ada.

Selain penggunaan kosa kata, gambar dan visual juga dilihat digunakan bagi membentuk stereotaip terhadap pelarian (Plascencia, 2017). Sebagai contoh, gambar pergerakan pelarian Syria lelaki tanpa kehadiran pelarian wanita dan kanak-kanak menunjukkan mereka adalah pengganas. Menurut Plascencia lagi, dalam konteks krisis migrasi, penggunaan media sosial dan telefon bimbit untuk menyebarkan petikan teks dan petikan gambar yang berunsur humor (*visual/textual memes*) melalui internet menjadi alat yang penting untuk menyebarkan dua jenis wacana: salah satunya digunakan untuk mendapatkan sokongan dan bantuan untuk pelarian. Manakala yang kedua adalah untuk memuji tindakan yang dibuat bagi mengawal dan mengusir pelarian keluar. Kedua-dua perkara ini adalah bertentangan dan berbeza sama sekali.

2.1.2.4 Analisis Wacana Kritikal dan Representasi Pelarian

Kajian yang pelbagai telah dijalankan terhadap representasi golongan minoriti seperti pelarian dan pendatang. Kajian AWK terhadap representasi pelarian, pendatang dan pelbagai etnik minoriti dalam masyarakat moden mendapat tempat pelbagai bidang kajian dalam kalangan pengkaji (lihat KhosraviNik, 2009; Parker, 2015; Lueck et. al, 2015; Burroughs, 2015; Don dan Lee, 2014; Lee 2016; Abid, 2015, Efe, 2018, Dimitrova et. al, 2018).

Kajian terdahulu yang dilakukan terhadap berita mengenai pelarian sering mendedahkan masalah yang dibawa oleh golongan ini. Mereka sering dikaitkan dengan masalah jenayah dan mengancam masyarakat setempat. Van Gorp (2005) dan Gale (2004)

menyebut terdapat dua gambaran mengenai pelarian yang digambarkan media sama ada sebagai mangsa yang tidak bersalah yang layak menerima bantuan kemanusiaan dan perlindungan atau sebagai penceroboh yang tidak dikehendaki yang mengancam penduduk setempat. Hal ini bertepatan dengan kajian Wodak dan Van Leeuwen (1999). Mereka mendapati lebih 20 bentuk stereotaip telah ditemui dalam media, wacana ahli politik dan dalam perbualan harian. Mereka menggambarkan pendatang sebagai satu ancaman kepada sistem sosial, sesat, tidak boleh bekerjasama, penjenayah dan mempunyai budaya yang berbeza. Gambaran yang berbaur negatif ini mempengaruhi pelaksanaan sesuatu undang-undang atau polisi kerajaan terhadap golongan ini. Van Leeuwen dan Wodak (1999) dalam kajian mereka mendapati keputusan kerajaan Austria terhadap permohonan golongan pelarian untuk bersatu dengan keluarga mereka dibuat bukan hanya atas dasar undang-undang. Malah dipengaruhi oleh penilaian pihak berkuasa yang prejudis terhadap golongan ini. Kerajaan Austria meragui kemampuan mereka untuk bekerjasama dan berintegrasi dengan masyarakat Austria. Hal ini menyaksikan tidak banyak permohonan diluluskan.

Persepsi yang negatif ini timbul disebabkan perbezaan budaya berbanding perbezaan bangsa. Sifat-sifat seperti xenophobia, anti-semitik dan ethnosentrisme, mempengaruhi persepsi masyarakat setempat terhadap pendatang asing. Masyarakat setempat merasakan budaya mereka lebih baik dan lebih penting berbanding masyarakat lain. Menurut Wodak dan Van Dijk (1997), sifat-sifat ini kesan daripada sifat perkauman masyarakat Eropah baru terhadap hak asasi golongan pendatang, pelarian dan masyarakat minoriti lain (terutamanya yang bukan bangsa Eropah). Kajian KhosraviNik (2009) juga menyimpulkan bahawa semantik makro-struktur wacana anti orang asing menggabungkan unsur-unsur perbezaan, dan ancaman yang dirasakan. Dalam hal ini, warga asing dianggap

sebagai golongan yang merosakkan kepentingan sosioekonomi negara tuan rumah dan pada masa yang sama mereka dianggap sebagai “berbeza” dari segi budaya dan pemikiran.

Hal ini juga disokong oleh kajian Teo (2000) terhadap akhbar di Australia mengenai cara pendatang dari Asia ditonjolkan. Dia juga mendapati amalan diskursif yang sama digunakan iaitu strategi yang bersifat negatif dan berunsur jenayah. Namun, semua strategi yang digunakan akhbar bergantung kepada pegangan politik mereka. Kajian KhosraviNik (2009), terhadap representasi *RASIM* dalam akhbar-akhbar Britain mendapati setiap akhbar menggunakan strategi yang berbeza dalam menggambarkan golongan tersebut berdasarkan pegangan politik mereka walaupun terdapat persamaan dalam penggunaan kategori mikro-linguistik di antara akhbar-akhbar tersebut seperti aspek metafora dan sebagainya.

Banyak kajian mengenai pelarian, pendatang, dan pencari suaka telah dikaji dan dibincangkan berdasarkan pelbagai latar belakang negara, dan masa yang berbeza telah membina representasi pelarian sama ada sebagai mangsa yang tidak bersalah dan di dalam kebanyakan keadaan mereka ini dianggap sebagai penceroboh dan ancaman kepada ekonomi dan budaya negara tuan rumah. Representasi pelarian sebagai mangsa ini memfokuskan kepada kesusahan yang dialami pelarian dan menggambarkan mereka sebagai golongan yang memerlukan pertolongan disebabkan situasi dan keadaan yang dialami mereka dan tidak mampu mereka kawal. Melalui maklumat latar belakang, motivasi dan situasi kehidupan mereka yang sentiasa bergerak (KhosraviniK, 2010) dari satu tempat ke satu tempat, representasi media menyeru kepada bantuan kemanusiaan bagi membantu golongan ini. Pada masa yang gambaran kesusahan yang dialami pelarian juga menunjukkan pelarian sebagai golongan yang lemah dan terdesak yang bergantung sepenuhnya kepada bantuan luar.

Kajian-kajian terdahulu banyak tertumpu kepada media Barat seperti kajian Coole (2002), KhosraviNik (2009, 2010), Leuween dan Wodak (1999), Parker (2015) Esses et. al (2013), Belmonte et. al (2010), Blinder dan Allen (2016), Brekke dan Brochmann (2014), Gabrielatos dan Baker (2008), Schuster (2011) serta melibatkan teks berbahasa Inggeris. Kajian representasi pelarian juga sering dilakukan bagi membandingkan perbezaan penerimaan golongan ini kepada negara-negara yang menjadi tuan rumah. Kajian menunjukkan penerimaan yang berbeza di dalam wacana akhbar Britain *The Guardian* dan *The Telegraph*. Hasil kajian mendapati Tavassoli, F., Jalilifar, A. & White, R., P. (2018) laporan berita akhbar *The Guardian* yang mewakili pihak bukan kerajaan menunjukkan pendirian mengalu-alukan kedatangan pelarian Syria dan kekal dengan pendirian ini selama enam bulan selepas peristiwa kemasukan pelarian beramai-ramai ke Eropah. Manakala laporan berita *The Telegraph* yang mewakili pihak kerajaan menunjukkan pendirian mereka yang tidak mengalu-alukan kedatangan pelarian dan perkara ini dilihat semakin ketara selepas tempoh enam bulan.

Selain kajian yang membandingkan antara dua akhbar yang berbeza di dalam sebuah negara, kajian perbandingan antara dua sistem media yang berbeza di antara dua buah negara memberikan dapatan yang sedikit berbeza. Kajian Toker (2019) menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara representasi media di Turkiye dan Norway walaupun kedua-duanya mengamalkan dua sistem media yang berbeza. Turkiye dan Norway banyak menerima kemasukan pelarian Syria ke dalam negara masing-masing. Turkiye merupakan sebuah negara yang tidak mengamalkan kebebasan media. Manakala Norway mengamalkan kebebasan media. Namun kedua-duanya dilihat mempunyai pendirian yang hampir sama di dalam menggambarkan golongan pelarian di dalam laporan berita masing-

masing. Antaranya pada aspek pemilihan kosa kata, tajuk berita dan menggunakan sumber berita asing. Perkataan ‘pelarian’ merupakan perkataan yang paling banyak digunakan diikuti perkataan ‘pencari suaka’ dan perkataan ‘pendatang’ di dalam kedua-dua akhbar. Kedua-dua akhbar juga menunjukkan pemilihan tajuk berita yang positif terhadap separuh daripada laporan berita mereka mengenai krisis Syria. Kedua-duanya juga dilihat menggunakan sumber berita media asing bagi menyokong laporan berita yang dibuat.

Kajian Ozdora et. al (2021) menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap liputan media terhadap pelarian Syria di 3 negara Eropah iaitu Turkiye, Bulgaria dan UK. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan di dalam laporan media ketiga-tiga buah negara pada aspek tema utama kandungan berita, ruang dan tempat yang ditonjolkan di dalam berita serta aktiviti yang sering dikaitkan dengan golongan pelarian. Perbezaan ini dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang politik yang melatari setiap negara.

Kajian Dimitrova et. al (2018) melihat gambaran yang diberikan media terhadap krisis pelarian Syria di dalam media tempatan dua buah negara iaitu Bulgaria dan Turkiye. Hasil kajian mendapati media Turkiye memfokuskan laporan beritanya kepada bingkai mangsa (*victim frame*) dan seringkali melaporkan pelarian secara individu. Bingkai ini melibatkan liputan berita mengenai kesengsaraan yang dialami pelarian (situasi hidup susah, peluang pendidikan yang terhad, kemudahan di kem, masalah perubatan), jenayah yang dilakukan terhadap pelarian, merangkumi tindakan penyeludup atau kemalangan yang dialami pelarian dan diskriminasi sosial. Manakala media Bulgaria memfokuskan laporan beritanya kepada bingkai pengurusan dan pentadbiran (*administrative frame*) dan jarang melaporkan pelarian secara individu. Bingkai ini melibatkan liputan mengenai birokrasi

tempatan, pengurusan pelarian, isu menyeberangi sempadan, birokrasi kebangsaan dan status sah pelarian.

Kajian mengenai pelarian Syria di dalam media Turkiye boleh dibahagikan kepada tiga gelombang. Gelombang pertama merupakan peringkat permulaan apabila banyak kajian tertumpu kepada penghijrahan pelarian secara besar-besaran dan respon negara tuan rumah dan masyarakat tempatan. Gelombang kedua menganalisis situasi di kem pelarian dan halangan undang-undang dan birokrasi pelarian. Gelombang ketiga merupakan kajian yang tertumpu kepada hak pelarian dan kesusahan yang dihadapi untuk mengakses fasiliti di dalam Pendidikan, kesihatan dan pekerjaan di negara tuan rumah. (Toker, 2019).

Kajian Greussing dan Boomgaarden (2017) terhadap enam akhbar di Austria menunjukkan perubahan bentuk liputan berlaku berdasarkan tahap masa yang berbeza ketika krisis pelarian berlaku. Pada peringkat awal krisis ini, liputan berita tertumpu kepada isu yang berlaku bukan kepada masalah yang timbul seperti cerita mengenai latar belakang pelarian dan pelarian sebagai mangsa. Peringkat seterusnya, peringkat permulaan krisis menjadi teruk, berita tertumpu kepada kesan jangka pendek krisis ini. Seterusnya peringkat kemuncak krisis pada September 2015, liputan berita tertumpu kepada kesan jangka panjang. Akhir sekali, peringkat selepas kemuncak krisis, liputan berita kembali tertumpu kepada isu yang berlaku mengenai latar belakang pelarian dan pelarian sebagai mangsa kerana krisis pelarian menjadi teruk semula. Dapatan kajian Greussing dan Boomgaarden (2017) ini mendapati terdapat 8 bingkai (*frame*) yang telah digunakan di dalam laporan berita sepanjang kajian ini dijalankan iaitu: (1) Penempatan, (2) Penerimaan/pengagihan, (3) Keselamatan, (4) Jenayah, (5) Ekonomi, (6) Kemanusiaan, (7) Latar belakang/mangsa, (8) Integrasi pasaran buruh.

Kajian Mustafa-Awad dan Kirner-Ludwig (2021) mendapati bingkai berita yang menjadi liputan utama laman berita Jerman, Britain dan Amerika pada tahun 2016 ialah kemanusiaan, konflik, penghilangan sifat kemanusiaan (*dehumanization*), keselamatan, beban ekonomi, tanggungjawab politik, dan integrasi. Tema-tema ini seringkali hadir bersama istilah 'pelarian Syria'. Tema kemanusiaan dan integrasi merupakan tema utama yang menjadi pilihan responden kajian terhadap survei yang dibuat bagi mendapatkan pandangan awam mengenai liputan krisis pelarian Syria di dalam berita dan apakah pandangan peribadi mereka terhadap pelarian Syria.

Kajian Haider dan Olimy (2018) pula mendapati tema pada topik berita mengenai pelarian dan pendatang berbeza mengikut tahun berita dikeluarkan. Hal ini dilihat selari dengan situasi dan keadaan isu pelarian yang berubah mengikut masa. Dapatan kajian mendapati tajuk berita pada tahun 2012 bermula dengan memfokuskan kepada penyediaan bantuan kepada pelarian. Tahap seterusnya pada tahun 2012, 2013 dan 2014 mendapati bahasa yang digunakan berubah kepada seruan kepada negara untuk menyumbang kepada solusi isu pelarian. Pada tahun 2015, tajuk berita telah berubah untuk memberikan tumpuan lebih kepada isu kekurangan dana. Diikuti pada tahun 2016, tajuk berita beralih kepada Eropah apabila berlakunya isu penghijrahan pelarian secara besar-besaran ke Eropah. Perkara ini telah menyebabkan Agensi Berita Jordan memberi tumpuan kepada penderitaan yang dialami Eropah disebabkan isu pelarian walaupun mempunyai kemampuan untuk menerima pelarian masuk ke Eropah. Kajian ini menyimpulkan bahawa bahasa secara umumnya, dan bahasa media secara khususnya boleh mengubah sikap masyarakat dan kerajaan terhadap kritikal isu dan fenomena seperti pelarian dan pendatang.

Kajian liputan RASIM di dalam media juga mendapati laporan berita mengenai pelarian seringkali menggunakan metafora yang menunjukkan kuantiti yang besar dan elemen air seperti banjir (lihat Gabrielatos dan Baker, 2008; Abid et. al, 2017). Abid et. al (2017) mengkaji penggunaan metafora di dalam laporan berita secara dalam talian di negara yang menjadi tuan rumah dan negara bukan tuan rumah. Media dilihat cenderung untuk melakukan diskriminasi terhadap golongan pelarian dan pendatang dan menganggap mereka sebagai ancaman kepada keselamatan, ekonomi dan kebersihan. Kajian ini juga mendapati penggunaan metafora yang sama di dalam laporan berita negara tuan rumah dan negara bukan tuan rumah. Namun berbeza apabila melibatkan penerangan mengenai kemasukan pelarian dan bebanan yang ditanggung oleh negara tuan rumah. Hal ini dilihat lebih banyak difokuskan di dalam laporan berita negara bukan tuan rumah.

Høeg dan Tulloch (2019) telah mengkaji representasi pelarian iklim di dalam BBC dan Al-Jazeera. Kajian ini mendapati pelarian iklim telah digambarkan menggunakan 4 bingkai utama melibatkan bingkai mangsa, ancaman keselamatan, aktivis, dan bingkai berbentuk bebas. Kajian ini menyimpulkan bahawa BBC lebih banyak memaparkan laporan mengenai pelarian dari memaparkan laporan yang menunjukkan BBC mendekati pelarian. Manakala al-Jazeera pula lebih banyak mendekati pihak pelarian dengan memasukkan dan memetik kata-kata pelarian. Namun begitu, BBC dan al-Jazeera dilihat memaparkan pelarian sebagai orang luar dan orang asing dari negara ketiga "*third world others*".

Kajian terdahulu telah menunjukkan mengenai gambaran yang diberikan media terhadap RASIM boleh dikategorikan kepada 3 kumpulan utama: pelarian, pencari suaka dan pendatang seringkali ditonjolkan sebagai mangsa yang pasif, sebagai ancaman kepada

budaya, keselamatan dan kebajikan negara tuan rumah atau sebagai golongan yang tidak dikenali (*out-group*) dan dihilangkan sifat kemanusiaan (*dehumanized*).

2.1.3 Perbezaan Antara Analisis Wacana dan Analisis Wacana kritikal

Terdapat perbezaan yang ketara antara AWK dan AW. AWK merupakan kajian yang menggabungkan pelbagai aspek reka bentuk teori dan pendekatan. Di samping itu, kajian AWK berfokus kepada kajian ideologi dan kuasa yang disampaikan melalui bahasa.

Sedangkan kajian analisis wacana lebih menjurus kepada kajian dari aspek bahasa yang digunakan dan tertumpu kepada satu bidang kajian bahasa seperti bidang sintaksis, semantik dan pragmatik. Tidak dinafikan AWK juga melibatkan analisis bahasa di dalam wacana. Namun terdapat aspek-aspek bahasa yang tertentu sahaja diberi penumpuan. Contohnya sarjana yang menggunakan analisis aktor sosial (*sosial actor*) memfokuskan kepada aspek bahasa seperti kata ganti nama diri, masa dan bentuk kata kerja.

2.2 Pembahagian Ayat Berdasarkan Ilmu *Ma'ānī*

Kajian ini akan dilaksanakan menggunakan Model Tiga Dimensi Fairclough (bahagian 3.1) dengan penerapan kaedah tatabahasa Arab dan ilmu balaghah bahasa Arab bagi peringkat analisis di tahap teks. Sebelum kita melihat pembahagian ayat berdasarkan ilmu *Ma'ānī*, kita akan melihat pembahagian ayat bahasa Arab secara umum. Hal ini kerana kajian ini akan menggunakan tatabahasa Arab yang menjadi tumpuan utama dalam ilmu *Ma'ānī* sebagai alat analisis. Tujuan utama tatabahasa ialah memahami binaan ayat dari aspek morfologi dan sintaksis dengan memastikan penggunaan bahasa menepati sistem dan ciri asas bahasa tersebut bermula dari pembinaan kata sehingga struktur ayat. Apabila kita

dapat memahami binaan ayat ini, kita dapat mengenal pasti bahagian-bahagian dan unsur-unsur yang terkandung di dalam sesuatu ayat, hubungan unsur antara satu sama lain, kaitan antara binaan serta kaedah menggabungkannya (Ashafizrol, 2016:1). Antara elemen penting yang berkait rapat dengan tatabahasa Arab ialah *I'rāb*. *I'rāb* mengkaji perubahan yang berlaku di akhir perkataan sama ada secara lafaz atau andaian (tidak nampak secara nyata dalam lafaz), akibat perubahan tugas (atau keadaannya) dalam sesuatu ayat dari sudut tatabahasa (Muhammad Marwan & Wan Moharani, 2008). Analisis ayat perlu didahului dengan analisis di peringkat perkataan yang digunakan dalam pembinaan ayat.


Menurut Al-Jarim dan Amin (2012:168), terdapat dua rukun utama bagi ayat iaitu, benda yang dihukumkan ke atasnya (مَحْكُومٌ عَلَيْهِ) dan cerita yang menjadi hukuman kepada benda tadi (مَحْكُومٌ بِهِ). Kedua-dua ini merujuk kepada subjek dan predikat. Subjek dinamakan sebagai (مُسْتَنَدٌ إِلَيْهِ). Manakala predikat dinamakan (مُسْتَنَدٌ). Unsur selain kedua-dua unsur utama ini dinamakan sebagai pelengkap ayat. Di dalam ayat namaan, subjek dikenali sebagai *mubtadā'* (مُبْتَدَأٌ) dan cerita dikenali sebagai *khobar* (خَبَرٌ). Di dalam ayat kerjaan pula, subjek merupakan kata kerja (فِعْلٌ), manakala predikat merupakan pelaku (فَاعِلٌ) kepada kata kerja.

Musnad ilaih ialah perkara yang ingin dijelaskan oleh penutur atau penulis (Mohd Rosdi, 2012:15) yang menjadi rujukan kepada cerita dalam ayat berkenaan (Mohd Rosdi, 2003:292). Musnad ilaih terdiri daripada pelaku (فَاعِلٌ), pengganti pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ), *mubtada'* (مُبْتَدَأٌ), kata nama كَان dan kumpulannya (اسْمٌ كَانَ وَأَخْوَاتُهَا), kata nama إِنَّ dan kumpulannya (إِنَّ وَأَخْوَاتُهَا), maf'ul pertama ظَنَّ dan kumpulannya (مَفْعُولٌ ظَنَّ وَأَخْوَاتُهَا) dan maf'ul ketiga رَأَى dan kumpulannya (مَفْعُولٌ رَأَى وَأَخْوَاتُهَا).

Manakala Musnad pula ialah cerita yang diberikan kepada objek, iaitu predikat (*khobar*) atau apa yang setanding dengannya dalam ayat namaan, dan kata kerja atau apa yang setanding dengannya dalam ayat kerjaan (Ben Isa, 2008:109). Cerita ialah berita atau

keterangan yang menjelaskan tentang sesuatu perkara (Mohd Rosdi, 2012:15). Ia merupakan unsur utama dalam sesuatu ayat. Ia juga difahami sebagai mesej yang ingin disampaikan oleh seseorang penutur atau penulis. Oleh itu, ayat yang paling mudah difahami ialah ayat yang bermula dengan cerita dan objek yang disebut selepasnya. Bagaimanapun, objek atau benda boleh disebut dahulu jika diperlukan oleh sesuatu konteks ayat (Mohd Rosdi, 2012:17). Cerita ialah keterangan atau kenyataan tentang benda dalam ayat (Mohd Rosdi, 2003:292). Musnad terdiri dari khabar (خَبَر), kata kerja *tām* (فعل التام), kata nama *fā'i'* (اسم الفاعل), khabar كَانَ dan kumpulannya (خَبَر كَانَ وَأَخْوَاتُهَا), khabar إِنَّ dan kumpulannya (خَبَر إِنَّ وَأَخْوَاتُهَا), maf'ūl kedua ظَنَّ dan kumpulannya (مَفْعُول ظَنَّ), maf'ūl ketiga رَأَى dan kumpulannya (مَفْعُول رَأَى وَأَخْوَاتُهَا).

Berdasarkan ilmu Ma'ānī, ayat dapat dibahagikan kepada dua jenis utama, iaitu ayat penyata (الخبري) dan ayat bukan penyata (الإينشائي) (Abdul Aziz, 1985). Menurut Mohd Zaki dan Che Radhiah (2013), ayat penyata ialah ayat yang berfungsi menyampaikan sesuatu berita kepada pendengar dengan memberi penumpuan kepada dua aspek utama merangkumi tujuan ayat dan bentuk ayat. Manakala ayat bukan penyata merangkumi ayat yang bersifat bukan permintaan (الإينشاء غير الطلبي) dan ayat yang bersifat permintaan (الإينشاء الطلبي) yang membicarakan sesuatu yang belum terjadi atau kejadian yang tidak berlaku ketika ungkapan disampaikan (Abdul Wāḥid Ṣaleḥ et. al, 2016:37). Pembahagian ini dapat dilihat secara ringkasnya dalam rajah berikut:



Rajah 2.2: Pembahagian Ayat Berdasarkan Ilmu Ma'ānī

2.3 Gaya Bahasa Ma'ānī

Gaya bahasa Ma'ānī membincangkan konsep utama yang dibincangkan dalam ilmu Ma'ānī melibatkan pembahagian ayat kepada ayat penyata dan bukan penyata (Ben Isa, 2008). Gaya bahasa ini membincangkan bagaimana dua rukun utama dalam ayat bahasa Arab, iaitu musnad (cerita) dan musnad ilaih (benda) hadir, dan kedudukannya dalam ayat seperti di hadapan atau di belakang ayat, digugurkan atau disebut dan sebagainya. Antara gaya

bahasa yang dibincangkan di bawah ilmu Ma'ānī adalah pendepanan dan pengakhiran (التقديم والتأخير), pengguguran dan pengekatan (الحذف و الذكر), pengkhususan (التقصر), ungkapan ringkas, setara dan panjang (الإيجاز والإطناب والمساواة), penyambungan dan pemisahan ayat (والوصل الفصل), dan yang terakhir adalah al-ta'rīf dan al-tankīr (التعريف والتنكير) (Ben Isa, 2008). Hanya empat gaya bahasa yang akan dibincangkan kerana ia dilihat sesuai dengan data kajian merangkumi pendepanan dan pengakhiran (التقديم والتأخير), pengguguran dan pengekatan (الحذف و الذكر), al-Ta'rīf dan al-Tankīr (التعريف والتنكير), dan pengkhususan (التقصر). Gaya bahasa ini masih di bawah ruang lingkup perbincangan pembahagian ayat di dalam ilmu Ma'ānī. Kita akan lihat dengan lebih teliti satu persatu.

2.3.1 Ayat Penyata

Ayat penyata boleh juga dikenali sebagai ayat berita atau ayat keterangan. Ayat ini mengandungi perkara yang betul dan salah. Melalui ayat atau ujaran yang disampaikan kita dapat menggolongkan pewacana sama ada orang yang benar atau salah. Maksud benar di sini merujuk kepada kebenaran berita yang disampaikan mengikut situasi semasa yang melatari ayat. Manakala ayat yang salah pula merujuk kepada unsur dusta yang menyalahi situasi semasa yang melatari ayat (Ben Isa, 2008: 147). Contohnya:

الجو جميل اليوم

Maksudnya : Cuaca hari ini cantik.

Merujuk kepada contoh di atas, apabila seseorang mengatakan bahawa cuaca hari ini cantik, perkara ini semestinya boleh berlaku. Sekiranya perkara ini benar-benar berlaku, maka ia dikira berita yang benar. Namun jika cuaca hari ini tidak baik, maka ia dirujuk sebagai berita dusta. Ayat jenis ini menekankan pengamatan keadaan pembaca oleh

pewacana, supaya mesej yang hendak disampaikan akan memberi kesan yang baik kepada pendengar. Ayat ini merangkumi tujuan dan jenis ayat penyata.

2.3.1.1 Tujuan Ayat Penyata (أغراض الخبر)

Menurut Ben Isa (2008), tujuan utama yang dikehendaki pewacana apabila menggunakan ayat jenis ini adalah memberitahu pendengar atau pembaca mengenai sesuatu perkara yang tidak diketahuinya. Contohnya:

العَرَبِيَّةُ لُغَةٌ الْإِنجَازِ

Maksudnya: Bahasa Arab merupakan bahasa yang ringkas.

Tujuan ayat ini ialah memberitahu pendengar sekiranya belum mengetahui mengenainya agar mendapat manfaat dari berita yang disampaikan. Ahli balaghah menamakan tujuan ini sebagai فَايِدَةُ الْخَبَرِ (faedah berita). Namun begitu, ada juga berita yang disampaikan bukan bertujuan memberitahu pendengar mengenai sesuatu kerana pendengar sudah maklum mengenainya. Contohnya:

أَنْتَ قَدِمْتَ مِنْ سَفَرِكَ أَمْسَ

Maksudnya: Awak pulang dari pemusafiran awak semalam.

Oleh itu, pemberitahuan ini bertujuan memberitahu pendengar bahawa dia juga mengetahui berita itu. Ahli balaghah menamakan tujuan ini sebagai لَأَنْتُمْ الْقَائِمَةُ (maklumat tersedia). Namun begitu, ayat berita juga mempunyai tujuan lain yang boleh dikenalpasti dengan melihat dan meneliti konteks ayat yang dilatarinya. Tujuan ini dinamakan sebagai أَغْرَاضُ بَلَاغِيَّةٍ (tujuan balaghah atau tujuan estetika). Antara tujuan balaghah menurut Ben Isa (2008: 50-51) ialah:

a) Memberi peringatan dan bimbingan (الْوَعْظُ وَالإِشْرَادُ). Contohnya firman Allah (S.W.T):

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۗ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Terjemahannya: tiap-tiap diri (sudah tetap) akan merasai mati, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Kami (untuk menerima balasan). (Surah al-'Ankabut : 57)

b) Mengejek (التَّوْبِيخِ). Contohnya seperti ungkapan penyair Ma'rūf al-Ruṣāfī:

فَشَرَّ الْعَالَمِينَ ذُوو حُمُولٍ # إِذَا فَاخَرْتَهُمْ ذَكَرُوا الْجُدُودَا

Maksudnya: Seburuk-buruk golongan umat manusia adalah orang-orang yang malas, apabila engkau mengalahkan mereka dengan segera mereka menyebut-nyebut nenek moyangnya.

c) Motivasi untuk beramal (التَّحْفِيزِ إِلَى الْعَمَلِ). Contohnya firman Allah (S.W.T):

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ ۗ

Terjemahannya: Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman - selain daripada orang-orang yang ada keuzuran - dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. (Surah al-Nisa':95)

d) Menunjukkan kekecewaan (التَّحْسُرِ وَالتَّأْسُفِ). Contohnya:

ضَاعَتْ فِلَسْطِينِ

Maksudnya : Palestin sudah tergadai.

e) Menzahirkan kelemahan (إِظْهَارِ الضَّعْفِ). Contoh firman Allah (S.W.T) atas ucapan Nabi

Zakaria (A.S):

رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي

Terjemahannya : Ya Tuhanku, sungguh tulangku telah lemah. (Surah Maryam : 4)

f) Memohon belas kasihan (الاسْتِغْثَامِ وَالِاسْتِعْطَافِ). Contoh doa nabi Musa (A.S):

رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي

Terjemahannya : Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri, maka ampunilah aku. (al-Qasas:16)

2.3.1.2 Jenis Ayat Penyata (أضرب الخبير)

Terdapat tiga jenis utama ayat penyata yang selari dengan tiga situasi penerima ketika sesuatu maklumat disampaikan. Situasi pertama dikenali sebagai *الابتدائي*, situasi kedua *الطلبية* dan situasi ketiga ialah *الإنكاري*. Pewacana yang akan menggunakan ayat penyata perlu mengambil kira salah satu dari situasi tadi, iaitu:


Situasi pertama merujuk kepada pendengar yang belum ada maklumat mengenai berita yang disampaikan. Jadi, penerima menerima mesej penyampai tanpa sebarang keraguan. Ayat ini tidak perlu menggunakan penegasan. Contohnya: *أبوك*

قادم (Ayah kamu telah datang).

Situasi kedua merujuk kepada pendengar yang meragui mesej penyampai maklumat. Ayat ini memerlukan kepada satu agen penegas. Contohnya: *إن أباك قادم* (Sesungguhnya ayah kamu telah datang).

Situasi ketiga merujuk kepada pendengar yang menolak mesej penyampai kerana tidak percaya dengan maklumat yang disampaikan. Ayat jenis ini memerlukan lebih dari satu agen penegasan. Contohnya: *والله، إن أباك قادم* (Demi Allah, sesungguhnya Ayah kamu telah datang).

Pada asasnya pemilihan gaya yang dianggap sesuai untuk digunakan oleh seseorang penutur adalah bergantung kepada kebijaksanaan penutur itu sendiri yang dapat menilai pendengar di hadapannya berpandukan situasi pendengar atau konteks (Mohd Zaki dan Che Radiah, 2013). Dalam ilmu balaghah, situasi ini disebut sebagai *مقتضى الظاهر* (yang boleh diterjemahkan sebagai situasi zahir. Secara ringkasnya pembahagian ini dapat dilihat pada rajah berikut:



Rajah 2.3: Bentuk Ayat Penyata dan Penerima

2.3.1.3 Pembahagian Struktur Ayat Penyata

Secara umumnya, struktur ayat bahasa Arab boleh dibahagikan kepada ayat namaan (الجُمْلَةُ الاسْمِيَّة) dan ayat kerjaan (الجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّة). Kedua-dua struktur ayat ini mempunyai fungsi yang berbeza bergantung kepada susunan dan aturan ayat.

Ayat namaan menurut al-Jarim dan Amin (2012:167) memberi makna yang tetap mengenai sesuatu perkara. Seperti menetapkan sesuatu subjek dengan predikatnya. Contohnya, الجو حار (cuaca panas). Daripada ayat tersebut, kita faham bahawa keadaan cuaca adalah panas tanpa perlu melihat kepada bila cuaca panas itu berlaku. Tidak ada unsur masa dalam ayat namaan. Ayat namaan dibentuk dengan dua cara. Pertama, dengan memulakan ayat dengan kata nama (Ahmad Salaby, 1985:31), kedua, memulakan ayat dengan objek sebelum subjek dan predikat. Al-Suyuti (1996) menjelaskan bahawa kata nama memberi makna yang tetap (ثبوت) dan kekal berterusan (استمرار).

Ayat kerjaan menurut al-Jarim dan Amin (2012:167) memberi makna berlakunya sesuatu perkara pada masa tertentu. Contohnya, *نام محمد* (Muhammad telah tidur). Ayat ini akan difahami pendengar sekiranya Muhammad benar-benar telah tidur. Ayat kerjaan memfokuskan kepada masa sesuatu perkara itu berlaku. Ayat kerjaan dibentuk dengan memulakan ayat dengan kata kerja. Al-Suyuti (1996) menjelaskan bahawa kata kerja memberi makna yang tidak tetap dan sementara.

2.3.2 Ayat Bukan Penyata (الإِنْشَائِي)

Ayat bukan penyata merujuk kepada ayat yang tidak dapat dikategorikan penyampainya benar atau salah (Jarim & Amin, 2012:168). Ayat jenis ini merangkumi ayat permintaan (*الطَّلْبِي*) dan ayat bukan bersifat permintaan (*غَيْرِ الطَّلْبِي*). Ayat permintaan (*طَّلْبِي*) menyampaikan mesej kepada penerima dalam bentuk permintaan yang hasilnya belum terlaksana sewaktu penyampaian dibuat. Ayat ini ditandai oleh modaliti (*صِيغَةَ*) perintah, larangan, pertanyaan, harapan dan seruan. Manakala ayat bukan permintaan (*غَيْرِ الطَّلْبِي*) menyampaikan mesej kepada penerima dalam bentuk bukan permintaan yang hasilnya terlaksana sewaktu penyampaian dibuat. Ayat ini diungkapkan menggunakan modaliti pujian dan kejian, takjub, sumpah, harapan dan lain-lain. Menurut Mohd Zaki dan Che Radiah (2012) dua perkara yang ditekankan dalam kajian ilmu al-Ma‘ānī iaitu ayat penyata dan ayat bukan penyata yang bersifat permintaan.

Ben Isa (2008) membincangkan ayat permintaan dalam lima bentuk atau lima modaliti utama iaitu suruhan (*الأَمْر*), tegah (*النَهْي*), tanya (*الاسْتِفْهَام*), angan-angan (*الْتَمَنِّي*) dan seruan (*الْتَدَاؤ*). Kelima-lima bentuk ayat ini merupakan ayat yang bersifat permintaan. Ayat-ayat ini seperti juga ayat penyata yang lain, mengandungi makna yang tersurat yang dipanggil situasi zahir dan mengandungi makna yang tersirat seperti berikut:

a) Ayat suruhan (الأمر)

Ayat suruhan adalah ayat yang digunakan untuk menyuruh seseorang melakukan sesuatu oleh pihak yang lebih tinggi kedudukannya. Ayat suruhan ini boleh dibuat menggunakan empat agen suruhan, iaitu kata kerja Amr (فعل الأمر), kata kerja kala kini disambung dengan *lām* 'amr, kata nama kata kerja suruhan (اسم فعل الأمر), dan kata terbitan pengganti kata kerja suruhan (المصدر النائب عن فعل الأمر). Ayat suruhan ini juga kadangkala menyimpang dari maknanya yang asal bergantung kepada petunjuk ayat. Antara makna-makna ini menurut Jarim & Amin (2012:168) ialah:

i. Doa (الدعاء). Contohnya:

(ربنا فاغفر لنا ذنوبنا وكفر عنا سيئاتنا (ال عمران : ١٩٣)

Terjemahannya: “Ya Tuhan kami, ampunilah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kesalahan-kesalahan kami”

ii. Suruhan kepada pihak yang sama kedudukan (الالتماس). Contohnya:

اعطني الكتاب يا صاحبي

Maksudnya: Berikan aku buku itu wahai sahabatku.

iii. Angan-angan (التمني). Contohnya:

يا عصافير , بلغني سلامي وشوقي إليها !

Maksudnya: “Wahai burung pipit, sampaikanlah salam dan rinduku kepadanya.”

iv. Memberi nasihat (الإرشاد). Contohnya:

إذا أردت النجاح في الامتحان فاجتهد في الدراسة

Maksudnya: “Jika kamu ingin berjaya dalam ujian maka rajinlah belajar.”

v. Ancaman (التهديد). Contohnya:

اعمل ما شئت، لك جزاء به

Maksudnya: Buatlah apa yang kamu suka, bagi kamu balasannya.

vi. Pilihan (التخيير). Contohnya:

عِشْ كَرِيماً أَوْ مُتْ شَهِيداً

Maksudnya: "Hiduplah secara terhormat atau matilah sebagai syahid"

b) Ayat Larangan (النهي)

Ayat larangan ialah ayat yang digunakan untuk menuntut seseorang meninggalkan sesuatu perbuatan oleh pihak yang lebih tinggi kedudukannya. Ayat ini boleh dibuat dengan menggunakan kata kerja kala kini didahului *lām nahy* (المضارع مع لا الناهية). Ayat ini juga mempunyai makna yang menyimpang dari makna asal mengikut petunjuk ayat. Antaranya menurut Jarim & Amin (2012:218) ialah:

i. Doa (الدعاء). Contohnya:

(.....رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا.....)

Terjemahannya:Ya tuhan kami janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami salah... (Al-Baqarah:286)

ii. Larangan kepada pihak yang sama kedudukan (الالتماس). Contohnya:

لا تتكلم معي يا أخي

Maksudnya: Jangan bercakap dengan aku wahai saudaraku.

iii. Nasihat (الإرشاد). Contohnya:

لا ترفع صوتك على أمك

Maksudnya: Jangan tinggikan suara terhadap ibumu.

- iv. Angan-angan (التمني). Contohnya:

يا قلبي لا تحزنني بموتها

Maksudnya: Wahai hatiku, jangan sedihkan aku dengan kematiannya.

- v. Ancaman (التهديد). Contohnya:

لا تتداخِل في أمري

Maksudnya: Jangan masuk campur dalam urusan aku.

- c) Ayat pertanyaan (الاستفهام).

Ayat pertanyaan merupakan ayat yang digunakan untuk meminta keterangan terhadap sesuatu perkara yang belum diketahui. Ayat ini dibuat menggunakan kata tanya antaranya ialah adakah (هل، الهمزة), siapa (مَنْ), bila (مَتَى), bagaimana (كَيْفَ), di mana (أَيْنَ), apa (مَا)، dan berapa (كَمْ). Ayat pertanyaan juga mengandungi makna yang menyimpang dari makna asalnya seperti berikut:

- i. Penafian (النفى). Contohnya:

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ

Terjemahannya: Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula). (Al-Raḥmān: 60)

- ii. Ingkar (الإنكار). Contohnya:

.....أَغَيْرَ اللَّهِ تَدْعُونَ.....

Terjemahannya: Apakah kalian menyeru (tuhan) selain Allah. (Al-An'ām:40)

- iii. Mengagungkan (التعظيم). Contohnya:

.....مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ.....

Terjemahannya:Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah...(Al-Baqarah:255)

iv. Merendahkan (التحقير). Contohnya:

أهذا الذي قلت جميلا؟

Maksudnya: Adakah seperti ini kamu kata cantik?

v. Memberi rangsangan (التشويق). Contohnya:

.....هل أدلُّكم على تجارةٍ تُنجيكم من عذابٍ أليمٍ

Terjemahannya: *Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya* (al-Şaff:10)

d) Ayat Angan-angan (التمني).

Ayat angan-angan digunakan untuk menunjukkan pengharapan kepada sesuatu yang mustahil atau terlalu sukar untuk dicapai. Ayat ini dibuat menggunakan lafaz semoga (كَيْتَ). Lafaz adakah (هل), kalau (أَو) dan agar (لَعَلَّ) juga digunakan untuk tujuan makna Balaghah (al-Jarim dan Amin, 2012:240). Angan-angan di sini melibatkan dua situasi. Pertamanya, perkara yang mungkin terjadi disebut التراجعي yang menggunakan lafaz عَسَى dan لَعَلَّ serta ليت untuk makna Balaghah (al-Jarim dan Amin, 2012:240). Kedua, perkara yang tidak mungkin terjadi yang menggunakan empat lafaz disebut tadi.

e) Ayat Seruan (النداء).

Ayat seruan merupakan ayat yang digunakan untuk memanggil pendengar agar memberi perhatian kepada apa yang ingin disampaikan. Ayat ini menggunakan kata seruan yang lapan (al-Jarim dan Amin, 2012:246) seperti ya (يا), hamzah (أ), (أَي), (آ), (آي), (أَيَا), (هيا), (هيا), (وا). Ayat seruan juga mengandungi makna yang menyimpang dari makna asal bergantung kepada petunjuk ayat antaranya:

i. Kagum (التعجب). Contohnya:

يا أيها المجنون، كيف تفلسف؟

Maksudnya: Wahai orang gila, bagaimana kamu mampu berfalsafah?

ii. Bangga (التفاخر). Contohnya:

أنا أكرم الضيف أيها الرجل

Maksudnya: Wahai lelaki, akulah tetamu yang paling mulia.

iii. Tawadhuk (التواضع). Contohnya:

أنا الفقير المسكين أيها الرجل

Maksudnya: Wahai lelaki, aku fakir miskin.

Namun begitu, pengkaji membataskan kajian ini terhadap ayat bukan penyata berbentuk pertanyaan sahaja kerana kajian ini akan lebih luas sekiranya kelima-lima ayat tersebut dibincangkan. Oleh itu, analisis kajian ini memfokuskan kepada ilmu Ma'ānī melibatkan ayat penyata dan ayat bukan penyata yang bersifat permintaan.

2.3.3 Pendepanan dan Pengakhiran (التقديم والتأخير)

Gaya bahasa ini berkait rapat dengan susunan kata dua rukun asas ayat bahasa Arab, iaitu musnad (cerita) dan musnad ilaih (benda) hadir, dan kedudukannya dalam ayat (Ben Isa, 2008). Hal ini dapat dilihat pada dua ayat yang mempunyai perkataan yang sama tetapi disusun pada kedudukan yang berbeza. Benda dan cerita dalam ayat dapat diletakkan sama ada di hadapan atau di belakang ayat. Kedudukan keduanya bergantung kepada tujuan ayat itu disampaikan. Contohnya dalam ayat قَامَ زَيْدٌ (telah berdiri Zaid) dan ayat زَيْدٌ قَامَ (Zaid telah berdiri). Maka ayat pertama yang dimulakan dengan kata kerja hanyalah ingin memberitahu mengenai perbuatan berdiri itu (قَامَ). Manakala ayat kedua yang merupakan ayat namaan bertujuan untuk menegaskan cerita tentang berdiri di samping juga bertujuan untuk pengkhususan bahawa hanya Zaid yang berdiri dan bukanlah orang lain.

2.3.4 Pengguguran dan Pengekalan (الحذف والذکر)

Gaya bahasa ini berkait rapat dengan pengguguran atau dikenali sebagai elipsis dan penyebutan atau pengekalan benda dan cerita dalam ayat. Al-Ḥazf ialah menggugurkan sebahagian perkataan dari ayat disebabkan terdapat petunjuk yang jelas. Pengguguran yang berlaku dapat difahami dengan petunjuk lafaz, kefahaman ataupun konteks ayat tersebut (Mohd Zaki & Che Radiah, 2012). Aspek pengguguran lebih diberi perhatian oleh ulama Balaghah kerana ciri utama bahasa Arab ialah ringkas dan padat. Contohnya apabila seseorang bertanya: هَلْ قَالَ الْأُسْتَاذُ : إِنَّ الْإِمْتِحَانَ بَعْدَ يَوْمَيْنِ؟ (adakah ustaz telah berkata : sesungguhnya peperiksaan selepas dua hari?). فَنَقُولُ لَهُ: الْأُسْتَاذُ قَالَ ذَلِكَ (maka kami menjawab: ustaz berkata demikian). Jawapan yang diberikan sudah memadai tanpa perlu mengulangi ayat sebenar yang dikatakan oleh ustaz. Manakala al-Zikr menyampaikan ayat seperti asalnya tanpa ada tuntutan untuk menggugurkan sebahagian ayat.

2.3.5 Kata Nama Ma'rifaṭ dan Kata Nama Nakiraṭ (التعريف والتكبير)

Gaya bahasa ini berkait rapat dengan bentuk kehadiran rukun ayat atau sesuatu perkataan kata nama sama ada secara kata nama ma'rifaṭ atau kata nama nakiraṭ. Kata nama nakiraṭ merupakan kata nama selain kata nama ma'rifaṭ. Kata nama nakiraṭ dalam bahasa Melayu atau *definiteness* dalam bahasa Inggeris ialah kata nama yang menunjukkan sesuatu secara khusus. Menurut Mahmud Sulaiman Yaqut (2009:117) pembahagian kata nama ma'rifaṭ dapat dikategorikan kepada enam bahagian iaitu:

- kata ganti nama (الضمير)
- kata nama khas (العلم)
- kata nama penunjuk (اسم الإشارة)
- kata nama relatif (الاسم الموصول)
- kata nama ma'rifah menerusi partikel al (المعرفة بأل)

- kata nama ma‘rifah menerusi idāfat (المضافة إلى المعرفة)

2.3.6 Pengkhususan (التقصر)

Al-Qaṣr adalah mengkhususkan sesuatu perkara dengan perkara lain dengan beberapa cara (Ben Isa, 2008). Al-qasr boleh dirujuk sebagai gaya bahasa penafian dan pengecualian. Ayat-ayat al-qasr boleh dibuat dengan menggunakan partikel yang telah ditentukan seperti partikel al-nafi dan al-istithna’ (لا & ما). Contoh ما مسافر إلا أخى. Ayat ini hanya mengkhususkan bahawa “hanya saudara saya yang musafir”. Gaya bahasa ini memberi makna yang lebih kuat berbanding ayat biasa.

2.4 Kajian Ilmu Balaghah dan Analisis Wacana Arab

Kita akan melihat secara umum beberapa kajian lepas yang telah memanfaatkan ilmu balaghah dan secara khususnya menggunakan ilmu *Ma‘ānī* yang menjadi alat analisis kajian ini. Kajian menggunakan ilmu Balaghah dapat dilihat dari dua aspek utama melibatkan analisis wacana al-Quran dan analisis wacana bukan al-Quran.

Kajian wacana al-Quran seringkali dilakukan bagi menganalisis jenis dan struktur ayat seperti kajian Siti Ikbāl Sheikh Salleh (1999), Abdul Rahim Ibrahim (1999), Wan Rohani Wan Mokhtar (2012) dan gaya bahasa seperti kajian Syakirah Rifa’in (2018), Abdul Halim Brahim (1997), Zahazan Bin Mohamed (2001), Mohd Fahmi Abdul Khir (2003), Abdullah Haron (1997), Mohamad Helmi Bin Sufi (1998), Mohd Sadri Abdullah (1999), Muhammad Farid Wajdi Tajudin (1999), Saipol Barin Bin Ramli (2004), dan Kasyfullah Abdul Kadir (2005) dan Mohd Abdul Nasir Abdul Latif (2014).

Kajian Siti Ikbāl Sheikh Salleh (1999) yang bertajuk Analisis Gaya Bahasa al-Insyā’ dalam Surah al-Nur telah mengkaji bagaimana gaya bahasa *al-Insyā’* di bawah ilmu *Ma‘ānī* digunakan di dalam surah al-Nur. Kajian yang menggunakan ilmu Balaghah ini

memfokuskan kepada makna-makna Balaghah yang terdapat di dalam ayat bukan penyata (*al-Insyā'īy*) di dalam surah al-Nur.

Abdul Rahim Ibrahim (1999) juga telah mengaplikasikan ilmu Balaghah dalam kajian beliau yang bertajuk *Ketidakterusan Perintah dan Larangan dalam al-Quran: Kajian Terhadap Ayat-ayat Hukum Surah al-Baqarah*. Kajian ini bertujuan menjelaskan mengenai kewujudan kenyataan perintah dan larangan secara tidak terus di dalam al-Quran secara umum dan di dalam surah al-Baqarah secara khusus. Beliau kemudiannya membuat penelitian mengenai keadaan dan gaya bahasa yang digunakan dalam kenyataan perintah dan larangan tadi. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan di antara kenyataan perintah dan larangan secara terus dan tidak terus. Kenyataan perintah dan larangan secara terus disampaikan menggunakan kata kerja perintah atau larangan. Manakala ketidakterusan pula disampaikan menggunakan kata kerja atau kata nama.

Kajian Wan Rohani Wan Mokhtar (2012) pula telah mengkaji penggunaan uslub *khabarīy* dalam al-Quran yang memfokuskan kepada Surah Yasin. Uslub *khabarīy* merupakan salah satu pembahagian ayat di bawah ilmu Maānī. Berbeza dengan kajian sebelum ini, uslub *khabarīy* merupakan ayat penyata yang dapat dibahagikan kepada ayat permintaan dan ayat bukan permintaan. Kajian ini memfokuskan kepada aspek penurunan ayat, huruf *hijāīyyat* pada permulaan surah dan isi kandungannya.

Syakirah Rifa'in (2018) telah menganalisis gaya bahasa amr (gaya bahasa perintah) dalam surah al-Baqarah. Gaya bahasa amr merupakan gaya bahasa yang terletak di bawah ayat bukan penyata (*al-Insyā'īy*) di dalam ilmu *Ma'ānī*. Kajian ini menggunakan Teori *Faḍl* Hasan 'Abbas (1997), pendekatan al-Awsīy (1988) dan al-Zuhaylīy (1991) bagi mengenalpasti bentuk dan tujuan amr mengikut konteks, menganalisis penggunaan bentuk amr mengikut konteks yang melatarinya dan merumuskan mesej tersirat di sebalik

kepelbagaian bentuk amr yang ada. Kajian ini mendapati terdapat empat bentuk amr iaitu fi'1 amr, *uslūb khabarīy* yang memberi makna *insyāīy*, *lām amr* dan *maṣḍar* yang melibatkan sebelas tujuan utama. Tujuan-tujuan ini melibatkan wajib, doa, sunat, *al-ibāḥat*, *al-inzār*, *al-irsyād*, *al-qudrat*, *ad-dawām*, *al-imtīnān*, *at-ta'dīb*, dan *al-ikrām*. Bentuk amr ini melibatkan bidang syariat dan akhlak dan hadir dalam 37 konteks. Empat bentuk amr menunjukkan empat mesej tersirat yang ingin disampaikan. Bentuk amr yang menggunakan fi'il amr digunakan sebagai arahan berbentuk tegas dan kuat yang melibatkan perkara-perkara asas. Bentuk amr menggunakan *uslūb khabarīy* yang memberi makna *insyāīy* pula digunakan sebagai arahan yang lebih lembut kerana melibatkan perkara-perkara sukar. Manakala bentuk amr menggunakan lam amr digunakan sebagai pengukuhan terhadap perkara yang melibatkan perincian. Akhir sekali ialah bentuk amr menggunakan masdar sebagai penegasan dan *mubālaghat* (berlebihan) supaya bersegera melakukan perintah tersebut. Kajian ini merumuskan kepelbagaian bentuk amr yang digunakan mempunyai keunikan dan mesej tersendiri.

Analisis ilmu Balaghah di dalam wacana bukan al-Quran seperti hadis, khutbah dan ucapan dan pidato lebih cenderung kepada pendekatan analisis wacana kritikal kerana melibatkan seperti kajian Munif Zariruddin Fikri Nordin (2003) yang menganalisis bahasa kepimpinan oleh Rasulullah SAW di dalam teks khutbah dan Ariza Abdullah (2019) yang menganalisis bahasa kepimpinan oleh Rasulullah SAW di dalam teks hadis.

Kajian Munif Zariruddin Fikri Nordin (2003) telah menggunakan Model Tiga Dimensi Fairclough dan pendekatan analisis hubungan dalaman teks berasaskan analisis Ilmu Balaghah di dalam kajian beliau bertajuk *Bahasa Kepimpinan Rasulullah S. A. W.: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul*. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji aspek kepimpinan melalui bahasa dan amalan wacana mengenai peperangan. Hasil kajian telah

merumuskan enam hubungan iaitu: 1) amalan tauhidiah dan ciri-ciri teks Rasulullah SAW yang dideskripsikan daripada lima puluh bentuk pancaran iman. Allah SWT sebagai autoriti tertinggi menjadi fokus utama dalam pemilihan strategi bahasa yang bersesuaian dengan konteks dan situasi; 2) amalan tauhidiah dan penzahiran aspek dan komponen kepimpinan dapat dikesan dalam amalan wacana Rasulullah SAW dari segi penguasaan sumber maklumat, penguasaan cara pemerolehan maklumat, pembekalan maklumat berstruktur serta kepelbagaian fungsi ayat; 3) proses sosial Rasulullah SAW berpaksikan amalan tauhidiah dengan empat sifat wajib bagi rasul ditonjolkan sebagai identiti Rasulullah SAW; 4) ciri-ciri teks dan amalan wacana Rasulullah SAW tergolong dalam kategori amal soleh; 5) ciri -ciri teks atau bahasa ialah wahana asas yang diperlukan oleh Rasulullah SAW dalam menggambarkan proses sosial Rasulullah SAW iaitu identifikasi dan representasi kepimpinan kepada pengikut; 6) Proses sosial yang melatari wacana Rasulullah SAW memperlihatkan risalah kepimpinan yang dibawa oleh baginda. Proses ini dipaparkan oleh keupayaan baginda dalam amalan wacana baginda.

Bagi komponen bahasa kepimpinan, beliau telah memilih analisis bingkai dan kemahiran retorik yang dirumuskan daripada Teori Conger (1991). Elemen-elemen analisis wacana pula terdiri daripada iman, amal soleh I, amal soleh II dan pegangan agama yang disesuaikan daripada prinsip aḥsan qawl dalam surah Fuṣṣilat ayat 33. Amal soleh I (ciri-ciri teks) dan amal soleh II (amalan wacana) berfungsi membuat deskripsi dan interpretasi tentang kemahiran retorik (bahasa) Rasulullah S.A.W. Iman (amalan tauhidiah) dan pegangan agama (proses sosial) pula berfungsi membuat huraian tentang meringkai (kepimpinan) baginda. Amalan wacana Rasulullah SAW dalam proses penghasilan dan pendekatan, penyebaran dan penerimaan, penggunaan dan peristinbatan wacana

memperlihatkan kefahaman baginda tentang fungsi bahasa. Analisis luaran teks yang membabitkan tahap penguasaan baginda yang tinggi terhadap sisipan wacana. Struktur maklumat dan kepelbagaian fungsi ayat yang dimanfaatkan dalam interdiskursiviti juga menyerlahkan gaya keperibadian baginda sebagai pemimpin karismatik. Praktis kepimpinan Rasulullah SAW menganjurkan bahawa kebaikan adalah untuk dikongsi bersama dan keburukan pula adalah untuk dihindari bersama.

Kajian Mohd. Azidan Abdul Jabar (2003) yang bertajuk *Kohesi dalam wacana Arab: Satu kajian dalam Novel al-Sihab al-Ahmar* Karangan Mustafa Sadiq al-Rafei telah menggunakan model kohesi wacana yang dikemukakan oleh M.A.K. Halliday dan Ruqaiya Hasan (1976) bersama penerapan pendekatan dan teori-teori para sarjana linguistik Arab. Kajian ini telah mengklasifikasikan kohesi kepada dua bahagian utama iaitu kohesi nahu dan kohesi leksikal. Kohesi nahu dibahagikan kepada beberapa jenis kohesi yang utama iaitu rujukan, ellipsis, substitusi dan konjungsi. Setiap jenis kohesi nahu dinyatakan melalui alat-alat kohesi Arab tertentu yang telah dilakukan penyesuaian dan modifikasi supaya selaras dengan konsep kohesi dalam wacana penulisan. Manakala kohesi leksikal dibahagikan kepada beberapa alat kohesi yang utama iaitu pengulangan, sinonim, antonim, superordinat, hiponim, metonimi dan kolokasi. Hasil kajian mendapati terdapat banyak alat daripada berbagai-bagai jenis kohesi yang boleh digunakan untuk memastikan ketekstualan unsur-unsur dan bahagian-bahagian yang membina sesebuah teks penulisan Arab. Perkara ini dapat memastikan fungsi wacana Arab dalam konteks sosialnya.

Manakala kajian Mohamad Rushdan Azizan (2012) yang bertajuk *Manifestasi Perjuangan dalam Pidato Yasser Arafat dari Sudut Analisis Wacana kritikal* telah mengkaji pidato pemimpin Palestin iaitu Yasser Arafat melalui teks ucapan beliau yang

disampaikan dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pergerakan Negara Berkecuali. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa amalan perjuangan berorientasikan ideologi kemanusiaan dan pro-demokrasi telah dapat dicungkil daripada wacana. Selanjutnya, jenis ideologi tersebut dibuktikan melalui hubungan dialetikal dengan aspek leksikal, nahu dan amalan wacana yang telah dimanfaatkan oleh pewacana. Kajian ini telah membuktikan hubungan bahasa dan ideologi dapat ditonjolkan menerusi kerangka Analisis Wacana kritikal.

Kajian Ariza Abdullah (2019) yang bertajuk Bahasa kepimpinan Rasulullah s.a.w dalam Riwayat Aisyah r.a Dari Sudut Analisis Wacana kritikal telah menggunakan pendekatan Model Tiga Dimensi Fairclough (1995). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri bahasa kepimpinan rumah tangga baginda dan amalan wacana periwayatan hadis. Data kajian ini telah dikumpul dari sebelas buah hadis kitab Saḥīḥ al-Bukhārīy. mengenai peristiwa yang berlaku dalam rumah tangga baginda. Hasil analisis tekstual mendapati unsur leksikal makna kata kepimpinan, leksikal metafora, dan nahu transitiviti berbentuk proses kognisi dan aksi serta pelbagai modus penyataan dan performatif. Manakala dimensi amalan wacana menemukan teknik intertekstualiti metawacana dan representasi, selain interdiskursiviti genre naratif, deskriptif, ekspresif, dan interaksi. Dimensi praktis sosiobudaya pula menjelaskan terdapat hubungan antara wacana dan praktis bahasa kepimpinan rumah tangga Rasulullah S.A.W. Kajian merumuskan kepelbagaian praktis bahasa kepimpinan berdasarkan konteks iaitu praktis bahasa perundingan, bahasa tegas, bahasa izin, bahasa bukan verbal, bahasa kiasan, bahasa ekspresif serta bahasa nafi dan keterangan. Kajian ini telah menghasilkan modul Praktis Bahasa Kepimpinan Rumah Tangga Rasulullah (PBKRR) yang perlu diketengahkan

sebagai alternatif kepada masyarakat untuk membina institusi rumah tangga yang lebih mantap.

Terdapat beberapa kajian yang melibatkan data bahasa Arab dan mengaplikasikan ilmu Balaghah bersama teori AWK Fairclough telah dibuat. Antaranya ialah kajian Munif (2008) yang bertajuk ‘Bahasa kepimpinan Rasulullah S.A.W: Analisa Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul. Kajian kedua ialah kajian yang dibuat oleh Rashdan (2012) yang bertajuk Manifestasi Perjuangan Dalam Pidato Yasser Arafat Dari Sudut Analisis Wacana kritikal. Kajian ketiga ialah kajian Ariza Abdullah (2019) yang bertajuk Bahasa kepimpinan Rasulullah s.a.w dalam Riwayat Aisyah r.a Dari Sudut Analisis Wacana kritikal. Ketiga-tiga kajian ini melibatkan analisis bahasa kepimpinan. Kajian ini akan cuba melihat isu pelarian dari dua aspek yang berbeza iaitu melibatkan analisis laporan berita berbahasa Arab serta mengaplikasikan ilmu Balaghah bersama teori AWK Fairclough (1989, 1992a, 1995, 2003) di dalam teks berita yang dikaji.

2.5 Jurang Kajian

Berdasarkan kepada kajian lepas, tiga jurang kajian telah dikenalpasti seperti berikut:

Pertama, kebanyakan kajian yang dibuat terhadap pelarian melibatkan kajian pelarian bangsa lain dari negara luar. Kajian-kajian ini melibatkan liputan media tuan rumah yang menerima pelarian dari negara lain. Kebanyakan kajian menunjukkan representasi negatif terhadap golongan pelarian luar yang datang (lihat Mustafa-Awad dan Kirner-Ludwig, 2021).

Kedua, kebanyakan kajian melibatkan media barat dan melibatkan teks berbahasa Inggeris. Walaupun pelarian yang datang merupakan pelarian dari negara Timur Tengah (seperti

Palestin dan Syria), negara Afrika dan Asia, namun kajian mengenai golongan ini didominasi oleh kajian di negara barat (lihat Plascencia, 2017; Tavassoli et. al, 2018).

Ketiga, kajian analisis wacana teks berbahasa Arab menggunakan Model Tiga Dimensi Fairclough setakat ini melibatkan wacana kepimpinan di dalam teks agama seperti khutbah, pidato dan hadis (rujuk 2.3) yang merupakan wacana lisan yang bertulis. Bagi mengisi jurang tersebut, kajian ini dijalankan bagi melihat perspektif media Arab AJA terhadap pelarian bangsa Arab dibandingkan dengan media barat berbahasa Arab BBKA sebagai wakil masyarakat luar menggunakan Model Tiga Dimensi Fairclough dan ilmu balaghah bahasa Arab bagi menganalisis wacana penulisan teks berita berbahasa Arab.

2.6 Kesimpulan

Bab ini telah memaparkan kajian lepas yang telah dijalankan di dalam bidang analisis wacana, menggunakan ilmu balaghah dan pendekatan AWK Fairclough. Konsep-konsep penting merangkumi tujuan ilmu Balaghah dan pengaruh ilmu al-Ma'ānī terhadap ilmu balaghah turut dikupas. Bab ini juga memaparkan perkembangan kajian analisis wacana yang berkembang melalui pendekatan kajian yang digunakan, matlamat kajian yang dijalankan serta perkembangan analisis wacana kritikal yang berkembang melalui tempat kajian dilakukan, matlamat kajian dan pendekatan kajian. Kajian ini akan menggunakan ilmu Ma'ānī sebagai alat analisis. Ilmu Ma'ānī merupakan salah satu dari cabang ilmu balaghah bahasa Arab yang tiga dan tertumpu kepada analisis teks berbahasa Arab. Bab ini juga telah menerangkan jurang kajian yang terdapat di dalam kajian lepas yang membolehkan kajian ini dijalankan.


BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan metodologi kajian secara keseluruhan. Ia merangkumi penerangan mengenai kerangka teori pada bahagian 3.1. Seterusnya perincian mengenai pemilihan data kajian bahagian 3.2 diikuti penerangan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan kajian pada bahagian 3.3. Bab ini akan disimpulkan pada bahagian 3.4. Kajian analisis tekstual ini bertujuan mengetengahkan, menginterpretasi dan menghuraikan bahasa yang digunakan dalam akhbar bagi menggambarkan pelarian Syria. Analisis ini akan dibuat melibatkan dua laman web berita antarabangsa iaitu al-Jazeera dan BBC.

3.1 Kerangka Teoritikal

Kajian ini memilih pendekatan Model Tiga Dimensi *Critical Discourse Analysis* (CDA) yang dipelopori oleh Norman Fairclough (1992a) sebagai kerangka teori. Pemilihan Model Tiga Dimensi Fairclough (1992a) dibuat berdasarkan fokus utama kajian ini iaitu menganalisis teks tulisan tidak termasuk gambar, audio dan video. Fairclough memfokuskan kajian analisis wacana kritikalnya terhadap bahasa dalam media, bahasa yang digunakan dalam sesuatu institusi atau tempat kerja (Kamila, 1999:56). Selain itu, kajian ini akan menggunakan aspek ilmu balaghah bahasa Arab sebagai alat analisis bahasa. Walaupun kajian ini menggunakan pendekatan analisis wacana kritikal, namun kajian ini masih di bawah ruang lingkup analisis wacana yang tidak akan menyentuh aspek ideologi.



Rajah 3.1: Model AWK Fairclough (1992a:73)

Model ini beranggapan bahawa setiap wacana dapat dilihat dan dianalisis melalui tiga dimensi iaitu teks (tulisan, ucapan dan visual), amalan wacana (penghasilan dan penggunaan teks) dan amalan sosial (amalan sosial).

3.1.1 Teks (Tahap Deskripsi)

Analisis di tahap ini melibatkan analisis ciri formal teks (Fairclough, 1989:21) yang tertumpu kepada 'apa' yang terdapat dalam teks dan apakah jenis wacana yang dihasilkan (Fairclough, 1989:92). Analisis teks boleh dilakukan dengan melihat kepada empat topik utama melibatkan analisis perkataan, analisis tatabahasa, kohesi serta analisis struktur ayat (Fairclough, 1992aa:75). Fairclough (1992ab:194) berpandangan bahawa analisis kandungan atau makna sesuatu teks mesti dibuat serentak dengan melihat kepada bentuk bahasa yang digunakan. Hal ini kerana bentuk bahasa merupakan sebahagian daripada

kandungan teks. Oleh itu, analisis teks merupakan sebahagian daripada analisis kandungan teks (Fairclough, 1992a:202). Malah satu set ciri formal sesuatu teks boleh dianggap sebagai satu set pilihan yang dibuat bagi menentukan jenis wacana yang dihasilkan (Fairclough, 1989:92; 2003:12). Dimensi pertama ini merupakan fokus utama Fairclough dalam model yang beliau ketengahkan.

Fairclough (1992a) menjelaskan bahawa analisis teks merupakan analisis yang melibatkan analisis linguistik dan analisis intertekstualiti. Perbincangan mengenai ciri-ciri teks tidak dapat lari dari proses penghasilan dan pentafsiran teks (Fairclough, 1992a:73). Pertindihan ini menyebabkan pembahagian topik di bawah analisis teks (deskriptif) dan analisis amalan wacana (pentafsiran) tidak mempunyai satu pembahagian yang tetap (Fairclough, 1992a:75). Hal ini bergantung kepada fokus analisis yang dibuat ketika itu.

3.1.2 Amalan Wacana (Tahap Penafsiran)

Analisis di tahap ini melibatkan analisis proses penghasilan (*production*), penggunaan (*consumption*) dan penyebaran (*distribution*) teks dalam wacana (Fairclough, 1992a:78). Secara ringkasnya, tahap ini melihat teks sebagai produk kepada proses penghasilan dan sebagai sumber kepada proses pentafsiran yang dibuat (Fairclough, 1989:21). Analisis ini dapat dibuat dengan melihat kepada tiga aspek utama melibatkan analisis koheren, analisis fungsi ujaran (*force of utterances*) dan analisis intertekstualiti (Fairclough, 1992a:75). Konsep utama dimensi ini ialah konsep intertekstualiti dan interdiskursiviti. Hal ini kerana kedua-dua konsep ini merupakan ciri utama bagi setiap teks kerana teks dibentuk oleh pengaruh teks-teks lain (Fairclough, 1992a; Bakhtin, 1986). Pada dimensi ini, Fairclough memberi tumpuan kepada hubungan antara teks dan sosial. Cara sesuatu wacana disusun

(*discourse orders*) membantu untuk memahami struktur sosial (*social orders*) yang terlibat di sebalik teks. Penggunaan unsur intertekstualiti menunjukkan cara teks luar digunakan sama ada digunakan dalam bentuk petikan (*quotation*), penulisan semula (*rephrasing*), andaian (*assumption*); dan pendirian penulis terhadap teks luar tersebut. Hal ini dapat membantu memperlihatkan mesej sebenar yang cuba disampaikan di sebalik wacana yang ditulis.

Melalui cara mesej disampaikan, kita dapat melihat tumpuan yang diberikan pewacana terhadap satu golongan dan pengabaian yang dibuat terhadap golongan lain. Kebiasaannya suara golongan elit seperti pemimpin dan orang ternama lebih diberi perhatian untuk menyuarakan pendapat mengenai sesuatu isu. Manakala golongan minoriti seperti pelarian, orang bawahan atau mangsa tidak mendapat peluang sewajarnya untuk menyuarakan pendapat. Jadi, dengan menganalisis petikan luar yang terlibat dalam wacana media, kita berupaya untuk melihat kecenderungan laporan berita itu membincangkan sesuatu isu.

3.1.3 Amalan Sosial (Tahap Penjelasan)

Objektif analisis di tahap ini memperlihatkan wacana sebagai sebahagian dari proses dan amalan sosial; yang menunjukkan bagaimana wacana dipengaruhi oleh struktur sosial dan pengaruh wacana terhadap struktur sosial sama ada mengekalkannya atau mengubahnya (Fairclough, 1989:135). Analisis di tahap ini melibatkan proses analisis pengaruh sosial, amalan sosial dan struktur sosial terhadap teks. Secara ringkasnya, ia melihat bagaimana konteks situasi dan perkara yang berada di luar teks mempengaruhi penggunaan bahasa dalam teks.

3.2 Data Kajian

Data yang dipilih merupakan artikel berita bahasa Arab yang diambil melalui laman web berita al-Jazeera dan BBC. Bagi al-Jazeera, data diperoleh melalui laman web <http://www.aljazeera.net/portal>. Manakala BBC diperoleh dari laman web <http://www.bbc.com/arabic>. Menurut Powers (2012), Al-Jazeera dilihat berpotensi sebagai satu media teknologi baru yang berpengaruh dalam mempengaruhi keputusan yang dibuat di peringkat antarabangsa. al-Jazeera juga merupakan institusi media yang dibiayai kerajaan sepertimana BBC dan VOA (*Voice of America*).

Al-Jazeera dipilih kerana ia dilihat sebagai saluran berita Arab yang paling banyak ditonton. Pada mulanya, ia dilancarkan sebagai sebuah rangkaian berita bahasa Arab dan saluran hal ehwal semasa. Namun kemudiannya berkembang menjadi rangkaian yang besar melibatkan beberapa cawangan pusat penyiaran di banyak bahagian dunia (Nour Shreim, 2008:79). Al-Jazeera juga menyampaikan berita dari perspektif bangsa Arab (el-Nawawy, 2003; el-Nawawy dan Iskandar, 2002; Johnson dan Fahmy (2008). Selain itu, al-Jazeera telah dipuji oleh penyokongnya sebagai CNN dari Dunia Arab yang menjadi salah satu organisasi berita paling penting dan terkemuka dari aspek politik di dunia hari ini (Miles, 2005; Seib, 2007 dalam Johnson & Fahmy (2010) serta sebagai sumber berita yang paling dipercayai (Fahmy & Johnson, 2007; Johnson & Fahmy, 2008). Penubuhan al-Jazeera menjadi faktor penting peningkatan pengaruh Qatar di peringkat antarabangsa (Khatib, 2013:258) dan menjadi satu-satunya media alternatif berbahasa Arab di peringkat global. Di dalam dunia Arab, institusi media milik kerajaan menjadi saluran propaganda bagi para pemimpin, namun al-Jazeera dilihat membawa pembaharuan kerana menyampaikan pendirian, dan kritikan sebenar ahli politik. Kelantangannya dalam

menyampaikan sesuatu isu telah menyebabkan beberapa pejabatnya di rantau Arab ditutup (Khatib, 2013:258).

Pemilihan BBC Arab pula dibuat berdasarkan kejayaannya sebagai saluran berita asing bahasa Arab yang berjaya. BBC Arab adalah rangkaian baru yang dibiayai oleh kerajaan Britain yang dilancarkan perkhidmatannya oleh *BBC World* pada Mac 2008. Ia merupakan saluran BBC pertama dalam bahasa asing yang dibiayai secara awam. Ini merupakan percubaan kedua BBC dalam pasaran Timur Tengah selepas ia gagal pada tahun 1996 dalam perselisihan dengan keluarga diraja Arab Saudi (Nour Shreim, 2008:79). BBC bukanlah saluran berita satelit Barat yang pertama yang diarahkan ke Timur Tengah. Amerika Syarikat, Perancis dan Rusia mempunyai perkhidmatan televisyen bahasa Arab sendiri. Masing-masing cuba memasuki pasaran al-Jazeera yang berkembang pesat dan berpengaruh tetapi gagal (Barkho 2006 dalam Barkho, 2008:36).

Kedua-dua sumber berita ini mempunyai beberapa ciri persamaan antaranya ditubuhkan pada tahun yang sama iaitu tahun 1996. Selain itu, dua sumber berita ini memiliki ciri yang sama iaitu ditubuhkan untuk menyampaikan berita dari Timur Tengah. Terdapat wartawan dan jurnalis yang pernah berkhidmat di BBC Arab berpindah ke al-Jazeera begitu juga sebaliknya. Namun begitu, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana hubungan antara dua laman berita ini mempengaruhi antara satu sama lain dalam menyampaikan isu pelarian Syria.

3.2.1 Kaedah Pengumpulan Data

Artikel berita ini diambil melalui enjin carian laman web kedua-dua berita melalui kata kunci “pelarian” (اللاجئين), dan “rakyat Syria” (السوريين). Sebanyak 100 artikel laporan

berita al-Jazeera dan 100 artikel laporan laman berita BBC telah dipilih bagi kedua-dua laman berita. Artikel yang telah dipilih ini dibaca, dipilih untuk memastikan laporan berita ini mempunyai tajuk berita yang menyebut perkataan pelarian, sama ada kata ‘pelarian’, ‘pelarian Syria’ atau ‘pendatang’ dan fokus utama ialah laporan berita mengenai pelarian Syria. Sebanyak 50 artikel dari kedua-dua laman berita telah dipilih menjadikan jumlah keseluruhannya 100 buah artikel dari 200 artikel keseluruhannya. Artikel ini kemudiannya disalin (*copy*) dan disimpan dalam bentuk *word (.doc extension)* dan seterusnya dilabelkan mengikut topik, tahun dan tarikh dikeluarkan. Artikel berita ini dipilih dari tahun 2014 hingga 2015 bagi al-Jazeera dan 2016 bagi BBC. Laman berita BBC menyediakan data yang kurang berbanding al-Jazeera. Namun hanya 50 artikel dipilih bagi setiap laman berita. Artikel-artikel ini diperiksa secara manual iaitu secara analisis kandungan agar bertepatan dengan objektif kajian. Tahun 2014 dan 2015 dipilih kerana memperlihatkan beberapa episod dan peristiwa penting terhadap pelarian yang menarik perhatian dunia dan media khususnya.

Tahun 2014 menyaksikan peningkatan tahunan tertinggi perpindahan pelarian sebanyak 8.3 juta orang berbanding tahun sebelumnya. Laporan Global Trends (2014) terhadap Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR), menganggarkan 59.5 juta orang berpindah secara paksa di seluruh dunia sehingga akhir tahun 2014.

Tahun 2015 pula menyaksikan beberapa peristiwa penting yang menarik perhatian dunia seperti peristiwa kematian Alan Kurdi yang terdampar di pantai Turkiye. Menurut laporan *The Guardian* pada 9 November 2015, surat khabar di Eropah barat dilihat lebih bersimpati terhadap pendatang dan pelarian sejurus selepas penyiaran gambar tidak

bermaya Alan Kurdi di pantai Turkiye. Peristiwa ini juga telah menyumbang kepada penerimaan 25,000 orang pelarian Syria di Canada.

Selain itu, peristiwa Osama Abdel Mohsen Al-Ghadab dan anak lelakinya yang terjatuh akibat ditendang oleh seorang wartawan dari Hungari di sempadan Rösztke telah mencetuskan *viral* dan mendapat perhatian ramai. Pemain bola sepak terkenal, Cristiano Ronaldo telah bertindak membawa budak tersebut ke stadium ketika Real Madrid bermain menentang Granada pada 19 September 2015 yang lalu. Hal ini menunjukkan pengiktirafan yang positif dari dalam kalangan masyarakat luar. Peristiwa-peristiwa penting ini sedikit sebanyak mencetuskan perhatian pelbagai pihak terutamanya pihak media. Corak pergerakan RASIM dalam Rajah 3.2 dilihat bertambah secara mendadak bermula tahun 2013 sehingga 2015.

Figure 1 | Trend of global displacement & proportion displaced | 1997-2016



Rajah 3.2: Corak Pergerakan RASIM

Sumber: *Global Trends* UNHCR, 2017

3.2.2 Kaedah Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini akan dilaksanakan mengikut pendekatan Model Tiga Dimensi *Critical Discourse Analysis* (CDA) yang dipelopori oleh Norman Fairclough (1989, 1992a, 1995, 2003) dengan diintegrasikan bersama kaedah dan prinsip khusus Balaghah bahasa Arab (Ilmu al-Ma‘ānī).

Bagi peringkat teks, ia melibatkan analisis aspek bahasa menggunakan alatan korpus (*Antconc*) dan ilmu al-Ma‘ānī. Alatan korpus digunakan untuk mencari frekuensi kata yang sering digunakan di dalam laporan berita mengenai pelarian dan kepelbagaian bentuk kata pelarian yang digunakan.

Bagi peringkat amalan wacana, analisis akan dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama, analisis amalan wacana melibatkan aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti. Kedua, analisis amalan wacana selain aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti seperti aspek kohesi dan koheren, serta strategi laporan lain yang digunakan. Melalui analisis amalan wacana, pengkaji akan menjelaskan amalan sosial yang melatari laporan kedua-dua laman berita.

3.2.2.1 Teks

Analisis di peringkat ini melibatkan analisis bahasa pada tahap kosa kata atau leksikal, tatabahasa, dan semantik menggunakan peralatan korpus dan ilmu al-Ma‘ānī . Menurut Fairclough (1992a), analisis teks boleh dibuat dengan melihat kepada empat perkara utama iaitu leksikal, tatabahasa, kohesi dan struktur teks.

Pada tahap leksikal, terdapat tiga fokus utama yang boleh dilihat iaitu proses pemilihan kata (*alternative wordings*), makna perkataan dan unsur metafora. Analisis leksikal melibatkan pemilihan kata individu (Fairclough, 1992a:75). Pengkaji akan melihat

frekuensi kata dan kolokasi kata melalui proses korpus menggunakan *Antcont* bagi mendapatkan tema dan corak pemilihan kata. Kajian ini menggunakan perkataan ‘Syria’ (سوريا), ‘pelarian’ (), ‘pelarian Syria’ (سوري) dan ‘pendatang’ (مهاجر) sebagai *search term* untuk menganalisis korpora bagi mendapatkan kepelbagaian bentuk kata pelarian frekuensi kata. Selain itu, *Antcont* juga digunakan bagi menganalisis frekuensi kata yang sering hadir dalam kedua-dua sub-korpora (AJA) dan (BBCA) secara keseluruhan. Sebagai contoh menggunakan *search term pelarian ** yang akan menyenaraikan frekuensi semua bentuk perkataan pelarian dari kata akar yang sama seperti dalam rajah di bawah:

Type	Rank	Freq	Range
1. اللاجئين	1	305	48
2. لاجئ	2	74	36
3. للاجئين	3	60	26
4. للاجئ	4	27	15
5. للاجئين	5	20	15
6. لاجئين	6	15	13
7. لاجئا	7	9	8
8. كلاجئين	8	8	5
9. لاجون	9	7	7
10. اللاجئة	10	5	4
11. باللاجئين	11	3	3
12. للاجئين	12	1	1
13. كلاجئ	12	1	1
14. لاجئ	12	1	1
15. للاجئ	12	1	1

Rajah 3.3: Kepelbagaian bentuk perkataan “pelarian” لاجئ في dalam AJA

Rajah 3.3 menunjukkan terdapat 15 bentuk perkataan dari kata akar لاجئ yang terdapat di dalam laporan al-Jazeera. Tiga perkataan tertinggi merupakan perkataan اللاجئين yang berulang sebanyak 305 kali. Diikuti oleh perkataan لاجئ yang berulang sebanyak 74 kali dan perkataan للاجئين yang berulang sebanyak 60 kali.

Type	Rank	Freq	Range
1	1	1652	50
2	2	842	50
3	3	807	50
4	4	435	49
5	5	390	50
6	6	321	50
7	7	305	48
8	8	212	43
9	9	151	46
10	10	148	46
11	11	112	36
12	12	110	42
13	13	109	42
14	14	88	35
15	15	86	34
16	16	83	34
17	16	83	39
18	18	75	26
19	19	74	36
20	20	73	28
21	21	69	34
22	21	69	36
23	23	66	27

Rajah 3.4: Senarai frekuensi kata dalam AJA

Rajah 3.4 menunjukkan senarai frekuensi perkataan yang terdapat dalam laporan berita al-Jazeera mengikut bilangan yang tertinggi di dalam teks berita. Perkataan *و*, *في*, *من*, *إلى* dan *على* merupakan partikel yang sering berulang di dalam teks berita. Manakala dari segi 3 perkataan tertinggi yang terdapat dalam al-Jazeera adalah perkataan *اللّاجئين* sebanyak 305 kali, diikuti oleh perkataan *السُّوريين* yang berulang sebanyak 212 kali dan perkataan *سُّوريا* yang berulang sebanyak 88 kali.

Pada tahap tatabahasa, kohesi dan struktur teks akan dianalisis menggunakan ilmu Ma‘ānī. Analisis tatabahasa melibatkan gabungan perkataan dalam klausa dan ayat, kohesi pula melibatkan proses bagaimana ayat digabungkan dengan ayat yang lain dan struktur teks pula melihat susunan teks secara menyeluruh (Fairclough, 1992a:75). Analisis pada ketiga-tiga tahap ini dilihat saling berkaitan di antara satu sama lain. Pengkaji berpendapat aspek kohesi dan struktur teks boleh dilihat sebagai sub-topik kepada analisis pada tahap

tatabahasa. Secara ringkasnya peringkat analisis teks melibatkan aspek-aspek seperti di bawah:

Tahap Analisis	Tumpuan Analisis	Alat Analisis
Analisis pada tahap kosa kata atau leksikal.	<ul style="list-style-type: none"> -Analisis akan tertumpu kepada frekuensi kata. -Ia melibatkan tema dan corak pemilihan kata. -Frekuensi kata alternatif (perkataan yang sering digunakan) -Tema dan corak pemilihan kata mengenai pelarian (perkataan negatif atau positif) -Hubungan semantik kata (sinonim, antonim, hipernim, hiponim) 	Peralatan korpus Antconc 3.4.4w
Analisis pada tahap tatabahasa, kohesi dan struktur teks.	<ul style="list-style-type: none"> -Analisis akan tertumpu kepada huraian hubungan ayat dengan makna, partikel serta kosa kata. -Ayat penyata dan bukan penyata -Ayat namaan (Subjek dan predikat) -Ayat kerjaan (Kata kerja aktif <i>transitive verb</i> dan kata kerja pasif <i>intransitive verb</i>) 	Ilmu Ma'ānī

Analisis teks akan memperlihatkan ciri-ciri linguistik yang terdapat pada teks. Teks akan dianalisis melalui corak pemilihan perkataan, struktur sintaksis, hubungan semantik, dan alat kohesi bagi menjawab soalan kajian yang pertama. Analisis bahagian ini akan dibuat melalui corak pemilihan perkataan yang digunakan untuk merujuk kepada golongan pelarian. Analisis tersebut akan dilihat berdasarkan empat tema utama yang telah dikenalpasti iaitu melibatkan tema pelarian sebagai pelarian, pelarian sebagai angka, pelarian sebagai mangsa dan pelarian sebagai penerima bantuan.

3.2.2.2 Amalan Wacana

Analisis peringkat ini merupakan analisis proses penghasilan wacana. Analisis ini melibatkan proses penghasilan, penyebaran teks dan penggunaan teks. Proses penghasilan teks tertumpu kepada aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti. Analisis pada aspek intertekstualiti akan melihat bagaimana pewacana menggunakan sumber lain dalam

menghasilkan teks. Menurut Alonso et. al. (2010), proses menggunakan sumber lain (*attribution*) boleh dibuat melalui tiga cara iaitu:

- a) Penulis boleh memetik kata-kata asal yang dituturkan secara langsung dengan meletakkan reporting verb (kata kerja laporan) seperti berkata, memberitahu, menerangkan. Contohnya:

قالت سيدة: ليس لدي أقارب هنا ولا أملك المال.

Maksudnya: Seorang wanita berkata: “ saya tidak mempunyai saudara di sini, saya juga tidak mempunyai harta”.

- b) Penulis boleh menunjukkan sokongan dengan memberi penilaian positif terhadap kata-kata yang dipetik dengan menggunakan perkataan, atau menyatakan pendapatnya. Contohnya:

“إن ماتت أمي، فإن موتها شهادة”، يرد أحمد مفتخرًا

Maksudnya: “walaupun ibu saya mati, tetapi dia mati sebagai seorang syahid”, balas Ahmad dengan bangganya.

- c) Penulis boleh memetik kata-kata yang dituturkan tanpa menunjukkan sebarang sokongan terhadap kata-kata itu. Cara ini boleh dilakukan menggunakan ekspresi tertentu seperti ‘berdasarkan kepada’, ‘dakwanya, akuinya’. Contohnya:

بالنسبة إلى الأمم المتحدة: حول ١٦ في المئة من اللاجئين السوريين يعيشون في الأردن تحت

خط الفقر.

Maksudnya: Berdasarkan kepada Pertubuhan Bangsa Bersatu lebih kurang seramai 86 % pelarian Syria hidup pada tahap kemiskinan di Jordan.

Intertekstualiti dapat dilihat melalui pelbagai cara. Menurut Fairclough (1992a) dalam buku beliau bertajuk *Discourse dan Social Change*, intertekstualiti dapat dilihat melalui beberapa perkara iaitu, representasi wacana (*discourse representation*), pra-andaian (*presupposition*), penafian (*negation*), metawacana (*metadiscourse*) dan ironi (*irony*). Dalam kajian ini aspek intertekstualiti akan dilihat melalui proses representasi wacana sahaja. Representasi wacana merujuk sebagai kepada cara sesuatu wacana itu ditulis atau dipindahkan daripada suatu teks kepada teks lain. Menurut Idris Aman (2010: 105), representasi wacana merujuk pada kepada cara suara ujaran dilaporkan, sama ada secara cakap ajuk (*direct speech*), cakap pindah (*indirect speech*) atau melalui petikan (*quotation*).

Cara petikan yang dibuat dianggap sebagai satu alat yang penting dalam bidang kewartawanan kerana ia dapat menunjukkan cara pentafsiran mengenai sesuatu fakta dibuat. Berdasarkan kerangka Fairclough (1992a, 2003) dan Richardson (2007), kajian ini akan melihat kepada tiga bentuk petikan laporan yang dibuat seperti berikut:

- a) Petikan langsung (*direct quotation*): Mengambil terus perkataan asal dari sumber dengan meletakkan tanda petikan ““
- b) Petikan tidak langsung (*indirect quotation*): Penulis membuat ringkasan isi kandungan terhadap petikan yang ingin diambil tanpa ada tanda petikan yang digunakan.
- c) Petikan berstrategik (*strategic quotation*) : mengambil petikan dengan meletakkan tanda petikan terhadap perkataan asal yang diambil sahaja.

Manakala analisis aspek interdiskursiviti pula melibatkan analisis manfaat jalinan jenis wacana tertentu oleh pewacana dalam penghasilan teks seperti wacana naratif, penghujahan, pelaporan, pemujukan ataupun penerangan. Interdiskursiviti akan dilihat menggunakan ilmu Ma‘ānī bahasa Arab dan aspek struktur wacana yang lain. Aspek yang terlibat dalam kajian ini ialah tujuan ayat penyata. Menurut Zaki Abd. Rahman (2013), ayat penyata boleh membawa tujuan tertentu antaranya:


- 1) Pemakluman sesuatu berita kepada pendengar yang belum mengetahuinya. Ini merupakan tujuan utama sesuatu kenyataan dikeluarkan. Ia dipanggil sebagai penyampaian akhbar (faidat al-khabar).
- 2) Pemakluman oleh penutur tentang apa yang telah dimaklumi oleh pendengar. Dalam situasi ini penutur ingin memberitahu bahawa dia telah mengetahui sesuatu yang memang diketahui oleh pendengar dengan tujuan menunjukkan dia juga mengetahuinya. Ia dipanggil pemakluman tahu berita (lazim al-khabar).
- 3) Terdapat tujuan lain yang boleh difahami daripada petunjuk ayat dan konteks tertentu. Antaranya amaran, kemegahan, celaan, kegembiraan, kesedihan, peringatan, perangsang, meminta belas kasihan dan sebagainya.

Proses penyebaran dan penggunaan teks menurut Idris Aman (2006) akan melihat sejauh mana maklumat yang termuat di dalam teks terlibat berupaya sampai kepada sasaran khalayak secara khusus (addressee) atau terbuka kepada sesiapa sahaja (hearer), yang ditujukan secara tidak langsung. Analisis di peringkat ini tidak akan dilihat dalam kajian. Hanya aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti akan digunakan bagi menjawab soalan kajian kedua. Secara ringkasnya, kajian pada peringkat ini melibatkan aspek-aspek berikut:

Proses Analisis	Tumpuan Analisis	Alat Analisis
Proses Penghasilan	<p>Intertekstualiti (Dirujuk sebagai penggunaan sumber lain dalam menghasilkan sesuatu teks)</p> <p>Interdiskursiviti. (Dirujuk sebagai analisis manfaat jalinan jenis wacana tertentu oleh pewacana dalam penghasilan teks seperti wacana naratif, penghujahan, pelaporan, pemujukan ataupun penerangan)</p>	<p>Fairclough (1992a, 2003) & Richardson (2007)</p> <p>Ilmu Ma'ānī (tujuan ayat penyata, ayat bukan penyata secara permintaan, gaya bahasa ilmu Ma'ānī)</p>

3.2.2.3 Amalan Sosial

Analisis peringkat ini merupakan rentetan analisis proses penghasilan wacana seperti amalan wacana pada (3.7.2). Proses penghasilan teks sebelum ini tertumpu kepada aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti. Bagi analisis amalan sosial ini, analisis tertumpu kepada analisis amalan wacana selain aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti seperti aspek kohesi, koheren dan analisis fungsi ujaran (*force of utterances*). Pada dimensi ini, Fairclough memberi tumpuan kepada hubungan antara teks dan sosial. Cara sesuatu wacana disusun (*discourse orders*) membantu untuk memahami struktur sosial (*social orders*) yang terlibat di sebalik teks. Secara ringkasnya metodologi kajian ini boleh dilihat dalam rajah 3.5 berikut:



Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

3.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bagi tujuan kesahan dan kebolehpercayaan, pengkaji menggunakan khidmat penterjemah dalam bidang bahasa Arab bagi menilai terjemahan data bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

3.4 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan metodologi kajian secara keseluruhan. Secara ringkasnya terdapat tiga tahap analisis yang merangkumi analisis teks, analisis amalan wacana dan analisis amalan sosial. Setiap tahap analisis melibatkan aspek analisis yang berbeza tetapi berkaitan antara satu sama lain. Analisis akan dimulakan dengan analisis teks di peringkat analisis bahasa yang digunakan seperti perkataan pelarian dan jenis ayat yang sering digunakan mengenai pelarian. Analisis peringkat kedua pula merangkumi analisis amalan wacana yang memperlihatkan bagaimana wacana itu ditulis, disusun dan dihasilkan. Peringkat analisis terakhir melibatkan analisis amalan sosial yang akan memperlihatkan mesej yang ingin disampaikan melalui bahasa dan amalan wacana yang digunakan. Selain itu, bab ini juga menjelaskan mengenai aspek-aspek yang terlibat di bawah analisis ilmu Ma‘ānī dan Pendekatan Tiga Dimensi Fairclough yang melibatkan analisis teks sehingga analisis amalan sosial. Seterusnya bab ini juga menjelaskan mengenai data kajian yang digunakan, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data pada bahagian 3.2. Bahagian seterusnya adalah penerangan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang telah dibuat bagi mengesahkan terjemahan teks berita yang terlibat sebagai data kajian

pada bahagian 3.3. Bab ini diakhiri oleh kesimpulan bab yang menjelaskan secara ringkas kandungan bab ini pada bahagian 3.4.

Universiti Malaya

BAB 4 ANALISIS TEKS

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan dapatan melalui analisis teks artikel berita pelarian. Analisis di bahagian ini akan menjawab soalan kajian dan objektif kajian yang pertama; Apakah representasi yang digunakan untuk menggambarkan pelarian Syria dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC? Melalui analisis teks, terdapat empat representasi utama pelarian Syria telah dikenal pasti di dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC iaitu: (i) pelarian sebagai pelarian pada (Bahagian 4.1) (ii) pelarian sebagai angka (Bahagian 4.2), (iii) pelarian sebagai mangsa (Bahagian 4.3) dan pelarian sebagai penerima bantuan (Bahagian 4.4). Bab ini akan disimpulkan pada Bahagian 4.5. Keputusan frekuensi kata yang diperoleh melalui analisis korpus menggunakan *Antconc 3.4.4w* akan dikemukakan bagi menyokong analisis data terutamanya pada tahap pemilihan perkataan.

4.1 Pelarian Sebagai Pelarian

Tema pelarian sebagai pelarian menggambarkan golongan ini sebagai golongan yang sentiasa bergerak, melarikan diri dan sering berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Perkataan kata kerja seperti, melarikan diri, menyeberangi sempadan, bergerak, menuju, tiba dan sampai sering digunakan bagi menggambarkan pergerakan yang terlibat. Manakala pelarian sering dirujuk menggunakan perkataan seperti pelarian */al-lāji/* (اللاجئ), warga Syria */al-sūrīyy/* (السوري), pelarian dalam negara */al-nāziḥ/* (النّازح), pendatang */al-muhājir/* (المهاجر), orang yang datang */al-qādim/* (القادم), rombongan yang tiba */al-wāfid/* (الوافد) dan yang dihantar pulang ke negara mereka */al-murahḥil/* (المرحّل). Penggunaan perkataan-perkataan ini di dalam laporan berita telah memberi dua implikasi.

Implikasi pertama; laporan berita telah membahagikan pelarian kepada beberapa kategori pelarian. Implikasi kedua; laporan berita telah menonjolkan ciri-ciri identiti seorang pelarian.

4.1.1 Kategori pelarian

Secara umumnya, kategori pelarian dalam al-Jazeera dan BBC bergantung kepada cara pergerakan golongan pelarian dan cara penerimaan negara tuan rumah terhadap pelarian. Berdasarkan laporan berita yang disampaikan, terdapat negara yang mengalu-alukan pelarian Syria seperti Lubnan dan Turkiye. Terdapat juga negara yang tidak menerima kedatangan mereka seperti Mesir dan Hungari. Hal ini mempengaruhi pemilihan kata yang digunakan bagi merujuk golongan ini. Hakikatnya semua pelarian berhak mendapat perlindungan. Undang-undang antarabangsa menetapkan kategori pelarian adalah suatu perisytiharan. Hal ini bermaksud, mereka mempunyai hak asasi sebagai pelarian sebelum mereka diiktiraf secara rasmi (Amnesty Antarabangsa : 2010).

Melalui laporan berita yang disampaikan, rakyat Syria yang melarikan diri dianggap sebagai pelarian dan berhak menerima bantuan. Perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan perkataan yang digunakan. Al-Jazeera dan BBC membezakan dengan jelas 3 kategori utama pelarian yang ada iaitu pelarian */al-lāji/* (اللاجئ), pelarian dalam negara */al-nāziḥ/* (النّازح) dan pendatang */al-muhājir/* (المُهَاجِر). Contoh penggunaan ketiga-tiga perkataan ini dapat dilihat dalam jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1: Kategori Pelarian

Perkataan	Contoh Ayat
Pelarian (اللاجئ)	إن هناك نحو تسعة ملايين سوري ما بين لاجئ ونازح، مما يشكل أكبر أزمة لاجئين في العالم.

<p><i>al-lāji'</i></p>	<p>Terdapat kira-kira 9 juta rakyat Syria yang merupakan pelarian dan pelarian dalam negara yang membentuk krisis pelarian terbesar di dunia.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)</p> <p>وكانت تركيا، التي تشترك في حدودها مع العراق وسوريا، مأوى لما يقرب من 847 ألف لاجئ سوري منذ بدء اندلاع الثورة السورية ضد الرئيس السوري بشار الأسد في عام 2011.</p> <p>Turkiye, yang berkongsi sempadannya dengan Iraq dan Syria, merupakan tempat perlindungan bagi hampir 847 000 pelarian Syria sejak teretusnya Revolusi Syria terhadap Presiden Syria, Bashar al-Asad pada tahun 2011.</p> <p>(Sumber: BBC, 19 September 2014)</p>
<p>Pelarian dalam negara (<i>Internally displaced persons IDPs</i>) (النّازح) <i>al-nāziḥ</i></p>	<p>منذ أن غدت الثورة السورية حرباً تشنها قوات النظام على المدنيين في مختلف المحافظات، بدأت حركات نزوح داخل البلاد تلتها موجات لجوء إلى الدول المجاورة قبل أن تتحول إلى مد كبير يقتحم البحر بحثاً عن الحياة فلا يلقى في معظم الأحيان إلا الموت.</p> <p>Sejak revolusi Syria mencetuskan peperangan yang dilancarkan oleh tentera rejim terhadap orang awam di pelbagai wilayah, bermulalah pergerakan pelarian dalam negara, hal ini diikuti pergerakan keluar secara besar-besaran ke negara-negara jiran. Sebelum mereka melakukan inisiatif lebih besar iaitu merentas lautan mencari kehidupan yang lebih baik. Di kebanyakan situasi, hal ini berakhir dengan kematian.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 7 Januari 2015)</p> <p>وفي الداخل السوري، خفض برنامج الغذاء العالمي من الحصص الغذائية التي يقدمها للنازحين، ويكافح من أجل توفير 12.5 دولار، ينفقها شهريا على غذاء كل فرد من النازحين السوريين، الذين يبلغ عددهم نحو أربعة ملايين شخص.</p> <p>Di Syria, Program Makanan Dunia (WFP) mengurangkan kuota pemberian makanan kepada pelarian Syria sebanyak 12.50 USD yang dibelanjakan secara bulanan yang diperuntukkan bagi seorang pelarian Syria, penjimatan dilakukan supaya dapat menampung jumlah pelarian yang telah menjangkau kira-kira 4 juta individu.</p> <p>(Sumber: BBC, 9 September 2015)</p>
	<p>أن العدد الأكبر من اللاجئين والمهاجرين غير الشرعيين الذين يصلون إلى أوروبا عبر البحر المتوسط هم المدنيون السوريون الفارون من النزاع الدائر في بلادهم،</p>

Pendatang (المُهَاجِر) <i>al-muhājir</i>	والفلسطينيون القادمون من مخيمات اللاجئين في سوريا التي تعاني حصارا شديدا وخانقا منذ عدة أشهر. Sebilangan besar pelarian dan pendatang tanpa izin yang sampai ke Eropah melalui laut Mediteranean merupakan rakyat Syria yang melarikan diri dari peperangan di negara mereka serta orang Palestin yang datang dari kem-kem pelarian di Syria yang telah mengalami pengepungan yang teruk sejak beberapa bulan. (Sumber : al-Jazeera, 19 Februari 2014)
	وقالت السلطات النمساوية إنها تتوقع مجيء عشرات الآلاف من المهاجرين، والكثير منهم فروا من الحرب الأهلية في سوريا. Pihak berkuasa Austria menjangkakan kedatangan puluhan ribu pendatang , yang kebanyakannya melarikan diri dari perang saudara di Syria. (Sumber: BBC, 5 September 2015)

Perkataan /*lāji*' (لاجيء) merujuk kepada pelarian Syria yang berpindah keluar dari Syria. Manakala perkataan /*nāziḥ*/ (نازح) digunakan bagi merujuk pelarian yang melarikan diri dalam negara Syria dan negara-negara jiran Syria yang berdekatan. Manakala perkataan /*muhājir*/ (مُهَاجِر) sentiasa digunakan bagi merujuk kepada migran atau pendatang yang tidak sah. Perkataan /*muhājir*/ (مُهَاجِر) seringkali digunakan apabila terdapat kumpulan lain yang datang bersama pelarian Syria seperti pelarian Palestin. Hal ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci selepas ini. Terdapat juga beberapa perkataan lain yang digunakan bagi membawa maksud pelarian. Jadual di bawah menunjukkan frekuensi perkataan yang membawa maksud pelarian dan seumpamanya:

Jadual 4.2: Frekuensi Perkataan Pelarian dalam al-Jazeera

BIL.	PERKATAAN	MAKNA	JUMLAH
Word Tokens (Bilangan Perkataan)			23826
Word Types (Jenis Perkataan)			7449
1	اللاجئين <i>al-lāji 'īn</i>		305

	لَا جِيءُ <i>lāji'</i>	Pelarian	74
	لِإَلَّجِيئِينَ <i>līlāji'īn</i>		58
	الْأَلَّجِيءُ <i>al-lāji'</i>		27
	الْأَلَّجِيئُونَ <i>al-lāji'ūn</i>		20
	لَا جِيئِينَ <i>lāji'īn</i>		15
	لَا جِيئًا <i>lāji'ān</i>		9
	كَالْأَلَّجِيئِينَ <i>kāllāji'īn</i>		8
	لَا جِيئُونَ <i>lāji'ūn</i>		7
	الْأَلَّجِيئَةُ <i>al-lāji'āt</i>		5
Jumlah keseluruhan			528
2	السُّورِيِّينَ <i>al-sūriyyīn</i>	Rakyat Syria	209
	السُّورِيُّونَ <i>al-sūriyyūn</i>		15
	سُورِيِّينَ <i>sūriyyīn</i>		12
	سُورِيُّونَ <i>sūriyyūn</i>		9
	لِلسُّورِيِّينَ <i>lissūriyyīn</i>		9
	السُّورِيَّيَ <i>al-sūriyy</i>		54
	سوري <i>sūriyy</i>		53

	سُورِيَّة <i>sūriyyat</i>		17
Jumlah keseluruhan			378
3	الْفَارِّين <i>al-fārīn</i>	Yang lari	18
4	الْمُهَاجِرِينَ <i>al-muhājirīn</i>	Pendatang	18
5	النَّازِحِينَ <i>al-nāzihīn</i>	Pelarian dalam negara	11
	نَازِح <i>nāzih</i>		4
6	الْقَادِمِينَ <i>al-qādīmīn</i>	Orang yang datang	4
	الْقَادِمُونَ <i>al-qādīmūn</i>		3
	الْقَادِمِ <i>al-qādīm</i>		1
	الْقَادِمَاتِ <i>al-qādīmat</i>		1
Jumlah keseluruhan			9
7	الْوَافِدِينَ <i>al-wāfidīn</i>	Rombongan yang datang/ekspatriat	4
8	الْمُرْحَلِينَ <i>al-murahlīn</i>	Orang yang dihantar pulang	1

Berdasarkan jadual 4.2, tiga perkataan pelarian dalam al-Jazeera yang berada pada 3 frekuensi tertinggi ialah perkataan pelarian /*al-lāji 'īn*/ (اللاجئين), diikuti oleh perkataan rakyat Syria /*al-sūriyyīn*/ (السوريين), dan pendatang /*al-muhājirīn*/ (المهاجرين). Hal ini kerana perkataan /*lāji*/ (لاجئ) seringkali hadir bersama perkataan rakyat Syria /*sūriyy*/ (سوري) sebagai satu entiti iaitu “pelarian Syria” /*al-lāji 'īn al-sūriyyīn*/ (اللاجئين السوريين). Perkataan pelarian /*lāji*/ (لاجئ) berulang sebanyak 528 kali, diikuti perkataan rakyat Syria /*sūriyy*/

(سوري) berulang sebanyak 378 kali, perkataan */al-nāzihīm/* (النازحين) berulang sebanyak 11 kali dan perkataan */al-muhājirīm/* (المهاجرين) berulang sebanyak 18 kali.

Perkataan pelarian dalam BBC juga menggunakan perkataan-perkataan yang sama seperti al-Jazeera. Namun, terdapat sedikit perbezaan penggunaan perkataan ini mengikut konteksnya di dalam ayat.

Jadual 4.3: Frekuensi Perkataan Pelarian dalam BBC

Bil.	Perkataan	Makna	Jumlah kekerapan
Word Tokens (Bilangan perkataan)			20049
Word Types (Jenis Perkataan)			6916
1	اللاجئين <i>al-lāji 'īn</i>	Pelarian	205
	لاجئ <i>lāji '</i>		4
	للاجئين <i>līlāji 'īn</i>		33
	اللاجئ <i>al-lāji '</i>		15
	اللاجئون <i>al-lāji 'ūn</i>		13
	لاجئون <i>lāji 'ūn</i>		6
	لاجئين <i>lāji 'īn</i>		6
	باللاجئين <i>bil lāji 'īn</i>		5
	لاجئا <i>lāji 'ān</i>		8
Jumlah keseluruhan			295

2	السوريين al-sūriyyīn	Rakyat Syria	135
	السوري al-sūriyy		54
	السورية al-sūriyyat		45
	سوري sūriyy		34
	السوريون al-sūriyyūn		14
	سوريين sūriyyīn		7
	للسوريين lis-sūriyyīn		7
	سوريون sūriyyūn		3
	Jumlah keseluruhan		299
3	مهاجر muhājir	Pendatang	3
	المهاجرين muhājirīn		21
	المهاجرون al-muhājirūn		2
	Jumlah Keseluruhan		26
4	نازح nāziḥ	Yang lari	4
	نازحة nāziḥat		2
	النازحين al-nāziḥīn		11
	للنازحين linnāziḥīn		2

	Jumlah Keseluruhan		21
5	القادم <i>al-qādim</i>	Yang Datang	1
	القادمة <i>al-qādimat</i>		1
	قادمين <i>qādimīn</i>		2
	القادمين <i>al-qādimīn</i>		4
	Jumlah keseluruhan		8

Berdasarkan jadual di 4.3, empat perkataan yang berada pada frekuensi tertinggi adalah rakyat Syria /*sūriyy*/ (سوري) diwakili oleh 299 perkataan, diikuti pelarian /*lāji*' (لاجيء) yang berjumlah 295 kali, pendatang /*muhājir*/ (مهاجر) sebanyak 26 kali dan pelarian dalam negara /*nāziḥ*/ (نازح) sebanyak 21 kali. Perkataan /*sūriyy*/ (سوري) dan /*lāji*' (لاجيء) mewakili perkataan yang paling banyak digunakan kerana sering hadir bersama sebagai satu entiti. Malah BBC dilihat lebih banyak menggunakan perkataan “rakyat Syria” /*al-sūriyy*/ (السوري) berbanding “pelarian Syria” /*al-lāji' al-sūriyy*/ (اللاجيء السوري) ketika merujuk golongan ini.

Kedua-dua jadual di atas juga menunjukkan kepelbagaian bentuk perkataan yang terlibat. Sama ada sebagai kata tunggal seperti *lāji*' , *sūriyy*, *nāziḥ*, *muhājir* (لاجيء, سوري, نازح, مهاجر) dan kata jamak seperti *lāji'īn*, *al-sūriyyūn*, *al-nāziḥīn* dan *muhājirīn* (لاجئين, السوريون, النازحين, مهاجرين). Pelarian sebagai satu kumpulan seringkali hadir dalam bentuk jamak dan hadir dalam keadaan mansūb (akusatif) kerana pelarian seringkali menjadi objek rujukan (المفعول) di dalam ayat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan frekuensinya yang tertinggi dalam teks. Melalui frekuensi ini kita dapat kategorikan

pelarian Syria kepada 3 kategori utama iaitu; i) Pelarian Syria ke negara luar, ii) Pelarian Syria dalam negara, dan iii) Pendatang tanpa izin.

i) Pelarian (لاجئ)

Perkataan *lāji* (لاجئ) dalam al-Jazeera seringkali muncul dengan perkataan rakyat Syria /*sūrīyy*/ (سوري). Perkataan ini secara khususnya digunakan bagi merujuk pelarian Syria. Perkataan ini seringkali hadir secara jamak sebagai objek di dalam ayat. Perkataan pelarian Syria /*al-lāji 'īn al-sūrīyyīn*/ (اللاجئين السوريين) hadir sebanyak 114 kali dalam al-Jazeera. Hal ini menunjukkan al-Jazeera mengiktiraf rakyat Syria yang keluar sebagai pelarian. Penggunaannya dapat dilihat seperti di bawah:

<p>Petikan berita 1</p> <p>فقد دعت صحيفة إندبندنت البريطانية - في مقال لزعيمة حزب الخضر ناتالي بينيت - دول الاتحاد الأوروبي إلى مد يد العون والمساعدة للاجئين السوريين الذين تجبرهم الحرب التي تعصف ببلادهم....</p> <p>Akhbar Britain <i>Independent</i>, dalam sebuah artikel oleh pemimpin <i>Green Party</i> Natalie Bennett, menyeru negara-negara Kesatuan Eropah untuk membantu pelarian Syria yang terpaksa melarikan diri ke luar negeri akibat peperangan yang melanda negara mereka....</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 5 Januari 2014)</p>
<p>Petikan berita 2</p> <p>ورفضت الحكومة البريطانية الانضمام إلى 16 دولة - بما فيها الولايات المتحدة وفرنسا وألمانيا - تعهدت بالسماح بدخول أكثر من عشرة آلاف لاجئ سوري فارين من القتال الذي يعصف ببلادهم .</p> <p>Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman - yang telah berjanji untuk membenarkan masuk lebih daripada 10,000 pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran yang melanda negara mereka.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 5 Januari 2014)</p>
<p>Petikan berita 3</p> <p>أكثر من ستة ملايين نازح فروا من منازلهم، وعبر منهم 2.3 مليون الحدود ليصيروا لاجئين.</p> <p>Lebih dari 6 juta pelarian melarikan diri dari kediaman mereka melalui sempadan dan</p>

sebahagian daripada mereka, iaitu sebanyak 2.3 juta daripadanya menyeberangi sempadan untuk menjadi **pelarian**.

(Sumber: al-Jazeera, 14 Januari 2014)

Petikan berita 4

حملة مدهمات عشوائية لمنازل السوريين بالمدينة استمرت عدة أيام، استهدفت ترحيل اللاجئين الذين لا يحملون بطاقات إقامة في مصر.

Kempen memerangi pelarian dilakukan secara rawak terhadap kediaman rakyat Syria di Bandar telah berterusan selama beberapa hari. Kempen ini mensasarkan untuk menghantar pulang (ke negara mereka) **pelarian** yang tidak mempunyai permit menetap di Mesir.

(Sumber: al-Jazeera, 3 Januari 2014)

Petikan berita 5

وتنامت في الشهور الثلاثة الأخيرة التي أعقبت الانقلاب العسكري، الذي أطاح بالرئيس محمد مرسي، ظاهرة اعتقال اللاجئين السوريين في مصر وترحيلهم إلى سوريا، والتي فروا منها بسبب الحرب الدائرة هناك...

Dalam 3 bulan terakhir setelah rampasan kuasa tentera yang menggulingkan Presiden Mohamed Morsi, berlaku fenomena menangkap **pelarian Syria** di Mesir dan mengusir mereka ke Syria, dari mana mereka melarikan diri kerana perang yang berterusan di sana...

(Sumber: al-Jazeera, 3 Januari 2014)

Dalam petikan berita 1, 2 dan 3, pelarian dirujuk sebagai mereka yang berpindah keluar dari Syria serta berhak mendapat perlindungan dan bantuan. Namun terdapat contoh penggunaannya yang merujuk kepada pelarian yang tidak menerima perlindungan dan bantuan yang sepatutnya. Hal ini bergantung kepada penerimaan negara yang dituju. Sebagai contoh Mesir yang dilihat menolak pelarian melalui tindakan mereka menangkap pelarian Syria yang tidak mempunyai permit dan menghantar mereka pulang ke negara mereka (Petikan berita 4 dan 5).

Perkataan /لاجئ/ (*lāji*) dalam BBC juga hadir dengan perkataan rakyat Syria digunakan bagi merujuk kepada pelarian Syria yang berpindah keluar dari Syria. Perkataan /اللاجئين السوريين/ (*al-lāji 'īn al-sūriyyīn*) hadir sebanyak 63 kali dalam BBC. Namun begitu,

BBC dilihat lebih jelas dengan setiap perkataan yang digunakan. BBC membezakan perkataan pelarian Syria dan rakyat Syria, pelarian dalam negara dan pendatang. Hal ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

<p>Petikan berita 6</p> <p>وكانت تركيا، التي تشترك في حدودها مع العراق وسوريا، مأوى لما يقرب من 847 ألف لاجئ سوري منذ بدء اندلاع الثورة السورية ضد الرئيس السوري بشار الأسد في عام 2011.</p> <p>Turkiye, yang berkongsi sempadan dengan Iraq dan Syria, merupakan tempat perlindungan untuk hampir 847 000 pelarian Syria sejak teretusnya revolusi Syria terhadap Presiden Syria, Bashar al-Asad pada tahun 2011.</p> <p>(Sumber: BBC, 19 September 2014)</p>
<p>Petikan berita 7</p> <p>وبدأت السلطات التركية في السماح لآلاف اللاجئين السوريين النازحين من المعارك بالدخول إلى أراضيها بعد أن ظلوا عالقين في معبر حدودي.</p> <p>Pihak berkuasa Turkiye telah mula membenarkan beribu-ribu pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran untuk memasuki wilayah mereka setelah lama terkandas di sempadan.</p> <p>(Sumber: BBC, 15 Jun 2015)</p>
<p>Petikan berita 8</p> <p>ولا يعتبر السوريون مصر محطة وصول، بل يعدها الكثيرون منهم محطة انتظار لحين الرحيل إلى بلد أفضل حالاً. لذا يرفض أغلبهم التسجيل في مكتب مفوضية اللاجئين بمصر، أملاً في الحصول على فرصة اللجوء إلى دول أوروبا.</p> <p>Rakyat Syria tidak menganggap Mesir sebagai destinasi, bahkan ramai dalam kalangan mereka menganggapnya sebagai laluan transit sebelum berpindah ke negara yang lebih baik. Oleh itu, kebanyakan mereka enggan mendaftar di pejabat UNHCR di Mesir, dengan harapan mendapat peluang perlindungan dari negara-negara Eropah.</p> <p>(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)</p>
<p>Petikan berita 9</p> <p>وقالت السلطات النمساوية إنها تتوقع مجيء عشرات الآلاف من المهاجرين، والكثير منهم فروا من الحرب الأهلية في سوريا.</p> <p>Pihak berkuasa Austria menjangkakan kedatangan puluhan ribu pendatang, kebanyakan mereka melarikan diri dari perang saudara di Syria.</p> <p>(Sumber: BBC, 5 September 2015)</p>

Petikan berita 10

أعدت تركيا فتح حدودها أمام السوريين اللاجئين الفارين من القتال بين وحدات حماية الشعب الكردية ومسلحي تنظيم الدولة الإسلامية عند مدينة تل أبيض.

Turkiye telah membuka semula sempadannya kepada **rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan** antara kawasan Unit Perlindungan Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (utara Syria).

(Sumber: BBC, 15 Jun 2015)

Perkataan pelarian Syria *lāji' sūriyy* (لاجئ سوري) secara khususnya digunakan untuk golongan pelarian yang melarikan diri ke luar negara dan berupaya mendapat perlindungan pada petikan berita 6 dan 7. Pada petikan berita 6 dan 7 perkataan *lāji' sūriyy* (لاجئ سوري) merujuk kepada pelarian yang mendapat perlindungan dari Turkiye. Pada Petikan berita 10, perkataan *al-lāji'īn* (لاجئين) digunakan sebagai kata sifat bagi rakyat Syria *al-sūriyyīn* (السوريين). Dalam ayat ini, perkataan rakyat Syria didahulukan dari kata pelarian menjadikan *al-sūriyyīn al-lāji'īn* (السوريين اللاجئين). Gaya bahasa ini menggunakan gaya bahasa Ma'ānī pendepanan dan pengakhiran yang mendahulukan perkataan yang ingin difokuskan (Bahagian 3.4.1). Dalam konteks laporan ini, rakyat Syria difokuskan kerana mereka sudah lama terkandas di sempadan Turkiye disebabkan peperangan di antara puak Kurdish dan ISIS. Mereka hanya dibenarkan menyeberangi Turkiye selepas sempadan dibuka. Turkiye sebelum ini menutup sempadannya kepada pelarian Syria. Namun, telah mengambil inisiatif membuka kembali sempadan atas dasar kemanusiaan. Gaya bahasa ini menunjukkan rakyat Syria sebagai jiran kepada Turkiye perlu dibantu.

Perkataan rakyat Syria */sūriyy/* (سوري) pula digunakan untuk merujuk kepada rakyat Syria yang belum ditentukan status sebagai pelarian secara khusus (Petikan berita 8). Pada petikan berita 8, perkataan rakyat Syria merujuk kepada rakyat Syria yang singgah di Mesir buat sementara sebelum ke destinasi perlindungan yang sebenar. Mereka tidak mahu mendaftar sebagai pelarian di bawah UNHCR dengan harapan mendapat peluang suaka di Eropah. Perkataan pendatang */muhājir/* (مهاجر) (Petikan berita 9) pula digunakan untuk

merujuk kepada kumpulan pendatang yang datang bersama pelarian Syria. Hal ini dapat dilihat pada ayat selepasnya “والكثير منهم فروا من الحرب الأهلية في سوريا” yang bermaksud “kebanyakan dari mereka merupakan golongan yang telah lari dari peperangan saudara di Syria”. Ayat ini menjelaskan tidak semua yang datang merupakan pelarian Syria.

ii) Pelarian dalam negara (نازح)

Dalam kedua-dua laman berita, perkataan *nāziḥ* (نازح) digunakan kepada pelarian Syria yang melarikan diri dalam negara, (Petikan berita 11 dan 12) serta merujuk kepada pergerakan pelarian yang berpindah (Petikan berita 13 dan 14).

<p>Petikan berita 11</p> <p>أكثر من ستة ملايين نازح فروا من منازلهم، وعبر منهم 2.3 مليون الحدود ليصيروا لاجئين.</p> <p>Lebih dari 6 juta pelarian melarikan diri dari kediaman mereka melalui sempadan dan sebahagian daripada mereka, iaitu sebanyak 2.3 juta daripadanya menyeberangi sempadan untuk menjadi pelarian.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 14 Januari 2014)</p>
<p>Petikan berita 12</p> <p>وفي الداخل السوري، خفض برنامج الغذاء العالمي من الحصص الغذائية التي يقدمها للنازحين، ويكافح من أجل توفير 12.5 دولار، ينفقها شهريا على غذاء كل فرد من النازحين السوريين، الذين يبلغ عددهم نحو أربعة ملايين شخص.</p> <p>Di Syria, Program Makanan Dunia (WFP) mengurangkan kuota pemberian makanan kepada pelarian Syria sebanyak 12.50 USD yang dibelanjakan secara bulanan yang diperuntukkan bagi seorang pelarian Syria, penjimatan dilakukan supaya dapat menampung jumlah pelarian yang menjangkau kira-kira 4 juta individu.</p> <p>(Sumber: BBC, 9 September 2015)</p>
<p>Petikan berita 13</p> <p>ولا تختلف شروط دخول النازحين السوريين عن شروط دخول غير النازحين إلى لبنان بموجب المعاهدات الموقعة بين لبنان وسوريا.</p> <p>Syarat kemasukan pelarian Syria ke Lubnan tiada perbezaan dengan syarat kemasukan golongan bukan pelarian di bawah perjanjian yang ditandatangani antara Lubnan dan Syria.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 6 Jun 2014)</p>
<p>Petikan berita 14</p>

وتواجه الدول الأوروبية موجة من النازحين من منطقة الشرق الأوسط ومناطق أخرى، ولاسيما من سوريا وأفغانستان وإريتريا.

Negara-negara Eropah berhadapan dengan gelombang **penghijrahan** dari Timur Tengah dan negara lain. Terutamanya dari Syria, Afghanistan dan Eritrea.

(Sumber: BBC, 7 September 2015)

Perkataan *nāziḥ* (نازح) dalam petikan berita 11 dan 12 merujuk kepada pelarian dalam negara. Pada petikan berita 11, perkataan ini dibezakan dengan perkataan pelarian *lāji* (لاجئ) pada akhir ayat *ليصيروا لاجئين* yang memberi maksud untuk menjadi pelarian yang dirujuk sebagai pelarian ke luar negara kerana perlu melintasi sempadan negara. Manakala pada petikan berita 12, laporan berita menjelaskan mengenai pengurangan bantuan makanan yang diberikan kepada pelarian dalam Syria. Manakala perkataan *nāziḥ* (نازح) pada petikan berita 13 merujuk kepada pelarian yang berpindah ke negara jiran yang berdekatan seperti Lubnan. Manakala penggunaannya pada petikan berita 14 merujuk kepada pergerakan golongan penghijrah yang berpindah dan meninggalkan tanah airnya bukannya merujuk kepada pelarian dalam negara. Pada petikan berita 13, laporan menjelaskan tidak ada perbezaan pada syarat kemasukan antara golongan pelarian dan bukan pelarian untuk masuk ke Lubnan. Hal ini kerana pihak berkuasa Lubnan tidak mengiktiraf sebahagian pelarian Syria sebagai pelarian kerana mereka masih mampu keluar dan masuk ke Syria dari Lubnan tanpa sebarang masalah. Pada petikan berita 14, pelarian Syria disamakan dengan pelarian-pelarian lain di negara Timur Tengah seperti Afghanistan dan Eritrea.

iii) Pendatang (مُهَاجِر)

Perkataan *muhājir* (مُهَاجِر) yang bermaksud pendatang atau migran digunakan bagi merujuk kepada pendatang yang tidak sah. Perkataan pendatang dalam Al-Jazeera sentiasa hadir

bersama frasa ‘tidak sah/haram/tanpa izin’ /*ghair al-Syar’iyyat/* (غير الشرعية).

Penggunaannya dalam kedua-dua laman berita dapat dilihat seperti di bawah:

<p>Petikan berita 15</p> <p>وأضاف البيان أن العدد الأكبر من اللاجئين والمهاجرين غير الشرعيين الذين يصلون إلى أوروبا عبر البحر المتوسط هم المدنيون السوريون الفارون من النزاع الدائر في بلادهم، والفلسطينيون القادمون من مخيمات اللاجئين في سوريا التي تعاني حصارا شديدا وخانقا منذ عدة أشهر.</p> <p>Sebilangan besar pelarian dan pendatang tanpa izin yang sampai ke Eropah melalui laut Mediteranean merupakan rakyat Syria yang melarikan diri dari peperangan di negara mereka serta orang Palestin yang datang dari kem-kem pelarian di Syria yang telah mengalami pengepungan yang teruk sejak beberapa bulan. (Sumber: al-Jazeera, 19 Februari 2014)</p>
<p>Petikan berita 16</p> <p>وتأتي هذه الخطوة الجديدة في وقت أعلنت فيه السلطات المغربية الجمعة عن قبولها أكثر من 20% من طلبات تسوية الوضعية للمهاجرين غير الشرعيين في المغرب خصوصا الأفارقة منهم اللذين تقدر أعدادهم بحوالي ثلاثين ألف شخص.</p> <p>Langkah baru ini diperkenalkan ketika Maghribi menyatakan persetujuan mereka untuk menerima 20% dari permohonan penempatan bagi pendatang tanpa izin di sana terutamanya pendatang Afrika yang dianggarkan seramai 30 000 orang. (Sumber: al-Jazeera, 28 Jun 2014)</p>
<p>Petikan berita 17</p> <p>..... لكن السبب الأساسي الذي يدفع هؤلاء المهاجرين للقدوم لا يزال قائما.tetapi sebab utama yang mendorong golongan pendatang ini datang masih wujud. (Sumber: BBC, 9 September 2015)</p>
<p>Petikan berita 18</p> <p>وتدفق خلال الليل على النمسا آلاف من المهاجرين واللاجئين جاءوا سيراً على الأقدام وعلى متن قطارات وحافلات أقلتهم إلى منطقة الحدود بين النمسا والمجر حيث استقبلهم متطوعون ثم توجه بعضهم إلى العاصمة فيينا والبعض الآخر اتجه إلى ميونخ جنوبي ألمانيا.</p> <p>Beribu-ribu pendatang dan pelarian menuju ke Austria pada waktu malam dengan berjalan kaki, menaiki kereta api dan bas yang membawa mereka ke sempadan antara Austria dan Hungari, di mana para sukarelawan menyambut mereka. Ada yang pergi ke ibu kota Vienna dan yang lain pergi ke Munich, selatan Jerman.</p>

Merujuk kepada petikan berita 15 dan 16, perkataan */muhājir/* (مُهَاجِر) digunakan kepada pendatang dari negara lain seperti Afrika dan Palestin. Pada petikan berita 17, perkataan pendatang digunakan dalam konteks ini kerana berita yang disampaikan membincangkan mengenai krisis pendatang dari Timur tengah melibatkan Yaman, Iraq, Syria, Libya serta dari negara Afrika. BBC dalam laporannya yang bertajuk “Apa Timur Tengah Hendak Beri Makan Kepada Pelarian di Eropah?” menyatakan kebimbangan sebahagian ahli politik, wartawan barat terhadap isu pelarian terutamanya negara jiran Syria. Lebih membimbangkan, golongan pelarian yang jumlahnya besar dan semakin meningkat cuba memasuki negara-negara Eropah yang paling kaya. Sebab utama golongan pendatang ini keluar dari negara mereka disebabkan peperangan yang berlaku, keganasan dan ketidakstabilan yang mendorong hidup susah dan terdedah kepada bahaya (BBC, 9 September 2015) yang menyaksikan kegagalan kuasa-kuasa besar untuk menghentikan krisis yang sedang berlaku. Tambahan pula berlaku kekurangan sumber makanan di dalam Syria menjadi pencetus utama untuk mereka berpindah. Jadi laporan ini menggunakan kata pendatang kerana kedatangan mereka dilihat akan menambah masalah kepada negara Eropah yang sebelum ini menyatakan pendirian mereka untuk memberi bantuan kewangan kepada negara jiran Syria berbanding menerima kedatangan pelarian ke Eropah. Penggunaan kata pendatang ini seakan memberi kebenaran kepada BBC untuk menyampaikan sisi yang negatif terhadap golongan pelarian kerana dianggap sebagai beban.

Pada petikan berita 18, perkataan perkataan */muhājirīn/* (مُهَاجِرِينَ) digunakan bersama perkataan */al-lāji 'īn/* (اللاجئين) kerana terdapat pelarian Syria di dalam kelompok berkenaan. Kesan penggunaan ketiga-tiga istilah ini menunjukkan al-Jazeera mengiktiraf

rakyat Syria yang keluar dari negara mereka sebagai pelarian. Status pelarian ini menjadikan mereka adalah golongan yang berhak mendapat bantuan semua pihak. Manakala BBC tidak mengiktiraf semua rakyat Syria sebagai pelarian. Laporan BBC banyak menggunakan perkataan rakyat Syria /*al-sūriyyūn*/ (السُّورِيُّونَ) bagi merujuk golongan pelarian berbanding perkataan pelarian Syria /*al-lāji 'ūn al-sūriyyūn*/ (اللاجئون السوريون).

Jika dilihat daripada pemilihan kata yang digunakan oleh al-Jazeera dan BBC, terdapat sedikit perbezaan antara al-Jazeera dan BBC. Pemilihan kata yang digunakan untuk merujuk pelarian memberi implikasi yang berbeza terhadap undang-undang, polisi serta sikap dan penerimaan tuan rumah terhadap pelarian. Kyriades (2017) menunjukkan bagaimana keputusan untuk menggantikan kata 'pelarian' kepada 'pendatang ekonomi' oleh pihak editorial al-Jazeera berbahasa Inggeris di dalam laporan beritanya mengenai krisis migran Mediterranean berupaya mengubah pengaruh politik perkauman, krisis migrasi terhadap gambaran media terhadap pelarian. Hal ini kerana kata pendatang merupakan golongan yang berhijrah dengan pilihan sendiri. Berbeza dengan golongan pelarian yang terpaksa berhijrah (rujuk 1.2). Perkara ini telah menetapkan pelarian sebagai mangsa. Orang yang mencari suaka di Eropah mestilah mengekalkan identiti sebagai 'mangsa yang bukan memberi ancaman' (*non-threatening victims of high risk non-western regimes*) jika ingin mendapat pengiktirafan keselamatan di tengah masyarakat yang mengamalkan budaya tidak percaya (*mistrust*) yang sentiasa menganggap pelarian berpotensi menjadi pembawa risiko dari kalangan bukan Barat (*carriers of non-Western risk*) (Kyriades, 2017).

4.1.2 Identiti seorang pelarian

Tema identiti pelarian menjelaskan peristiwa, aksi, konteks dan situasi yang sering dikaitkan dengan pelarian. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan kosa kata, frasa dan ayat yang sering hadir bersama kata pelarian. Perkara ini secara tidak langsung membentuk identiti, sifat dan ciri golongan pelarian seperti yang ditonjolkan oleh kedua-dua laman berita. Terdapat dua identiti utama pelarian yang ditonjolkan al-Jazeera dan BBC melibatkan:

- a) Pelarian merupakan orang yang melarikan diri dari peperangan.
- b) Pelarian merupakan orang yang melarikan diri ke negara luar bagi mencari perlindungan.

Contoh ayat yang digunakan dapat dilihat dengan lebih jelas di dalam Jadual 4.3 dan Jadual 4.4. Kedua-dua jadual ini menunjukkan pelarian dengan identiti pertama yang menjelaskan pelarian merupakan golongan yang melarikan diri dari konflik peperangan.

Jadual 4.4: Pelarian Melarikan Diri Dari Peperangan (al-Jazeera)

Bil.	Ayat
1	الْفَارِّينَ مِنْ هَوْلِ الْمَعَارِكِ Yang melarikan diri dari kengerian peperangan.
2	فَارِينَ مِنَ الْقِتَالِ الَّذِي يَعِصِفُ بِلَادِهِمْ Yang melarikan diri dari peperangan yang melanda negara mereka.
3	هَرَبًا مِنَ الْقِصْفِ الْمُسْتَمِرِّ عَلَى الْمَدِينَةِ بِالْمَدْفَعِيَّةِ الثَّقِيلَةِ وَرَاجِمَاتِ الصَّوَارِيخِ Akibat lari dari pengeboman berterusan ke atas bandar dengan meriam berat dan pelancar roket.
4	الْفَارُونَ مِنَ النِّزَاعِ الدَّائِرِ فِي بِلَادِهِمْ Yang melarikan diri dari persengketaan yang berlaku di negara mereka.

5	<p>الفارين من جحيم الصراع في سوريا.</p> <p>Yang melarikan diri dari kesengsaraan pertempuran di Syria.</p>
6	<p>الفارون من ويلات الحروب في بلادهم إلى بر الأمان في أوروبا.</p> <p>Yang melarikan diri dari bencana peperangan di negara mereka ke kawasan aman di Eropah.</p>

Al-Jazeera dilihat sering menonjolkan keadaan peperangan atau krisis yang berlaku di Syria melalui penggunaan kata adjektif sebelum atau selepas perkataan peperangan. Hal ini dapat dilihat pada Jadual 4.3 pada ayat 1, kengerian peperangan *haul al-mu'ārik* (هُول المَعَارِك), ayat 2, peperangan yang memusnahkan (الْفِتَالُ الَّذِي يَعْصِفُ), ayat 5, kesengsaraan peperangan (وَيَلَاتُ الْحُرُوبُ) dan ayat 6 musibah peperangan (جَحِيمِ الصِّرَاعِ).

Hal ini berbeza dengan BBC. BBC pula dilihat tertumpu kepada penggunaan ayat yang hampir sama mengenai pergerakan pelarian. Umpamanya melarikan diri dari peperangan seperti dalam contoh di bawah:

Jadual 4.5: Pelarian Melarikan Diri Dari Peperangan (BBC)

Bil.	Contoh Ayat
1	<p>هربا من الحرب الأهلية الدامية التي اجتاحت البلاد</p> <p>Lari dari peperangan bersaudara yang berdarah yang memusnahkan negara.</p>
2	<p>الفارين من مسلحي تنظيم "الدولة الإسلامية" بعبور حدودها الجنوبية.</p> <p>Yang melarikan diri dari militan Daesh dengan menyeberangi sempadan di arah selatan.</p>
3	<p>الفارين (من هذه الاشتباكات) من سوريا وأي مكان آخر دون أي تفرقة عرقية كانت أو عنصرية.</p> <p>Melarikan diri (daripada persengketaan) dari Syria dan dari tempat lain tanpa diskriminasi kaum atau etnik.</p>
4	<p>الفارين من الصراع في سوريا.</p> <p>Yang melarikan diri dari pertempuran di Syria.</p>
5	<p>الفارين من الحرب الأهلية في بلادهم.</p> <p>Yang melarikan diri dari peperangan bersaudara di negara mereka</p>
6	<p>أولئك الفارين من الحرب.</p> <p>Mereka itulah golongan yang melarikan diri dari peperangan itu.</p>

BBC dilihat menggunakan kerap kali menggunakan frasa perang saudara */al-ḥarb al-’ahliyyat/* (الحرب الأهلية) dan perkataan perang */al-ḥarb/* (الحرب) yang dilihat lebih umum. Perkataan */fārrīn/* (فارين) yang digunakan dalam kedua-dua laman berita merupakan kata nama pelaku (subjek) yang menggambarkan keadaan fizikal seorang pelarian yang sentiasa melarikan diri. Perkataan */al-fārrīn/* (الفارين) merupakan kata sifat yang selalu hadir selepas kata pelarian Syria. Perkataan bahasa Arab yang dibina menggunakan wazan *فَاعِل* merupakan kata sifat yang mempunyai makna yang sebanding dengan pelaku. Penggunaan kata */al-fārr/* (الفار) memberikan makna yang lebih kuat dari penggunaan kata *haraban* (هربا) yang datang dalam bentuk kata terbitan dari kata akar */haraba/* (هزب) yang membawa maksud lari. Kesan dari penggunaan perkataan-perkataan ini seolah-olah memberitahu pembaca, pelarian sentiasa bergerak, berlari bergerak menuju ke satu tempat ke satu tempat yang lain. Perkataan ‘lari’ juga menunjukkan unsur yang berlebihan dalam menggambarkan cara pergerakan golongan pelarian. Walaupun hakikat pergerakan mereka bukan hanya secara berlari, malah berjalan, menaiki kereta api dan menaiki bot. Perkara ini secara tidak langsung menggamit rasa belas kasihan pembaca terhadap golongan pelarian yang sentiasa bergerak tanpa henti. Hal ini bertepatan dapatan Kolukırık (2009) yang mengkaji tajuk dan topik yang dibincangkan di dalam media Turkiye, mendapati pelarian seringkali dilabelkan dengan perkataan seperti ‘orang yang melarikan diri’ (*fugitive*), orang asing dan pendatang.

Jadual 4.6 dan jadual 4.7 menunjukkan konteks ayat yang menunjukkan identiti kedua dalam al-Jazeera dan BBC yang menggambarkan pelarian merupakan golongan yang melarikan diri ke negara luar bagi mencari perlindungan:

Jadual 4.6: Pelarian Melarikan diri ke luar negara (al-Jazeera)

Bil.	Contoh Ayat
1	الذين يتوافدون على الدول المجاورة Yang tiba ke negara jiran.
2	الفارين إلى أوروبا طلبا للأمان بعيدا عن ويلات الحروب والمجاعة والاضطهاد بالشرق الأوسط Yang melarikan diri ke Eropah bagi mendapatkan keamanan jauh dari kemusnahan peperangan, kelaparan dan kezaliman di Timur Tengah.
3	الذين غادروا منطقة القلمون إلى عرسال بنحو ثمانية آلاف عائلة. Yang meninggalkan kawasan Qalamun ke ‘Arsāl seramai 8000 buah keluarga.
4	عبروا الحدود إلى تركيا Yang telah menyeberangi sempadan ke Turkiye.
5	عبروا إلى تركيا من ثماني نقاط حدودية Yang telah menyeberangi sempadan Turkiye dengan melepasi 80 pemeriksaan sempadan.
6	الفارين إلى الأردن يحتاجون معونات عاجلة Yang melarikan diri ke Jordan dan memerlukan bantuan segera.

Terdapat penggunaan pelbagai perkataan yang merujuk kepada cara pergerakan golongan pelarian. Perkataan /*tawāfadā*/ (تَوَافَدَ) dalam ayat 1 menurut kamus Miftāḥ al-ṭullāb (2010) memberi maksud tiba secara berturut-turut. Manakala /*‘abara*/ (عَبَرَ) dalam ayat 4 dan 5 memberi maksud menyeberangi, merentas dan melintas. Kedua-dua perkataan ini digunakan kepada pergerakan yang melibatkan jarak berdekatan. Manakala perkataan /*al-fārr*/ (الْفَارُّ) dilihat digunakan untuk kedua-dua jarak tempat yang dekat dan jauh. Jadual di bawah menunjukkan ciri-ciri ini dalam BBC:

Jadual 4.7: Pelarian Melarikan Diri Ke Negara Luar (BBC)

No.	Contoh Ayat
1	<p>الفارين (من هذه الاشتباكات) من سوريا وأي مكان آخر دون أي تفرقة عرقية كانت أو عنصرية</p> <p>mereka melarikan diri (dari pertelingkahan ini) dari Syria dan dari tempat lain tanpa sebarang diskriminasi kaum atau etnik.</p>
2	<p>هجروا ديارهم وتركوا الأراضي السورية إلى دول أخرى منذ بدء الصراع عام 2011.</p> <p>mereka berhijrah meninggalkan rumah mereka dan meninggalkan Syria ke negara lain sejak bermulanya konflik pada tahun 2011.</p>
3	<p>جاءوا سيرا على الأقدام وعلى متن قطارات وحافلات أقلتهم إلى منطقة الحدود بين النمسا والمجر.</p> <p>mereka datang dengan berjalan kaki, menaiki keretapi dan bas telah membolehkan mereka sampai ke kawasan sempadan antara Austria dan Hungari.</p>
4	<p>وصلوا إلى النمسا ليلة البارحة.</p> <p>mereka telah sampai ke Austria malam semalam.</p>
5	<p>فروا الى تركيا ولبنان والاردن والعراق</p> <p>mereka telah melarikan diri ke Turkiye, Lubnan, Jordan dan Iraq.</p>

Perkataan /hajara/ (هَجَرَ) dalam ayat 2 membawa maksud berhijrah, berpindah (meninggalkan negaranya). Perkataan farra dalam ayat 5 bermaksud melarikan diri ke tempat lain. Perkataan /farra/ (فَرَّ) merupakan kata akar yang hadir dalam bentuk kata kerja kala lepas (الْفِعْلُ الْمَاضِي) kepada kata nama /fārrīn/ (فَارِّينَ) yang melarikan diri dalam ayat 1. Manakala perkataan /jā'a/ (جَاءَ) bermaksud datang atau tiba ke tempat yang dituju. Perkataan-perkataan ini sesuai dengan konteks penggunaannya di dalam ayat walaupun memberikan maksud yang hampir sama.

Selain dua identiti yang telah disebutkan, terdapat pelbagai perkataan yang boleh dikaitkan dengan pelarian dan pergerakan pelarian. Hal ini boleh dilihat kepada pemilihan perkataan yang mempunyai perkaitan rapat di antara satu sama lain seperti perkataan pelarian yang telah dibincangkan pada (4.1.1). Selain perkataan pelarian, terdapat perkataan lain yang boleh dikaitkan dengan pelarian sama ada kata kerja atau kata nama. Hal ini dengan melihat kepada kekerapan perkataan ini hadir di dalam laporan berita yang dikaji.

4.8: Jadual Kata Nama Mengenai Pelarian dalam Al-Jazeera dan BBC

Al-Jazeera			BBC		
Perkataan	Kekerapan	Makna	Perkataan	Kekerapan	Makna
الانتقال <i>al-intiqāl</i>	65	Perpindahan	اللُّجُوء <i>al-lujū'</i>	37	Perlindungan
اللُّجُوء <i>al-lujū'</i>	63	Perlindungan	دَاخِل <i>dākhil</i>	30	Yang masuk
تَرْحِيل <i>tarhīl</i>	25	Pergi	الهجرة <i>al-hijrat</i>	20	Perpindahan
الهجرة <i>al-hijrat</i>	20	Perpindahan	الْوُصُول <i>al-wuṣūl</i>	19	Sampai
عُبُور <i>ubūr</i>	13	Melintasi	بِدُخُول <i>bidukhūl</i>	18	Kemasukan
بِدُخُول <i>bidukhūl</i>	12	Kemasukan	عُبُور <i>ubūr</i>	13	Melintasi
وُصُول <i>wuṣūl</i>	10	Sampai	الْعَوْدَة <i>al-'audat</i>	13	Pulang
هَرَبَا <i>hariban</i>	4	Lari	الْفَوْر <i>al-faur</i>	11	Lari
الْمُعَادَرَة <i>al-mughādarat</i>	4	Meninggalkan	هَرَب <i>hariba</i>	11	Lari

Melihat kepada jadual 4.8 berikut, pemilihan kata nama menunjukkan fokus laporan berita yang disampaikan mengenai pelarian. Al-Jazeera dilihat banyak menyentuh mengenai perpindahan pelarian dari satu tempat ke satu tempat untuk mencari perlindungan. Hal ini dapat dilihat pada kekerapan tertinggi perkataan yang hadir. Perkataan perpindahan */al-intiqāl/* (الانتقال) berulang sebanyak 65 kali, diikuti perkataan perlindungan */al-lujū’/* (اللجوء) sebanyak 63 kali dan perkataan pergi */tarhīl/* (ترحيل) sebanyak 25 kali. Hal ini dilihat sebagai salah satu cara al-Jazeera menimbulkan rasa simpati terhadap pelarian yang digambarkan sentiasa bergerak ke satu tempat ke satu tempat yang lain. Situasi ini mendatangkan kesusahan demi kesusahan kerana pergerakan pelarian ke sesebuah negara ibarat tidak berpenghujung dan tiada kesudahannya.

Kesan daripada proses pergerakan dan perpindahan ini terhadap pelarian bergantung kepada dua faktor utama; pertamanya, cara pergerakan pelarian; keduanya cara penerimaan negara yang dituju. Bagi aspek pertama, terdapat 3 cara utama yang digunakan pelarian untuk berpindah iaitu;

a)Melalui jalan darat

دعت مئات العائلات من اللاجئين السوريين العالقين على الحدود الأردنية السورية إلى السماح لهم بالدخول إلى الأراضي الأردنية.

(Sumber: al-Jazeera, 24 Februari 2014)

Beratus-ratus keluarga pelarian Syria yang terkandas di **sempadan antara Jordan dan Syria** menyeru agar kerajaan Jordan membenarkan mereka untuk **masuk ke Jordan**.

b)Melalui jalan laut

نبه المرصد الأورومتوسطي لحقوق الإنسان النقب إلى تزايد أعداد اللاجئين وطالبي اللجوء، لا سيما السوريين والفلسطينيين الفارين من سوريا باتجاه أوروبا عبر البحر الأبيض المتوسط، محذرا من حالات غرق جديدة كالتى وقعت في الربع الأخير من العام الماضي.

(Sumber: al-Jazeera, 19 Februari 2014)

Pemerhati EUROMED bagi hak asasi manusia memberi amaran kepada Eropah mengenai pertambahan bilangan pelarian dan pemohon suaka terutamanya rakyat Syria dan Palestin yang melarikan diri dari Syria menuju ke Eropah **melalui laut Mediterranean**. Sebagai satu peringatan agar tidak ada peristiwa karam baru berlaku seperti yang telah berlaku pada suku terakhir tahun lepas.

c)Melalui kedua-dua cara di atas (darat dan laut)

وتدفق خلال الليل على النمسا آلاف من المهاجرين واللاجئين جاءوا سيرا على الأقدام وعلى متن قطارات وحافلات أقلتهم إلى منطقة الحدود بين النمسا والمجر حيث استقبلهم متطوعون ثم توجه بعضهم إلى العاصمة فيينا والبعض الآخر اتجه إلى ميونخ جنوبي ألمانيا.

(Sumber: BBC, 6 September 2015)

Beribu-ribu **pendatang dan pelarian** menuju ke Austria pada waktu malam dengan berjalan kaki, menaiki kereta api dan bas yang membawa mereka ke sempadan antara Austria dan Hungari, di mana para sukarelawan menyambut mereka. Ada yang pergi ke ibu kota Vienna dan yang lain pergi ke Munich, selatan Jerman.

Keduanya, cara penerimaan negara luar terhadap pelarian Syria yang datang. Tidak semua negara menerima kemasukan pelarian ke negara mereka. Negara-negara yang menjadi tumpuan pelarian ialah negara yang bersempadan dengan Syria seperti Lubnan, Turkiye, Jordan dan negara-negara Eropah melalui laut Mediterranean. Kedatangan pelarian boleh dikaitkan dengan metafora tetamu yang diundang dengan tetamu yang tidak diundang. Abid et. al. (2017) menjelaskan antara kategori metafora yang dikaitkan dengan pelarian Syria ialah metafora mengenai kemasukan pelarian Syria ke dalam negara tuan rumah. Kategori ini melibatkan metafora negara yang dituju sebagai sebuah bangunan. Perkataan */dākhil/ دَاخِل* (yang masuk) dan */dukhūl/ دُخُول* (kemasukan) yang terdapat pada kedua-dua


laporan berita menggunakan metafora yang menggambarkan *host country* sebagai sebuah bangunan yang mempunyai pintu masuk. Sempadan digambarkan sebagai pintu masuk pelarian ke sesebuah negara (lihat Abid et. al, 2017) sama ada negara yang mengamalkan *open-door policy* seperti Jerman atau negara yang tidak mengamalkannya seperti Britain yang lebih suka memberi bantuan kewangan kepada negara yang menerima pelarian berbanding menerima pelarian masuk (al-Jazeera, 5 Januari 2014). Antara contoh lain ialah Mesir yang menahan pelarian Syria yang tidak mempunyai visa. Di samping memberikan layanan yang tidak sepatutnya kepada pelarian. Al-Jazeera dalam laporannya bertarikh 3 Januari 2014, melaporkan kesusahan pelarian Syria di Mesir. Pelarian Syria yang tidak mempunyai permit ditahan termasuk kanak-kanak Golongan. ini ada yang dipisahkan dari keluarga mereka dan selalunya akan berakhir dengan penghantaran pulang ke Syria. Selain itu, penahanan dibuat di dalam tempat sempit dan sesak dengan ramai orang. Tambahan lagi, tidak ada makanan yang sesuai yang diberikan kepada kanak-kanak khususnya yang berumur di bawah umur lima tahun. Hal-hal seperti ini menambah penderitaan yang dihadapi pelarian.

Hal ini sedikit berbeza laporan yang dibuat BBC. BBC dilihat banyak memfokuskan laporan beritanya kepada berita mengenai pelarian mencari perlindungan. Hal ini kerana perkataan perlindungan /*al-lujū'*/ (اللُّجُوءُ) berulang sebanyak 37 kali, diikuti perkataan yang masuk /*dākhil*/ (دَاخِلٌ) yang hadir sebanyak 30 kali diikuti perkataan perpindahan /*al-hijrat*/ (الهِجْرَةُ) yang berulang sebanyak 20 kali. Perbezaan antara keduanya tidaklah begitu ketara, kerana hampir semua perkataan kata nama mengenai pelarian ini hadir dalam kedua-dua laman berita. Pemilihan kata nama ini secara tidak langsung menunjukkan pemilihan kata kerja yang dibuat bagi kedua-dua laman berita. Hal ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4.9: Kata Kerja Dalam Al-Jazeera dan BBC

AL-JAZEERA			BBC		
Perkataan	Kekerapan	Makna	Perkataan	Kekerapan	Makna
وَصَلَ <i>waṣala</i>	15	Sampai	وَصَلَ <i>waṣala</i>	47	Sampai
لَجَأَ <i>laja'a</i>	10	Berlindung	عَبَرَ <i>'abara</i>	17	Melintasi
فَرَّوْا <i>farrū</i>	9	Lari	غَادَرَ <i>ghādara</i>	7	Meninggalkan
عَبَرُوا <i>'abarū</i>	5	Melintasi	فَرَّوْا <i>farrū</i>	6	Lari
يَتَوَافَدُونَ <i>yatawāfadūn</i>	2	Datang	تَوَاجَهَ <i>tawājaha</i>	5	Menuju

Begitu juga dengan pemilihan kata kerja pada kedua-dua laman berita. Al-Jazeera dan BBC dilihat memfokuskan kepada aspek perpindahan pelarian disebabkan pemilihan kata seperti sampai *waṣala* (وَصَلَ), berlindung *laja'a* (لَجَأَ), lari *farrū* (فَرَّوْا), melintasi *'abarū* (عَبَرُوا), meninggalkan *ghādara* (غَادَرَ), menuju *tawājaha* (تَوَاجَهَ) dan datang *yatawāfadūn* (يَتَوَافَدُونَ). Melalui penggunaan perkataan ini kita boleh simpulkan ciri-ciri yang ada pada seorang pelarian dalam kedua-dua laman berita dalam rajah di bawah:



Rajah 4.1: Proses Pelarian Melarikan Diri

Rajah di atas menunjukkan identiti seorang pelarian. Sebagai pelarian, mereka akan melarikan diri /*farra*/ (فَرَّ) dari perkara yang mengancam mereka dan mencari perlindungan /*laja'a*/ (لَجَأً) di tempat lain. Mereka akan melarikan diri jauh dari tempat mereka sehingga perlu melalui dan melintasi /*abara*/ (عَبَرَ) sempadan negara. Seterusnya sampai /*waṣala*/ (وَصَلَ)/*tawāfada*/ (تَوَافَدَ) ke tempat yang dituju. Manakala negara yang dituju akan menerima kedatangan mereka sebagai tetamu yang dijemput atau sebaliknya. Perkataan (لَجَأً) , (فَرَّ) dan (عَبَرَ) merupakan perkataan yang membawa maksud yang hampir sama. Merujuk kepada cara pergerakan ke suatu tempat. Begitu juga dengan perkataan *istaḍāfa* (اِسْتَضَافَ) dan *listaqbala*/ (اِسْتَقْبَلَ) yang membawa maksud penerimaan negara tuan rumah untuk membenarkan pelarian masuk dan tinggal di negara itu. Lambakan perkataan-perkataan ini menunjukkan proses yang perlu dilalui oleh seorang pelarian sejak dari meninggalkan negara, sehinggalah sampai ke tempat yang dituju. Malah terdapat

sebilangan pelarian yang pulang kembali ke negara mereka akibat kesusahan hidup di tempat orang.

Melalui contoh dalam kedua-dua laman berita di atas, pelarian ialah golongan yang sentiasa melarikan diri dari perkara yang menjadi ancaman kepada mereka. Tahap ancaman yang dihadapi golongan ini lebih jelas dan dirasakan melalui kata adjektif yang diberikan kepada perkataan perang di dalam artikel berita al-Jazeera. Manakala BBC dilihat lebih umum dalam penyampaiannya mengenai ancaman peperangan apabila menggunakan ayat yang hampir sama mengenainya.

4.2 Pelarian Sebagai Angka

Pelarian seringkali ditonjolkan sebagai satu kumpulan besar yang berhijrah beramai-ramai ke suatu tempat untuk mencari perlindungan. Malah perkataan pelarian */lāji'* (لاجيء) sering hadir dalam bentuk jamak */lāji'in* (لاجئين) dalam artikel berita. Golongan ini juga seringkali dirujuk dalam bentuk angka, statistik dan hadir bersama perkataan yang menunjukkan banyak dan ramai seperti lebih daripada, seramai, menjangkau, hampir dan penggunaan angka. Penggunaan angka seperti ratusan ribu */miāt al-alāf* (مئات الآلاف), sepuluh ribu *'asyarat alāf* (عشرة آلاف), jutaan *malāyīm* (ملايين), lebih daripada enam ratus ribu (أكثر من ستمائة ألف) puluhan ribu *asyar āt alāf* (عشرات آلاف). Penggunaan perkataan seperti puluhan, ratusan, dan jutaan memperlihatkan angka anggaran yang dibuat dan menggambarkan ramainya pelarian yang ada sehingga tidak terkira jumlahnya. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berita berikut:

Petikan berita 1

أن مصر تحتجز بطريقة غير مشروعة مئات اللاجئين السوريين والفلسطينيين.

Mesir telah mengepung **ratusan pelarian Syria** dan Palestin tanpa berpandukan undang-undang.

(Sumber: al-Jazeera, 03 Januari 2014)

Petikan berita 2

ورفضت الحكومة البريطانية الانضمام إلى 16 دولة - بما فيها الولايات المتحدة وفرنسا وألمانيا- تعهدت بالسماح بدخول أكثر من عشرة آلاف لاجئ سوري فارين من القتال الذي يعصف ببلادهم.

Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman - yang telah berjanji untuk **membenarkan masuk lebih daripada 10,000** pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran yang melanda negara mereka.

(Sumber: al-Jazeera, 05 Januari 2014)

Petikan berita 3

أن الأزمة التي يشكلها ملايين اللاجئين السوريين-الذين يتوافدون على الدول المجاورة- بدأت تصير كارثة إنسانية وسياسية لا يمكن تخفيف حدتها إلا إذا فتحت أوروبا أبوابها لهم.

Krisis yang disebabkan oleh **jutaan pelarian Syria** yang pergi ke negara-negara berdekatan telah menjadi sebuah bencana kemanusiaan dan politik yang tidak dapat diselesaikan melainkan Eropah membuka pintunya kepada mereka.

(Sumber: al-Jazeera, 14 Januari 2014)

Petikan berita 1 menunjukkan laporan yang dipetik dari Amnesty yang mentohmah Mesir kerana melayan pelarian dengan cara yang tidak sepatutnya dengan cara menghalang pelarian masuk, mengusir pelarian yang datang dari Syria ke Mesir, meletakkan kanak-kanak di dalam tahanan dan memisahkan keluarga dan ahli keluarga ketika mengusir pelarian pulang ke Syria. Perkataan ratusan pelarian Syria dan Palestin dilihat sebagai angka anggaran yang dibuat pihak Amnesty bagi menunjukkan ramai pelarian telah terjejas dengan kempen penangkapan secara rawak yang telah dilancarkan oleh kerajaan Mesir. Amnesty menyampaikan rasa tidak puas hati dan mengkritik Mesir sebagai mencabuli hak asasi manusia.

Penggunaan kata lebih 10,000 pelarian Syria pada petikan berita menunjukkan jumlah pelarian yang mungkin akan bertambah daripada jumlah yang sepatutnya. Al-Jazeera dalam laporan berita yang bertajuk 'Seruan Kepada Eropah Untuk Menerima Pelarian' bertarikh 5 Januari 2014 melaporkan ringkasan laporan akhbar di Britain dan Amerika mengenai kegawatan krisis pelarian. Akhbar The Independent Britain melalui laporannya oleh Natalie Bennett pemimpin *Green Party* menyeru Kesatuan Eropah untuk

menerima pelarian masuk ke negara masing-masing. Menurut laporan ini lagi, kerajaan Britain sepatutnya bersama-sama ahli Kesatuan Eropah yang lain membantu untuk menyelesaikan krisis pelarian Syria dengan menerima mereka masuk ke Britain. Hal ini berikutan kenyataan yang telah dikeluarkan kerajaan Britain yang enggan menerima pelarian dan lebih memilih untuk memberi bantuan kewangan kepada NGO yang membantu pelarian. Kerajaan Britain telah mendapat kritikan dari negara Kesatuan Eropah yang lain. Keengganan kerajaan Britain untuk menerima pelarian dijangka akan menambah bilangan pelarian yang perlu diambil oleh negara kesatuan Eropah yang lain.

Pada petikan berita 3, penggunaan kata jutaan pelarian Syria ditambah dengan ayat ‘telah menjadi bencana kemanusiaan dan politik yang tidak dapat diselesaikan melainkan Eropah membuka pintunya kepada mereka’ menunjukkan keadaan krisis pelarian yang semakin teruk sedang berlaku. Bilangan pelarian yang dianggarkan jutaan ini boleh meningkat kepada satu jumlah yang tidak dapat dihitungkan sekiranya tindakan segera tidak diambil. Perkara ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada Eropah dan masyarakat luar agar membuat sesuatu untuk menyelesaikan krisis ini.

Selain bilangan dan angka, penggunaan statistik seringkali digunakan bagi melaporkan jumlah pergerakan pelarian. Majoriti laporan statistik yang digunakan merupakan statistik yang diperoleh dari Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian UNHCR. Frasa seperti “laporan mingguan UNHCR menunjukkan” (أوضح التقرير الأسبوعي لفرع المنظمة), “statistik Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian (UNHCR) menunjukkan” (وتشير إحصاءات المفوضية العليا لشؤون اللاجئين التابعة للأمم المتحدة) seringkali digunakan.

Selain itu, penggunaan perkataan berkaitan bilangan seperti menjangkau, mencapai hampir, bilangan pelarian mencapai, seramai (Petikan berita 4). Pelarian juga sering dikaitkan

dengan perumpamaan seperti gelombang /*maujaṭ*/ موجة , limpah /*tadaffuq*/ تدفق dan barisan /*ṭawābir*/ طوابير (Petikan berita 5, 6 dan 7). Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berikut berikut:

<p>Petikan berita 4</p> <p>وأوضح التقرير الأسبوعي لفرع المنظمة في لبنان أن عدد هؤلاء اللاجئين بلغ بالضبط 915 ألفا و145 شخصا، بينهم 867 ألفا و431 شخصا مسجلون، و47 ألفا و714 شخصا في انتظار التسجيل، وأنه تم تسجيل أكثر من 13 ألف شخص لدى المفوضية خلال الأسبوع المنصرم.</p> <p>Menurut laporan mingguan wakil UNHCR di Lubnan, bilangan pelarian secara tepatnya mencapai 915,145 orang, termasuk 867,431 orang telah berdaftar, 4700714 sedang menunggu untuk pendaftaran. Seramai 13000 orang telah mendaftar sejak minggu lalu.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)</p>
<p>Petikan berita 5</p> <p>وبث ناشطون صورا لطوابير لاجئين في عرسال وقد لجؤوا إليها بعد ازدياد الوضع الإنساني سوءا في القلمون واستمرار الحصار مع قطع التيار الكهربائي، ووصل نحو أربعة آلاف شخص الأيام الثلاثة الماضية فقط هربا من القصف المستمر على المدينة بالمدفعية الثقيلة وراجمات الصواريخ.</p> <p>Para aktivis menyiarkan gambar barisan para pelarian di ‘Arsāl yang telah keluar mencari perlindungan selepas situasi kemanusiaan bertambah teruk di Qalamun akibat pengepungan yang berterusan di samping ketiadaan bekalan elektrik. Kira-kira 4000 orang telah tiba sejak 3 hari lalu kerana melarikan diri daripada serangan bom yang berterusan ke atas bandar menggunakan meriam berat dan pelancar roket.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 17 Februari 2014)</p>
<p>Petikan berita 6</p> <p>وتشهد الحدود التركية ارتفاعا ملحوظا في تدفق اللاجئين السوريين من مدينة حلب السورية وما حولها، نتيجة استمرار قصف نظام الأسد لها بالبرميل المتفجرة.</p> <p>Sempadan Turkiye sedang menyaksikan peningkatan ketara limpahan pelarian Syria dari bandar Aleppo, Syria dan sekitarnya, akibat pengeboman berterusan rejim Asad menggunakan bom barrel.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 17 Jun 2014)</p>
<p>Petikan berita 7</p> <p>كما تعتبر الأردن وتركيا من الدول الأكثر تضررا من موجات اللجوء القادمة من سوريا، حيث يبلغ عدد اللاجئين السوريين المسجلين في الأردن -الذي يبلغ عدد سكانه نحو ستة ملايين نسمة- أكثر من ستمائة ألف لاجئ، في حين يبلغ عدد اللاجئين السوريين في تركيا أكثر من 1.5 مليون لاجئ.</p>

Jordan dan Turkiye merupakan negara yang paling terjejas oleh **gelombang pelarian yang datang dari Syria**, di mana bilangan pelarian Syria yang didaftarkan di Jordan - yang mempunyai bilangan penduduk kira-kira 6 juta orang mencatatkan lebih daripada 600 000 pelarian, manakala bilangan pelarian Syria di Turkiye lebih daripada 1.5 juta orang pelarian.

(Sumber: al-Jazeera, 28 Oktober 2014)

Semua petikan berita di atas menunjukkan negara-negara yang terjejas dengan krisis pelarian. Kata kerja laporan “menurut laporan mingguan wakil *UNHCR*” pada petikan berita 4 memberikan gambaran pelarian yang masih bertambah walaupun laporan dibuat secara mingguan. Laporan ini memberikan bilangan yang tepat apabila dilihat kepada ayat “bilangan pelarian secara tepatnya mencapai...”. Perkara ini menunjukkan semakin ramai pelarian tiba di Lubnan. Selain itu laporan yang disampaikan oleh wakil UNHCR ini lebih teliti dan dipercayai kerana dilihat sebagai badan yang berautoriti menguruskan pelarian.

Petikan berita 4 dan 5 menunjukkan pertambahan pelarian di Lubnan. Petikan berita 5 menggunakan perkataan “barisan” kerana menggambarkan keadaan pelarian yang bergerak keluar dari kawasan yang sedang bergolak iaitu Qalamun sebuah kampung di Syria. Penggunaan perkataan barisan ini memperlihatkan cara pergerakan pelarian yang ramai secara berhati-hati bagi menyelamatkan diri dari pengepungan yang dibuat. Di samping itu, perkataan barisan ini juga digunakan bagi melaporkan gambar yang ditunjukkan oleh golongan aktivis.

Petikan berita 6 pula menggunakan kata “peningkatan ketara limpahan pelarian” yang melarikan diri melalui sempadan Syria dan Turkiye bagi menyelamatkan diri dari serangan bom barrel secara berterusan oleh rejim Asad. Perkataan limpahan ini menunjukkan pergerakan keluar pelarian Syria secara berterusan dalam keadaan sedikit-sedikit, serta-merta dan laju. Penggunaan kata limpahan ini bertepatan bagi

menggambarkan kesusahan pelarian yang bertimpa-timpa apabila pelarian yang melarikan diri ini hanya berjaya menuju ke sempadan Syria dan Turkiye. Turkiye tidak membenarkan pelarian ini untuk masuk ke Turkiye. Laporan al-Jazeera yang bertajuk ‘Pelarian Syria Tidur di Atas Tanah Di Sempadan Syria dan Turkiye’ ini menggambarkan keadaan hidup pelarian yang semakin susah kerana terpaksa bersesak-sesak dengan pelarian lain yang semakin bertambah di sempadan tanpa sebarang kemudahan dan bantuan diberikan.

Penggunaan perkataan gelombang pada petikan berita 7 pula menunjukkan pergerakan keluar pelarian secara cepat, tiba-tiba, drastik dan tidak terkawal dalam jumlah yang ramai menuju Turkiye dan Jordan. Turkiye merupakan negara yang paling banyak menerima pelarian (UNHCR, 2020). Diikuti oleh Jordan dan Lubnan yang merupakan negara jiran kepada Syria. Perkataan gelombang ini berupaya menimbulkan rasa bimbang pembaca mengenai kesediaan Jordan dan Turkiye untuk membantu golongan pelarian.

Begitu juga gambaran yang diberikan laman berita BBC mengenai golongan ini. Penggunaan kata seperti lebih dari 1 juta (بأكثر من مليون), jutaan /malāyīn/ (ملايين), hampir 3 juta (نحو ثلاثة ملايين), ribuan /ālāf/ (آلاف), bertambah /tazāyadat/ (تزايدت) sering digunakan. BBC juga dilihat menggunakan perkataan yang menunjukkan jumlah yang ramai seperti huru-hara /al-faudhā/ (الغوضى), limpahan /al-tadaffuq/ (التدفق), penghijrahan terbesar (أكبر الهجرات), arus manusia "المد البشري". Hal ini dapat dilihat seperti dalam contoh berikut:

Petikan berita 8

علما أن هناك 56 ألفا و154 طفلا سورياً في مصر حسب مفوضية اللاجئين، بينما يبلغ المجموع الكلي للأطفال السوريين اللاجئين 1.1 مليون، بينهم 75 في المئة دون الثانية عشرة.

Terdapat 56,154 kanak-kanak Syria di Mesir, menurut UNHCR, sementara jumlah kanak-kanak Syria adalah 1.1 juta, di mana 75 peratus adalah di bawah 12 tahun.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Petikan berita 9

أما في الأردن فقد بلغ عدد الأطفال السوريين 219,238 بينما يعيش 385,007 منهم في لبنان، وفقا للمفوضية.

Di Jordan, bilangan kanak-kanak Syria adalah 219,238, manakala 385,007 daripadanya tinggal di Lubnan, menurut UNHCR.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Petikan berita 10

وكانت السلطات اللبنانية قد أعلنت للاجئين السوريين على اراضيها والذين يقدر عددهم بأكثر من مليون بان من يعبر الحدود الى داخل سوريا سوق يفقد صفة اللاجئ.

Pihak berkuasa Lubnan telah mengumumkan kepada pelarian Syria di wilayahnya, yang dianggarkan **lebih dari satu juta** yang menyeberang sempadan ke Syria akan gugur status sebagai pelarian.

(Sumber: BBC, 02 Jun 2014)

Petikan berita 11

فر نحو ثلاثة ملايين شخص عبر حدود سوريا هربا من الحرب الأهلية الدامية التي اجتاحت البلاد.

Kira-kira 3 juta orang melarikan diri dari sempadan Syria untuk melarikan diri dari perang saudara berdarah yang melanda negara.

(Sumber: BBC, 04 Julai 2014)

Petikan berita 12

وأظهرت إحصاءات للأمم المتحدة، تتعقب حركة اللاجئين المسجلين، أن هذا "المد البشري" بدأ في بدايات عام 2012، عندما تفاقمت الاحتجاجات الواسعة إلى صراع مسلح، وأنه بلغ ذروته في أوائل العالم الماضي وسط ما أثير عن استخدام القوات الحكومية السورية لأسلحة كيميائية.

Mengikuti perangkaan PBB mengesan pergerakan pelarian berdaftar, "**arus manusia**" ini bermula pada awal tahun 2012, ketika protes yang meluas meningkat menjadi konflik bersenjata, memuncak pada awal tahun lalu di tengah-tengah penggunaan senjata kimia oleh pasukan pemerintah Syria.

(Sumber: BBC, 04 Julai 2014)

Petikan berita 13

طبقا للتقرير الذي اصدريته منظمته مجلس اللاجئين النرويجي ولجنة الاغاثة الدولية فان نحو 3 ملايين شخص هجروا ديارهم وتركوا الاراضي السورية الى دول اخرى منذ بدء الصراع عام 2011.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Majlis Pelarian Norway dan Jawatankuasa Bantuan Antarabangsa, **kira-kira 3 juta** orang telah meninggalkan rumah mereka dan meninggalkan wilayah Syria ke negara lain sejak konflik bermula pada tahun 2011.

(Sumber: BBC, 13 November 2014)

Petikan berita 14

وكان ملايين السوريين قد نزحوا الى الدول المجاورة لبلادهم ودول اخرى جراء الحرب التي مر عليها اكثر

<p style="text-align: right;">من ثلاث سنوات.</p> <p>Berjuta-juta rakyat Syria telah dipindahkan ke negara-negara jiran dan negara-negara lain akibat perang lebih 3 tahun.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: BBC, 13 November 2014)</p>
<p>Petikan berita 15</p> <p>وشهدت العاصمة الحزبية بودابست الأسبوع الماضي مشهد يتسم بالفوضى حيث علق مئات اللاجئين أمام محطة قطار رئيسية سعيا لاستقلال قطارات لدول غرب أوروبا.</p> <p>Ibu negara Hungari, bandaraya Budapest pada minggu lalu menyaksikan adegan huru-hara di mana beratus-ratus pelarian terkandas di hadapan sebuah stesen kereta api utama disebabkan usaha mereka mencari kereta api untuk ke negara Barat Eropah.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: BBC, 05 September 2015)</p>
<p>Petikan berita 16</p> <p>وتحول التدفق اليومي لرجال ونساء وأطفال إلى أحد أكبر المهجرات القسرية منذ الحرب العالمية الثانية.</p> <p>Limpahan kemasukan pelarian lelaki, wanita dan kanak-kanak setiap hari telah bertukar menjadi salah satu penghijrahan terbesar sejak Perang Dunia II.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: BBC, 04 Julai 2014)</p>

BBC juga seringkali mengaitkan pelarian dengan jumlah dan angka. Perkaitan ini juga kerap kali dikaitkan dengan golongan kanak-kanak dan wanita. Perkara ini dapat dilihat pada petikan berita 8, 9 dan 16. Golongan yang dianggap lemah ini ditonjolkan sebagai cara untuk meraih simpati masyarakat untuk membantu selain menunjukkan betapa seriusnya masalah pelarian yang melanda kerana melibatkan golongan pelarian pada semua peringkat umur (petikan berita 16). Perkara ini boleh mengundang rasa takut kepada pihak yang terlibat. Malah menambahkan rasa takut yang sedia ada. Berdasarkan petikan berita di atas, angka dan statistik digunakan bagi menunjukkan kumpulan pelarian sebagai satu kumpulan besar dan tidak terkawal melalui penggunaan kosa kata seperti huru-hara (الفوضى) dan arus manusia (المد البشري). Semakin hari semakin ramai masyarakat Syria yang menjadi pelarian. Maka dunia perlu bertindak segera bagi membantu golongan ini yang semakin lama semakin ramai dan tidak terkawal.

Jika dilihat di dalam kedua-dua laman berita, pelarian sebagai angka ini sering dipaparkan melalui statistik dari UNHCR mengenai pelarian. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan autoriti sebuah badan antarabangsa yang bertanggungjawab terhadap krisis pelarian yang berlaku dan menambah keyakinan pembaca terhadap laporan berita yang disampaikan. Terdapat perbezaan antara kedua-dua laman berita apabila melaporkan jumlah dan angka golongan pelarian. Laporan laman berita al-Jazeera dilihat lebih banyak melaporkan jumlah golongan ini, namun seringkali membuat anggaran mengenai jumlah pelarian tanpa memetik mana-mana sumber. Penggunaan kata seperti ratusan, ribuan, jutaan lebih daripada, menjangkau serta hampir menunjukkan anggaran yang dibuat dan tidak dapat ditentukan jumlahnya, tidak diketahui sumbernya. Hal ini berbeza dengan laman berita BBC yang sentiasa menyandarkan setiap angka kepada organisasi yang berkaitan seperti UNHCR (petikan berita 8, 9, dan 12), Majlis Pelarian Norway dan Jawatankuasa Bantuan Antarabangsa (petikan berita 13), dan sumber dari negara tuan rumah (petikan berita 10 dan 15).

Penggunaan pelarian sebagai angka dilihat sebagai cara untuk menarik simpati pembaca terhadap isu pelarian agar lebih banyak bantuan dapat diberikan. Menurut Abid RZ et. al. (2017), metafora yang digunakan untuk menggambarkan betapa ramainya pelarian Syria memasuki negara luar adalah menggunakan perkataan air seperti, banjir, gelombang, limpahan, dan arus. Di dalam kajian ini, perkataan seperti limpahan /*tadaffaqa*/ (تَدَفَّقَ), gelombang/ombak /*maujat*/ (مَوْجَة) sering digunakan (Petikan berita 7 dan Petikan berita 16). Perkataan-perkataan ini pada asalnya digunakan khusus untuk air seperti limpahan air dan gelombang ombak. Namun, penggunaan perkataan ini di dalam konteks berikut memberikan konotasi yang negatif kerana menunjukkan keadaan yang sukar dikawal. Perkara ini mendatangkan ketakutan kepada pihak yang terlibat (Lee C., 2016:132).

4.3 Pelarian Sebagai Mangsa

Pelarian juga sering digambarkan sebagai mangsa dari konflik yang berlaku. Konflik ini menyebabkan mereka terpaksa keluar dari negara mereka dan hidup secara melarat di negara luar. Pelarian sebagai mangsa ini menunjukkan pelarian sebagai golongan yang memerlukan bantuan. Penggunaan kata seperti penderitaan */mu'ānāt/* (مُعَانَاة), bencana */kāriḥat/* (كَارِثَة), susah */šo'bat/* (صَعْبَة), bahaya */al-khaṭar/* (الْخَطَر), terseksa */al-mu'aḍḍab/* (المُعَذَّب), diskriminasi/eksploitasi */al-istighlāl/* (الاستغلال), tragedi */ma'sāt/* (مَأْسَاة), terdesak */iḥtiyājāt/* (احتياجات) menunjukkan kesusahan dan situasi pelarian yang pelbagai sebagai mangsa. Pelarian sebagai mangsa dapat dilihat dari dua tema utama laporan berita iaitu : i) kesusahan pelarian akibat peperangan (Petikan berita 1-3) dan ii) kesusahan pelarian akibat layanan dari negara tuan rumah (Petikan berita 4).

Petikan berita 1

قالت أخرى إن المباحثات تشكل ربما فرصة للخروج من الحلقة المفرغة، مشيرة إلى أن اللاجئين السوريين يعيشون معاناة كارثية.

Menurut pihak yang lain, perundingan boleh menjadi solusi untuk keluar dari situasi perpindahan yang berterusan. Perkara ini merujuk kepada pelarian Syria yang hidup dalam **penderitaan yang menyeksakan**.

(Sumber: al-Jazeera, 29 Januari 2014)

Petikan berita 2

ويعيش اللاجئون السوريون خارج وطنهم معاناة مزدوجة تتمثل في تردي أوضاعهم المعيشية وحزنهم على ما يتعرض له بلدهم.

Pelarian Syria yang hidup di negara luar berhadapan dengan **penderitaan yang berganda** disebabkan kesusahan hidup dan kesedihan mereka terhadap apa yang sedang berlaku terhadap negara mereka.

(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)

Petikan berita 3

أن اللاجئين الذين يأتون عبر البحر من خلال مهربين وفي قوارب متهالكة تُحْمَل بأضعاف حمولتها، ومع جو البحر المتوسط الذي ما زال متقلبا ويشهد أمواجا عالية في مثل هذه الأوقات، ويضعهم في دائرة أكبر من

الخطر."

Pelarian yang datang menyeberangi laut melalui penyeludup menggunakan bot yang usang serta membawa muatan melebihi muatan. Di samping cuaca laut Mediterranean yang tidak menentu dan ombak tinggi pada masa itu, meletakkan mereka dalam **situasi yang paling bahaya**.

(Sumber: al-Jazeera, 19 Februari 2014)

Petikan berita 4

اللاجئين السوريين المعذبين في مخيمات اللجوء في الداخل والخارج، مع تصاعد الكارثة الإنسانية التي تهددهم، فضلا عن قلة وربما انعدام الخدمات والمساعدات التي تقدمها لهم بلدان الجوار المضيفة لهم.

Pelarian Syria **sedang terseksa** di kem pelarian di dalam dan di luar negara, dengan peningkatan **bencana kemanusiaan yang mengancam** mereka, serta kekurangan dan mungkin kekurangan perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh negara tuan rumah yang bersebelahan.

(Sumber: al-Jazeera, 19 April 2014)

Perkataan penderitaan *mu'ānāt* (مُعَانَاة) dalam petikan berita 1 hadir dengan kata sifat yang menunjukkan penderitaan serius yang sedang dialami pelarian. Frasa “penderitaan yang menyeksakan” (مُعَانَاة كَارِثِيَّة) merujuk kepada situasi hidup yang perlu dihadapi golongan Syria tanpa ada sebarang solusi dilakukan oleh kerajaan Syria. Laporan berita al-Jazeera yang bertajuk “Al-Asad terus Menakutkan Rakyat, Penderitaan Pelarian Semakin Gawat” ini melaporkan ulasan yang dibuat akhbar-akhbar Britain mengenai krisis pelarian Syria sebagai usaha memberi perhatian serius terhadap krisis yang berlaku. Terdapat laporan akhbar yang mengulas mengenai sikap Presiden Syria yang enggan menyertai rundingan Geneva yang sedang berlangsung dan menganggap rundingan ini sebagai permainan bagi menambah keganasannya dan menakutkan rakyat Syria. Rundingan damai ini disokong oleh akhbar yang lain, yang menyatakan bahawa perundingan boleh menjadi solusi untuk keluar dari situasi perpindahan pelarian yang berterusan.

Penggunaan frasa “penderitaan yang berganda” (مُعَانَاة مُزْدَوِجَة) pada petikan berita 2 menunjukkan penderitaan yang dihadapi golongan pelarian Syria bukan hanya kerana kesusahan kehidupan sebagai pelarian di negara orang malah bersedih dengan situasi yang berlaku di Syria. Al-jazeera di dalam laporannya ini membentangkan statistik UNHCR

mengenai jumlah pelarian Syria yang mendapat bantuan UNHCR di Lubnan yang telah mencapai 915,000 orang. Laporan ini juga menyatakan harapan pelarian Syria agar rundingan Geneva II yang sedang berlangsung berjaya mencapai solusi dan membolehkan mereka kembali ke tanah air mereka Syria dalam masa yang terdekat. Penderitaan berganda yang dihadapi golongan ini hanya dapat dikurangkan sekiranya krisis Syria yang melanda mencapai solusi seterusnya mengurangkan jumlah rakyat Syria yang menjadi pelarian.

Petikan berita 3 menunjukkan kesengsaraan yang perlu dihadapi golongan pelarian bermula dari perjalanan mereka meninggalkan negara mereka sehingga sampai ke tempat yang dituju. Al-Jazeera di dalam laporannya bertarikh 19 Februari 2014 memberi peringatan kepada Eropah agar bertanggungjawab membantu meringankan kesengsaraan Pelarian Palestin dan Syria. Hal ini kerana, kebanyakan pelarian berpindah untuk mencari perlindungan di negara-negara Eropah. Kebanyakan pelarian terdesak untuk menyelamatkan diri dan sanggup bergadai nyawa untuk keluar dari situasi peperangan yang berlaku menggunakan apa jua peluang dan cara yang ada. Pelarian yang datang menyeberangi laut melalui penyeludup menggunakan bot yang usang serta membawa muatan melebihi muatan. Di samping cuaca laut Mediterranean yang tidak menentu meletakkan pelarian dalam situasi yang paling bahaya. Pihak *Euro-Mediterranean Human Rights Monitor (euromedmonitor)* menyeru Kesatuan Eropah agar mengambil pelajaran terhadap peristiwa pelarian yang tenggelam sebelum ini agar perkara yang sama tidak berulang. Pihak *euromedmonitor* juga mencadangkan Kesatuan Eropah agar dapat mengeluarkan visa yang membenarkan ketibaaan golongan pelarian ke negara-negara Kesatuan Eropah.

Petikan berita 4 pula menunjukkan kesusahan yang dihadapi pelarian di kem pelarian. Pelarian Syria sedang terseksa di kem pelarian di dalam dan di luar negara, dengan peningkatan bencana kemanusiaan yang mengancam mereka, serta kekurangan yang dihadapi pelarian seperti kekurangan perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh negara tuan rumah yang bersebelahan. Perkara ini menunjukkan krisis pelarian bukan hanya terhenti apabila pelarian berjaya berpindah keluar dari negara mereka, malah kesengsaraan demi kesengsaraan perlu dihadapi pelarian selagi krisis Syria tidak menemui solusinya.

Pelarian sebagai mangsa juga dipaparkan melalui luahan pelarian dan melalui kisah kehidupan pelarian itu sendiri. Seterusnya kesusahan mereka sebagai pelarian di tempat orang, dari aspek penerimaan negara tuan rumah, proses pendaftaran sebagai pelarian, kekurangan bantuan yang diterima serta bagaimana mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka sebagai pelarian di tempat baru. Perkara ini dapat dilihat di dalam petikan berita berikut:

<p>Petikan berita 5</p> <p>هناك عوائل تنام بالعراء بدون أن تحصل على أي مساعدة من أي جهة.</p> <p>Terdapat keluarga yang tidur di tempat terbuka tanpa mendapat bantuan daripada sesiapa.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 17 Jun 2014)</p>
<p>Petikan berita 6</p> <p>يرى الخبير الاقتصادي كامران كريم أن هناك نقصاً في تشريعات وقوانين العمل في العراق، وهو ما أدى - حسب تعبيره- إلى استغلال الظروف الحرجة لهؤلاء اللاجئين السوريين وعدم مساواتهم بالعمالة المحلية.</p> <p>Menurut pakar ekonomi Kamiran Karim, terdapat kekurangan dalam undang-undang buruh di Iraq, yang menurutnya berlaku diskriminasi terhadap pelarian Syria dan tidak diberikan hak yang sama dengan pekerja tempatan.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 09 Februari 2014)</p>
<p>Petikan berita 7</p>

<p>....لأبناء المخيم في العمل نظرا لقبولهم بأجور أقل أمام حاجتهم الماسة للعمل.</p> <p>Penerimaan anak-anak kem pelarian bekerja adalah kerana upah yang lebih rendah ditambah lagi kerana mereka sangat terdesak untuk bekerja.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 12 Mei 2014)</p>
<p>Petikan berita 8</p> <p>الذين وصلوا تركيا لا يعيشون في بجموحة ويعانون من أوضاع معيشية صعبة.</p> <p>Mereka yang tiba di Turkiye tidak mendapat kehidupan yang baik. Mereka menempuh keadaan hidup yang sukar.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 17 Jun 2014)</p>
<p>Petikan berita 9</p> <p>"الكل يتهرب من توفير العلاج، ويتحجج بعدم الأولوية، أين نذهب ولن نلجأ؟". بهذه الشكوى استهلت اللاجئة السورية بلبنان والدة الطفل فراس حكمت الحديث عن حالة طفلها البكر تسع سنوات المصاب بسرطان الغدد الليمفاوية من خمسة شهور منذ انتقلهم إلى لبنان.</p> <p>"Semua pihak enggan memberikan rawatan, dengan alasan tiada keperluan, ke mana kami hendak pergi dan kepada siapa kami meminta perlindungan?." Demikian rintihan pelarian Syria di Lubnan, ibu Firas mengenai keadaan bayi 9 tahun miliknya, yang telah mengidap kanser limfomma selama lima bulan sejak mereka berpindah ke Lubnan.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 06 Mei 2014)</p>

Petikan berita 5 menunjukkan kesusahan pelarian yang berhijrah ke sempadan Turkiye akibat pengepungan yang dilakukan di kediaman mereka. Turkiye tidak membenarkan pelarian masuk ke negaranya. Perkara ini telah menyebabkan golongan pelarian Syria tidur di kawasan lapang berdekatan sempadan Syria dan Turkiye tanpa sebarang bantuan yang diterima.

Petikan berita 6 pula memaparkan diskriminasi yang berlaku terhadap pelarian Syria dalam proses mendapatkan pekerjaan di Kawasan Irbil Iraq. Diskriminasi ini berlaku apabila pelarian tidak diberikan upah yang setimpal dengan pekerjaan seperti mana pekerja tempatan walaupun pekerja tempatan bekerja dalam tempoh yang lebih singkat. Malah pelarian Syria yang memiliki kelulusan pengajian di peringkat yang lebih tinggi tidak memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan yang dimiliki dan terpaksa bekerja di restoran. Antara alasan yang diberikan majikan ialah pelarian Syria hanya bekerja

sementara dan akan pulang ke Syria pada bila-bila masa. Dalam laporan ini, Al-Jazeera memaparkan beberapa cerita pelarian Syria yang terlibat dalam perkara ini secara khusus dengan menyebut nama individu dan latar belakang pelarian yang terlibat.

Petikan berita 7 memaparkan telah dipetik dari laporan al-Jazeera yang bertajuk ‘Rakyat Syria Berlindung Di Khemah Pelarian Palestin Di Jordan’. Al-Jazeera dalam laporannya memaparkan bagaimana kesusahan yang dihadapi pelarian yang dianggap sebagai pelarian dalam pelarian “*لجوء على لجوء*” kerana tidak ada tempat untuk mereka pergi untuk mendapatkan perlindungan melainkan mencari perlindungan di kem pelarian yang sedia ada seperti kem Palestin di Jordan. Laporan ini juga memaparkan kesusahan pelarian yang tinggal di dalam kem dan terpaksa bersesak-sesak di dalam ruang rumah yang sempit bersama ahli keluarga lain. Selain itu, golongan pelarian bersaing dengan penduduk kem yang lain dan terdesak untuk mendapatkan pekerjaan kerana perlu membayar sewa rumah yang semakin mahal. Walaupun mereka menerima gaji yang rendah, namun keperluan yang mendesak memaksa mereka untuk bekerja.

Petikan berita 8 memaparkan situasi pelarian Syria yang berhijrah ke Turkiye. Turkiye sebelum ini telah menerima kemasukan ratusan ribu pelarian Syria. Namun mendapat rungutan dan tentangan dari rakyat Syria berhubung perkara ini. Sebahagian rakyat Turkiye menganggap pelarian Syria sebagai ancaman kerana mereka bersaing dengan masyarakat tempatan untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang ada. Namun begitu, sempadan Turkiye terus menyaksikan peningkatan ketara limpahan pelarian Syria dari bandar Aleppo, Syria dan sekitarnya, akibat pengeboman berterusan rejim Asad menggunakan bom barrel. Pelarian ini telah dihalang untuk masuk ke Turkiye dan terkandas di pintu sempadan. Frasa “hidup yang sukar” menggambarkan situasi sebenar pelarian Syria yang sampai ke Turkiye. Walaupun pelarian menganggap menyeberangi

sempadan menuju ke Turkiye merupakan satu perkara yang diimpikan, namun hakikatnya, ramai pelarian Syria yang telah sampai ke Turkiye hidup dalam kemelaratan.

Petikan berita 9 memaparkan situasi pelarian Syria di Lubnan yang diancam oleh penyakit yang berbahaya dan membawa maut. Al-jazeera dalam laporannya yang bertajuk “Penyakit Maut Mengancam Pelarian Syria di Lubnan” melaporkan mengenai situasi pelarian Syria yang menghidap penyakit yang berpanjangan namun tidak mendapat rawatan yang sepatutnya. Dalam kenyataan yang dikeluarkan organisasi bantuan, bilangan pelarian yang menghidapi kegagalan buah pinggang menghampiri 300 kes, 200 kes lagi melibatkan penyakit Talasemia yang melibatkan 150 dari mereka ialah kanak-kanak. Manakala terdapat 500 kes pelarian yang menghidap kanser. Soalan yang ditanya “ke mana kami hendak pergi dan kepada siapa kami meminta perlindungan?.” merupakan luahan rasa bimbang yang disampaikan oleh seorang pelarian mengenai anaknya yang menghidap kanser Limmofa namun tidak mendapat rawatan sepatutnya di atas kesempitan hidup yang dihadapi. Kisah kesusahan beliau ditambah lagi dengan keadaan dua anaknya yang merupakan pembawa Talasemia. Kos rawatan yang tinggi ditambah lagi dengan kes penyakit yang tinggi dalam kalangan pelarian melambatkan proses rawatan oleh pihak berkuasa Lubnan disebabkan kekurangan dana.

Selain cerita mengenai kesusahan pelarian, pemilihan perkataan yang digunakan menunjukkan betapa seriusnya keadaan yang dialami. Corak pemilihan perkataan dalam kedua-dua laman berita ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4.10: Taburan Perkataan Sebagai Mangsa Al-Jazeera

Al-Jazeera	Kekerapan	Makna
مُعَانَاة	26	Kesengsaraan

<i>mu'ānāt</i>		
إِشْتِيَكَاتٍ <i>isytibākāt</i>	19	Pergelutan
مُحَاوَلَةٌ/مُحَاوَلَاتٍ <i>muḥāwalāt</i>	10	Percubaan
الْمُزْمِنَةُ <i>al-muzminat</i>	9	Berpanjangan
الجُوع <i>al-jū'</i>	8	Kelaparan
التَّحَدِّيَّاتِ <i>al-taḥaddiyāt</i>	6	Halangan
بِحَاجَةٍ <i>biḥājat</i>	6	Perlukan
مَأْوَى <i>ma'wā</i>	6	Tempat perlindungan
مَسَاكِينٍ <i>masākin</i>	6	Orang miskin
إِحْتِيَاجَاتٍ <i>iḥtiyājāt</i>	9	Memerlukan
إِسْتِغْلَالٍ <i>istighlāl</i>	5	Eksplotasi
يُحَاوِلُونَ <i>yahāwilūn</i>	5	Mencuba
الْمُتَّفَقِمَةُ <i>al-mutaḥāqimat</i>	5	Yang berganda
إِنْتِظَارٍ <i>intizār</i>	5	Menunggu
ضُرُورَةٌ <i>ḍarūrat</i>	5	Dharurat
عَنِيفَةٌ <i>'anīfat</i>	5	Ganas
كَارِثَةٌ <i>kārithat</i>	5	Bencana

يَشْكُو <i>yasykū</i>	5	Mengadu
يُعَانُونَ <i>‘u‘ānūn</i>	5	Menghadapi
يُؤَاخِهُونَ <i>yuwājihūn</i>	5	Menghadapi
الْأَزْمَةُ <i>al-azmat</i>	29	Krisis
مُسَاعَدَات <i>musā‘adāt</i>	19	Pertolongan

Hal ini juga dapat dilihat dalam laporan yang dibuat BBC dalam laporan beritanya mengenai kesusahan yang dialami pelarian. BBC dilihat mengambil pendekatan yang lebih umum dalam laporan beritanya mengenai kesusahan pelarian. Hal ini berbeza dengan laporan al-Jazeera yang dilihat mampu menyentuh emosi pembaca melalui penggunaan kata dan laporan mengenai kesusahan pelarian secara perseorangan dan individu.

<p>Petikan berita 10</p> <p>يركب السوري الزوارق المطاطية ومراكب الصيد وما تيسر من سبل لينتقل إلى القارة الأوروبية. Penduduk Syria menaiki bot getah dan bot nelayan serta pengangkutan lain untuk ke benua Eropah. (Sumber: BBC, 27 Ogos 2015)</p>
<p>Petikan berita 11</p> <p>دخل الصراع في سوريا عامه الرابع، ومعاناة الأسر السورية من التشتت مستمرة في الداخل والخارج، منذ بدء الأزمة السورية في مارس/ آذار 2011 . Konflik di Syria telah memasuki tahun keempatnya, dan penderitaan keluarga Syria terus terpisah di dalam dan di luar negara sejak awal krisis Syria pada Mac 2011. (Sumber: BBC, 19 Mac 2014)</p>
<p>Petikan berita 12</p> <p>وأكد مون أن هؤلاء أشخاص يهربون من الحروب والاضطهاد، وينبغي معاملتهم برحمة وكرامة.</p>

ولا يزال العنف المستمر يجبر السوريين على الفرار عبر الحدود.

"Ini adalah golongan yang melarikan diri dari peperangan dan penganiayaan, mereka harus diperlakukan dengan baik dan dimuliakan," kata Moon.

(Sumber: BBC, 18 September 2015)

Petikan berita 13

وأظهرت مقاطع فيديو تلفزيونية مصورة أشخاصا بدا عليهم الإنهاك، وأغلبهم من النساء والأطفال، من الأكراد السوريين .

Rakaman video menunjukkan orang yang kelihatan **begitu letih**, kebanyakannya terdiri daripada **wanita dan kanak-kanak, dari kalangan puak Kurdish** di Syria.

(Sumber: BBC, 19 September 2014)

Petikan berita 14

وتدفق خلال الليل على النمسا آلاف من المهاجرين واللاجئين جاءوا سيرا على الأقدام وعلى متن قطارات وحافلات أقلتهم إلى منطقة الحدود بين النمسا والمجر حيث استقبلهم متطوعون ثم توجه بعضهم إلى العاصمة فيينا والبعض الآخر اتجه إلى ميونخ جنوبي ألمانيا.

Beribu-ribu **pendatang dan pelarian** menuju ke Austria pada waktu malam dengan **berjalan kaki, menaiki kereta api dan** bas yang membawa mereka ke sempadan antara Austria dan Hungari, di mana para sukarelawan menyambut mereka. Ada yang pergi ke ibu kota Vienna dan yang lain pergi ke Munich, selatan Jerman.

(Sumber: BBC, 5 September 2015)

Petikan berita 15

وقال نيك ثورب مراسل بي بي سي على الحدود المجرية النمساوية استمر تدفق اللاجئين نحو الحدود بعضهم استقل قطارات محلية من المجر ومع اقترابهم من الحدود تسارعت خطواتهم رغم الارهاق والخوف الذي احاط برحلاتهم.

Wartawan BBC Nick Thorpe berkata di sempadan Austria-Hungari bahawa banjir pelarian terus-menerus menuju ke sempadan, sebahagian mereka mengambil kereta api tempatan dari Hungari dan ketika mereka **mendekati sempadan, mereka mempercepat langkah mereka meski kelelahan dan ketakutan menghantui perjalanan mereka.**

(Sumber: BBC, 5 September 2015)

Petikan berita 16

وذكر ثورب أن الجموع استمرت في التوافد على الحدود حتى بعد حلول الليل وارتدى البعض ملابس صيفية رغم برودة الجو ولف البعض اجسادهم ببطانيات.

Menurut Thorpe kumpulan pelarian terus berduyun-duyun ke sempadan walaupun

selepas waktu malam. Sebahagiannya ada yang memakai **baju musim panas walaupun cuaca sejuk dan sebahagian yang lain membalut badan dengan selimut.**

(Sumber: BBC, 05 September 2015)

Petikan berita 10 memaparkan risiko perjalanan penghijrahan pelarian yang perlu dihadapi. Antaranya pelarian yang menyeberangi lautan untuk ke benua Eropah bagi mencari perlindungan. Penggunaan 'bot getah' untuk menyeberangi lautan Mediterranean yang luas dapat dilihat sebagai satu keadaan yang terpaksa dihadapi golongan pelarian untuk menyelamatkan diri dengan apa jua cara sekalipun. Masyarakat dunia telah menyaksikan beberapa episod bot pelarian yang karam dan kebanyakan berakhir dengan kematian. Jika mereka selamat tiba ke destinasi, mereka perlu menempuh perjalanan sakit yang baru seperti berjalan kaki menuju ke satu negara ke negara lain sambil mendukung anak kecil dengan harapan untuk mencari keamanan dan tempat tinggal untuk mereka dan anak mereka berlindung.

Petikan berita 11 memaparkan situasi rakyat Syria sebagai pelarian di Mesir. Laporan BBC yang bertajuk Rakyat Syria Di Mesir: Mesir Sebagai Tempat Perhentian dalam Perjalanan Mencari Kestabilan menunjukkan kebanyakan rakyat Syria yang tiba di Mesir enggan menandatangani sebagai pelarian di Mesir. Mereka hanya menjadikan Mesir sebagai tempat perhentian sebelum menuju ke Eropah untuk mencari perlindungan. Episod perpindahan demi perpindahan ini menyaksikan penderitaan berterusan yang perlu dihadapi oleh golongan pelarian apabila bukan hanya terpaksa meninggalkan negara sendiri, malah terpaksa berpisah dengan keluarga masing-masing.

Petikan berita 12 memaparkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha PBB Ban Ki Moon sebagai respon kepada keganasan yang berlaku Serbia dan Hungari terhadap pelarian Syria. BBC di dalam laporannya ini melaporkan mengenai penderitaan Syria di negara yang menjadi destinasi untuk mencari perlindungan. Penderitaan pelarian Syria

dilihat berterusan selepas peristiwa keganasan yang berlaku di sempadan Hungari dan Serbia. Presiden Austria Aleksandar Vučić mengkritik golongan pelarian sebagai golongan yang mempunyai sikap ganas. Peristiwa ini mendapat respon Ban Ki Moon agar pelarian dilayan dengan layanan yang baik kerana mereka telah menempuh episod penderitaan demi penderitaan. Masyarakat luar sepatutnya tidak menambah lagi penderitaan golongan pelarian yang sedia ada.

Penggunaan perkataan seperti *al-inhāk* (الإنْهَاق) di dalam petikan berita 13 menunjukkan rasa keletihan yang amat sangat sedang dihadapi pelarian. Menurut kamus Ma‘ani, perkataan ini memberi maksud seseorang dipenatkan dengan perkara yang tidak mampu ditanggung. Seperti contoh ayat : *عمل ليل نهار إلى حد إنْهَاق قُوَّاهُ* (ertinya: bekerja malam dan siang sehingga lemah, yang membawa maksud *إِتْعَابَهَا أَشَدَّ التَّعَبِ* dipenatkannya dengan penat yang melampau. Sambungan ayat selepasnya “kebanyakannya terdiri daripada wanita dan kanak-kanak” menambah lagi rasa kasihan pembaca terhadap situasi pelarian. Video ini merupakan video yang disiarkan di televisyen mengenai pergerakan pelarian Kurdish di Syria di sempadan selatan Turkiye selepas Perdana Menteri Turkiye Ahmet Davutoglu membenarkan kemasukan ribuan pelarian Syria dari puak Kurdish yang melarikan diri dari ancaman ISIS.

Petikan berita 14 mempamerkan kepada kita cara pergerakan beribu-ribu pendatang dan pelarian melalui sempadan Austria selepas Hungari melonggarkan undang-undang kemasukan pelarian ke negaranya. Frasa “pada waktu malam dengan berjalan kaki, menaiki kereta api dan bas” memberi bayangan dan gambaran kepada pembaca mengenai kesusahan yang dihadapi pelarian dalam proses penghijrahan yang dilakukan. Namun begitu, kedatangan mereka yang telah disambut oleh sukarelawan mengurangkan kesusahan yang dihadapi dan menunjukkan penerimaan negara tuan rumah.

Petikan berita 15 melaporkan mengenai kebanjiran pelarian ke Austria-Hungari selepas Jerman dan Austria menerima masuk pelarian ke negara masing-masing. Wartawan BBC yang berada di sempadan tersebut menggambarkan keterujaan pelarian Syria yang sampai ke sempadan walaupun berada dalam keletihan dan ketakutan sepanjang perjalanan mereka melalui ayat “ketika mereka mendekati sempadan, mereka mempercepat langkah mereka meski keletihan dan ketakutan menghantui perjalanan mereka”.

Petikan berita 16 selain menunjukkan cara mereka bergerak dan tiba pada petikan berita 14 dan 15, keadaan mereka tiba juga difokuskan bagi memaparkan kesusahan demi kesusahan yang dihadapi golongan pelarian. Ayat yang digunakan “kumpulan pelarian terus berduyun-duyun ke sempadan walaupun selepas waktu malam” diikuti oleh keadaan pelarian “memakai baju musim panas walaupun cuaca sejuk dan sebahagian yang lain membalut badan dengan selimut”.

Pelarian sebagai mangsa juga dapat dilihat melalui pemilihan perkataan yang sering hadir bersama-sama perkataan pelarian seperti dalam jadual 4.10 berikut:

Jadual 4.11: Taburan Perkataan Sebagai Mangsa BBC

Perkataan	Kekerapan	Makna
العُنْف <i>al-'unf</i>	8	Keganasan
العَالِقِينَ <i>al-'aliqin</i>	7	Yang terkandas
مُحَاوَلَة <i>muḥāwalat</i>	7	Percubaan
مَأْسَاة <i>ma'sāt</i>	4	Kesengsaraan
مُعَانَاة <i>mu'ānāt</i>	4	Kesengsaraan

الإشتباكات <i>al-isytibākāt</i>	3	Pergelutan
المأوى <i>al-ma'wā</i>	3	Tempat perlindungan
المساوية <i>al-ma'sāwiyat</i>	4	Kesengsaraan

Kisah kesengsaraan pelarian juga digambarkan melalui naratif pelarian mengenai kesusahan yang mereka hadapi. Al-Jazeera dilihat banyak memaparkan kisah pelarian melalui penceritaan pelarian. Di samping sering menyediakan maklumat latar belakang mereka secara terperinci seperti maklumat pendidikan, pekerjaan serta merujuk pelarian menggunakan nama sebenar. Ciri ini dikenali sebagai *extensivization* oleh KhosraviNik (2009:458). Ciri ini merupakan strategi representasi yang positif. Hal ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Petikan berita 17

خالد حسان لاجئ سوري يعيش مع عائلته في مدينة أربيل عاصمة إقليم كردستان العراق، ومع أنه خريج أحد معاهد الكمبيوتر في بلاده فإنه لم يجد عملاً يتوافق مع تخصصه فاضطر للعمل في أحد مطاعم المدينة لكي يؤمن بعضاً من احتياجات أسرته.

Khalid Hassan merupakan seorang pelarian Syria yang tinggal bersama keluarganya di Bandar Erbil ibu kota Kurdistan Iraq. Dia merupakan graduan salah sebuah Kolej Komputer di negaranya. Dia tidak menemui pekerjaan yang sesuai dengan kelayakannya. Hal ini memaksa dia untuk bekerja di salah sebuah restoran di Bandar bagi memenuhi keperluan keluarganya

وقال حسان إنه فوجئ كثيراً عندما عرف أن زملاءه من العراقيين العاملين بالمطعم يتقاضون أجوراً أعلى من نظرائهم السوريين رغم أنهم يعملون ساعات أقل.

Menurut Hassan, dia terkejut apabila mendapat tahu kawan-kawannya yang bekerja di

restoran yang sama menerima upah yang lebih tinggi dari pekerja Syria walaupun mereka bekerja dalam tempoh yang lebih pendek.

(Sumber: al-Jazeera, 9 Februari 2014)

Petikan berita 17 menunjukkan pelarian sebagai mangsa seringkali memperlihatkan golongan ini sebagai golongan yang tidak mendapat bantuan sewajarnya, golongan yang lemah dan sentiasa ditindas. Gambaran yang diberikan ini dilihat lebih positif dan bersifat simpati kerana maklumat mengenai latar belakang pendidikannya memberitahu pembaca bahawa Hassan berhak mendapat pekerjaan yang lebih baik. Namun, disebabkan kesukaran mendapat pekerjaan ditambah kesusahan hidup di negara orang dia terpaksa melakukan apa jua pekerjaan walaupun ditindas berikutan mendapat bayaran gaji yang lebih rendah walaupun bekerja dalam tempoh yang lebih lama.

Secara umumnya, kedua-dua laman berita menunjukkan rasa simpati terhadap golongan pelarian. Pelarian sebagai mangsa memperlihatkan pelarian sebagai golongan yang menjadi mangsa kepada krisis yang berlaku. Hal ini telah menyebabkan mereka terpaksa keluar dari negara mereka sendiri dan meminta perlindungan pihak luar. Seterusnya terdedah kepada bahaya dan kesusahan seperti tidak mendapat bantuan sepatutnya, terdesak dan terdedah kepada diskriminasi dan eksploitasi pihak yang mengambil kesempatan.

4.4 Pelarian Sebagai Penerima Bantuan

Pelarian sebagai penerima bantuan menunjukkan golongan ini sebagai golongan memerlukan bantuan pihak luar akibat krisis yang berlaku. Pelarian sebagai penerima bantuan juga meletakkan mereka sebagai golongan yang perlu dibantu. Mereka dilihat sebagai golongan yang lemah, tidak berdaya dan menanti bantuan dari pihak luar. Perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan perkataan seperti bantuan (مُسَاعَدَةٌ، إِعْثَانَةٌ), perlindungan

(إيواء), tempat perlindungan (ملاذ، مأوى), terima (قبول، استقبال), penempatan (توطين), dan membenarkan masuk (السماح بالدخول). Perkara ini dapat dilihat dalam dua aspek utama iaitu:

a) Penerimaan negara tuan rumah

b) Jenis bantuan yang diterima

4.4.1 Penerimaan negara tuan rumah

Pelarian sering digambarkan sebagai golongan yang keluar mencari perlindungan negara luar. Jadi penerimaan negara luar menjadi aspek penting bagi membolehkan proses perlindungan berlaku. Golongan pelarian ditonjolkan sebagai golongan yang perlu diambil dan diterima masuk ke dalam negara luar yang bersedia menerima mereka sebagai pelarian. Hal ini dapat dilihat melalui pemilihan kata seperti menjemput *tastadīf* (تستضيف) dan mengalu-alukan/menerima *tastaqbil* (تستقبل), terima *qubūl* (قبول), membenarkan masuk *al-simāh al-dukhūl* (السماح بالدخول), membuka pintu *yafṭah al-bāb* (يفتح الباب), melindungi *īywā'* (إيواء). Aspek ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Petikan berita 1

يشار إلى أن الخطوة البريطانية لاستقبال بعض اللاجئين السوريين تأتي استجابة لضغوط كبيرة متعددة من جانب الأمم المتحدة وبعض السياسيين وجماعات حقوق الإنسان.

Dilihat bahawa langkah Britain untuk **menerima** beberapa pelarian Syria adalah sebagai tindak balas kepada pelbagai tekanan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, beberapa ahli politik dan kumpulan hak asasi manusia.

(Sumber: al-Jazeera, 29 Januari 2014)

Petikan berita 2

وتشير وكالة أسوشيتد برس إلى أن أردوغان قال إنه بلاده لقت أوروبا "درسا في الإنسانية" من خلال استقبالها مليوني لاجئ من سوريا.

Wakil *Associated Press* menyatakan bahawa Erdogan menjelaskan bahawa negaranya telah mengajar Eropah “satu pelajaran mengenai kemanusiaan” dengan **menerima** 2 juta pelarian dari Syria.

(Sumber:BBC, 5 Oktober 2015)
<p>Petikan berita 3</p> <p>ورفضت الحكومة البريطانية الانضمام إلى 16 دولة - بما فيها الولايات المتحدة وفرنسا وألمانيا- تعهدت بالسماح بدخول أكثر من عشرة آلاف لاجئ سوري فارين من القتال الذي يعصف ببلادهم.</p> <p>Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman - yang telah berjanji untuk membenarkan masuk lebih daripada 10,000 pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran yang melanda negara mereka.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: al-Jazeera, 05 Januari 2014)</p>
<p>Petikan berita 4</p> <p>أعادت تركيا فتح حدودها أمام السوريين اللاجئين الفارين من القتال بين وحدات حماية الشعب الكردية ومسلحي تنظيم الدولة الإسلامية عند مدينة تل أبيض.</p> <p>Turkiye telah membuka semula sempadannya kepada rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan antara kawasan Unit Perlindungan Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (utara Syria).</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: BBC, 15 Jun 2015)</p>
<p>Petikan berita 5</p> <p>وتصر الحكومة البريطانية على قيام الدول المجاورة لسوريا، مثل لبنان والأردن وتركيا والعراق، بإيواء اللاجئين السوريين وتقول إن بريطانيا تقدم مساعدات لأكثر من 2.4 مليون لاجئ.</p> <p>Kerajaan Britain menegaskan bahawa jiran Syria, seperti Lubnan, Jordan, Turkiye dan Iraq, melindungi pelarian Syria dan mengatakan bahawa Britain juga menyediakan bantuan kepada lebih daripada 2.4 juta pelarian.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: al-Jazeera, 05 Januari 2014)</p>
<p>Petikan berita 6</p> <p>وتعتبر تركيا مأوى لأكثر من مليوني لاجئ سوري وواحدة من مراكز الهجرة الرئيسية لأولئك الذين يحاولون الوصول إلى أوروبا.</p> <p>Turkiye dianggap sebagai tempat perlindungan bagi lebih dari 2 juta pelarian Syria dan salah satu pusat perpindahan utama bagi mereka yang cuba untuk pergi ke Eropah.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: BBC, 5 Oktober 2015)</p>

Petikan berita 1 memaparkan keputusan Britain untuk menerima pelarian masuk ke negaranya dilihat sebagai respon kepada pelbagai tekanan dari pelbagai pihak seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa bersatu, ahli politik dan kumpulan hak asasi manusia. Britain sebelum ini pernah menyatakan pendiriannya melalui Perdana Menteri nya David Cameron

untuk tidak menerima pelarian masuk ke negaranya yang datang secara haram. Penerimaan masuk pelarian akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Namun begitu, kenyataan ini mendapat kritikan dari pelbagai pihak terutama dari kalangan ahli politik negara di bawah Kesatuan Eropah. Melalui ayat “akan menerima beberapa pelarian Syria” menunjukkan Britain perlu menerima pelarian walaupun dalam bilangan kecil sekalipun. Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman - yang telah berjanji untuk membenarkan masuk lebih daripada 10,000 pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran yang melanda negara mereka (al-Jazeera, 05 Januari 2014).

Petikan berita 2 memaparkan kritikan yang dibuat oleh Erdogan terhadap dasar migrasi negara-negara Eropah. Beliau mengkritik Eropah dan menuduh Eropah mengepung pelarian di tengah lautan Mediterranean. Wakil *Associated Press* menyatakan bahawa Erdogan menjelaskan bahawa negaranya telah mengajar Eropah “satu pelajaran mengenai kemanusiaan” dengan menerima 2 juta pelarian dari Syria. Jumlah ini merupakan jumlah yang besar berbanding penerimaan pelarian Syria di negara-negara Eropah lain.

Petikan berita 3 menunjukkan keputusan negara-negara Eropah yang telah berjanji untuk membenarkan kemasukan pelarian Syria mengikut kuota yang telah ditetapkan ke negara mereka. Namun begitu, kerajaan Britain terkecuali kerana enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman.

Petikan berita 4 menunjukkan keputusan Turkiye membuka semula sempadannya kepada rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan antara kawasan Unit Perlindungan Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (utara

Syria) atas dasar kemanusiaan. Turkiye sebelum ini menutup sempadan berikutan kemasukan pelarian yang terlalu ramai ke negaranya. Penutupan ini menyebabkan ribuan pelarian Syria terkandas lama di pintu sempadan.

Petikan berita 5 merupakan reaksi yang diberikan Britain kepada negara-negara jiran Syria seperti Lubnan, Jordan, Turkiye dan Iraq yang telah membantu pelarian Syria terutamanya apabila menerima golongan pelarian masuk ke negara mereka. Britain juga tidak terkecuali dalam usaha membantu golongan ini apabila memberi dana kewangan kepada badan bukan kerajaan yang membantu pelarian. Britain lebih memilih untuk memberikan bantuan kewangan berbanding membenarkan golongan pelarian untuk masuk ke negara mereka. Britain menegaskan mereka sedang menyediakan bantuan kepada lebih daripada 2.4 juta pelarian.

Petikan berita 6 mencatatkan jumlah pelarian yang ada di Turkiye. Turkiye yang mengamalkan dasar buka pintu (*open door policy*) telah menarik ramai pelarian untuk datang ke negaranya. Malah Turkiye menganggap pelarian Syria sebagai tetamu. Turkiye dianggap sebagai tempat perlindungan bagi lebih dari 2 juta pelarian Syria dan salah satu pusat perpindahan utama bagi mereka yang cuba untuk pergi ke Eropah. Turkiye sebagai tempat perlindungan bagi pelarian memberikan konotasi positif kepada pembaca kerana pelarian yang memerlukan perlindungan mempunyai pilihan untuk berlindung.

Penerimaan negara tuan rumah untuk membenarkan pelarian masuk juga boleh dilihat pada pemilihan perkataan yang digunakan bagi menggambarkan perkara ini. Perkataan */istaḍāfa/* (استضاف) dan */istaqbala/* (استقبل) merupakan perkataan yang digunakan secara bersilih ganti. Perkataan *استضاف*/seringkali digunakan untuk negara yang menjemput pelarian serta mengalu-alukan kedatangan mereka dan memberi perlindungan seperti Turkiye dan Lubnan. Jadi, negara ini akan mempersiapkan segala kelengkapan

untuk membantu pelarian. Manakala perkataan *استقبل* merujuk kepada negara yang mengalu-alukan kedatangan pelarian ke negara mereka. Jadi, negara ini akan membenarkan kemasukan golongan pelarian. Namun nasib pelarian apabila tiba di negara ini belum diketahui. Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan antara penggunaan kedua-dua perkataan ini.

Perkataan */istaḍāfa/ (استضاف)* boleh diterjemahkan sebagai *host* dalam bahasa Inggeris. Manakala perkataan *istaqbala (استقبل)* boleh diterjemahkan sebagai *receive*. Perkataan */istaḍāfa/ (استضاف)* mempunyai frekuensi yang lebih rendah di dalam kedua-dua laman berita berbanding perkataan */istaqbala/ (استقبل)*. Perkataan */istaḍāfa/ (استضاف)* berulang sebanyak 9 kali dalam al-Jazeera dan 15 kali dalam BBC berbanding perkataan *istaqbala (استقبل)* yang berulang sebanyak 27 kali dalam al-Jazeera serta 24 kali dalam BBC. Hal ini menunjukkan banyak negara yang boleh menerima namun tidak banyak negara yang boleh menerima dan bersedia memberi perlindungan kepada pelarian dari segala aspek. Penggunaan perkataan ini boleh dilihat dalam petikan berita di bawah:

Petikan berita 7

يُذكر أن تركيا تستضيف مئات الآلاف من اللاجئين السوريين على أراضيها، إلا أن الأعباء المترتبة على تلك الاستضافة بدأت بالظهور وليس أقلها التذمر من قبل بعض الأتراك.

Turkiye dikatakan **memberi perlindungan** kepada beratus-ratus ribu pelarian Syria di wilayahnya, tetapi beban dari kehadiran pelarian mula muncul, tidak kurang juga kemarahan dalam kalangan rakyat Turkiye.

(Sumber: al-Jazeera, 17 Jun 2014)

Petikan berita 8

تأهب الهيئات الإغاثية والحكومات -التي تستضيف مئات الآلاف من اللاجئين السوريين مثل لبنان والأردن- لاستقبال موجة من الصقيع وما يتخللها من عاصفة ثلجية أُطلق عليها "هدى" التي ضربت منطقة الشرق الأوسط منذ أمس الثلاثاء.

Agensi bantuan dan negara - yang **memberi perlindungan** kepada ratusan ribu

pelarian Syria seperti Lubnan dan Jordan – telah bersiap-sedia untuk menerima kedatangan gelombang ais dan badai salji yang dipanggil “Huda”, yang melanda Timur Tengah sejak hari Selasa.

(Sumber: al-Jazeera, 7 Januari 2015)

Petikan berita 9

وقال توسك للصحفيين إن "قدرة أوروبا العملية على استضافة موجات جديدة من اللاجئين، ناهيك عن المهاجرين لاغراض اقتصادية، توشك ان تصل حدها".

"Keupayaan praktikal Eropah untuk menjadi **tuan rumah** gelombang pelarian baru hampir mencapai hadnya. Belum lagi melibatkan pendarang untuk tujuan ekonomi," kata Tusk kepada wartawan.

(Sumber: BBC, 04 September 2016)

Petikan berita 10

وقالت الإدارة الأمريكية إنها سوف تستضيف عشرة آلاف لاجئ من سوريا على مدار العام المقبل.

Pentadbiran Amerika Syarikat menjelaskan bahawasanya ia **akan memberi perlindungan** 10,000 pelarian dari Syria **sepanjang tahun depan**.

(Sumber: BBC, 11 Disember 2015)

Penerimaan pelarian bergantung kepada negara yang menjadi tuan rumah. Terdapat beberapa negara seperti Mesir dan beberapa negara kesatuan Eropah yang tidak menerima pelarian. Negara Mesir umpamanya seringkali mengadakan kempen memerangi pelarian yang tidak mempunyai permit masuk ke sana. Pelarian di Mesir juga dituduh sebagai penyokong bekas Presiden Mesir Mohamad Mursi disebabkan beliau menyokong kebangkitan rakyat Syria. Alasan ini digunakan untuk mengusir pelarian Syria dari Mesir. Begitu juga dengan negara kesatuan Eropah yang tidak berupaya lagi menampung pelarian Syria yang terlalu ramai. Jika dilihat dari laporan berita al-Jazeera (Petikan berita 7 dan 8), pelarian ditonjolkan sebagai golongan yang dialu-alukan untuk dibantu. Walaupun negara yang terlibat telah terbeban (Petikan berita 7) dengan jumlah pelarian yang semakin ramai. Manakala laporan BBC (Petikan berita 9) menunjukkan pelarian sebagai beban kepada Eropah dan menunjukkan solusi yang boleh dibuat ialah dengan bantuan negara lain. Laporan BBC pada Petikan berita 10 menunjukkan usaha Amerika Syarikat untuk membantu pelarian memberikan solusi kepada Eropah. Namun begitu, perkara ini masih

belum berlaku kerana frasa “akan” dan “tahun depan” menunjukkan perkara ini masih di dalam perancangan bukannya tindakan yang telah diambil. Tetapi dengan adanya partikel penegasan (أداة التوكيد) bahawasanya *innahā* (إنَّهَا) memberi kesan yang lebih kuat bahawa tindakan ini akan diambil. Penggunaan partikel penegasan di sini sesuai digunakan kepada pendengar yang meragui mesej penyampai maklumat. Hal ini bertepatan dengan tujuan ayat penyata pada situasi kedua *الطَّلبي*.

4.4.2 Bantuan yang diterima

Pelarian dalam al-Jazeera dan BBC juga sering diperlihatkan sebagai mangsa yang berhak diberi bantuan termasuklah bantuan dari agensi yang sepatutnya seperti UNHCR serta bantuan dari negara tuan rumah. Perkataan seperti bantuan */al-musā'adat/* (المُسَاعَدَة), hak */haqqun/* (حَقُّ), menghulurkan bantuan */madda yad al-āwn/* (مَدَدَ يَدِ الْعَوْنِ), pertolongan */ighāsat/* (إِعْثَاة), perkhidmatan */khidmat/* (خِدْمَة) seringkali muncul bersama kata pelarian. Hal ini dapat dilihat dalam kedua-dua laman berita seperti berikut:

Petikan berita 11	والذين يتلقون المساعدة من المفوضية وشركائها
Yang menerima bantuan daripada UNHCR dan sekutunya.	(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)
Petikan berita 12	دول الاتحاد الأوروبي إلى مد يد العون والمساعدة للاجئين السوريين
Negara Kesatuan Eropah menghulurkan bantuan kepada pelarian Syria.	(Sumber: al-Jazeera, 05 Januari 2014)
Petikan berita 13	"التعامل معهم وفق القانون الدولي وحقوق الإنسان، ومنحهم حق الإقامة الشرعية، وعدم إبعادهم قسريا أو اضطهادهم."
"menangani mereka (pelarian Syria) selaras dengan undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia, dan memberi mereka permit menetap dan tidak secara paksa mengusir mereka atau menindas mereka."	(Sumber: al-Jazeera, 19 Februari 2014)
Petikan berita 14	

وإزاء ذلك أشاد المفوض العام لاتحاد ثوار سوريا في ليبيا محمد الجمال بالجهود الشعبية ومنظمات المجتمع المدني التي بذلت في سبيل تسيير أوضاع اللاجئين السوريين بليبيا، وتقديم آلاف الأطنان من المواد الإغاثية من **طعام ودواء وكساء وأغطية وحليب** للأطفال خلال العامين والنصف الماضيين للداخل السوري.

Pesuruhjaya Am Kesatuan Revolusi Syria di Libya, Mohamed al-Jammal, memuji usaha-usaha rakyat dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat tempatan yang berusaha menguruskan para pelarian di Libya dan penyediaan beribu-ribu tan barangan bantuan seperti **makanan, ubat, pakaian, selimut dan susu** kanak-kanak selama dua setengah tahun yang lalu.

(Sumber: al-Jazeera, 26 Februari 2014)

Petikan berita 15

وأضاف أن السوريين عوملوا معاملة الليبيين في التسجيل بالمدارس الحكومية، وتلقي العلاج في المؤسسات الصحية الحكومية. ولفت إلى أن تدفق اللاجئين السوريين إلى ليبيا توقف منذ مطلع 2013 خاصة بعد اشتراط الحكومة الليبية الحصول على تأشيرة دخول مسبقة.

Beliau menambah bahawa rakyat Syria dilayan seperti orang Libya **kerana boleh mendaftar di sekolah awam dan menerima rawatan di institusi kesihatan kerajaan**. Beliau menegaskan bahawa limpahan pelarian Syria ke Libya berhenti sejak awal 2013, terutamanya selepas kerajaan Libya mensyaratkan perlu mempunyai visa terlebih dahulu sebelum masuk ke sana.

(Sumber: al-Jazeera, 26 Februari 2014)

Petikan berita 16

يُشار إلى أن وزير الصحة البريطاني اللورد ريت هاو دعا الثلاثاء الماضي حكومة بلاده والاتحاد الأوروبي إلى قبول بعض اللاجئين السوريين الفارين من هول المعارك، وذلك بعد إعلانها تفضيل تقديم المساعدات المالية لهم بدلا من استقبالهم.

Menteri Kesihatan Britain Lord Rit-Hau pada Selasa menggesa kerajaannya dan Kesatuan Eropah menerima sebahagian pelarian Syria yang melarikan diri dari konflik itu, selepas Britain mengumumkan akan **memberi bantuan berbentuk kewangan** berbanding menerima mereka masuk ke Britain.

(Sumber: al-Jazeera, 5 Januari 2014)

Petikan berita 11 merupakan petikan laporan yang dikeluarkan UNHCR mengenai jumlah pelarian yang berpindah ke Lubnan dan menerima bantuan dari agensi ini. Jumlah pelarian telah meningkat kepada lebih daripada 915,000 orang dan tinggal bertebaran di seluruh Lubnan. Situasi penduduk Syria yang tinggal di luar Syria seperti di Lubnan boleh dianggap sebagai penderitaan yang berganda kerana kesusahan hidup di luar sebagai pelarian dan kesedihan yang dialami mereka kerana situasi yang melanda negara mereka. Pelarian ini perlu dibantu bagi meringankan penderitaan yang dihadapi. Seperti mana seruan yang dibuat oleh jurucakap UNHCR di Syria Peter Kessler yang menyeru negara-negara di dunia untuk meningkatkan bantuan kepada pelarian di musim sejuk.

Petikan berita 12 merupakan petikan seruan yang dibuat oleh Natalie Bennett di dalam laporan berita *The Independent UK* kepada negara Kesatuan Eropah untuk menghulurkan bantuan kepada pelarian Syria yang terpaksa melakukan penghijrahan keluar dari Syria disebabkan perang yang berlaku. Eropah menyaksikan pergerakan pelarian Syria yang ramai ke sana. Adalah menjadi tanggungjawab negara-negara Eropah untuk membantu pelarian yang tiba di Eropah. Pelarian ditonjolkan sebagai golongan lemah yang perlu dibantu oleh pihak yang lebih berkuasa seperti negara-negara Eropah.

Petikan berita 13 merupakan petikan peringatan yang dibuat pemantau Hak Asasi Euro-Mediterranean mengenai pertambahan bilangan pelarian dan pencari suaka, terutamanya rakyat Syria dan Palestin yang melarikan diri dari Syria menuju Eropah melalui Laut Mediterranean sebagai amaran kepada penambahan peristiwa lemas yang melibatkan pelarian seperti yang telah berlaku pada tahun lalu. Peringatan ini ditujukan kepada negara-negara Eropah terutamanya negara kaya untuk memudahkan pergerakan masuk pelarian ke Eropah dan negara-negara Arab terutamanya Mesir untuk melayani pelarian sebaiknya.

Mesir sebelum ini mengusir dan menangkap pelarian Syria yang datang tanpa permit. Mesir diingatkan agar melayani perlarian selaras dengan undang-undang antarabangsa dan hak asasi manusia, dan memberi mereka permit menetap dan tidak secara paksa mengusir atau menindas mereka.

Petikan berita 14 dan 15 merupakan petikan laporan al-Jazeera yang bertajuk “Libya Berevolusi untuk Membantu Pelarian Syria”. Laporan ini memaparkan bentuk bantuan yang disediakan Libya kepada pelarian Syria walaupun baru sahaja selesai dari revolusi Libya menjatuhkan pemimpin sebelum ini. Pesuruhjaya Am Kesatuan Revolusi Syria di Libya, Mohamed al-Jammal, memuji usaha-usaha rakyat dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat tempatan yang berusaha menguruskan para pelarian di Libya dan penyediaan beribu-ribu tan barangan bantuan seperti makanan, ubat, pakaian, selimut dan susu kanak-kanak selama dua setengah tahun yang lalu. Pelarian Syria dilayan seperti rakyat Libya yang lain kerana boleh mendaftar di sekolah awam dan menerima rawatan di institusi kesihatan kerajaan.

Petikan berita 16 memaparkan gesaan yang dibuat oleh Menteri Kesihatan Britain Lord Rit-Hau terhadap kerajaannya dan Kesatuan Eropah untuk menerima sebahagian pelarian Syria yang melarikan diri dari konflik Syria. Gesaan ini dibuat selepas Britain mengumumkan akan memberi bantuan berbentuk kewangan berbanding menerima mereka masuk ke Britain. Britain juga menegaskan mengenai bantuan negara-negara Jiran Syria seperti Lubnan, Jordan, Turkiye dan Iraq yang telah menerima pelarian masuk. Britain juga membantu lebih dari 2.4 juta pelarian.

Laporan-laporan di atas menunjukkan pelarian sebagai golongan yang menerima dan memerlukan kepada bantuan pihak luar. Al-Jazeera dilihat lebih teliti mengenai

laporan yang dibuat mengenai bantuan yang diterima dengan menyenaraikan bantuan yang diterima secara terperinci. Manakala BBC melaporkan berita mengenainya secara umum.

Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berita berikut:

<p>Petikan berita 18</p> <p>أحد كبار العاملين في مجال الإغاثة في دمشق علق على موقف الدول الأوروبية التي تستعد لإنفاق المليارات لاستقبال اللاجئين السوريين، موضحاً أنها كانت تستطيع تجنب المشكلة.</p> <p>Seorang pekerja bantuan kanan di Damaskus memberi komen mengenai keputusan negara-negara Eropah yang bersedia membelanjakan jutaan wang untuk menerima pelarian Syria. Beliau menjelaskan bantuan Eropah ini berupaya membantu krisis pelarian yang berlaku.</p> <p>(Sumber: BBC, 09 September 2015)</p>
<p>Petikan berita 19</p> <p>ويقول مراسلون إن زعماء الاتحاد الأوروبي يأملون في أن يظل طالبو اللجوء السياسي في تركيا مع تحسن أوضاع المخيمات هناك، وحرصهم على الرعاية الصحية والوظائف.</p> <p>Wartawan menjelaskan bahawa, pemimpin-pemimpin Kesatuan Eropah berharap bahawa pencari suaka di Turkiye akan kekal di sana dan mendapat perlindungan di kem yang sentiasa ditambah baik serta diberi akses kepada penjagaan kesihatan dan pekerjaan.</p> <p>(Sumber: BBC, 5 Oktober 2015)</p>
<p>Petikan berita 20</p> <p>باختصار، توفير الغذاء والمأوى للاجئين الذين يعيشون في مخيمات كان حلاً لمشكلة الأزمات. القضية الأكثر إلحاحاً الآن إيجاد مكان آمن ما يقيم فيه مئات الآلاف من الناس، وهنا حيث بدأت دول الخليج البحث بجد عن إجابات.</p> <p>Secara ringkasnya, menyediakan makanan dan tempat tinggal kepada pelarian yang tinggal di kem adalah penyelesaian kepada masalah semalam. Isu yang paling mendesak sekarang adalah untuk mencari tempat keselamatan untuk ratusan ribu orang, dan di sini negara-negara Teluk telah mula mencari jawapan.</p> <p>(Sumber: BBC, 08 September 2015)</p>
<p>Petikan berita 21</p> <p>يُنظَّم في مدينة ليفربول البريطانية حفل غنائي خيري يهدف إلى جمع تبرعات لمساعدة اللاجئين السوريين المتضررين من الحرب الدائرة في بلادهم.</p> <p>Konsert amal diadakan di bandar Liverpool di Liverpool untuk mengumpul dana untuk membantu pelarian Syria yang terjejas oleh peperangan di negara mereka.</p> <p>(Sumber: BBC, 10 September 2015)</p>

Melalui petikan berita 18, krisis perang di Timur Tengah yang berpanjangan telah menyebabkan krisis pelarian yang teruk di Eropah dan memerlukan bantuan kewangan yang banyak untuk memastikan bantuan dapat diberikan sebaiknya. Krisis pelarian ini dilihat akan terus berpanjangan sekiranya perang Timur Tengah tidak menemui solusinya. Rakyat akan terus berhijrah dan terdedah dengan bahaya kerana pilihan mereka untuk kekal di negara mereka adalah pilihan yang lebih teruk. Apabila negara Eropah bersedia membelanjakan jutaan wang untuk menerima pelarian Syria, bantuan ini dilihat berupaya membantu krisis pelarian yang berlaku. Hal ini kerana, situasi pelarian di dalam Syria sendiri mengalami kesusahan hidup apabila Program Makanan Antarabangsa telah dikurangkan kuota sedia ada.

Petikan berita 19 merupakan petikan laporan berita BBC mengenai pertemuan Presiden Turkiye Recep Toyyib Erdogan dan pemimpin Kesatuan Eropah di Belgium bagi membincangkan solusi krisis pelarian. Turkiye merupakan tempat perlindungan kepada lebih dari 2 juta pelarian dan merupakan destinasi persinggahan utama sebelum menuju Eropah. Terdapat beberapa jangkakan yang dilaporkan di dalam laporan ini. Penggunaan kata menjangkakan توقعت kerap kali digunakan pada permulaan ayat di dalam laporan ini yang menunjukkan ini hanyalah anggapan yang dibuat penulis terhadap laporan yang dibuat. Antaranya Presiden Erdogan dijangka mendesak penglibatan EU yang lebih serius terhadap krisis perang di Syria. Dalam laporan ini, Erdogan dilihat menyampaikan kritikan beliau terhadap undang-undang migrasi EU dan menuduh mereka sebagai mengepung pelarian di tengah laut Mediterranean. Malah, terdapat kemungkinan bahawa pemimpin EU akan menawarkan bantuan kewangan untuk menubuhkan lebih banyak kem di Turkiye. Menurut laporan ini juga, pemimpin-pemimpin EU berharap bahawa pencari suaka di

Turkiye akan kekal di sana dan mendapat perlindungan di kem yang sentiasa ditambah baik serta diberi akses kepada penjagaan kesihatan dan pekerjaan.

Petikan berita 20 memaparkan bantuan yang diberikan kepada golongan pelarian seperti menyediakan makanan dan tempat tinggal kepada pelarian yang tinggal di kem adalah penyelesaian segera kepada masalah telah berlaku. Namun begitu, isu yang paling mendesak sekarang adalah untuk mencari tempat keselamatan untuk ratusan ribu orang. Penglibatan negara-negara Teluk diperlukan bagi membantu krisis pelarian sedia ada. Walaupun mereka telah menyalurkan bantuan kewangan, bantuan ini dilihat tidak dapat menampung kebanjiran pelarian yang ada. Penyelesaian lain perlu dipertimbangkan oleh masyarakat dunia, kerana penderitaan yang dihadapi pelarian Syria dengan peperangan, ditambah lagi dengan penderitaan mereka di kem pelarian, menyebabkan proses penghijrahan sentiasa berlaku bagi mencari kehidupan yang lebih baik.

Petikan berita 21 menunjukkan antara langkah-langkah dan usaha yang dilakukan Britain untuk membantu pelarian Syria. Konsert amal diadakan di bandar Liverpool untuk mengumpul dana untuk membantu pelarian Syria yang terjejas oleh peperangan di negara mereka. Konsert amal ini menjemput beberapa figura yang terkenal seperti John Joseph Bishop pelakon komedi Britain dan kumpulan penyanyi seperti OMD, The Farm dan penyanyi John Power.

Al-Jazeera dilihat lebih banyak melaporkan mengenai bantuan yang telah diberikan kepada pelarian. Manakala BBC pula banyak melaporkan mengenai perancangan mengenai apakah bantuan yang bakal diterima pelarian. Perkara ini dilihat sebagai perkara yang belum pasti. Pemilihan perkataan seperti pertolongan, bantuan, perlindungan

merupakan perkataan yang sering hadir bersama kata pelarian. Taburan perkataan ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Universiti Malaya

Jadual 4.12: Taburan Perkataan Mengenai Bantuan Dalam Al-Jazeera dan BBC

Perkataan al-Jazeera	Makna	Kekerapan	Perkataan BBC	Makna	Kekerapan
المُسَاعَدَات <i>al-musā'adāt</i>	Pertolongan	33	مُسَاعَدَات <i>musā'adāt</i>	Pertolongan	13
مُسَاعَدَات <i>musā'adāt</i>		22	المُسَاعَدَات <i>al-musā'adāt</i>		12
المُسَاعَدَة <i>al-musā'adat</i>		4	لِمُسَاعَدَة <i>limusā'adat</i>		6
لِمُسَاعَدَة <i>limusā'adat</i>		4	مُسَاعَدَة <i>musā'adat</i>		6
مُسَاعَدَة <i>musā'adat</i>		9	المُسَاعَدَة <i>al-musā'adat</i>		2
تُسَاعِدُ <i>tusa'idu</i>		2	تستضيف <i>tastaḍīf</i>		Menyambut
سَاعَدَتْ <i>sā'adat</i>	2	استضافة <i>istiḍāfat</i>	3		
لِمُسَاعَدَتِهَا <i>limusā'adatihā</i>	2	لاستضافة <i>listiḍāfat</i>	2		
مُسَاعَدَاتُهُ <i>musā'adātihū</i>	2	باستضافة <i>bistiḍāfat</i>	2		
لِلْمُسَاعَدَة <i>lilmusā'adat</i>		1	تسمح <i>tasmaḥ</i>	Membenarkan	8

لِمُسَاعَدَتِهِ <i>limusā'adatihi</i>		1	السماح <i>al-simāḥ</i>		7
لِمُسَاعَدَتِهِمْ <i>limusā'adatihim</i>		1	يسمح <i>yasmaḥ</i>		7
مُسَاعَدَاتُهَا <i>limusā'adātuhā</i>		1	سمحت <i>samaḥat</i>		5
مُسَاعَدَتُنَا <i>musā'adatunā</i>		1	التوطين <i>al-tauṭīn</i>	Penempatan	7
مساعدته <i>musā'adatuhu</i>		1	توطينهم <i>tauṭīnuhum</i>		5
الإغاثة <i>al-'ighāthat</i>	Bantuan	6	استقبال <i>istiqbāl</i>	Menerima	6
إِغَاثِيَّةٌ <i>'ighāthiyyat</i>		5	تستقبل <i>tastaqbil</i>		5
عَوْثٌ <i>ghāuth</i>		3	لاستقبال <i>listiqbāl</i>		3
لِإِغَاثَةٍ <i>liighāthat</i>		3	استقبالهم <i>istiqbāluhum</i>		2
إِغَاثَةٌ <i>ighāthat</i>		1	استقبلت <i>istaqbalat</i>		2
بِإِغَاثَةٍ <i>biighāthat</i>		1	واستقبلت <i>wastaqbalat</i>		2
لاستقبال <i>listiqbāl</i>	Menerima	12	استقبالكم <i>istiqbālukum</i>		1

تستقبل <i>tastaqbil</i>		4	استقبالها <i>istiqbāluhā</i>		1
نستقبل <i>nastaqbil</i>		1	استقبل <i>istaqbala</i>		1
ستستقبل <i>satastaqbil</i>		3	استقبلهم <i>istaqbalahum</i>		1
الاستقبال <i>al-istiqbāl</i>		2	الإعانة <i>al-i'ānat</i>	Bantuan	4
باستقبالهم <i>bistaqbāluhum</i>		1	المعونات <i>al-ma'ūnat</i>		3
تستقبله <i>tastaqbiluhu</i>		1	إغاثة <i>ighāthat</i>	Bantuan	3
تستقبلهم <i>tastaqbiluhum</i>		1	الإغاثة <i>al-ighāthat</i>		2
لاستقباله <i>listiqbāluhu</i>		1	الإغائية <i>al-ighāthiyyat</i>		2
لاستقبالهم <i>listiqbāluhum</i>		1	قبول <i>qubūl</i>	Penerimaan	3
تستضيف <i>tastaḍīfu</i>	Mengambil	5	المأوى <i>al-ma'wa</i>	Perlindungan	3
الاستضافة <i>al-istiḍāfat</i>		1	لإنقاذ <i>li'inqāz</i>	Selamatkan	2
استضافات		1	للعناية	Memelihara	2

<i>istaḍāfat</i>			lil'ināyat
تستضيفهم <i>tastaḍīfuhum</i>		1	
لاستضافتها <i>listiḍāfatihā</i>		1	
إنقاذ <i>'inqāz</i>	Selamatkan	10	
ملاذات/مأوى <i>malāzāt/ma'wā</i>	Tempat perlindungan	7	
إيواء <i>'iwā'</i>	Perlindungan	5	
توطين <i>tauṭīm</i>	Penempatan	5	
يسمح <i>yasmaḥ</i>	Membenarkan	4	

Pemilihan perkataan-perkataan di atas menggambarkan pelarian sebagai golongan yang perlu dibantu dan sentiasa menerima bantuan dari pihak luar, sama ada melibatkan negara Arab seperti Lubnan, Saudi dan Mesir atau masyarakat luar melibatkan negara-negara Eropah dan negara barat yang lain.

Melalui corak berita yang meletakkan pelarian sebagai penerima bantuan, terdapat dua kesan yang boleh dilihat: Pertama, melalui bantuan yang telah diberikan, menunjukkan nasib pelarian terbelah dengan bantuan yang telah diberikan. Maka bantuan masih perlu diberikan berikutan krisis pelarian yang semakin teruk. Kedua, melalui bantuan yang akan diberikan merupakan perancangan yang baru dirancang dan merupakan perkara yang belum pasti. Perkara ini dilihat menjadi bukti kepada masyarakat luar bahawa pihak berkuasa yang terlibat akan mengambil langkah untuk bertindak membantu pelarian walaupun perkara ini belum lagi dilakukan. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan hubungan kuasa yang terlibat. Negara yang lebih kaya perlu membantu golongan pelarian yang telah keluar meninggalkan negara mereka (tiada negara). Pihak yang ingin membantu dilihat sebagai golongan dominan. Manakala golongan pelarian dilihat sebagai golongan yang pasif (Ozdora-Aksak, 2021), hanya menunggu bantuan dari pihak lain untuk meneruskan kehidupan.


Lambakan perkataan (*overwording*) tertentu boleh membawa kepada unsur ideologi tertentu yang cuba disampaikan. Fairclough (1989:96) menyatakan bahawa unsur *overwording* perkataan tertentu menunjukkan unsur kecenderungan terhadap ideologi yang cuba disampaikan. Pelarian dalam kajian ini dilihat sebagai seorang yang sentiasa melarikan diri. Hal ini menunjukkan pelarian digambarkan sebagai pelarian sama ada secara kategorinya atau secara identitinya sebagai pelarian yang melarikan diri dari konflik

yang berlaku. Sebagai mangsa kepada perang yang berlaku di negara mereka, mereka terpaksa keluar mencari perlindungan. Penghijrahan pelarian ini akan sentiasa berlaku dan semakin bertambah selagi konflik yang berlaku tidak menemui solusinya. Apabila pelarian semakin ramai keluar dari Syria, maka bilangan pelarian di luar semakin bertambah dan tidak terkawal lagi. Situasi ini menyebabkan negara yang menjadi destinasi pelarian bertanggungjawab memberikan bantuan kerana mereka merupakan mangsa kepada peperangan yang berlaku di Syria. Golongan ini dilihat lemah, pasif dan tidak berupaya menyelamatkan diri dan menjalani kehidupan yang lebih baik tanpa bantuan dari pihak luar. Keempat-empat tema berita ini berkait rapat antara satu dengan yang lain.

Berdasarkan penggunaan ayat pula, ayat penyata lebih banyak digunakan berbanding ayat bukan penyata yang digunakan dalam laporan berita ini berbentuk ayat penyata. Ayat bukan penyata yang seringkali digunakan di dalam teks luar di dalam laporan berita. Hal ini kerana teks luar yang digunakan memaparkan ayat pertuturan dan percakapan asal yang disampaikan oleh pihak yang terlibat. Petikan suara pihak yang terlibat ini biasanya merangkumi keadaan, situasi dan intonasi penutur ketika bertutur. Hal ini akan memperlihatkan penggunaan ayat bukan penyata yang melibatkan pelbagai gaya bahasa dengan pelbagai tujuan. Tujuan ayat penyata dan ayat bukan penyata akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada (bahagian 5.2) nanti. Bahagian ini hanya akan memperlihatkan contoh penggunaan ayat penyata dan ayat bukan penyata.

Secara umumnya, ayat penyata ini digunakan untuk membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara atau memberitahu mengenai sesuatu perkara. Struktur ayat penyata dapat dibahagikan kepada dua struktur utama melibatkan ayat penyata berbentuk ayat namaan dan ayat penyata berbentuk ayat kerjaan. Struktur Ayat penyata ini bergantung kepada

jenis prediket yang terdapat di dalam ayat sama ada kata kerja atau kata nama. Jika predikatnya ialah kata nama struktur asasnya ialah kata nama + kata nama. Jika predikatnya ialah kata kerja, struktur asasnya ialah kata kerja + kata nama. Struktur ini boleh terjadi sama ada kata kerja ini hadir sebelum atau selepas frasa subjek. Ayat penyata ini akan dilihat terlebih dahulu pada topik berita kedua-dua laman berita. Topik berita merupakan komponen penting terhadap laporan berita kerana menggambarkan kandungan utama laporan berita yang ingin disampaikan. Struktur ayat yang terdapat pada topik berita al-Jazeera adalah merupakan ayat penyata menggunakan struktur kata nama + kata kerja. Manakala yang selebihnya menggunakan struktur kata nama + kata nama. Rujuk Lampiran C bagi mendapatkan maklumat topik berita yang terlibat.



Rajah 4.2: Struktur Ayat Topik Berita Al-Jazeera

Jika dilihat kepada taburan topik berita Al-Jazeera, semua topik berita menggunakan ayat penyata. Sebanyak 54 peratus mewakili 27 laporan berita daripada 50 laporan berita merupakan ayat penyata menggunakan struktur kata nama + kata kerja. Manakala yang selebihnya menggunakan struktur kata nama + kata nama. Penggunaan predikat melibatkan kata kerja menunjukkan fokus ayat ialah pada predikat yang mengandungi tindakan, kejadian dan keadaan yang dikaitkan dengan masa. Masa yang terlibat ialah masa lepas, masa sekarang dan masa akan datang. Sebagai contoh pada topik berikut:

<p>Contoh 1:</p> <p style="text-align: center;">حملات أمنية تلاحق اللاجئين السوريين بمصر Kempen Keselamatan Menjejaki Pelarian Syria di Mesir (al-Jazeera, 03/01/2014)</p>
<p>Contoh 2:</p> <p style="text-align: center;">مفوضية اللاجئين: نساعد 915 ألف سوري بلبنان UNHCR: Kami Sedang Membantu 915 Ribu Pelarian Syria Di Lubnan (al-Jazeera, 11/02/2014)</p>

Pada contoh 1, musnad ilaih adalah حملات أمنية (kempen keselamatan) manakala musnadnya ialah kata تلاحق (menjejaki) pelarian Syria di Mesir yang merupakan kata kerja فِعْل المَضَارِع. Penggunaan kata kerja ini sebagai predikat memberi kefahaman bahawa kempen keselamatan yang sedang dijalankan telah berlangsung dan kempen ini masih diteruskan.


Musnad ilaih bagi contoh 2 pula ialah UNHCR manakala musnad ialah kata kerja نُسَاعِدُ (kami sedang membantu). Frasa predikat yang menggunakan kata kerja ini memberi tahu kepada pembaca bahawa bantuan telah diberikan kepada pelarian dan bantuan masih diberikan kepada pelarian Syria di Lubnan sehingga berita ini dikeluarkan.

Manakala penggunaan predikat melibatkan kata nama menunjukkan fokus ayat ialah pada subjek tanpa dikaitkan dengan masa. Sebagai contoh di dalam topik berikut:

<p>Contoh 3:</p> <p style="text-align: center;">أزمة اللاجئين السوريين أكبر كارثة إنسانية Krisis Pelarian Syria Bencana Kemanusiaan Terbesar (al-Jazeera, 14/01/2014)</p>
<p>Contoh 4:</p> <p style="text-align: center;">حملة أوروبية لمساعدة اللاجئين السوريين Kempen Eropah Untuk Membantu Pelarian Syria (al-Jazeera, 15/04/2014)</p>

Musnad ilaih bagi contoh 3 ialah *أزمة اللاجئين السوريين* (Krisis Pelarian Syria). Manakala musnadnya ialah *أكبر كارثة إنسانية* (bencana kemanusiaan terbesar). Walaupun predikatnya tidak menggunakan kata kerja, kita dapat memahami krisis pelarian Syria ini sedang berlaku sekarang. Perkara ini menunjukkan bahawa krisis ini telah sebatu dengan pelarian Syria sehingga menjadi sebuah bencana kemanusiaan terbesar. Di sini kita dapat memahami perkara yang ingin ditonjolkan ialah krisis pelarian bukannya krisis lain. Contoh 4 pula menyaksikan bahawa *حملة أوروبية* (kempen Eropah) adalah musnad ilaih manakala *لمساعدة اللاجئين السوريين* (untuk membantu pelarian Syria) merupakan musnadnya. Fokus berita ini ialah kempen Eropah bukannya kempen Timur Tengah atau yang lain tanpa diketahui tempoh sebenar kempen ini dijalankan.

Topik berita BBC pula menyaksikan penggunaan ayat penyata dan ayat bukan penyata di dalam topik berita. Ayat bukan penyata merangkumi ayat permintaan (*الطلبي*) dan ayat bukan bersifat permintaan. Terdapat 6 topik berita BBC menggunakan ayat bukan penyata jenis permintaan kerana menggunakan modaliti pertanyaan. Rujuk Lampiran D bagi mendapatkan maklumat topik berita yang terlibat.



Rajah 4.3: Struktur Ayat Topik Berita BBC

Jika dilihat kepada taburan topik berita BBC, sebanyak 70 peratus mewakili 35 laporan berita daripada 50 laporan berita menggunakan struktur ayat kata nama + kata kerja. Manakala yang selebihnya menggunakan struktur ayat kata nama + kata nama. Penggunaan predikat melibatkan kata kerja menunjukkan fokus ayat ialah pada masa tindakan, kejadian dan keadaan itu berlaku. Contohnya di dalam ayat berikut:

Contoh 5:

بريطانيا تخصص جزءا من المساعدات الدولية للاجئين السوريين

Britain Memperuntukkan Sebahagian Daripada Bantuan Antarabangsa Kepada Pelarian Syria.

(BBC, 07/09/2015)

Contoh 6:

مساعدات إنسانية تصل لآلاف اللاجئين السوريين لأول مرة منذ أسابيع

Bantuan Kemanusiaan Sampai Kepada Ribuan Pelarian Syria Bagi Pertama Kalinya Sejak Berminggu-Minggu.

(BBC, 05/08/2016)

Pada contoh 5, musnad ilaih merupakan *بريطانيا* (negara Britain). Manakala musnad bagi ayat ini ialah *تخصص جزءا من المساعدات* (memperuntukkan sebahagian bantuan). Penggunaan kata kerja *فعل المضارع* dapat memberi dua makna sama ada bantuan telah diberikan dan masih diberikan atau bantuan akan diberikan nanti kerana frasa “memperuntukkan sebahagian” menunjukkan sebuah perancangan sedang dilakukan. Musnad ilaih bagi contoh 6 ialah *مساعدات إنسانية* (bantuan kemanusiaan) dan musnad bagi topik ini ialah kata kerja *تصل* (sampai). Penggunaan kata kerja *فعل المضارع* menunjukkan bahawa bantuan kemanusiaan ini telah sampai kepada penerimanya dan masih ada lagi bantuan yang diberikan sehingga kini setelah berminggu-minggu terkandas. BBC juga menggunakan struktur ayat yang melibatkan frasa predikat kata nama. Perkara ini dapat dilihat di dalam contoh berikut:

<p>Contoh 7:</p> <p style="text-align: center;"><i>السوريون في مصر: محطة في رحلة البحث عن فرصة الاستقرار</i></p> <p>Rakyat Syria Di Mesir: Mesir Sebagai Tempat Perhentian dalam Perjalanan Mencari Kestabilan. (BBC, 19/03/2014)</p>
<p>Contoh 8:</p> <p style="text-align: center;"><i>تركيا: ارتفاع هائل في عدد اللاجئين السوريين المتجهين إلى الحدود التركية</i></p> <p>Turkiye: Peningkatan Jumlah Besar Pelarian Syria Yang Menuju Ke Sempadan Turkiye. (BBC, 06/02/2016)</p>

Pada contoh 7 terdapat dua ayat utama. Ayat pertama *السوريون* (rakyat Syria) merupakan musnad ilaih. Manakala *في مصر* (di Mesir) adalah musnadnya. Pada ayat kedua *محطة* (tempat perhentian) merupakan musnad ilaih. Manakala *في رحلة البحث عن فرصة الاستقرار* (sebagai tempat perhentian dalam perjalanan mencari kestabilan) merupakan musnadnya. Pada ayat pertama dan kedua menunjukkan keberadaan pelarian Syria di Mesir tidak terhad pada masa yang khusus. Pada contoh 8 pula negara Turkiye merupakan musnad ilaih. Manakala *ارتفاع هائل في عدد اللاجئين السوريين* (peningkatan jumlah pelarian) merupakan musnad bagi ayat ini. Peningkatan jumlah pelarian dilihat sebagai satu perkara yang

berterusan. Kedua-dua contoh ini menggunakan kata nama sebagai frasa predikat. Penggunaan ayat namaan memberi makna yang tetap terhadap sesuatu perkara. Seperti menetapkan sesuatu subjek dengan predikatnya. Terdapat juga sebanyak 12 peratus mewakili 6 laporan berita menggunakan ayat bukan penyata menggunakan modaliti pertanyaan. Antaranya seperti dalam jadual di bawah:

<p>Contoh 9:</p> <p>كيف يصل اللاجئين السوري إلى الولايات المتحدة؟ Bagaimana Pelarian Syria Sampai Ke Amerika Syarikat?</p> <p>(BBC, 18/11/2015)</p>
<p>Contoh 10:</p> <p>أزمة المهاجرين: لماذا لا تسمح دول الخليج باستقبال السوريين؟ Krisis Migrasi: Kenapa Tidak Membenarkan Negara Teluk Mengambil Pelarian</p> <p>(BBC, 08/09/2015)</p>

Kedua-dua ayat di atas menggunakan bukan penyata yang berbentuk permintaan. ayat pertanyaan. Contoh 9 menggunakan ayat pertanyaan yang berbentuk permintaan. Hal ini kerana pertanyaan perlu disusuli dengan jawapan. Namun begitu, contoh 9 ini adalah contoh ayat pertanyaan yang bukan memerlukan kepada jawapan tetapi digunakan untuk memberi maklumat kepada pembaca. Laporan berita BBC yang bertarikh 18 November 2015 ini telah menjelaskan bagaimana perjalanan pelarian Syria yang pergi ke Amerika Syarikat. Contoh 10 pula menunjukkan ayat pertanyaan dengan tujuan memberi amaran dan menyampaikan rasa tidak puas hati negara Eropah terhadap negara Timur Tengah yang mereka anggap sebagai berlepas diri dari mengambil tanggungjawab menyelesaikan isu pelarian yang terdiri dari bangsa Arab sendiri.

Struktur ayat yang kedua (kata kerja+kata nama) digunakan dalam kebanyakan laporan berita di dalam kedua-dua laman berita. Struktur ini melibatkan ayat yang mengandungi subjek + kata kerja + objek, struktur subjek + kata kerja dan struktur subjek +

kata kerja/kata adjektif + pelengkap ayat. Struktur pertama (subjek+kata kerja+objek) merupakan ayat yang mengandungi tindakan. Struktur yang kedua (subjek+kata kerja) merupakan ayat yang mengandungi peristiwa. Manakala sktruktur yang ketiga (subjek +kata kerja/kata adjektif) merupakan ayat yang mengandungi keadaan. Ayat ini boleh berbentuk positif atau negatif bergantung kepada modaliti dan jenis ayat yang meletakkan subjek secara berbeza. Ayat penyata meletakkan kedudukan subjek sebagai penutur/penulis memberikan informasi manakala kedudukan pendengar /pembaca sebagai penerima. Manakala ayat bukan penyata melibatkan kedudukan subjek yang berbeza. Ayat tanya contohnya meletakkan subjek sebagai penutur/penulis dalam kedudukan bertanya sesuatu kepada pengendar/pembaca untuk mendapatkan maklumat. Ayat perintah pula meletakkan subjek sebagai penutur/penulis dalam kedudukan meminta sesuatu daripada pendengar/pembaca. Keadaan meminta untuk mendapatkan maklumat biasanya melibatkan kedudukan yang lebih tinggi dan berkuasa. Contoh ayat penyata yang terdapat dalam al-Jazeera dan BBC ialah:

فقد دعت صحيفة إنديبندنت البريطانية - في مقال لزعيمة حزب الخضر ناتالي بينيت - دول الاتحاد الأوروبي إلى مد يد العون والمساعدة للاجئين السوريين الذين تجبرهم الحرب التي تعصف ببلادهم....

Akhbar Britain *Independent*, dalam sebuah artikel oleh pemimpin Parti Hijau Natalie Bennett, menyeru negara-negara Kesatuan Eropah untuk membantu pelarian Syria yang terpaksa melarikan diri ke luar negeri akibat peperangan yang melanda negara mereka....
(al-Jazeera, 5 Januari 2014)

دعت مئات العائلات من اللاجئين السوريين العالقين على الحدود الأردنية السورية إلى السماح لهم بالدخول إلى الأراضي الأردنية.

Beratus-ratus keluarga pelarian Syria yang terkandas di sempadan antara Jordan dan Syria menyeru agar kerajaan Jordan membenarkan mereka untuk masuk ke Jordan.
(al-Jazeera, 24 Februari 2014)

<p>أن مصر تحتجز بطريقة غير مشروعة مئات اللاجئين السوريين والفلسطينيين. Mesir telah mengepung ratusan pelarian Syria dan Palestin tanpa berpandukan undang-undang. (al-Jazeera, 03 Januari 2014)</p>
<p>ورفضت الحكومة البريطانية الانضمام إلى 16 دولة - بما فيها الولايات المتحدة وفرنسا وألمانيا- تعهدت بالسماح بدخول أكثر من عشرة آلاف لاجئ سوري فارين من القتال الذي يعصف ببلادهم . Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman - yang telah berjanji untuk membenarkan masuk lebih daripada 10,000 pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran yang melanda negara mereka. (al-Jazeera, 5 Januari 2014)</p>
<p>نبه المرصد الأورومتوسطي لحقوق الإنسان النقب إلى تزايد أعداد اللاجئين وطالبي اللجوء، لا سيما السوريين والفلسطينيين الفارين من سوريا باتجاه أوروبا عبر البحر الأبيض المتوسط، محذرا من حالات غرق جديدة كالتى وقعت في الربع الأخير من العام الماضي. Pemerhati EUROMED bagi hak asasi manusia memberi amaran kepada Eropah mengenai pertambahan bilangan pelarian dan pemohon suaka terutamanya rakyat Syria dan Palestin yang melarikan diri dari Syria menuju ke Eropah melalui laut Mediterranean. Sebagai satu peringatan agar tidak ada peristiwa karam baru berlaku seperti yang telah berlaku pada suku terakhir tahun lepas. (al-Jazeera, 19 Februari 2014)</p>
<p>وقالت السلطات النمساوية إنها تتوقع مجيء عشرات الآلاف من المهاجرين، والكثير منهم فروا من الحرب الأهلية في سوريا. Pihak berkuasa Austria menjangkakan kedatangan puluhan ribu pendatang, kebanyakan mereka melarikan diri dari perang saudara di Syria. (BBC, 5 September 2015)</p>
<p>أعادت تركيا فتح حدودها أمام السوريين اللاجئين الفارين من القتال بين وحدات حماية الشعب الكردية ومسلحي تنظيم الدولة الإسلامية عند مدينة تل أبيض. Turkiye telah membuka semula sempadannya kepada rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan antara kawasan Unit Perlindungan (utara Syria). Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (BBC, 15 Jun 2015)</p>
<p>ولا يعتبر السوريون مصر محطة وصول، بل يعدها الكثيرون منهم محطة انتظار لحين الرحيل إلى بلد أفضل حالاً. لذا يرفض أغلبهم التسجيل في مكتب مفوضية اللاجئين بمصر، أملاً في الحصول على فرصة اللجوء إلى دول أوروبا.</p>

Rakyat Syria tidak menganggap Mesir sebagai destinasi, bahkan ramai dalam kalangan mereka menganggapnya sebagai laluan transit sebelum berpindah ke negara yang lebih baik. Oleh itu, kebanyakan mereka enggan mendaftar di pejabat UNHCR di Mesir, dengan harapan mendapat peluang perlindungan dari negara-negara Eropah. (BBC, 19 Mac 2014)

وكانت تركيا، التي تشترك في حدودها مع العراق وسوريا، مأوى لما يقرب من 847 ألف لاجئ سوري منذ بدء اندلاع الثورة السورية ضد الرئيس السوري بشار الأسد في عام 2011. Turkiye, yang berkongsi sempadan dengan Iraq dan Syria, merupakan tempat perlindungan untuk hampir 847 000 pelarian Syria sejak teretusnya revolusi Syria terhadap Presiden Syria, Bashar al-Asad pada tahun 2011. (BBC, 19 September 2014)

Kebanyakan ayat penyata di atas merupakan ayat yang menggunakan struktur melibatkan struktur kata kerja + kata nama. Ayat penyata yang digunakan juga melibatkan ayat biasa tanpa unsur penegasan dan juga ayat penyata dengan unsur penegasan. Perkara ini dapat dilihat di dalam ayat di bawah:

<p>فقد دعت صحيفة إندبندنت البريطانية - في مقال لزعيمه حزب الخضر ناتالي بينيت - دول الاتحاد الأوروبي إلى مد يد العون والمساعدة للاجئين السوريين الذين تجبرهم الحرب التي تعصف ببلادهم....</p> <p>Akhbar Britain <i>Independent</i>, dalam sebuah artikel oleh pemimpin Parti Hijau Natalie Bennett, menyeru negara-negara Kesatuan Eropah untuk membantu pelarian Syria yang terpaksa melarikan diri ke luar negeri akibat peperangan yang melanda negara mereka.... (al-Jazeera, 5 Januari 2014)</p>
<p>دعت مئات العائلات من اللاجئين السوريين العالقين على الحدود الأردنية السورية إلى السماح لهم بالدخول إلى الأراضي الأردنية.</p> <p>Beratus-ratus keluarga pelarian Syria yang terkandas di sempadan antara Jordan dan Syria menyeru agar kerajaan Jordan membenarkan mereka untuk masuk ke Jordan. (al-Jazeera, 24 Februari 2014)</p>
<p>أن مصر تحتجز بطريقة غير مشروعة مئات اللاجئين السوريين والفلسطينيين.</p> <p>Mesir telah mengepung ratusan pelarian Syria dan Palestin tanpa berpandukan undang-undang. (al-Jazeera, 03 Januari 2014)</p>

ورفضت الحكومة البريطانية الانضمام إلى 16 دولة - بما فيها الولايات المتحدة وفرنسا وألمانيا- تعهدت بالسماح بدخول أكثر من عشرة آلاف لاجئ سوري فارين من القتال الذي يعصف ببلادهم .

Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara - termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman - yang telah berjanji untuk membenarkan masuk lebih daripada 10,000 pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran yang melanda negara mereka. (al-Jazeera, 5 Januari 2014)

نبه المرصد الأورومتوسطي لحقوق الإنسان النقباب إلى تزايد أعداد اللاجئين وطالبي اللجوء، لا سيما السوريين والفلسطينيين الفارين من سوريا باتجاه أوروبا عبر البحر الأبيض المتوسط، محذرا من حالات غرق جديدة كالتى وقعت في الربع الأخير من العام الماضي.

Pemerhati EUROMED bagi hak asasi manusia memberi amaran kepada Eropah mengenai pertambahan bilangan pelarian dan pemohon suaka terutamanya rakyat Syria dan Palestin yang melarikan diri dari Syria menuju ke Eropah melalui laut Mediterranean. Sebagai satu peringatan agar tidak ada peristiwa karam baru berlaku seperti yang telah berlaku pada suku terakhir tahun lepas. (al-Jazeera, 19 Februari 2014)

وقالت السلطات النمساوية إنها تتوقع مجيء عشرات الآلاف من المهاجرين، والكثير منهم فروا من الحرب الأهلية في سوريا.

Pihak berkuasa Austria menjangkakan kedatangan puluhan ribu pendatang, kebanyakan mereka melarikan diri dari perang saudara di Syria. (BBC, 5 September 2015)

أعدت تركيا فتح حدودها أمام السوريين اللاجئين الفارين من القتال بين وحدات حماية الشعب الكردية ومسلحي تنظيم الدولة الإسلامية عند مدينة تل أبيض.

Turkiye telah membuka semula sempadannya kepada rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan antara kawasan Unit Perlindungan (utara Syria). Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (BBC, 15 Jun 2015)

ولا يعتبر السوريون مصر محطة وصول، بل يعدها الكثيرون منهم محطة انتظار لحين الرحيل إلى بلد أفضل حالاً. لذا يرفض أغلبهم التسجيل في مكتب مفوضية اللاجئين بمصر، أملاً في الحصول على فرصة اللجوء إلى دول أوروبا.

Rakyat Syria tidak menganggap Mesir sebagai destinasi, bahkan ramai dalam kalangan mereka menganggapnya sebagai laluan transit sebelum berpindah ke negara yang lebih baik. Oleh itu, kebanyakan mereka enggan mendaftar di pejabat UNHCR di Mesir, dengan harapan mendapat peluang perlindungan dari negara-negara Eropah. (BBC, 19 Mac 2014)

وكانت تركيا، التي تشترك في حدودها مع العراق وسوريا، مأوى لما يقرب من 847 ألف لاجئ سوري منذ بدء اندلاع الثورة السورية ضد الرئيس السوري بشار الأسد في عام 2011 .

Turkiye, yang berkongsi sempadan dengan Iraq dan Syria, merupakan tempat perlindungan untuk hampir 847 000 pelarian Syria sejak teretusnya revolusi Syria terhadap Presiden Syria, Bashar al-Asad pada tahun 2011. (BBC, 19 September 2014)

فقد دعت صحيفة إنديبندنت البريطانية -في مقال لزعيمة حزب الخضر ناتالي بينيت- دول الاتحاد الأوروبي إلى مد يد العون والمساعدة للاجئين السوريين الذين تجبرهم الحرب التي تعصف ببلادهم....

Akhbar Britain *Independent*, dalam sebuah artikel oleh pemimpin Parti Hijau Natalie Bennett, menyeru negara-negara Kesatuan Eropah untuk membantu pelarian Syria yang terpaksa melarikan diri ke luar negeri akibat peperangan yang melanda negara mereka.... (al-Jazeera, 5 Januari 2014)

وقالت السلطات النمساوية إنها تتوقع مجيء عشرات الآلاف من المهاجرين، والكثير منهم فروا من الحرب الأهلية في سوريا.

Pihak berkuasa Austria menjangkakan kedatangan puluhan ribu pendatang, kebanyakan mereka melarikan diri dari perang saudara di Syria. (BBC, 5 September 2015)

وبدأت السلطات التركية في السماح لآلاف اللاجئين السوريين النازحين من المعارك بالدخول إلى أراضيها بعد أن ظلوا عالقين في معبر حدودي.

Pihak berkuasa Turkiye telah mula membenarkan beribu-ribu pelarian Syria yang melarikan diri dari pertempuran untuk memasuki wilayah mereka setelah lama terkandas di persimpangan sempadan. (BBC, 15 Jun 2015)

وأضاف البيان أن العدد الأكبر من اللاجئين والمهاجرين غير الشرعيين الذين يصلون إلى أوروبا عبر البحر المتوسط هم المدنيون السوريون الفارون من النزاع الدائر في بلادهم، والفلسطينيون القادمون من مخيمات اللاجئين في سوريا التي تعاني حصارا شديدا وخانقا منذ عدة أشهر.

Sebilangan besar pelarian dan pendatang tanpa izin yang sampai ke Eropah melalui laut Mediteranean merupakan rakyat Syria yang melarikan diri dari peperangan di negara

mereka serta orang Palestin yang datang dari kem-kem pelarian di Syria yang telah mengalami pengepungan yang teruk sejak beberapa bulan.
(al-Jazeera, 19 Februari 2014)

أن مصر تحتجز بطريقة غير مشروعة مئات اللاجئين السوريين والفلسطينيين.

Mesir telah mengepung ratusan pelarian Syria dan Palestin tanpa berpandukan undang-undang.

(al-Jazeera, 03 Januari 2014)

Terdapat beberapa unsur penegasan yang telah digunakan. Antara partikel *فَقَدْ* yang sering digunakan sebelum ayat kerjaan (*الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ*) secara khususnya sebelum kata kerja lepas (*الْفِعْلُ الْمَاضِي*) dan partikel penegas *أَنَّ* dan *إِنَّ* yang sering digunakan sebelum ayat namaan (*الْجُمْلَةُ الْإِسْمَاءِيَّةُ*). Terdapat tiga jenis utama ayat penyata (Hassan Abbas, 2009) yang selari dengan tiga situasi penerima ketika sesuatu maklumat disampaikan. Situasi pertama dikenali sebagai *الابتدائي*, situasi kedua *الطلبي* dan situasi ketiga ialah *الإنكاري*. Pewacana yang akan menggunakan ayat penyata perlu mengambil kira salah satu dari situasi tadi. Situasi pertama merujuk kepada pendengar yang belum ada maklumat mengenai berita yang disampaikan. Jadi, penerima menerima mesej penyampai tanpa sebarang keraguan. Ayat ini tidak perlu menggunakan penegasan. Situasi kedua merujuk kepada pendengar yang meragui mesej penyampai maklumat. Ayat ini memerlukan kepada satu agen penegas. Situasi ketiga merujuk kepada pendengar yang menolak mesej penyampai kerana tidak percaya dengan maklumat yang disampaikan. Ayat jenis ini memerlukan lebih dari satu agen penegasan. Situasi yang pertama dan kedua lebih banyak digunakan dalam laporan berita. Hal ini kerana wacana media bersifat satu hala dari pewacana kepada pembaca. Sumber media merupakan satu produk yang dihasilkan pengeluar kepada pengguna yang tidak diketahui. Laporan berita dibuat bagi menyampaikan maklumat kepada pembaca dengan anggapan bahawa pembaca belum tahu mengenai maklumat yang ingin disampaikan dan perlu mengetahui maklumat yang sedia diketahui dengan cara yang disampaikan oleh pewacana. Unsur penegasan yang digunakan di dalam laporan berita

menunjukkan maklumat yang ingin disampaikan adalah maklumat yang diambil dari pihak ketiga mengenai pelarian. Perkara ini juga menguatkan lagi kebenaran maklumat mengenai laporan berita menggunakan partikel penegasan seperti yang disebut sebelum ini dan maklumat yang diambil melibatkan pihak ketiga dan melibatkan frasa-frasa yang mempunyai makna penegasan. Frasa-frasa yang digunakan ialah seperti:

ورفضت الحكومة البريطانية الانضمام إلى 16 دولة
Kerajaan Britain enggan menyertai 16 negara
نه المرصد الأورومتوسطي لحقوق الإنسان النقاب
Pemerhati EUROMED bagi hak asasi manusia memberi amaran
وقالت السلطات النمساوية إنها تتوقع
Pihak berkuasa Austria menjangkakan kedatangan puluhan ribu pendatang
دعت مئات العائلات من اللاجئين السوريين
Beratus-ratus keluarga pelarian Syria yang terkandas di sempadan antara Jordan dan Syria menyeru

Kata enggan, memberi amaran, menjangkakan dan menyeru membawa kepada makna penegasan yang menjelaskan bahawa perkara ini telah, sedang dan akan berlaku. Pada asasnya pemilihan gaya yang dianggap sesuai untuk digunakan oleh seseorang penutur adalah bergantung kepada kebijaksanaan penutur itu sendiri yang dapat menilai pendengar di hadapannya berpandukan situasi pendengar atau konteks (Mohd Zaki dan Che Radiah, 2013). Dalam ilmu Balaghah, situasi ini disebut sebagai (مقتضى الظاهر) yang boleh diterjemahkan sebagai situasi zahir. Namun begitu wacana media bersifat satu hala dari pewacana kepada pembaca. Sumber media merupakan satu produk yang dihasilkan pengeluar kepada pengguna yang tidak diketahui. Menurut Fairclough (2001), pengeluar mempunyai kuasa ke atas pengguna. Mereka berhak menentukan bagaimana produk itu dihasilkan dengan menentukan mana yang hendak dimasukkan dan mana yang tidak perlu dimasukkan. Penggunaan frasa yang memberikan makna penegasan ini memberi kesan yang lebih mendalam kepada pembaca apabila membaca laporan berita yang berkaitan.

4.5 Kesimpulan

Bab ini telah membicarakan analisis bahasa mengenai laporan berita yang dikaji. Bab ini banyak membicarakan kepentingan penggunaan perkataan yang membentuk representasi pelarian Syria dalam laporan berita. Secara umumnya, terdapat 3 hubungan semantik kata yang telah digunakan. Pertama; sinonimi seperti perkataan lari yang hadir dalam perkataan yang pelbagai seperti /haraba/ (هَرَبَ) dan /farra/ (فَرَّ). Perkataan datang seperti /tadaffaqa/ (تَدَفَّقَ), /tawāfada/ (تَوَافَدَ). Kedua; antonimi seperti menerima /istaqbala/ (اسْتَقْبَلَ) dengan menolak /rafaḍa/ (رَفَضَ). Ketiga; metafora seperti gelombang /mauja/ (مَوْجَة), limpahan /tadaffuq/ (تَدَفَّقَ) dan barisan /ṭawābīr/ (طَوَابِير) yang dikaitkan dengan pergerakan pelarian. Perkara ini dijelaskan melalui empat tema representasi utama pelarian bagi kedua-dua laman berita. Merangkumi pelarian sebagai pelarian (Bahagian 4.1), pelarian sebagai angka (Bahagian 4.2), pelarian sebagai mangsa (Bahagian 4.3) serta pelarian sebagai penerima bantuan (Bahagian 4.4).

Tema pelarian sebagai pelarian menggambarkan golongan ini sebagai golongan yang sentiasa bergerak, melarikan diri dan sering berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Penggunaan perkataan-perkataan ini di dalam laporan berita telah memberi dua implikasi. Implikasi pertama; laporan berita telah membahagikan pelarian kepada beberapa kategori pelarian. Implikasi kedua; laporan berita telah menonjolkan ciri-ciri identiti seorang pelarian.

Al-Jazeera dan BBC membezakan dengan jelas 3 kategori utama pelarian yang ada iaitu pelarian /al-laji/ (اللاجئ), pelarian dalam negara /al-nazih/ (النازح) dan pendatang /al-muhajir/ (المهاجر). Jika dilihat daripada pemilihan kata yang digunakan oleh al-Jazeera dan BBC, terdapat sedikit perbezaan antara al-Jazeera dan BBC. Pemilihan kata yang digunakan untuk merujuk pelarian memberi implikasi yang berbeza terhadap undang-

undang, polisi serta sikap dan penerimaan tuan rumah terhadap pelarian. Kyriades (2017) menunjukkan bagaimana keputusan untuk menggantikan kata ‘pelarian’ kepada ‘pendatang ekonomi’ oleh pihak editorial al-Jazeera berbahasa Inggeris di dalam laporan beritanya mengenai krisis migran Mediterranean berupaya mengubah pengaruh politik perkauman, krisis migrasi terhadap gambaran media terhadap pelarian. Hal ini kerana kata pendatang merupakan golongan yang berhijrah dengan pilihan sendiri. Berbeza dengan golongan pelarian yang terpaksa berhijrah (rujuk 1.2). Perkara ini telah menetapkan pelarian sebagai mangsa. Orang yang mencari suaka di Eropah mestilah mengekalkan identiti sebagai ‘mangsa yang bukan memberi ancaman’ (*non-threatening victims of high risk non-western regimes*) jika ingin mendapat pengiktirafan keselamatan di tengah masyarakat yang mengamalkan budaya tidak percaya (*mistrust*) yang sentiasa menganggap pelarian berpotensi menjadi pembawa risiko dari kalangan bukan Barat (*carriers of non-Western risk*) (Kyriades, 2017).

Al-Jazeera dan BBC juga telah menonjolkan dua identiti utama pelarian di dalam laporan beritanya melibatkan pelarian sebagai orang yang melarikan diri dari peperangan dan pelarian sebagai orang yang melarikan diri ke negara luar bagi mencari perlindungan. Perkataan /*al-farrin*/ (فارين) merupakan kata sifat yang selalu hadir selepas kata pelarian Syria. Perkataan bahasa Arab yang dibina menggunakan wazan فاعل merupakan kata sifat yang mempunyai makna yang sebatu dengan pelaku. Penggunaan kata /*al-farr*/ (فار) memberikan makna yang lebih kuat dari penggunaan kata *haraban* (هربا) yang datang dalam bentuk kata terbitan dari kata akar /*haraba*/ (هَرَبَ) (yang membawa maksud lari. Kesan dari penggunaan perkataan-perkataan ini seolah-olah memberitahu pembaca, pelarian sentiasa bergerak, berlari bergerak menuju ke satu tempat ke satu tempat yang lain.

Perkataan ‘lari’ juga menunjukkan unsur yang berlebihan dalam menggambarkan cara pergerakan golongan pelarian. Walaupun hakikat pergerakan mereka bukan hanya secara berlari, malah berjalan, menaiki kereta api dan menaiki bot. Perkara ini secara tidak langsung menggamit rasa belas kasihan pembaca terhadap golongan pelarian yang sentiasa bergerak tanpa henti. Hal ini bertepatan dapatan Koluk1r1k (2009) yang mengkaji tajuk dan topik yang dibincangkan di dalam media Turkiye, mendapati pelarian seringkali dilabelkan dengan perkataan seperti ‘orang yang melarikan diri’ (*fugitive*), orang asing dan pendatang. Pemilihan kata nama menunjukkan fokus laporan berita yang disampaikan mengenai pelarian. Al-Jazeera dilihat banyak menyentuh mengenai perpindahan pelarian dari satu tempat ke satu tempat untuk mencari perlindungan. Hal ini dapat dilihat pada kekerapan tertinggi perkataan yang hadir. Perkataan perpindahan */al-intiqal/* (انتقال) berulang sebanyak 65 kali, diikuti perkataan perlindungan */al-luju’/* (اللاجوء) sebanyak 63 kali dan perkataan pergi */tarhil/* (تَرْحِيل) sebanyak 25 kali. Hal ini dilihat sebagai salah satu cara al-Jazeera menimbulkan rasa simpati terhadap pelarian yang digambarkan sentiasa bergerak ke satu tempat ke satu tempat yang lain. Situasi ini mendatangkan kesusahan demi kesusahan kerana pergerakan pelarian ke sesebuah negara ibarat tidak berpenghujung dan tiada kesudahannya. Hal ini sedikit berbeza laporan yang dibuat BBC. BBC dilihat banyak memfokuskan laporan beritanya kepada berita mengenai pelarian mencari perlindungan.

Kesan daripada proses pergerakan dan perpindahan ini terhadap pelarian bergantung kepada dua faktor utama; pertamanya, cara pergerakan pelarian; keduanya cara penerimaan negara yang dituju. Tidak semua negara menerima kemasukan pelarian ke negara mereka. Negara-negara yang menjadi tumpuan pelarian ialah negara yang bersempadan dengan

Syria seperti Lubnan, Turkiye, Jordan dan negara-negara Eropah melalui laut Mediterranean. Kedatangan pelarian boleh dikaitkan dengan metafora tetamu yang diundang dengan tetamu yang tidak diundang. Abid et. al. (2017) menjelaskan antara kategori metafora yang dikaitkan dengan pelarian Syria ialah metafora mengenai kemasukan pelarian Syria ke dalam negara tuan rumah. Kategori ini melibatkan metafora negara yang dituju sebagai sebuah bangunan. Perkataan /*dakhil*/ دَاخِل (yang masuk) dan /*dukhul*/ دُخُول (kemasukan) yang terdapat pada kedua-dua laporan berita menggunakan metafora yang menggambarkan *host country* sebagai sebuah bangunan yang mempunyai pintu masuk. Sempadan digambarkan sebagai pintu masuk pelarian ke sesebuah negara (lihat Abid et. al, 2017) sama ada negara yang mengamalkan *open-door policy* seperti Jerman atau negara yang tidak mengamalkannya seperti Britain yang lebih suka memberi bantuan kewangan kepada negara yang menerima pelarian berbanding menerima pelarian masuk (al-Jazeera, 5 Januari 2014).

Begitu juga dengan pemilihan kata kerja pada kedua-dua laman berita. Al-Jazeera dan BBC dilihat memfokuskan kepada aspek perpindahan pelarian disebabkan pemilihan kata seperti sampai *wasala* (وَصَلَتْ), berlindung *laja'a* (لَجَأَ), lari *farra* (فَرَّوْا) melintasi 'abaru (عَبَّرُوا), meninggalkan ghadara (غَادَرُوا), menuju tawajaha (تَوَجَّهُوا) dan datang *yatawafadun* (يَتَوَفَّأُونَ). Melalui penggunaan perkataan ini kita boleh simpulkan ciri-ciri yang ada pada seorang pelarian dalam kedua-dua laman berita. Sebagai pelarian, mereka akan melarikan diri /*farra*/ (فَرَّ) dari perkara yang mengancam mereka dan mencari perlindungan /*laja'a*/ (لَجَأَ) di tempat lain. Mereka akan melarikan diri jauh dari tempat mereka sehingga perlu melalui dan melintasi /'abara/ (عَبَّر) sempadan negara. Seterusnya sampai /*wasala*/ (وَصَلَتْ)/*tawafada*/ (تَوَفَّأَتْ) ke tempat yang dituju. Manakala negara yang

dituju akan menerima kedatangan mereka sebagai tetamu yang dijemput atau sebaliknya. Perkataan (لَهْجًا), (فَدْر) dan (صَعْر) merupakan perkataan yang membawa maksud yang hampir sama. Merujuk kepada cara pergerakan ke suatu tempat. Begitu juga dengan perkataan *istadafa* (لِوَضْعٍ أَف) dan /*istaqbala*/ (لِوَقْتَان) yang membawa maksud penerimaan negara tuan rumah untuk membenarkan pelarian masuk dan tinggal di negara itu. Lambakan perkataan-perkataan ini menunjukkan proses yang perlu dilalui oleh seorang pelarian sejak dari meninggalkan negara, sehinggalah sampai ke tempat yang dituju. Malah terdapat sebilangan pelarian yang pulang kembali ke negara mereka akibat kesusahan hidup di tempat orang.

Tema pelarian sebagai angka pula seringkali menonjolkan pelarian sebagai satu kumpulan besar yang berhijrah beramai-ramai ke suatu tempat untuk mencari perlindungan. Malah perkataan pelarian /*laji*'/ (لاجئ) sering hadir dalam bentuk jamak /*laji'in*/ (لاجئين) dalam artikel berita. Golongan ini juga seringkali dirujuk dalam bentuk angka, statistik dan hadir bersama perkataan yang menunjukkan banyak dan ramai seperti lebih daripada, seramai, menjangkau, hampir dan penggunaan angka. Penggunaan angka seperti ratusan ribu /*miat al-alaf*/ (مئات الآلاف), sepuluh ribu /*'asyarat alaf*/ (عَشْرَةَ آلاف), jutaan /*malayin*/ (ملايين), lebih daripada enam ratus ribu (أكثر من ستمائة ألف) puluhan ribu /*asyar at alaf*/ (عشرات آلاف). Penggunaan perkataan seperti puluhan, ratusan, dan jutaan memperlihatkan angka anggaran yang dibuat dan menggambarkan ramainya pelarian yang ada sehingga tidak terkira jumlahnya. Perkara ini boleh mengundang rasa takut kepada pihak yang terlibat. Malah menambahkan rasa takut yang sedia ada. Berdasarkan petikan berita di atas, angka dan statistik digunakan bagi menunjukkan kumpulan pelarian sebagai satu kumpulan besar dan tidak terkawal melalui penggunaan kosa kata seperti huru-hara (الغوضي) dan arus manusia (المد البشري). Semakin hari semakin ramai masyarakat Syria

yang menjadi pelarian. Maka dunia perlu bertindak segera bagi membantu golongan ini yang semakin lama semakin ramai dan tidak terkawal.

Jika dilihat di dalam kedua-dua laman berita, pelarian sebagai angka ini sering dipaparkan melalui statistik dari UNHCR mengenai pelarian. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan autoriti sebuah badan antarabangsa yang bertanggungjawab terhadap krisis pelarian yang berlaku dan menambah keyakinan pembaca terhadap laporan berita yang disampaikan. Terdapat perbezaan antara kedua-dua laman berita apabila melaporkan jumlah dan angka golongan pelarian. Laporan laman berita al-Jazeera dilihat lebih banyak melaporkan jumlah golongan ini, namun seringkali membuat anggaran mengenai jumlah pelarian tanpa memetik mana-mana sumber. Penggunaan kata seperti ratusan, ribuan, jutaan lebih daripada, menjangkau serta hampir menunjukkan anggaran yang dibuat dan tidak dapat ditentukan jumlahnya, tidak diketahui sumbernya. Hal ini berbeza dengan laman berita BBC yang sentiasa menyandarkan setiap angka kepada organisasi yang berkaitan seperti UNHCR, Majlis Pelarian Norway dan Jawatankuasa Bantuan Antarabangsa. Penggunaan perkataan metafora air juga seringkali digunakan bagi menunjukkan jumlah pelarian yang semakin ramai. Sebagai contoh penggunaan frasa “peningkatan ketara limpahan pelarian” yang melarikan diri menunjukkan keadaan yang tidak terkawal. Perkataan limpahan ini menunjukkan pergerakan keluar pelarian Syria secara berterusan dalam keadaan sedikit-sedikit, serta-merta dan laju. Penggunaan kata limpahan ini bertepatan bagi menggambarkan kesusahan pelarian yang bertimpa-timpa apabila pelarian yang melarikan diri ini hanya berjaya menuju ke sempadan Syria dan Turkiye.

Penggunaan pelarian sebagai angka dilihat sebagai cara untuk menarik simpati pembaca terhadap isu pelarian agar lebih banyak bantuan dapat diberikan. Menurut Abid RZ et. al. (2017), metafora yang digunakan untuk menggambarkan betapa ramainya pelarian Syria memasuki negara luar adalah menggunakan perkataan air seperti, banjir, gelombang, limpahan, dan arus. Di dalam kajian ini, perkataan seperti limpahan */tadaffaqa/* (بَفَقَقَ) gelombang/ombak */maujat/* (مَوْجَة) sering digunakan. Perkataan-perkataan ini pada asalnya digunakan khusus untuk air seperti limpahan air dan gelombang ombak. Namun, penggunaan perkataan ini di dalam konteks berikut memberikan konotasi yang negatif kerana menunjukkan keadaan yang sukar dikawal. Perkara ini mendatangkan ketakutan kepada pihak yang terlibat (Lee C., 2016:132).

Tema pelarian sebagai mangsa pula memperlihatkan bagaimana keadaan pelarian yang melarikan diri dari konflik yang berlaku dan terpaksa keluar dari negara mereka dan hidup secara melarat di negara luar. Hal ini telah menyebabkan mereka terdedah kepada bahaya dan kesusahan seperti tidak mendapat bantuan sepatutnya, terdesak dan terdedah kepada diskriminasi dan eksploitasi pihak yang mengambil kesempatan. Pelarian sebagai mangsa ini menunjukkan pelarian sebagai golongan yang memerlukan bantuan. Penggunaan kata seperti penderitaan */mu'anat/* (مُعَانَاة), bencana */karithat/* (كَارِثَة), susah */so'bat/* (صَعْبَة), bahaya */al-khatar/* (الْحَطَر), terseksa */al-mu'addab/* (الْمُعَدَّب), diskriminasi/eksploitasi */al-istighlal/* (الاسْتِغْلَال), tragedi */ma'sat/* (مَأْسَاة), terdesak */ihtiyajat/* (اِحْتِيَاجَات) menunjukkan kesusahan dan situasi pelarian yang pelbagai sebagai mangsa. Pelarian sebagai mangsa dapat dilihat dari dua tema utama laporan berita iaitu : i) kesusahan pelarian akibat peperangan dan ii) kesusahan pelarian akibat layanan dari negara tuan rumah. Selain dari penggunaan kata yang digunakan, kisah kesengsaraan pelarian sebagai mangsa juga digambarkan melalui naratif pelarian mengenai kesusahan yang

mereka hadapi. Al-Jazeera dilihat banyak memaparkan kisah pelarian melalui penceritaan pelarian. Di samping sering menyediakan maklumat latar belakang mereka secara terperinci seperti maklumat pendidikan, pekerjaan serta merujuk pelarian menggunakan nama sebenar. Ciri ini dikenali sebagai *extensivization* oleh KhosraviNik (2009:458). Ciri ini merupakan strategi representasi yang positif.

Tema pelarian sebagai penerima bantuan pula menunjukkan golongan ini sebagai golongan memerlukan bantuan pihak luar akibat krisis yang berlaku. Pelarian sebagai penerima bantuan juga meletakkan mereka sebagai golongan yang perlu dibantu. Mereka dilihat sebagai golongan yang lemah, tidak berdaya dan menanti bantuan dari pihak luar. Perkara ini dapat dilihat melalui penggunaan perkataan seperti bantuan (مُسَاعَدَةٌ، إِغَاثَةٌ), perlindungan (إِيْوَاءٌ), tempat perlindungan (مَلَاذٍ، مَأْوَى), terima (أَقْبُولُ، اِسْتِقْبَالٌ), penempatan (تَوْطِينٌ)، dan membenarkan masuk (السِّمَّاحُ بِدُخُولِ). Perkara ini dapat dilihat dalam dua aspek utama iaitu penerimaan negara tuan rumah dan jenis bantuan yang diterima.

Penerimaan pelarian bergantung kepada negara yang menjadi tuan rumah. Terdapat beberapa negara seperti Mesir dan beberapa negara kesatuan Eropah yang tidak menerima pelarian. Negara Mesir umpamanya seringkali mengadakan kempen memerangi pelarian yang tidak mempunyai permit. Pelarian di Mesir juga dituduh sebagai penyokong bekas Presiden Mesir Mohamad Mursi disebabkan beliau menyokong kebangkitan rakyat Syria. Alasan ini digunakan untuk mengusir pelarian Syria dari Mesir. Begitu juga dengan negara kesatuan Eropah yang tidak berupaya lagi menampung pelarian Syria yang terlalu ramai. Jika dilihat dari laporan berita al-Jazeera, pelarian ditonjolkan sebagai golongan yang dialu-alukan untuk dibantu. Walaupun negara yang terlibat telah terbeban dengan jumlah pelarian yang semakin ramai. Manakala laporan BBC menunjukkan pelarian sebagai beban kepada Eropah dan menunjukkan solusi yang boleh dibuat ialah dengan bantuan negara

lain. Laporan BBC juga seringkali melaporkan berita mengenai perancangan solusi yang akan dibuat terhadap isu pelarian. Namun begitu, perkara ini masih belum berlaku kerana adanya penggunaan frasa seperti “akan” dan “tahun depan” menunjukkan perkara ini masih di dalam perancangan bukannya tindakan yang telah diambil.

Jenis bantuan yang akan diterima pelarian dalam al-Jazeera dan BBC juga sering diperlihatkan menggunakan perkataan seperti bantuan */al-musa‘adat/* (المُسَاعَدَة), hak */haqqun/* (حَقُّ), menghulurkan bantuan */madda yad al-‘awn/* (مَدَدَ يَدِ الْعَوْنِ), pertolongan */ighasat/* (إِعْثَاتَة), dan perkhidmatan */khidmat/* (خِدْمَة). Al-Jazeera dilihat lebih banyak melaporkan mengenai bantuan yang telah diberikan kepada pelarian. Manakala BBC pula banyak melaporkan mengenai perancangan mengenai apakah bantuan yang bakal diterima pelarian. Perkara ini dilihat sebagai perkara yang belum pasti. Pemilihan perkataan seperti pertolongan, bantuan, perlindungan merupakan perkataan yang sering hadir bersama kata pelarian. Melalui corak berita yang meletakkan pelarian sebagai penerima bantuan, terdapat dua kesan yang boleh dilihat: Pertama, melalui bantuan yang telah diberikan, menunjukkan nasib pelarian terbelah dengan bantuan yang telah diberikan. Maka bantuan masih perlu diberikan berikutan krisis pelarian yang semakin teruk. Kedua, melalui bantuan yang akan diberikan merupakan perancangan yang baru dirancang dan merupakan perkara yang belum pasti. Perkara ini dilihat menjadi bukti kepada masyarakat luar bahawa pihak berkuasa yang terlibat akan mengambil langkah untuk bertindak membantu pelarian walaupun perkara ini belum lagi dilakukan. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan hubungan kuasa yang terlibat. Negara yang lebih kaya perlu membantu golongan pelarian yang telah keluar meninggalkan negara mereka (tiada negara). Pihak yang ingin membantu dilihat sebagai golongan dominan. Manakala golongan pelarian dilihat sebagai golongan yang pasif (Ozdora-Aksak, 2021), hanya menunggu bantuan dari pihak lain untuk meneruskan kehidupan.

Kesimpulannya, tema pelarian sebagai pelarian memaparkan bagaimana kepelbagaian perkataan digunakan di dalam konteks yang berbeza. Perkara ini secara tidak langsung membentuk kategori dan identiti pelarian sebagai pelarian. Tema pelarian sebagai angka pula memaparkan bagaimana golongan pelarian sering dikaitkan dengan golongan yang bergerak dalam keadaan yang ramai dalam jumlah yang besar. Perkara ini secara tidak langsung memberi dua kesan utama kepada pembaca iaitu; a) krisis pelarian semakin kritikal dan perlu ditangani segera, b) krisis pelarian semakin kritikal dan sukar untuk dikawal dan perkara ini mendatangkan ketakutan kepada pihak yang terlibat. Tema pelarian sebagai mangsa pula memperlihatkan apakah penderitaan dan kesengsaraan yang terpaksa dihadapi oleh seorang yang bergelar pelarian. Tema pelarian sebagai penerima bantuan pula memperlihatkan layanan yang diberikan dan diterima oleh seorang pelarian. Setiap tema ini telah dijelaskan menggunakan contoh-contoh dari laporan berita dari al-Jazeera dan BBC. Bab ini juga telah membincangkan penggunaan ayat dalam kedua-dua laman berita. Hasil daripada analisis bahasa ini, terdapat persamaan dan perbezaan cara laporan berita yang disampaikan mengenai pelarian di dalam kedua-dua laman berita al-Jazeera dan BBC dari aspek pemilihan kata dan penggunaan ayat yang digunakan.

BAB 5

ANALISIS INTERTEKSTUALITI DAN INTERDISKURSIVITI

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan melihat dimensi kedua dalam Model Tiga Dimensi Fairclough (Bahagian 3.7.2) yang melihat aspek amalan wacana. Analisis amalan wacana melibatkan proses penghasilan, penyebaran teks dan penggunaan teks (Fairclough, 1992a). Bab ini akan menjawab soalan kajian kedua, apakah aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti yang menyumbang kepada representasi pelarian Syria tersebut? Analisis ini bertujuan untuk melihat bagaimana kedua-dua laman berita menggunakan unsur teks luar dan genre wacana yang pelbagai dalam wacana yang membentuk representasi pelarian Syria. Analisis praktis wacana dibuat bagi melihat bagaimana proses sesuatu wacana dihasilkan.


Analisis ini akan dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama analisis ini akan melihat unsur intertekstualiti (Bahagian 5.1) yang sering digunakan dalam kedua-dua laman berita. Secara khususnya bagaimana petikan itu dibuat sama ada secara petikan langsung (*direct quotation*), petikan tidak langsung (*indirect quotation*) dan petikan strategik (*strategic quotation*) serta kaedah yang digunakan ketika melaporkannya. Manakala bahagian kedua pula akan melihat apakah aspek interdiskursiviti (Bahagian 5.2) yang terlibat dalam kedua-dua laman berita.

5.1 Intertekstualiti Dalam al-Jazeera dan BBC

Analisis intertekstualiti dalam al-Jazeera dan BBC dibuat dengan membandingkan 50 artikel berita dari setiap laman berita al-Jazeera dan BBC. Analisis ini dibuat bagi melihat bagaimana unsur intertekstualiti yang digunakan menyumbang kepada representasi

pelarian. Pembinaan teks tidak pernah lari dari menggunakan sumber-sumber luar untuk membantu proses penghasilannya.

Menurut Fairclough (1995:79), sebahagian besar isi kandungan laporan akhbar, merupakan hal berkaitan isu semasa dan dokumentari yang terdiri daripada ucapan atau penulisan yang melibatkan golongan terkemuka dalam pelbagai bidang kehidupan, ahli politik, polis dan peguam, golongan pakar, dan sebagainya. Sumber-sumber utama yang sering dirujuk dalam kedua-dua laman berita dapat dibahagikan kepada lima kategori seperti berikut:



Rajah 5.1: Sumber Luar Dalam al-Jazeera dan BBC

Berdasarkan rajah 5.1, terdapat lima sumber atau suara utama yang sering digunakan dalam artikel berita pelarian. Sumber-sumber tersebut ialah suara pelarian sama ada bercakap sebagai orang perseorangan atau wakil pelarian, agensi antarabangsa pelarian seperti UNHCR dan AMNESTY, negara luar seperti kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh sesebuah negara, media luar dan antarabangsa seperti *The Independent* dan *Reuters* serta aktivis dan badan sukarelawan seperti Gabungan Kebangsaan Pasukan Revolusi dan Pembangkang Syria. Setiap sumber ini akan dilihat secara terperinci pada bahagian berikutnya. Sumber-sumber ini seringkali dilaporkan sama ada secara petikan langsung (*direct quotation*) atau secara petikan tidak langsung (*indirect quotation*) dan petikan berstrategik (*strategic quotation/scare quotes*).

5.1.1 Suara Pelarian

Sumber utama yang seringkali muncul dalam kedua-dua artikel berita ialah suara pelarian. Suara pelarian seringkali dilaporkan sama ada secara petikan langsung (*direct quotation*) atau secara petikan tidak langsung (*indirect quotation*) dan petikan berstrategik (*strategic quotation*). Kedua-dua laman berita dilihat lebih banyak menggunakan petikan suara secara langsung (*direct quotation*).

Jadual 5.1: Intertekstualiti dalam al-Jazeera dan BBC

Petikan Langsung (<i>Direct Speech</i>)	Petikan Tidak Langsung (<i>Indirect Speech</i>)
<p>Al-Jazeera 1</p> <p>حيث قال "أنا أعمل في هذه الورشة منذ تسعة أشهر لكنني للأسف أتقاضى أجراً أقل من زميلي العراقي الذي جرى تعيينه قبل أسبوع".</p>	<p>Al-Jazeera 2</p> <p>يقول رامي إن العمل في أربيل مريح جداً، وإنه لن يعود إلى بلاده حتى وإن تحسن الوضع هناك.</p> <p>Rami berkata kerja di Erbil sangat</p>

<p>"Saya telah bekerja di bengkel ini selama 9 bulan tetapi saya mendapat bayaran yang lebih rendah daripada rakan sekerja saya, seorang rakyat Iraq yang baru dilantik seminggu lalu," kata Haji.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 09 Februari 2014)</p>	<p>menguntungkan, dan dia tidak akan kembali ke negaranya walaupun keadaannya bertambah baik.</p> <p>(Sumber:al-Jazeera,09 Februari 2014)</p>
<p>BBC 1</p> <p>قال عبد العزيز، 23 سنة، سوري يعمل في محل تجاري، لبي بي سي: "أتوق إلى العودة إلى سوريا. فالإحساس بأني مجبر على ترك بلادي أصعب من أن يتحمل. وحتى لو كان الباقي من العمر يوم واحد فأتمنى أن أموت على تراب الشام".</p> <p>Abdul Aziz, 23 tahun seorang pelarian Syria yang bekerja di pusat membeli-belah dalam ucapannya kepada BBC: "Aku rindu ingin pulang ke Syria. Perasaan terpaksa meninggalkan negaraku lebih berat untuk ditanggung. Sekiranya baki hidup aku sehari pun aku berharap mati di bumi Sham".</p> <p>(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)</p>	<p>BBC 2</p> <p>ويقول المصري إنه هرب عام 2011 بعد أن احتجز وعذب في السجون السورية وروى أن حارسا بصق على الطبق الذي كان يقدم فيه الطعام إليه خلال حبسه.</p> <p>Menurut Misri, dia telah melarikan diri pada tahun 2011 selepas dikurung dan diseksa di Penjara Syria. Dia menceritakan bahawa pegawai telah meludah ke dalam pinggan yang digunakan untuk menghidang makanan kepadanya sepanjang tahanan.</p> <p>(Sumber: BBC, 11 Disember 2015)</p>
<p align="center">Petikan Strategik (<i>Strategic Quotation</i>)</p>	

<p>Al-Jazeera</p> <p>أعرب آلاف اللاجئين السوريين في الأردن عن صدمتهم من القرار "المفاجئ" لبرنامج الأغذية العالمي التابع للأمم المتحدة يوم الثلاثاء الماضي باستثناء 12 ألف أسرة سورية لجأت إلى المملكة من المساعدات الشهرية.</p> <p>Ribuan pelarian Syria di Jordan menjelaskan kekecewaan mereka terhadap keputusan "mengejut" yang diambil oleh PBB terhadap program makanan dunia yang menghalang 12000 keluarga Syria yang berlindung di negara tersebut dari mendapat bantuan bulanan itu.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 16 Oktober 2014)</p>	<p>BBC</p> <p>يقول محمد إن الرايات السوداء لتنظيم "الدولة الإسلامية" ترفرف الآن في الرقة، وكل مبنى رسمي مكتوب على جدرانه "الدولة الإسلامية".</p> <p>Bendera-bendera hitam "DAESH" berkibar di Raqqa. Setiap bangunan rasmi tertulis pada dindingnya perkataan "DAESH".</p> <p>(Sumber: BBC, 24 September 2015)</p>
--	---

Petikan secara langsung dibuat dengan mengambil terus perkataan asal dari sumber dengan menggunakan tanda petikan "...". Manakala petikan tidak langsung dibuat dengan meringkaskan isi kandungan terhadap petikan yang ingin diambil tanpa ada tanda petikan yang digunakan dan tidak dapat dipastikan sama ada petikan asal diubah atau tidak. Manakala petikan berstrategik mengambil petikan dengan meletakkan tanda petikan terhadap perkataan asal (*scare quotes*) yang diambil sahaja dengan tujuan tertentu. Menurut Fairclough (1992a:119), *scare quotes* digunakan untuk merujuk kepada sumber luar yang digunakan, membina jarak antara penulis dan penutur asal, sebagai menyokong pandangan seseorang dan digunakan untuk memperkenalkan konsep dan perkataan baru. Suara pelarian juga dilihat dipaparkan melalui andaian dan komen yang dibuat pewacana merujuk kepada wartawan. Perbezaan antara ketiga-tiga ini boleh dikatakan sebagai percampuran genre (Fairclough, 2003:50). Keutamaan golongan pelarian dalam laporan

berita dapat dilihat melalui taburan petikan suara pelarian dalam kedua-dua laman berita seperti dalam jadual 5.2:

Jadual 5.2: Taburan Suara Pelarian dalam AL-Jazeera dan BBC

Suara Rujukan	Individu yang terlibat dalam al-Jazeera	Individu yang terlibat dalam BBC
Pelarian	<p>Abu Yazin (03/01/14)</p> <p>Pelarian Syria di Mesir (03/01/14)</p> <p>Khalid Hassan (09/02/14)</p> <p>Muhammad Haji (09/02/14)</p> <p>Rami al-Halabi (09/02/14)</p> <p>Pelarian yang terkandas (24/02/14)</p> <p>Malik Soleh (26/02/14)</p> <p>Mus'ab Fa'ur (26/02/14)</p> <p>Ali Ibn Rabi'a (03/03/14)</p> <p>Hussain (15/04/14)</p> <p>Abdullah Ibn Dar'a (19/04/14)</p> <p>Pelarian Syria (06/05/14)</p> <p>Abu Mahir (12/05/14)</p> <p>'Ali Muhammad Yusuf (19/05/14)</p> <p>Pelarian terkandas di Turkiye (17/06/14)</p> <p>Amjad (15/08/14)</p> <p>Pelarian Syria di Jordan (16/10/14)</p> <p>Ummu Mohammad (16/04/14)</p> <p>Ghani Uzdimir (20/11/14)</p> <p>Hamam Sindiyan (22/12/14)</p> <p>Rafil Abdullah (31/01/15)</p> <p>Ahmad al-'Abud(04/02/2015)</p> <p>'Abdullah (04/02/15)</p> <p>Abu Hafiz (18/03/15)</p> <p>Abu Bilal (18/03/15)</p> <p>Abu Adi (24/03/15)</p> <p>Kanju (24/03/15)</p> <p>Abdul Rahman (27/03/15)</p>	<p>Abdul Aziz (19/03/14)</p> <p>Walid (19/03/14)</p> <p>Abu Bakr (19/03/14)</p> <p>Huzaifah (30/03/15)</p> <p>Abdullah Kurdi (05/09/15)</p> <p>Munid Zakkiyah (12/09/15)</p> <p>Ghonum (12/09/15)</p> <p>Abdul Mohsen (17/09/15)</p> <p>Muhammad (24/09/15)</p> <p>Amir al-Misri (11/12/15)</p> <p>Pelarian Syria (16/12/15)</p> <p>Amin(17/02/16)</p> <p>Nazmi al-Shami (04/04/16)</p> <p>Muhammad (01/10/16)</p> <p>Remaja 13 tahun(23/10/16)</p> <p>Nizar (08/12/16)</p> <p>Kauthar Jahwani (08/12/16)</p> <p>Laila (08/12/16)</p>

	Hisham (30/05/15) Ali (30/05/15) Ummu Abu Zaid (25/08/15)	
--	---	--

Berdasarkan Jadual 5.2, taburan suara pelarian di dalam al-Jazeera dilihat lebih banyak berbanding BBC. Selain itu, Jadual 5.2 juga menunjukkan penglibatan suara pelarian yang berlainan di dalam satu berita yang dipaparkan. Al-Jazeera umpamanya memetik nama 2 orang pelarian yang berlainan pada laporannya yang bertarikh 3 Januari 2014, 9 Februari 2014, 26 Februari 2014, 4 Februari 2015, 18 Mac 2015 dan 30 Mei 2015. Hal ini juga dapat dilihat pada laman berita BBC pada laporan yang bertarikh 19 Mac 2014, 12 September 2015 dan 8 Disember 2016. Secara tidak langsung, perkara ini menunjukkan al-Jazeera lebih berperanan dalam menyampaikan kesusahan pelarian dengan cara lebih banyak mendekati golongan ini. Di dalam bab 4 sebelum ini, pelarian dilihat sebagai kumpulan yang besar (*collective nominal group*) seperti menggunakan angka. Namun apabila pelarian ditonjolkan sebagai individu seperti menggunakan nama sebenar disertakan maklumat latar belakang peribadi, laporan berita akan memfokuskan kepada kesusahan hidup berganda yang dihadapinya sebagai seorang pelarian.

Kedua-dua laman berita juga dilihat memaparkan suara pelarian dengan mengklasifikasikan mereka sebagai pelarian Syria sama ada menggunakan kata pelarian Syria (لاجئ سوري), pelarian (لاجئ) atau orang Syria (السوري) sebelum atau selepas menyebut nama mereka secara spesifik. Suara pelarian yang dipaparkan bertujuan menyampaikan rintihan pelarian mengenai kesusahan demi kesusahan yang mereka alami. Kesusahan ini melibatkan kesusahan hidup sebagai pelarian akibat peperangan, kesusahan akibat tidak mempunyai dokumen yang sah serta kesusahan hidup di tempat orang dan kem pelarian. Kesusahan yang dialami dapat dilihat melalui konteks yang melatari petikan suara, penggunaan kata laporan (*reporting verb*) serta cara sesuatu petikan dibuat.

Konteks yang biasa melatari setiap petikan yang dibuat melibatkan kisah-kisah yang menyayat hati. Kebanyakan petikan suara pelarian melibatkan kesusahan yang berganda yang dialami oleh seseorang pelarian seperti laporan berikut:

Petikan berita 1 :

"الكل يتهرب من توفير العلاج، ويتحجج بعدم الأولوية، أين نذهب ولمن نلجأ؟". بهذه الشكوى استهلت اللاجئة السورية بلبنان والدة الطفل فراس حكمت الحديث عن حالة طفلها البكر تسع سنوات) المصاب بسرطان الغدد الليمفاوية من خمسة شهور منذ انتقلهم إلى لبنان.

"Semua pihak mengelak untuk memberi rawatan, dengan alasan bukan satu keperluan, ke mana kami hendak pergi dan kepada siapa kami meminta perlindungan?" Inilah rintihan Pelarian Syria di Lubnan, ibu Firas mengenai keadaan bayi 9 tahun miliknya, yang mengidap kanser Limfoma selama lima bulan sejak berpindah ke Lubnan.

(Sumber: al-Jazeera, 06 Mei 2014)

Petikan berita 2

يقول أبو ماهر إن أكبر مشكلة تواجهه هي أجرة السكن التي يريد المؤجر أن يرفعها أيضا، مضيفا "نعيش في ظل ظروف إنسانية صعبة.. البيت مكتظ، ونعاني من كل شيء، ومنتظر رحمة الله."

Abu Maher mengatakan bahawa masalah terbesar yang dihadapinya ialah sewa rumah yang ingin dinaikkan kadar sewanya oleh tuan rumah. **"Kami hidup dalam situasi kemanusiaan yang sukar, rumah penuh sesak, kami mengalami segala-galanya, kami menunggu belas kasihan dari Allah."**

(Sumber: al-Jazeera, 12 Mei 2014)

Petikan berita 3:

قال عبد العزيز، 23 سنة، سوري يعمل في محل تجاري، لي بي سي: "أتوق إلى العودة إلى سوريا. فالإحساس بأني مجبر على ترك بلادي أصعب من أن يخطر. وحتى لو كان الباقي من العمر يوم واحد فأتمنى أن أموت على تراب الشام."

"Aku rindu ingin kembali ke Syria. Perasaan aku terpaksa meninggalkan negara aku lebih sukar daripada menanggungnya. Walaupun baki umur aku satu hari, aku masih berharap untuk mati di bumi Sham," kata Abdul Aziz, 23, penduduk Syria

yang bekerja di sebuah kedai komersial kepada BBC.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Petikan berita 4:

يقول أبو بكر، وهو طاهٍ سوري، لبي بي سي: "تصريح الإقامة بمصر من الأمور شبه المستحيلة. وسبق أن ذهبنا إلى الجهات الرسمية لاستخراج التصريح، إلا أنهم طردونا. ونتحایل على الأمر بالسكن والعمل في المدن الجديدة ونخرج منها إلى قلب العاصمة في أضيق الحدود".

Abu Bakr, seorang tukang masak Syria, memberitahu BBC: "**Mendapatkan permit untuk menetap di Mesir hampir mustahil. Kami telah pergi kepada pihak berkuasa memohon permit untuk menetap tetapi mereka mengusir kami. Kami cuba menyelesaikan masalah ini dengan tinggal dan bekerja di bandar-bandar baru dan keluar dari situ ke ibu kota dengan pergerakan yang terbatas.**"

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Jika dilihat kepada contoh di atas, kebanyakan petikan suara pelarian melibatkan cerita kesusahan berganda seorang pelarian. Petikan suara pelarian pada Petikan berita 1 merupakan petikan dari artikel berita al-Jazeera yang bertajuk 'Penyakit Maut Mengancam Pelarian Syria di Lubnan'. Banyak dalam kalangan pelarian yang menghidapi penyakit yang merbahaya seperti yang dilaporkan, melibatkan kegagalan buah pinggang yang melibatkan hampir 300 kes, 200 kes Talesimia dan 500 kes kanser. Rintihan ibu ini dilaporkan menggunakan kata laporan *istahalla* (استَهَالَة) yang memberi maksud (رفع صوته) (صائحا منذ البداية) bercakap dalam keadaan menjerit sepanjang percakapannya. Penggunaan perkataan ini membawa pembaca untuk membayangkan keadaan penutur ketika bercakap. Secara tidak langsung pembaca dapat bersama-sama merasai kesusahan yang dihadapinya. Kesusahan ibu ini lebih dirasai apabila laporan berita meneruskan laporannya dengan memaparkan penjelasan ibu ini mengenai dua orang lagi anaknya yang menghidap penyakit Talasemia.

Pada petikan berita 2, pelarian yang bernama Abu Maher merupakan salah seorang pelarian yang melarikan diri ke kem pelarian Palestin di Jordan. Beliau menceritakan

bagaimana kesusahan yang beliau hadapi kerana terpaksa berkongsi sebuah rumah yang kecil bersama 3 lagi keluarga dan anaknya. Selain itu, anak-anaknya yang lain terpaksa tinggal di dalam sebuah *Salon*. Beliau perlu membayar hampir 260 dolar secara bulanan. Kemuncak kesusahan beliau dapat dilihat melalui kata-kata akhirnya yang berbunyi “kami menunggu belas kasihan dari Allah” menunjukkan beliau sudah tidak dapat membuat apa-apa lagi selain berserah kepada Allah dan menunggu pertolongan daripada tuhan.

Pada petikan berita 3, laporan berita memperlihatkan kesusahan pelarian di Mesir. Mereka menganggap Mesir sebagai tempat persinggahan sebelum ke tempat yang lebih baik. Hal ini kerana mereka tidak boleh tinggal di sana tanpa permit yang sah. Mereka berpandangan, terpaksa meninggalkan negara sendiri ke negara orang lebih teruk berbanding kesusahan tinggal di negara orang. Hal ini disokong oleh petikan suara pelarian lain pada Petikan berita 4. Seorang pelarian yang bernama Abu Bakar, menceritakan pengalaman beliau mendapatkan permit tetapi dihalau oleh pihak berkuasa Mesir.

Suara pelarian juga sentiasa digunakan sebagai perenggan pembukaan (*lead paragraph*) yang menunjukkan kepentingan suara golongan ini dalam laporan berita. Hal ini juga merupakan strategi yang digunakan pewacana untuk menarik pembaca membaca laporan yang dilaporkan. Perkara ini dapat dilihat pada laporan berita al-Jazeera bertarikh 3 Januari 2014 yang bertajuk *حملات أمنية تلاحق اللاجئين السوريين بمصر* dan 18 Mac 2015 yang bertajuk *مئات اللاجئين السوريين بلبنان يطاردتهم شبح التشريد*. Kedua-dua laporan berita ini menjadikan kisah pelarian sebagai petikan pembukaan yang kebiasaannya dihitamkan (*bold*) tulisannya seperti dalam contoh berikut:

Petikan berita 5

"اقتحمت قوات الشرطة المصرية، منزلنا بمدينة 6 أكتوبر وهم مدججون بالسلاح، في وقت متأخر من الليل، للاستفسار عن الإقامة، ثم خرجوا من الشقة بعد أن تأكدوا من سريتها، قبل أن يعتقلوا اثنين من اللاجئين السوريين في ذات العمارة السكنية لعدم امتلاكهما للإقامة"، بهذه الكلمات عبر أبو يزن للجزيرة نت، عن معاناة اللاجئين السوريين في مصر نتيجة حملات الاعتقال والمداهمات العشوائية.

"Polis Mesir menyerbu rumah kami pada tengah malam pada 6 Oktober dengan lengkap bersenjata untuk bertanya mengenai permit untuk menetap. Kemudian meninggalkan apartmen itu setelah mengesahkan kesahihannya, sebelum mereka menahan dua pelarian Syria di bangunan pangsapuri yang sama kerana tidak mempunyai permit untuk menetap" Demikian penjelasan Abu Yazin kepada Al Jazeera net tentang penderitaan pelarian Syria di Mesir akibat kempen penangkapan dan serbuan secara rawak.

(Sumber: Al-Jazeera, 03 Januari 2014)

Petikan berita 6

يشكو لاجئون سوريون في صيدا اللبنانية من أن القهر يلاحقهم في أماكن اللجوء، ورغم تسليمهم "بقضاء الله وقدره"،

فإنهم مطالبون بإخلاء مجمع سكني حفظ كرامتهم وأبعد عنهم شبح التشرد. ويصف بعضهم هذا الإخلاء بأنه "إعدام" لمستقبل أطفالهم.

Pelarian Syria di Sidon Lubnan mengadu bahawa penindasan sedang dilakukan di tempat perlindungan. Walaupun mereka telah dihantar "dengan ketetapan dan kuasa Allah," mereka dikehendaki untuk mengosongkan kompleks kediaman yang telah menempatkan mereka dan menjauhkan mereka dari dihantui oleh kehidupan yang terbiar. Ada yang menggambarkan pengusiran ini sebagai "hukuman mati" terhadap masa depan anak-anak mereka.

(Sumber: Al-Jazeera, 18 Mac 2015)

Petikan berita 7

"سيقتلونني لو علموا أنني تحدثت إليكم"، بهذه الكلمات بدأ محمد، وهو شاب يتحدث الإنجليزية بطلاقة، جاء من مدينة الرقة السورية، التي تعد العاصمة الفعلية لتنظيم "الدولة الإسلامية"، حديثه لي بي سي.

"Mereka akan membunuh saya jika mereka tahu saya telah bercakap dengan kamu."

Demikian kata-kata Mohammed, seorang lelaki muda yang berbahasa Inggeris dengan lancar, berasal dari bandar Raqqa, ibu negara "Negara Islam (IS)", kepada BBC.
(Sumber: BBC, 24 September 2015)

Petikan berita 8

ويقول زكية متجهما "إذا متنا، اتمنى أن يُذاع هذا في التلفزيون وأن يراه الناس جميعا."
"حينها قد يجدون حلا في سوريا."

Zakiah berkata dalam keadaan muram, sekiranya kami mati, aku berharap agar kisah ini dipaparkan di dalam televisyen supaya semua manusia boleh melihatnya”
"Kemungkinan ketika itu mereka sudah mendapat penyelesaian di Syria."

(BBC, 12 September 2015)

Petikan berita 5, 6 dan 7 merupakan petikan pembukaan kepada setiap laporan berita yang terlibat. Petikan permulaan menggunakan kata-kata pelarian bertujuan menarik minat pembaca untuk membaca laporan seterusnya. Petikan-petikan permulaan ini merupakan ringkasan kepada tajuk laporan berita. Kata-kata pelarian juga digunakan sebagai penutup laporan seperti petikan berita 8.

Petikan berita 5 menjelaskan secara ringkas mengenai serbuan yang dibuat anggota keselamatan Mesir terhadap pelarian Syria yang datang ke Mesir. Nasib pelarian Syria yang datang ke Mesir tanpa permit biasanya akan berakhir dengan penghantaran pulang secara paksa ke Syria atau dihantar ke Kedutaan Syria di Mesir. Hal ini juga dilihat sebagai respon Mesir terhadap tuduhan yang dibuat Mesir kepada rakyat Syria yang datang ke Mesir. Mesir menuduh Syria sebagai penyokong Presiden yang dijatuhkan sebelum ini Mohamad Mursi dan meminta rakyat Syria agar tidak campur tangan di dalam urusan negara mereka. Perkara ini telah disangkal sama sekali oleh rakyat Syria sendiri melalui respon pelarian Syria di sana iaitu Abu Yazin di dalam petikan di bawah yang merupakan rentetan dari petikan berita 5 tadi:

وأردف قائلاً "لقد تركنا بلدنا للبحث عن الأمان والسلام، لذلك لا يمكن أن نتدخل في الشأن الداخلي المصري، ومع ذلك فإن الكثيرين من المصريين أصبحوا يعتبروننا جزءاً من أنصار الرئيس

المعزول محمد مرسي، فقط لأنه كان يدعم الثورة السورية"، مطالباً المصريين بإخراج السوريين من معاركهم السياسية، لأنهم ليسوا طرفاً فيها.

Tambahnya lagi “ kami telah meninggalkan negara kami untuk mencari keamanan dan kesejahteraan. Oleh itu kami tidak mungkin campur tangan di dalam urusan dalaman Mesir. Kebanyakan rakyat Mesir menganggap kami sebahagian daripada penyokong bekas presiden Mesir Presiden Mohammad Mursi hanya kerana dia telah menyokong revolusi Syria”. Beliau meminta agar rakyat Mesir untuk tidak mengaitkan rakyat Syria di dalam krisis politik mereka kerana mereka bukanlah sebahagian daripada mereka.

Petikan berita 6 pula merupakan petikan yang diambil dari laporan berita mengenai arahan pengosongan tempat kediaman yang didiami pelarian Syria di Lubnan. Pengosongan ini disebabkan tempoh penyewaan bangunan telah tamat. Arahan pengosongan ini sebagai satu ujian yang berat bagi golongan pelarian kerana mereka tiada tempat tujuan.

Petikan berita 7 merupakan petikan kata-kata pelarian dalam laporan berita BBC. Petikan ini memaparkan kata-kata pelarian yang menceritakan mengenai ISIS yang menguasai Bandar Raqqa Syria. Laporan berita ini menceritakan luahan pelarian yang mengalami sekatan bantuan yang diterima selama ini. Kata-kata ini digunakan bagi memperlihatkan kesusahan hidup pelarian tanpa bantuan. Perkara ini menyebabkan pelarian mengambil keputusan berpindah dari tempat mereka sekarang iaitu Jordan ke tempat lain melalui jalan laut yang digelar sebagai ‘jalan maut’.

Manakala petikan berita 8 merupakan kata-kata pelarian yang menjadi petikan akhir laporan berita. Laporan berita ini menceritakan nasib dan risiko keselamatan yang perlu ditempuhi seorang pelarian ketika melakukan penghijrahan keluar dari Syria disebabkan

bantuan yang diterima telah diberhentikan. Laporan ini menggunakan teknik penceritaan yang menyayat hati pembaca apabila dimulakan dengan cerita Rana seorang anak pelarian yang bakal menempuhi perjalanan seperti mana perjalanan Alan Kurdi yang mayatnya terdampar di pantai Turkiye sebelum ini. Setiap kesusahan yang perlu ditempuhi pelarian diceritakan dengan begitu terperinci. Sekatan bantuan yang membawa kepada penghijrahan pelarian keluar melalui jalan laut diumpamakan sebagai membuka ‘pintu maut’ *بَوَابَةُ الْمَوْتِ* kepada golongan pelarian melihat kepada nasib-nasib pelarian sebelum ini yang telah tenggelam di lautan sebelum sampai ke destinasi yang dituju.

Petikan suara pelarian dapat dilihat kepada penggunaan kata laporan (*reporting verb*) yang digunakan. Secara umumnya, kebanyakan kata kerja laporan yang digunakan adalah bersifat neutral seperti perkataan berkata *qāla* (قال). Perkataan ini paling banyak digunakan ketika melaporkan kata-kata yang disampaikan pelarian. Perkara ini dapat dilihat dalam dalam jadual di bawah:

Jadual 5.3: Kekerapan Kata Kerja Laporan

Al-Jazeera	Bilangan	BBC	Bilangan
قال/يقول/قائلا/بالقول <i>qāla/yaqūlu/qāilan/bilqaul</i> Berkata	120	قال/يقول/قائلة <i>qāla/yaqūlu/qāilat</i> Berkata	182
أضاف/يضيف/المضيفة/مضيفا <i>aḍāfa/udīfu/al-muḍīfat/muḍīfan</i> Menambah	57	أضف/يضيف <i>'aḍāfa/yuḍīfu</i> Menambah	44
أكد/تأكد <i>akkada/ta'akkada</i> Menegaskan	26	أكد/تأكد <i>akkada/ta'akkada</i> Menegaskan	9
أوضح/يوضح <i>'awḍaha/yūḍihu</i> Menjelaskan	32	أوضح <i>'awḍaha</i> Menjelaskan	3
يشكو <i>yasykū</i> Mengadu	5	ذكرت <i>zakarāt</i> Menyebut	3
اعتبرت <i>'i'tabarat</i> Menganggap	5	أردف <i>'ardafa</i> Menambah	4
ذكر <i>zakara</i> Menyebut	10		

Kedua-dua laman berita juga memaparkan situasi atau emosi pelarian ketika bercakap serta menunjukkan unsur kesedihan yang dialami melalui penjelasan yang dibuat pewacana terhadap suara pelarian yang dipetik. Hal ini secara tidak langsung meruntun emosi pembaca untuk bersama-sama merasai kesusahan pelarian. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berita berikut:

Petikan berita 9

تغرورق عينا الزوجة روشين بالدموع عندما تتحدث عن المآسي التي عاشتها وهي حامل أثناء الرحلة قائلة "كان علينا في البداية اجتياز نحو 50 كلم سيراً على الأقدام للوصول إلى الحدود التركية، ومن ثم المرحلة الأصعب أثناء السفر بحراً."

"Kami terpaksa berjalan sejauh 50 kilometer untuk sampai ke sempadan Turkiye, diikuti situasi yang paling sukar ketika perjalanan melalui laut," Menurut **isteri Rushin yang menangis ketika menceritakan** mengenai kesengsaraan yang dialami, yang ketika itu sedang mengandung.

(Sumber: al-Jazeera, 19 Mei 2014)

Petikan berita 10

وتضيف وهي تحضن ميرال - التي وُلدت بمدينة كاياي الواقعة شمال شرقي البلاد قبل أن تقطن العائلة في لاهتي القريبة من العاصمة "لقد شعرت بالخوف والقلق الكبير من المضاعفات على حياة الجنين، لكن عملية الولادة تمت بنجاح بالرغم من تعرضنا لمشاكل صحية عدة."

"Saya sangat takut dan bimbang terhadap kehidupan janin selepas segala kepayahan, tetapi proses kelahiran berjaya meskipun terdapat beberapa masalah kesihatan," **katanya, sambil memeluk Miral**, yang dilahirkan di bandar Kayani timur laut sebelum keluarga itu tinggal di Lahti, dekat ibu kota.

(Sumber: al-Jazeera, 19 Mei 2014)

Petikan berita 11

وبسؤاله عن ظروف المدرسة والرفاق، يجيب جوان - الابن الوحيد والبالغ 12 عاماً - بحسرة وخيبة أمل "لقد تركنا وراءنا أصدقاء كثيراً خلال تنقلنا من مدينة إلى أخرى" مبدياً عدم رغبته في تكوين أصدقاء جدد خوفاً من فقدانهم من جديد.

Ditanya mengenai keadaan sekolah dan rakan-rakannya, Juwan - anak tunggal yang

<p>berumur 12 tahun - menjawab dengan kesal dan kekecewaan: "Kami telah meninggalkan ramai kawan ketika berpindah dari satu bandar ke bandar yang lain." Dia menyatakan keengganannya untuk mencari sahabat baru kerana takut kehilangannya lagi. (Sumber: al-Jazeera, 19 Mei 2014)</p>
<p>Petikan berita 12</p> <p>ويضيف أن المغادرة كانت تتسم بالفوضى والخوف خصوصاً أثناء الانتقال عبر البحر إلى اليونان. وعند سؤاله عن إمكانية الاطمئنان على العائلة، صمت قليلاً ثم أجاب بحرقه "يقول لي أولادي عبر السكايب إن الطائرات تحوم فوق المنزل وإنهم يقصفون بالقرب منهم".</p> <p>Ketika ditanya mengenai kemampuannya untuk bertenang memikirkan keluarganya, dia diam seketika, kemudian menjawab dengan sedih: "Anak-anak saya memberitahu saya melalui <i>skype</i> bahawa pesawat-pesawat itu bergerak di atas rumah dan bom dilepaskan berhampiran mereka." (Sumber: al-Jazeera, 27 Mac 2015)</p>
<p>Petikan berita 13</p> <p>وقال لي طفل، 13 عاماً، إنه يبحث عن عمل. قضى صباحه يبحث عن عمل، وسألته ماذا يفعل حالياً، سألت الدموع على وجنتيه وقال لي إنه إن لم يحصل على عمل، فلن يستطيع العيش.</p> <p>Seorang budak lelaki, 13 tahun telah berkata kepadaku, dia sedang mencari kerja. Sepanjang pagi dia menghabiskan masanya mencari kerja. Aku bertanya kepadanya apa yang sedang dilakukan sekarang, air matanya mengalir di kedua pipinya dan berkata sekiranya aku tidak mendapat kerja, aku tidak dapat hidup. (Sumber: BBC, 23 Oktober 2016)</p>
<p>Petikan berita 14</p> <p>ويقول زكية متجهماً "إذا متنا، اتمنى أن يُذاع هذا في التلفزيون وأن يراه الناس جميعاً."</p> <p>Zakiah berkata dalam keadaan muram, sekiranya kami mati, aku berharap agar kisah ini dipaparkan di dalam televisyen supaya semua manusia boleh melihatnya" (Sumber: BBC, 12 September 2015)</p>

Seperti contoh di atas, kebanyakan suara pelarian dipetik dengan memaparkan keadaan yang mereka alami ketika menyampaikan cerita kesusahan yang dialami. Pada Petikan berita 9, 10, dan 11 mengisahkan tentang keluarga Ali Muhammad yang melarikan diri ke Finlandia melalui sempadan Turkiye. Perjalanan yang disifatkan sebagai sebuah perjalanan yang panjang dan penuh dengan segala kesusahan dan bahaya ditambah dengan isterinya yang ketika itu sedang mengandung. Pada petikan berita 9, isteri Ali telah

menceritakan kisah perjalanan yang ditempuhi sambil menangis. Hal ini boleh dilihat pada ayat *تغورق عينا الزوجة روشين بالدموع عندما تتحدث* (*mengalir air mata isteri Rushin ketika bercakap*). Diikuti oleh kata-katanya pada Petikan berita 10 yang ketika itu sambil memeluk anak yang dikdanungkan melalui frasa “وهي تحضن ميرال” (*sambil memeluk Miral*) ketika melarikan diri ke Finland. Pada Petikan berita 11 pula memperlihatkan bagaimana anaknya yang berumur 12 tahun menceritakan mengenai perasaan sedih yang dialami kerana terpaksa meninggalkan kawan-kawannya. Beliau menjawab dengan rasa kesal dan kecewa melalui frasa *بجسرة وخيبة وحيبة* (*menjawab dengan kesal dan kecewa*).

Petikan Petikan berita 12 memperlihatkan kesusahan seorang pelarian yang terpaksa meninggalkan keluarga di Syria. Beliau hidup dalam keadaan tertunggu-tunggu kedatangan keluarganya yang dalam proses mendapatkan visa. Ketika ditanya mengenai keluarganya, (*beliau terdiam seketika sebelum menjawab soalan sambil menangis teresak-esak*) melihat kepada frasa “صمت قليلا ثم أجاب بحرقّة”. Kata *ḥurqaṭ* (حَرْقَة) dalam bahasa Arab memberi maksud *شِدَّةُ الحُزْنِ* kesedihan yang melampau. Frasa-frasa ini dilihat bertujuan untuk menarik pembaca menyelami kesusahan dan kesedihan yang dialami pelarian. Perkara ini juga dapat dilihat di dalam laporan BBC (Petikan berita 13 dan 14).

Petikan berita 13 menceritakan kesusahan pelarian di tempat orang yang terpaksa bekerja demi meneruskan kehidupan termasuk kanak-kanak. Kanak-kanak pelarian di Turkiye bekerja dalam bidang pembuatan pakaian. Mereka juga terdedah kepada eksploitasi pekerjaan apabila dibayar dengan gaji yang lebih rendah dibandingkan dengan tempoh perkhidmatan mereka. Namun mereka tiada pilihan lain untuk meneruskan kehidupan mereka perlu bekerja. Perkara ini dapat dilihat melalui frasa *air matanya mengalir di kedua pipinya* “سالت الدموع على وجنتيه” apabila wartawan bertanyakan mengenai pekerjaan

kepada seorang kanak-kanak pelarian yang terdesak mencari pekerjaan demi meneruskan kehidupan.

Petikan berita 14 merupakan petikan berita yang menceritakan nasib dan risiko keselamatan yang perlu ditempuhi seorang pelarian ketika melakukan penghijrahan keluar dari Syria disebabkan bantuan yang diterima telah diberhentikan. Sekatan bantuan yang membawa kepada penghijrahan pelarian keluar melalui jalan laut diumpamakan sebagai membuka ‘pintu maut’ *بَوَابَةُ الْمَوْتِ* kepada golongan pelarian melihat kepada nasib-nasib pelarian sebelum ini yang telah tenggelam di lautan sebelum sampai ke destinasi yang dituju. Perkara ini dilihat sebagai jalan keluar terakhir untuk meneruskan kehidupan dan mereka telah bersedia untuk menerima apa jua risiko yang perlu ditempuhi. Perkara ini dapat dilihat melalui frasa “dalam keadaan ***muram***”, *sekiranya kami mati, aku berharap agar kisah ini dipaparkan di dalam televisyen supaya semua manusia boleh melihatnya*” melalui penggunaan kata *متجهما* yang membayangkan situasi penutur ketika bertutur.

Berdasarkan contoh yang telah diberikan, kebanyakan petikan suara pelarian dibuat secara petikan langsung. Petikan yang dilihat bertujuan untuk menguatkan fakta yang telah disampaikan. Strategi ucapan yang langsung dan tidak langsung dilaporkan digunakan secara meluas dalam penulisan kewartawanan, terutamanya dalam artikel berita untuk memberikan kepercayaan kepada cerita dan untuk memastikan pembaca bahawa perspektif yang berbeza sedang dipaparkan (Kakavoulia, 2002; Makkonen-Craig, 1999; Redeker, 1996; Waugh, 1995; Zelizer, 1989 dalam Isabel Alonso Belmonte:2010).

Kesengsaraan pelarian yang disampaikan melalui suara mereka sendiri adalah satu usaha untuk menyampaikan suara pelarian kepada dunia bagi meminta simpati pembaca dan membuat pelarian rasa diterima dan melahirkan rasa simpati kepada pelarian.

Kesengsaraan mereka dinyatakan melalui pendirian mereka terhadap situasi yang mereka sedang hidup. Mereka menjadi saksi terhadap kesusahan yang mereka sendiri alami. Gambaran ini meletakkan mereka atau mengasingkan mereka dari golongan masyarakat lain. Perkara ini akan menjadikan mereka sebagai mangsa dan akan terus mengekalkan status mereka sebagai 'others'. Kisah kesengsaraan mereka sering dipaparkan melalui cerita-cerita mereka yang menyentuh hati dan kesengsaraan mereka melalui petikan kata-kata mereka (*reported voices*). Suara pelarian yang digunakan bertujuan untuk meminta simpati dan mendapat kepercayaan pembaca bahawa pelarian merupakan golongan yang berada di dalam kesulitan. Pelarian mendapat tempat yang utama dalam al-Jazeera terutamanya kerana suara mereka sering dipaparkan secara petikan langsung. Penggunaan kata seperti pengaduan *al-syakwā* (الشكوى), bercakap dengan suara yang tinggi *istahalla* (استهل), yang bersesak-sesak *muktazzu* (مكتظ), susah *sa'bat* (صعبة) menunjukkan berita kesusahan yang dialami pelarian. Secara ringkasnya, suara golongan ini ditonjolkan secara positif kerana mereka diberi hak untuk bercakap mewakili diri sendiri. Kesusahan pelarian yang dipaparkan melalui suara mereka sendiri dilihat sebagai satu strategi untuk mendapat simpati dari pembaca.

5.1.2 Agensi antarabangsa

Sumber kedua yang menjadi rujukan kedua-dua laman berita dalam menyampaikan berita pelarian ialah agensi antarabangsa. Agensi antarabangsa ini merujuk kepada agensi antarabangsa berkaitan pelarian seperti UNHCR, AMNESTY, UNICEF dan agensi antarabangsa lain seperti UN, dan EU. Sebagaimana petikan suara pelarian dibuat, sumber dari agensi-agensi ini juga dibuat secara petikan langsung, petikan tidak langsung dan petikan berstrategik. Petikan laporan, kenyataan, statistik, kritikan, gesaan dari agensi-

agensi ini memainkan peranan penting bagi menyokong setiap maklumat yang disampaikan kerana agensi ini mempunyai autoriti dalam isu pelarian. Setiap maklumat yang diambil menggunakan nama-nama agensi ini akan diberi perhatian oleh pembaca. Kepentingan agensi-agensi ini dapat dilihat pada taburannya dalam kedua-dua laman berita seperti dalam (Jadual 5.4).

5.1.2.1 Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR)

Sumber dari Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian atau dalam bahasa Inggerisnya *United Nations High Commission For Refugees* (UNHCR) digunakan bagi melaporkan fakta bernombor seperti bilangan pelarian, jumlah pelarian yang berdaftar dengan UNHCR, jumlah pelarian yang telah menerima bantuan, kedudukan kewangan yang ada dan diperlukan untuk bantuan pelarian, situasi kemudharatan yang dialami pelarian serta program-program yang dilaksanakan untuk membantu pelarian. Kesemua fakta banyak menggunakan nama UNHCR sendiri bagi mewakilinya sama ada dipaparkan melalui laporan UNHCR, melalui jurucakap khas serta melalui pesuruhjaya tinggi UNHCR ketika itu iaitu Antonio Guterrez.

Petikan berita 15

قال تقرير أصدرته المفوضية العليا لشؤون اللاجئين التابعة للأمم المتحدة إن عدد اللاجئين السوريين الفارين من بلادهم إلى لبنان -والذين يتلقون المساعدة من المفوضية وشركائها- ارتفع إلى أكثر من 915 ألف شخص.

Menurut Laporan yang dikeluarkan **Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian (UNHCR)**, jumlah pelarian Syria yang melarikan diri dari negara mereka ke Lubnan - yang menerima bantuan daripadanya dan agensinya - meningkat kepada lebih dari 915, 000 orang.

(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)

Petikan berita 16

وقال المفوض السامي للأمم المتحدة لشؤون اللاجئين أنطونيو غوتيريس إن "الأزمة السورية أصبحت أكبر حالة طوارئ إنسانية في عصرنا الراهن"، واعتبر أنه وعلى الرغم من ذلك فإن العالم يخفق في تلبية احتياجات اللاجئين والدول المضيفة لهم.

"Krisis Syria telah menjadi krisis kemanusiaan terbesar di zaman ini," kata Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hal Ehwal Pelarian, Antonio Guterres. Menurutnya lagi, namun begitu, dunia dan negara-negara tuan rumah gagal memenuhi keperluan pelarian.

(Sumber: al-Jazeera, 29 Ogos 2014)

Petikan berita 17

وتقول المفوضية العليا للاجئين إنها تقدم خدمات اللجوء الإنساني لـ 104 آلاف لاجئ سوري في مصر، مع توقعات بارتفاع هذا العدد إلى 180 ألفا بنهاية العام المقبل حال استمرار الصراع. ولا تتجاوز قدرة المفوضية من حيث توفير خدمات إغاثة اللاجئين في مصر إلا لـ 160 ألف شخص.

UNHCR menjelaskan telah menyediakan perkhidmatan perlindungan kemanusiaan kepada 104,000 pelarian Syria di Mesir, serta menjangka pertambahan bilangan ini kepada 180,000 pelarian menjelang akhir tahun depan jika konflik berterusan. Keupayaan UNHCR untuk menyediakan bantuan kepada pelarian di Mesir hanya terbatas kepada 160,000 pelarian.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Petikan berita 18

وقال أنطونيو غوتيريس، المفوض السامي لشؤون اللاجئين في تصريحات نُشرت على الموقع الإلكتروني للمفوضية، إن "الاتحاد الأوروبي تلقى 56000 طلب لجوء منذ مارس/ آذار الماضي، وهو عدد لا يتجاوز أربعة في المئة من إجمالي عدد الفارين من الصراع في سوريا".

"Kesatuan Eropah telah menerima 56,000 permohonan suaka sejak Mac lalu, yang mewakili tidak lebih dari 4% daripada jumlah keseluruhan orang yang melarikan diri dari konflik di Syria," kata **Antonio Guterres, Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian (UNHCR)** dalam kenyataan yang dikeluarkan di laman web UNHCR.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Sebagaimana yang dapat dilihat pada Petikan berita 15 hingga Petikan berita 18, perkataan berkata *qāla* (قال) digunakan sebagai kata laporan walaupun bukan semuanya melibatkan orang secara perseorangan seperti Petikan berita 15 dan 17 yang mewakili laporan yang dikeluarkan UNHCR. Hal ini berbeza dengan penggunaan perkataan *qāla* (قال) pada Petikan berita 16 dan Petikan berita 18 yang memaparkan suara orang

perseorangan Pesuruhjaya Tinggi (UNHCR) ketika itu Antonio Guterres. Walaupun terjemahan yang tepat adalah berkata yang sepatutnya digunakan untuk manusia, namun penggunaan “berkata” di sini digunakan untuk mewakili sebuah organisasi. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan autoriti UNHCR sebagai organisasi pelarian yang utama. Disebabkan autoriti yang dimiliki oleh agensi ini, kata kerja laporan yang sering digunakan adalah seperti *da‘ā* (دَعَا) menyeru, mempertahankan *dāfa‘a* (دَافَعَ), dan mengkritik *intaqada* (اِنْتَقَدَ), dan mengumumkan *a‘lana* (أَعْلَنَ). Perkara ini dapat dilihat seperti dalam petikan berita di bawah:

Petikan berita 19

أعلنت المفوضية العليا لشؤون اللاجئين التابعة للأمم المتحدة اليوم الجمعة تجاوز عدد السوريين المسجلين لديها أكثر من ثلاثة ملايين لاجئ موزعين على البلدان المجاورة لسوريا، وبيّنت أن هذا الرقم لا يشمل جميع اللاجئين لوجود أعداد كبيرة غير مسجلة لديها.

Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian (UNHCR) pada Jumaat mengumumkan bahawa lebih daripada 3 juta rakyat Syria mendaftarkan diri di negara-negara jiran Syria dan angka itu tidak termasuk semua pelarian kerana terdapat sejumlah besar pelarian yang tidak berdaftar.

(Sumber: al-Jazeera, 29 Ogos 2014)

Petikan berita 20

وتدافع الناطقة باسم المفوضية العليا لشؤون اللاجئين دانا سليمان عن قرار الإخلاء بالقول إن المجمع المستأجر انتهت فترة عقده ولا يرغب مالكوه في التجديد للمفوضية، مما استدعى الطلب من الأهالي المغادرة.

Jurucakap UNHCR Dana Sulaiman mempertahankan keputusan pemindahan dengan mengatakan bahawa kompleks yang disewakan untuk mereka telah tamat tempoh dan pemiliknya tidak mahu memperbaharunya kepada UNHCR, yang menuntut para penghuni untuk berpindah.

(Sumber: al-Jazeera, 18 mac 2015)

Petikan berita 21

وتشير إحصاءات المفوضية العليا لشؤون اللاجئين التابعة للأمم المتحدة إلى أن عدد السوريين الذي اضطرتهم الأزمة للنزوح في الداخل واللجوء الى الخارج بلغ ستة ملايين من بينهم 2.5 مليون خارج البلاد.

وبلغ نصيب مصر من اللاجئين السوريين 320 ألفاً منذ بدء الصراع بحسب تقديرات وزارة الخارجية المصرية.

Menurut statistik Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian (UNHCR), jumlah warga Syria yang terpaksa melarikan diri di dalam negara dan di luar negara akibat krisis telah mencapai enam juta, 2.5 juta darinya berada di luar negara. Jumlah pelarian Syria di Mesir telah mencapai 320,000 sejak permulaan konflik itu, menurut anggaran Kementerian Luar Mesir.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Petikan berita 22

علما أن هناك 56 ألفاً و154 طفلاً سورياً في مصر حسب مفوضية اللاجئين، بينما يبلغ المجموع الكلي للأطفال السوريين اللاجئين 1.1 مليون، بينهم 75 في المئة دون الثانية عشرة.

Terdapat 56,154 kanak-kanak Syria di Mesir, **menurut UNHCR**, sementara jumlah keseluruhan kanak-kanak Syria adalah 1.1 juta, di mana 75% daripada mereka adalah di bawah umur 12 tahun.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Cara petikan sumber dari agensi antarabangsa seperti UNHCR ini berbeza dengan cara petikan suara pelarian. Hal ini kerana pelarian sebagai mangsa dipaparkan sebagai orang yang lemah tidak berdaya berbuat apa-apa melainkan berkongsi kesusahan yang dihadapi untuk mendapat simpati orang. Manakala agensi-agensi ini dilihat mempunyai kuasa untuk berkongsi situasi sebenar yang dihadapi pelarian dari aspek penerimaan bantuan. Perbezaan yang ketara ialah penggunaan kata laporan yang digunakan. Pada Petikan berita 19, penggunaan kata laporan mengumumkan /a'lan/ (أعلن) berikutan maklumat yang dipaparkan adalah senarai pelarian yang berdaftar dengan UNHCR. Perkataan ini digunakan sesuai dengan autoriti yang dimiliki UNHCR sebagai badan yang bertanggungjawab melaporkan jumlah pelarian dari masa ke semasa. Petikan UNHCR mengenai pelarian yang berdaftar digunakan sebagai petikan permulaan dalam laporan berita ini. Diikuti perincian bilangan pelarian di negara berdekatan pada petikan seterusnya.

Pada Petikan berita 20, kata kerja laporan yang digunakan adalah mempertahankan /*dāfa'a*/ دَافَع. Di sini sumber yang dipetik diambil dari jurucakap UNHCR. Perkataan mempertahankan digunakan dalam konteks UNHCR ingin mempertahankan keputusan yang dibuat agar pelarian meninggalkan kediaman yang mereka diami. Jurucakap UNHCR digunakan bagi menjelaskan alasan atas arahan yang dikeluarkan kepada pelarian agar meninggalkan kediaman mereka. Secara tidak langsung memberitahu pembaca bahawa mereka sedang melakukan perkara yang betul bukannya menghalau pelarian sesuka hati. Hal ini dikuatkan lagi dengan maklumat mengenai terdapat keluarga yang benar-benar fakir akan dipertimbangkan untuk kekal tinggal di situ.

Petikan pada Petikan berita 21 dan 22 merupakan petikan laporan berita BBC. Kedua-duanya digunakan untuk menyokong maklumat yang telah dinyatakan penulis. Pada Petikan berita 21, sumber statistik UNHCR digunakan bagi menyokong kenyataan pada petikan pendahuluan mengenai konflik Syria yang memasuki tahun keempatnya telah mempengaruhi penduduknya yang semakin ramai melarikan diri. Hal ini ditunjukkan melalui kata kerja laporan yang digunakan ialah menunjukkan /*tusyīru*/ (تَشِير) melalui statistik UNHCR yang memaparkan jumlah pelarian semenjak tahun awal konflik berlaku. Pada Petikan berita 22, perkataan berdasarkan /*ḥasba*/ (حَسَب) menunjukkan laporan ini disandarkan kepada pihak yang lain. Di sini merujuk kepada UNHCR.

5.1.2.2 Amnesty

Selain UNHCR, agensi lain yang banyak dipetik sumbernya ialah Amnesty dan Kesatuan Eropah (EU). Amnesty merupakan sebuah organisasi yang bergerak di seluruh dunia yang mempunyai seramai 2.8 juta penyokong, ahli dan aktivis di lebih daripada 150 negara dan wilayah yang berkempen untuk menamatkan penganiayaan yang serius terhadap hak asasi manusia (Laporan Amnesty : 2010). Matlamat utama organisasi ini ialah memastikan

setiap orang menikmati semua hak yang telah tertulis dalam perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan piawaian hak asasi manusia antarabangsa lain. Jadual 5.4 menunjukkan taburan petikan agensi antarabangsa di dalam kedua-dua laman berita:

Universiti Malaya

Jadual 5.4: Taburan Petikan Sumber Agensi Antarabangsa

Suara Rujukan	Al-Jazeera	BBC
<p><i>United Nations (UN) & United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)</i></p> <p>المفوضية العليا لشؤون اللاجئين & للأمم المتحدة</p>	<p>Laporan statistik (11/02/14)</p> <p>Wakil Khas UNHCR Angelina Jolie (11/02/14)</p> <p>Peter Kessler, Jurucakap UNCHR (11/02/14)</p> <p>Kenyataan UNHCR (06/04/14)</p> <p>Antonio Guterres (06/04/14)</p> <p>Jurucakap UNHCR Joelle Eid(06/05/14)</p> <p>Joelle Eid (06/06/14)</p> <p>Jurucakap UNHCR Mona Monzer (15/08/14)</p> <p>Laporan UNHCR tentang jumlah pendaftaran pelarian (29/08/14)</p> <p>Antonio Guterres (29/08/14)</p> <p>Kenyataan UNHCR (29/08/14)</p> <p>Antonio Guterres (28/10/14)</p> <p>Statistik UNHCR (14/12/14)</p> <p>Antonio Guterres (14/12/14)</p> <p>Jurucakap UNHCR Dana Sleiman (18/03/15)</p> <p>Kenyataan UNHCR (27/08/15)</p> <p>Kenyataan UN (10/10/15)</p> <p>Antonio Guterres (10/10/15)</p>	<p>Statistik UNHCR (19/03/14)</p> <p>Kenyataan UNHCR (19/03/14)</p> <p>Antonio Guterres (19/03/14)</p> <p>Statistik UNHCR (19/03/14)</p> <p>Kenyataan (13/11/14)</p> <p>Antonio Guterres (31/12/15)</p> <p>Statistik UNHCR (31/12/15)</p> <p>Kenyataan UNHCR (04/04/16)</p> <p>Kenyataan UNHCR (16/08/16)</p> <p>Statistik UNHCR (16/09/16)</p>
<p><i>Amnesty</i></p> <p>منظمة العفو الدولية (أمستي)</p>	<p>Kenyataan Amnesty (03/01/14)</p> <p>Kenyataan Amnesty (24/02/14)</p> <p>Amaran Amnesty (20/11/14)</p> <p>Laporan Amnesty (20/11/14)</p> <p>Wakil Amnesty Danrew Gardner (20/11/14)</p> <p>Amnesty (20/11/14)</p>	<p>Kenyataan Amnesty (01/04/16)</p> <p>Pengkaji Amnesty (01/04/16)</p> <p>Amnesty (01/04/16)</p> <p>Laporan Amnesty (04/04/16)</p> <p>Aktivis Amnesty (21/05/16)</p> <p>Jurucakap Amnesty (21/05/16)</p>

<i>Sawasya Center For Human Rights</i> مركز سواسية لحقوق الإنسان	Anggota Pusat Hak Asasi Sawasya Mustafa al-Haddah (03/01/14)	-
<i>European Council (EC) & European Council on Refugees dan Exiles (ECRE)</i> المجلس الاوروبي & المجلس الأوروبي للاجئين	European Council on Refugees dan Exiles (ECRE) (15/04/14)	Kenyataan Presiden EC Donald Tusk (04/09/16)
<i>The Syrian Observatory for Human Rights (SOHR)</i> المركز السوري لحقوق الإنسان	Kenyataan (SOHR) (17/2/14)	-
<i>Euro-Mediterranean Human Rights Monitor (euromedmonitor)</i> المركز الأورومتوسطي لحقوق الإنسان النقب	Euromedmonitor (19/2/14)	-
<i>International Organization for Migration</i> المنظمة الدولية للهجرة	Statistik International Organization for Migration (14/12/14) International Organization for Migration (10/10/15)	-
<i>Italian Refugees Council (CIR)</i>	Director of the Italian Council of Refugees Christopher Hein (15/4/14)	-

المجلس الإيطالي للاجئين		
United Nations Children's Fund (UNICEF) منظمة الأمم المتحدة للطفولة	-	Kenyataan UNICEF(01/10/16)

Universiti Malaya

Selaku organisasi yang menyokong hak asasi manusia, *Amnesty* dilihat digunakan bagi mengukuhkan kenyataan media terhadap layanan buruk yang diterima pelarian. Amnesty banyak mengkritik negara-negara yang dianggap tidak memberikan layanan yang sepatutnya kepada golongan pelarian. Perkara ini dapat dilihat pada petikan berita berikut:

Petikan berita 23

منظمة العفو الدولية (أمستي) اتهمت مصر صراحة، بتوقيف وإبعاد مئات اللاجئين الذين فروا إليها من سوريا، منددة بوضع أطفال في الاعتقال، وكذلك فصل عائلات خلال طردهم إلى سوريا.

Amnesty Antarabangsa secara jelas mentohmah tindakan Mesir menahan dan mengusir ratusan pelarian yang melarikan diri dari Syria, sebagai mengutuk penahanan kanak-kanak dan memisahkan keluarga semasa pengusiran mereka ke Syria.

(Sumber: al-Jazeera, 03 Januari 2014)

Petikan berita 24

حذرت منظمة العفو الدولية (أمستي إنترناشونال) من أن مئات آلاف اللاجئين السوريين في تركيا يعيشون اليوم في فقر مدقع لعدم وجود ملجأ لهم في المخيمات. وأشارت إلى أن سياسة "الأبواب المفتوحة" التي انتهجتها الحكومة التركية حيال اللاجئين السوريين قد استنفدت قدراتها أمام التدفق الهائل لهؤلاء اللاجئين.

Amnesty Antarabangsa memberi amaran bahawa ratusan ribu pelarian Syria di Turkiye hari ini hidup dalam kemiskinan yang melampau kerana tidak ada perlindungan di kem. Dasar "pintu terbuka" Kerajaan Turkiye terhadap pelarian Syria telah menghilangkan kemampuannya untuk menampung kemasukan pelarian secara besar-besaran.

(Sumber: al-Jazeera, 20 November 2014)

Petikan berita 25

اتهمت منظمة العفو الدولية أنقرة بإجبار آلاف اللاجئين السوريين على العودة أدرأجهم في مخالفة للقانون الدولي بإعتبار سوريا من مناطق الحرب.

Amnesty Antarabangsa mentohmah tindakan Ankara yang memaksa beribu-ribu pelarian Syria kembali ke rumah mereka yang dianggap melanggar undang-undang antarabangsa, memdanangkan Syria adalah zon perang.

(Sumber: BBC, 01 April 2016)

Petikan berita 26

وكانت المنظمة وصفت الزعماء الاوروبيين "بالنفاق"، بسبب الاتفاق الذي أبرم مع انقرة والذي يسمح باعادة المهاجرين الذين يصلون الى البر الاوروبي الى تركيا

Organisasi ini menggambarkan pemimpin Eropah sebagai "munafik" kerana perjanjian dengan Ankara yang membolehkan pendarang yang sampai ke Eropah untuk kembali ke Turkiye.

(Sumber: BBC, 1 April 2016)

Kebanyakan kenyataan yang dikeluarkan Amnesty adalah berbentuk kritikan balas terhadap tindakan buruk pihak tertentu terhadap golongan pelarian. Hal ini boleh dilihat dengan jelas melalui penggunaan kata kerja laporan yang terlibat. Seperti mentohmah /*littahama*/ (اتهم), menyifatkan /*wasafa*/ (وصف) dan memberi amaran /*hazara*/ (حذر). Kenyataan yang dikeluarkan organisasi ini bertujuan mengajak pembaca untuk bersama-sama mengkritik pihak berkenaan kerana organisasi yang berautoriti telah menunjukkan kritiknya terhadap pihak tersebut.

Petikan berita 23 menunjukkan kritikan yang dikeluarkan Amnesty terhadap Mesir berhubung penangkapan pelarian di sana yang tidak mempunyai permit. Organisasi ini berpandangan Mesir telah melakukan penangkapan haram kerana pelarian sepatutnya diberikan perlindungan bukannya dilayan seperti penjenayah. Hal ini disampaikan melalui petikan langsung yang dibuat selepas petikan Petikan berita 23:

وجاء في بيان للمنظمة، أن مصر تحتجز بطريقة غير مشروعة مئات اللاجئين السوريين والفلسطينيين، الذين فروا من النزاع الذي بدأ في مارس/آذار 2011 في سوريا، مضيعة "أن مصر فشلت فشلا ذريعا في احترام واجباتها الدولية لناحية حماية حتى اللاجئين المعدمين، وبدلا من أن تقدم لهم دعما حيويا أوقفتمهم وأبعدتهم، ما يشكل انتهاكا لحقوق الإنسان."

(Sumber: al-Jazeera, 03 Januari 2014)

"Mesir telah menahan secara haram ratusan pelarian Syria dan Palestin yang melarikan diri dari konflik yang bermula pada bulan Mac 2011 di Syria," kata organisasi itu dalam satu kenyataan. "Mesir benar-benar gagal untuk menghormati

tanggungjawab antarabangsanya untuk melindungi pelarian tanpa tempat tinggal. Pelarian yang sepatutnya diberikan perlindungan telah dihalang dan diusir. Hal ini merupakan pelanggaran hak asasi manusia. "

Pada Petikan berita 24, sumber petikan mengenai Amnesty merupakan petikan pendahuluan kepada laporan berita yang bertarikh 20 November 2014. Hampir 80 peratus kandungan berita merupakan kenyataan dari organisasi ini. Dalam konteks laporan ini, Amnesty menzahirkan kebimbangannya terhadap dasar “buka pintu” Turkiye yang mendorong kepada kebanjiran pelarian ke sana yang membawa kepada beberapa masalah. Masalah yang utama ialah tempat tinggal yang terhad. Sebagai menguatkan lagi kenyataan mengenai masalah yang timbul, pewacana memetik laporan dari Amnesty mengenai bilangan pelarian yang melarikan diri ke Turkiye serta situasi mereka yang tinggal dalam kemiskinan yang teruk.

Pada Petikan berita 25 dan 26, Amnesty melalui jurucakapnya menyatakan tuduhan mereka terhadap Turkiye yang memaksa pelarian kembali ke Syria. Walaupun Turkiye dilihat menafikannya melalui kenyataan yang dibuat selepas itu. Kenyataan yang dibuat Amnesty itu merupakan petikan pendahuluan yang dilihat bertujuan untuk menarik pembaca untuk terus membaca laporan tersebut dan menyelami kesusahan pelarian. Walaupun kandungan seterusnya lebih cenderung mengutuk Kesatuan Eropah yang telah mengikat perjanjian dengan Turkiye agar Turkiye mengambil pelarian yang pergi ke sana sebagai balasan bantuan kewangan akan diberikan kepada Turkiye dan pertimbangan Turkiye untuk menjadi ahli Kesatuan Eropah.

5.1.2.3 Kesatuan Eropah

Seperti yang sedia maklum, Britain merupakan sebuah negara Kesatuan Eropah sehinggalah peristiwa *Brexit* yang menyaksikan penarikan Britain darinya. Jadi, BBC boleh dianggap sebagai media yang bercakap atas nama kesatuan ini. Hal ini dapat

dilihat dengan jelas dalam jadual yang memperlihatkan taburan sumbernya di dalam BBC. Berbanding al-Jazeera hanya dua petikan dilihat menggunakan sumber kesatuan ini.

Jadual 5.5: Taburan petikan Kesatuan Eropah

Al-Jazeera	BBC
Kenyataan Kesatuan Eropah (10/10/15) Wakil Kesatuan Eropah Annika Breidhardt (27/8/15)	Wakil EU (05/10/2015) Kenyataan EU (17/12/2015) Kenyataan EU (17/12/2015) Wakil EU Johannes Hann (06/02/2016) Pemimpin Eropah(07/02/2016) Pegawai Perhubungan Luar EU Federica Mogherini(07/02/2016) Kenyataan EU(07/02/2016) Kenyataan Johannes Hahn pesuruhjaya EU dan Menteri Luar Holdan Bert Koenders(07/02/2016) Kenyataan negara Eropah(12/03/2016) Menteri Hal Ehwal EU Turkiye Volkan Bozkır (04/04/2016) Presiden EU Donald Tusk (04/09/2016)

Kebanyakan sumber petikan dari badan ini memaparkan sumbangan dan bantuan yang diberikan dalam krisis pelarian ini. Sekiranya dilihat dari segi konteks, petikan dari sumber kesatuan ini melibatkan laporan berita mengenai perjanjian yang dibuat Eropah-Turkiye mengenai isu pelarian yang melibatkan negara-negara di bawah kesatuan ini. Petikan suara Kesatuan Eropah banyak dibuat secara petikan tidak langsung kerana rata-rata petikan yang dibuat menyebut kesatuan ini secara umum. Manakala kebanyakan petikan langsung hanya dibuat apabila melibatkan orang perseorangan yang disebut namanya secara jelas seperti dalam petikan berita 28 dan petikan berita 30.

Petikan berita 27

حذرت الأمم المتحدة من حدوث مأساة للاجئين في فصل الشتاء المقبل، وطالبت الاتحاد الأوروبي بتقديم المزيد من المساعدات لليونان، بينما أعلنت التشيك عن نشر قوات على الحدود مع النمسا لمنع دخول المهاجرين.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memberi amaran mengenai kesengsaraan yang bakal menimpa pelarian pada musim sejuk yang akan datang dan meminta **Kesatuan Eropah** memberikan lebih banyak bantuan dihantar ke Greece, sementara Republik Czech telah mengumumkan mengenai penempatan pasukan tentera di sempadan Austria untuk mencegah kemasukan pendatang.

(Sumber: Al-Jazeera, 10 Oktober 2015)

Petikan berita 28

وحت مفاوض الاتحاد الأوروبي لشؤون توسعة الاتحاد وسياسة الجوار الأوروبية جوناثان هاهن، اليوم السبت، تركيا على فتح حدودها أمام اللاجئين. وأضاف أن "اتفاقية جنيف لا زالت سارية، وهي التي تنص على ضرورة استقبالكم للاجئين."، مؤكداً أن وزراء خارجية الاتحاد الأوروبي مستعدون لمناقشة الأزمة في اجتماعهم المقبل المقرر انعقاده في العاصمة الهولندية أمستردام.

Pesuruhjaya EU Hal Ehwal Perluasan dan Dasar Kejiranan Eropah (*European Neighbourhood Policy & Enlargement Negotiation*) Jonathan Hahn pada hari Sabtu menggesa Turkiye untuk membuka sempadannya kepada pelarian. Beliau menambah bahawa "Konvensyen Geneva masih berkuatkuasa, yang menyediakan keperluan untuk menerima pelarian,". Menekankan bahawa menteri-menteri luar EU bersedia membincangkan krisis ini pada pertemuan berikutnya yang akan diadakan di ibu kota Belanda Amsterdam.

(Sumber: BBC, 06 Februari 2016)

Petikan berita 29

حث مسؤولون اوروبيون تركيا على السماح لعشرات الآلاف من اللاجئين السوريين الفارين من القتال الدائر في محافظة حلب والعالقين عند الحدود قرب بلدة كيليش بدخول الاراضي التركية.

وقالت فدريكا موغريني مسؤولة العلاقات الخارجية في الاتحاد إن ثمة واجبا اخلاقيا - ان لم يكن قانونيا - لتوفير الحماية لهؤلاء اللاجئين.

Pegawai Eropah menggesa Turkiye untuk membenarkan puluhan ribu pelarian Syria melarikan diri dari pertempuran di wilayah Aleppo dan terkandas di sempadan berhampiran bandar Kilish untuk memasuki wilayah Turkiye.

Menurut Federica Mogherini, pegawai hubungan luar Kesatuan Eropah, di sana terdapat tanggungjawab moral untuk melindungi pelarian Syria, walaupun tidak sah di sisi

undang-undang.

(Sumber: BBC, 07 Februari 2016)

Petikan berita 30

قال رئيس المجلس الاوروبي دونالد توسك الاحد في مؤتمر صحفي في هانغجو في الصين إن قدرة دول الاتحاد على استيعاب المزيد من اللاجئين "تكاد تصل حدها"، ويحث المجتمع الدولي على تحمل مسؤولياته في هذا المجال.
وقال توسك للصحفيين إن "قدرة أوروبا العملية على استضافة موجات جديدة من اللاجئين، ناهيك عن المهاجرين لاغراض اقتصادية، توشك ان تصل حدها".

Presiden Majlis Eropah Donald Tusk berkata pada Ahad di sidang akhbar di Hangzhou, China, bahawa keupayaan negara anggota EU untuk menerima lebih banyak pelarian "hampir mencapai batasnya" dan mendesak masyarakat antarabangsa untuk mengambil tanggungjawabnya dalam hal ini.

"Keupayaan praktikal Eropah untuk menjadi tuan rumah gelombang pelarian baru, belum lagi pendatang untuk tujuan ekonomi, hampir mencapai batasnya," kata Tusk kepada wartawan.

(Sumber: BBC, 4 September 2016)

Hal ini berbeza dengan apa yang ditonjolkan al-Jazeera yang dilihat banyak melaporkan mengenai kutukan yang dibuat terhadap Eropah dalam isu ini. BBC dalam petikan berita 28, 29 dan 30 seolah-olah memperlihatkan Kesatuan Eropah sebagai badan yang berkuasa memberi arahan bukannya badan yang bertindak.

Petikan berita 27 merupakan ayat pendahuluan berita laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) mengenai situasi pelarian di negara-negara Eropah menjelang musim sejuk yang akan tiba. UN dalam kenyataannya ini memberi amaran mengenai ancaman musim sejuk terhadap pelarian sekiranya golongan pelarian tidak mendapat bantuan dan perlindungan yang sepatutnya. UN telah meminta Kesatuan Eropah agar dapat menambah bantuan untuk diberikan kepada Greece. Namun situasi yang berbeza berlaku di Republik Czech apabila telah mengumumkan mengenai penempatan pasukan tentera di sempadan Austria untuk menghalang kemasukan pendatang. Antonio Guterres menegaskan mengenai kepentingan dan keperluan dana yang besar sebagai bekalan kepada pelarian di Greece agar golongan pelarian tidak

perlu berhijrah ke Eropah Barat melalui negara-negara Balkan yang dilihat akan membawa kepada bencana kemanusiaan yang lebih dahsyat. Hal ini kerana proses memberi bantuan dan perlindungan akan menjadi lebih sukar apabila golongan pelarian berada di negara-negara Balkan yang berbeza disebabkan cuaca buruk di sana.

Petikan berita 28 memaparkan pergerakan pelarian secara besar-besaran ke Turkiye akibat krisis dan serangan yang berlaku di Halab. Turkiye yang sebelum ini mengamalkan “polisi buka pintu” kepada pelarian Syria yang datang ke Turkiye, telah mengumumkan mengenai penutupan sempadannya kepada gelombang pelarian yang datang dari Halab. Turkiye juga mengumumkan akan terus membantu pelarian walaupun pintu sempadannya ditutup. Disebabkan hal ini, Pesuruhjaya EU Hal Ehwal Perluasan dan Dasar Kejiranan Eropah (*European Neighbourhood Policy & Enlargement Negotiation*) Jonathan Hahn pada hari Sabtu menggesa Turkiye untuk membuka sempadannya kepada pelarian. Tambah beliau "Konvensyen Geneva masih berkuatkuasa, yang menyediakan keperluan untuk menerima pelarian,". Menekankan bahawa menteri-menteri luar EU bersedia membincangkan krisis ini pada pertemuan berikutnya yang akan diadakan di ibu kota Belanda Amsterdam.

Petikan berita 29 merupakan gesaan yang dibuat oleh pemimpin Kesatuan Eropah kepada Turkiye agar membuka sempadan kepada pelarian Syria yang terkandas di pintu sempadan. Puluhan ribu pelarian Syria melarikan diri dari pertempuran di wilayah Aleppo dan terkandas di sempadan berhampiran bandar Kilish untuk memasuki wilayah Turkiye. Menurut Federica Mogherini, pegawai hubungan luar Kesatuan Eropah, di sana terdapat tanggungjawab moral untuk melindungi pelarian Syria, walaupun bukan kerana undang-undang. Namun Turkiye menjelaskan bahawa pelarian diberikan makanan dan tempat perlindungan di dalam Syria. Jadi bukanlah menjadi keperluan untuk mereka membuka sempadan kepada pelarian. Kesatuan

Eropah juga telah menyediakan dana kewangan kepada Turkiye bagi memastikan semua keperluan mencukupi bagi menerima dan melindungi mereka yang mencari suaka di Turkiye.

Petikan berita 30 merupakan petikan laporan mengenai kenyataan yang dikeluarkan Majlis Eropah mengenai keupayaan mereka untuk menerima pelarian telah mencapai tahap maksimum. Benua Eropah telah menyaksikan limpahan masuk pelarian Syria yang tidak dapat dibendung. Presiden Majlis Eropah Donald Tusk berkata pada Ahad di sidang akhbar di Hangzhou, China, bahawa keupayaan negara anggota EU untuk menerima lebih banyak pelarian "hampir mencapai batasnya" dan mendesak masyarakat antarabangsa untuk mengambil tanggungjawabnya dalam hal ini. "Keupayaan praktikal Eropah untuk menjadi tuan rumah gelombang pelarian baru, belum lagi pendatang untuk tujuan ekonomi, hampir mencapai batasnya," kata Tusk kepada wartawan.

Di antara tujuan sumber kesatuan ini digunakan adalah untuk memperlihatkan sumbangan dan bantuan yang diberikan kesatuan ini yang diwakili negara-negara di bawahnya dalam krisis pelarian. Perkara ini secara tidak langsung membentuk dua gambaran utama mengenai pelarian iaitu pelarian sebagai mangsa dan sebagai penerima bantuan. Kesatuan ini juga dilihat memberi arahan kepada Turkiye terutamanya untuk memberi bantuan kepada pelarian. Rata-rata laporan berita mengenai bantuan jarang menampilkan pelarian untuk bercakap mengenainya. Namun hanya memaparkan pihak yang memberikan sumbangan.

5.1.3 Negara Luar

Rujukan seterusnya ialah kenyataan negara luar berkaitan isu pelarian. Negara luar di sini melibatkan pihak yang bercakap bagi mewakili sesebuah negara seperti kementerian, badan dan pertubuhan, pemimpin negara ataupun kenyataan yang

dikeluarkan oleh sesebuah negara secara umum. Negara-negara yang terlibat dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 5.6: Taburan Petikan Negara Luar

Sumber Rujukan	Al-Jazeera	BBC
Mesir	Bercakap bagi pihak Kementerian Luar Mesir (03/01/14)	-
Syria	Kenyataan Kementerian Luar Syria (24/02/14) Marwan Fares Timbalan Parti Kebangsaan Syria (06/06/14)	Duta Syria Di Lubnan (02/06/2014) Pembangkang Presiden Asad (16/10/2016)
Lubnan	Tammam Hassan Perdana Menteri Lubnan (28/10/14) Menteri Hal Ehwal Masyarakat Lubnan Rashid Dirbas (06/06/14) 20 Pegawai Fail IDPs Lubnan Kamil Kirbaz (18/03/15) Menteri Hal Ehwal Masyarakat Lubnan Rashid Dirbas (06/06/14) Pegawai Fail IDPs Lubnan Kamil Kirbaz (18/03/15)	Kerajaan Lubnan (02/04/2014) Kerajaan Lubnan (02/06/2014) Kementerian Dalam Negeri Lubnan (02/06/2014)
Jordan	Menteri Luar Jordan Nasir Jaudah (28/10/14) Pihak berkuasa Jordan (28/10/14) Zayid Hammad presiden Persatuan al-Quran dan Hadis Jordan (16/10/14) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (30/05/15)	Jordan (04/08/2016) Kerajaan Jordan (05/08/2016)
Maghribi	Pihak berkuasa Maghribi (28/06/14) Ahli akademik Maghribi pakar imigrasi Abdul Wahid Akmir (28/06/14)	Kerajaan Maghribi (16/12/2016) Khadijah Annani ahli kumpulan Anti-perkauman dan Pertahanan Hak Orang Asing dan Pendatang di Maghribi (16/12/2016)
Turkiye	Kenyataan kerajaan Turkiye (20/11/14) Angkatan tentera Turkiye	Perdana Menteri Turkiye Ahmad Daud Oglo (19/09/14) Kerajaan Turkiye(19/09/14)

	(19/09/14) Timbalan Perdana Menteri Turkiye Numan Kurtulmuş (20/09/14) Pegawai Turkiye (28/10/14) Timbalan Menteri Luar Turkiye Naci Koru (28/10/14) Jurucakap bagi negara Turkiye (20/11/14)	Laporan Media tempatan Turkiye (19/09/14) Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdoğan(19/09/14) Kerajaan Turkiye (15/06/2015) Presiden Recep Tayyip Erdoğan (05/10/2015) Kerajaan Turkiye (06/02/2016) Kenyataan gabenor Bandar Kilis Turkiye (06/02/2016) Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdoğan (07/02/2016) Kerajaan Turkiye (07/02/2016) Kenyataan Gabenor Kilis Süleyman Tapsız (07/02/20162) Wakil Turkiye (09/02/2016) Kerajaan Turkiye (01/04/2016) Kerajaan Turkiye (01/04/2016) Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdoğan (26/07/2016)
Amerika	Duta Amerika di PBB Samantha Power (24/02/14) Jurucakap bagi pihak kementerian Luar Negara Amerika Syarikat(20/09/14)	Presiden Amerika Barack Obama(16/12/2015) Jurucakap Kementerian Luar Amerika Syarikat, John Kirby (01/04/2016)
Jerman	Menteri luar Jerman Frank-Walter Steinmeier (28/10/14)	Jerman (05/09/20152) Canselor Jerman Angela Merkel (31/12/2015) Christian Democratic Union Party (03/09/2016) Penyokong alternatif bagi Jerman Hannelore Schroth (03/09/2016)
Bulgaria	Sumber rasmi Bulgaria (31/01/15)	-
Sweden	Pengarah Serantau, Pejabat Imigresen Sweden Veronika Lindstrdan (27/03/15)	
Poldan	Miriam Shaded Presiden Yayasan Estera (27/08/15) Kajian Yayasan Poldan (27/08/15) Kerajaan Poldan (27/08/15)	-
Slovakia	Jurucakap bagi Kementerian Dalam Negeri Slovakia Ivan Metik (27/08/15)	-
Canada	-	Perdana Menteri Canada Justin Trudeau (11/12/2015)

Serbia	-	Perdana Menteri Serbia Aleksandar Vučić (18/09/2015)
Liverpool	-	Datuk Bandar Liverpool Joe Danerson (10/09/2015)
Ireland	-	Menteri Keadilan Ireland Frances Fitzgerald (10/09/2015)
Austria	-	Menteri Dalam Negeri Austria Johanna Mikl (05/09/2015)

Al-Jazeera sebagai agensi berita negara Arab banyak memetik sumber dari negara Arab seperti Mesir, Syria, Lubnan, Jordan dan Maghribi. Manakala BBC pula banyak memetik sumber dari negara Eropah. Kebanyakan kata kerja laporan yang digunakan adalah bersifat neutral seperti berkata *qāla* (قَالَ). Namun terdapat juga kata kerja laporan yang memperlihatkan autoriti sesebuah negara dalam isu terbabit seperti perkataan menegaskan /*akkada*/ (أكد), menjawab /*ajāba*/ (أجاب), mengkritik /*intaqada*/ (انتقد), dan memberi amaran /*hazara*/ (حذر). Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berita berikut:

Petikan berita 31

“المتحدث باسم الخارجية المصرية نفى إساءة معاملة اللاجئين السوريين أو شن حملات لاعتقالهم”

(Sumber: al-Jazeera, 3 Januari 2014)

“**Jurucakap Kementerian Luar Mesir** menafikan penganiayaan terhadap pelarian atau kempen untuk menangkap mereka ”

Petikan berita 32

وقال رئيس الوزراء اللبناني تمام سلام إن لبنان -المتضرر بشدة من موجات اللجوء- بلغ مداه في قدراته على استقبال اللاجئين. وناشد -في مستهل مؤتمر دولي من أجل اللاجئين السوريين في العاصمة الألمانية برلين اليوم الثلاثاء- المجتمع الدولي زيادة مساعداته المالية واستقبال عدد أكبر من اللاجئين.

(Sumber: al-Jazeera, 28 Oktober 2014)

Perdana Menteri Lubnan Tammam Salam berkata bahawa Lubnan - yang teruk terjejas oleh gelombang pelarian - telah mencapai had dalam kapasitinya untuk

menerima pelarian. Pada permulaan persidangan antarabangsa untuk pelarian Syria di Berlin hari Selasa, beliau merayu masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan bantuan kewangan dan menerima lebih ramai pelarian.

Petikan berita 33

(وردا على وكالة الصحافة الفرنسية، أجب متحدث باسم الوكالة التركية المكلفة بالحالات الطارئة على تقرير منظمة العفو الدولية بالإشارة إلى الجهد الذي بذلته تركيا لاستقبال 200 ألف لاجئ أتوا من منطقة عين العرب (كوباني).

(Sumber: al-Jazeera, 20 November 2014)

Sebagai tindak balas kepada wakil agensi berita Perancis, jurucakap **Agensi Hal Ehwal Kecemasan Turkiye** menjawab laporan yang dibuat Amnesty International dengan merujuk kepada usaha Turkiye untuk menerima 200,000 pelarian dari kawasan Ain al-Arab (Kubani).

Petikan berita 34

قال رئيس الوزراء التركي أحمد داوود أوغلو إن تركيا سمحت لآلاف من السوريين الأكراد الفارين من مسلحي تنظيم "الدولة الإسلامية" بعبور حدودها الجنوبية.

(BBC, 19 September 2014)

Perdana Menteri Turkiye Ahmet Davutoğlu menjelaskan, Turkiye telah membenarkan beribu-ribu puak Kurdish Syria melarikan diri dari militan Daesh untuk menyeberangi sempadan selatan Turkiye.

Petikan berita 35

وانتقد أردوغان، أمام حشد في مدينة ستراسبورغ الفرنسية، سياسات الهجرة بالدول الأوروبية، واتهم أوروبا "بحصار اللاجئين في عرض البحر المتوسط."

(Sumber: BBC, 5 Oktober 2015)

Erdogan yang bercakap kepada orang ramai di bandar Strasbourg, Perancis, mengkritik dasar imigresen di negara-negara Eropah dan menuduh Eropah "mengepung pelarian di tengah Laut Mediterranean."

Petikan berita 36

وقال ميركل محذرة من جماعات معاداة الأجانب "من المهم ألا نسمح لنفسنا بأن ننقسم."

(Sumber: BBC, 31 Desember 2015)

"Adalah penting bahawa kita tidak membiarkan diri kita dibahagikan," kata **Merkel**, memberi amaran kepada kumpulan anti orang asing (*xenophobia*).

Kebanyakan petikan dari negara luar melibatkan respon negara tersebut terhadap isu pelarian di negaranya. Hal ini juga dapat dilihat pada Petikan berita 31, 33, 34, dan 35. Ketiga-tiga Petikan berita ini memperlihatkan respon yang dibuat negara terbabit terhadap kenyataan yang dibuat pihak luar. Pada Petikan berita 31, sumber dari Kementerian Luar Mesir digunakan bagi menafikan kenyataan yang mengatakan penganiayaan Mesir terhadap pelarian Syria yang tinggal di Mesir tanpa visa yang sah. Al-Jazeera dilihat mengambil kira perspektif kedua-dua pihak yang melibatkan pelarian sebagai mangsa dan Mesir sebagai pihak yang berkuasa. Walaupun pada permulaannya, al-Jazeera banyak memperlihatkan layanan buruk yang diberikan Mesir melalui petikan suara pelarian dan Amnesty. Perkara ini dapat dilihat sebagai praandaian (*presupposition*) yang dibuat pewacana terhadap perkara ini.

Selain respon yang dibuat sesebuah negara, kenyataan negara luar juga dibuat bagi memperlihatkan situasi sebenar pelarian. Pada Petikan berita 32, kenyataan Perdana Menteri Lubnan Tammam Salam digunakan bagi menguatkan kenyataan pewacana sebelum itu yang melaporkan bahawa negara-negara jiran Syria meminta masyarakat antarabangsa untuk memberikan lebih banyak bantuan diberikan kepada negara yang menerima pelarian seperti Jerman yang telah memperuntukkan setengah bilion Euro untuk membantu pelarian. Kenyataan beliau penting bagi menunjukkan perkara ini perlu diberi perhatian.

Pada petikan 33, al-Jazeera memetik respon jurucakap Agensi Hal Ehwal Kecemasan Turkiye terhadap laporan *Amnesty International* mengenai situasi ratusan

ribu pelarian Syria di Turkiye yang tinggal di bawah kemiskinan tegar disebabkan tiada tempat tinggal di kem pelarian. Tambahnya lagi, hal ini menunjukkan polisi “pintu terbuka” yang diamalkan Turkiye terhadap pelarian Syria telah mencapai ke tahap yang maksimum dalam menghadapi kemasukan pelarian secara besar-besaran ini. Laporan Amnesty menjelaskan lebih dari 1.6 juta rakyat Syria telah menyeberangi sempadan Turkiye sejak krisis yang berlaku pada tahun 2011. Namun begitu, hanya 220,000 daripada mereka yang mempunyai tempat tinggal di dalam 22 kem yang diuruskan Turkiye. Kebanyakan pelarian hanya berjuang untuk meneruskan kehidupan dan ada yang berfikir untuk kembali ke Syria walaupun perang. Perkara ini telah dijawab oleh wakil Turkiye yang menyatakan berdasarkan pengalaman Turkiye menerima pelarian selama 4 tahun, Turkiye masih mampu menyediakan makanan, tempat tinggal, rawatan dan sokongan psikologi kepada 130,000 pelarian yang menyeberangi Turkiye dalam masa 3 hari. Malah Turkiye menurut laporan yang dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima separuh daripada 3.2 juta pelarian Syria yang melarikan diri dari peperangan.

Pada petikan 34 memetik kenyataan yang dikeluarkan perdana menteri Turkiye mengenai keputusan yang telah diambil Turkiye untuk membenarkan beribu-ribu pelarian Syria dari puak Kurdish untuk masuk ke Turkiye selepas kemaraan dan penguasaan militan Daesh ke kawasan mereka. Langkah ini dibuat setelah pertempuran yang berlaku di antara penunjuk perasaan rakyat Turkiye dari puak Kurdish dan pihak berkuasa Turkiye.

Petikan berita 35 telah memetik laporan berita mengenai pertemuan penting yang sedang dijalankan Presiden Turkiye Reccep Toyyib Erdogan bersama pemimpin Kesatuan Eropah bagi membincangkan cara menghadapi krisis pelarian. Turkiye dianggap sebagai tuan rumah kepada lebih 2 juta pelarian Syria dan sebagai pusat

migrasi utama bagi pelarian yang cuba menyeberangi Eropah. Petikan ucapan Erdogan yang bercakap kepada orang ramai di bandar Strasbourg, Perancis, mengkritik dasar imigresen di negara-negara Eropah dan menuduh Eropah "mengepung pelarian di tengah Laut Mediterranean kerana Eropah dilihat tidak memainkan peranannya terhadap krisis pelarian yang semakin meruncing. Eropah dilihat gagal menghalang bencana pelarian lemas yang dalam usaha mencari perlindungan di negara benua itu melalui Laut Mediterranean. Erdogan menyeru campur tangan Eropah yang lebih serius bagi menyelesaikan krisis pelarian yang berlaku.

Pada Petikan berita 36, BBC dilihat memetik ucapan yang disampaikan Canselor Jerman Angela Merkel sempena tahun baru 2016. Ucapan beliau yang bertemakan solidariti mengajak rakyat Jerman bersatu dan tidak berpecah. Dalam ucapannya beliau menyebut, "Adalah penting agar kita tidak membiarkan diri kita berpecah - mengikut generasi, mengikut kumpulan sosial, dan warganegara dan bukan warganegara". Ucapan beliau yang fokus kepada kemasukan pelarian ke Jerman sebagai amaran kepada demonstrasi yang dibuat oleh kumpulan Pegida yang merupakan sebuah kumpulan yang menentang islamisasi di Barat. Petikan ini diambil bagi menunjukkan sokongan positif Jerman terhadap pelarian.

5.1.4 Media Luar

Sumber rujukan seterusnya ialah media luar. Petikan sumber media luar banyak dipetik dalam laporan berita al-Jazeera berbanding laporan dari BBC. Kebanyakan sumber yang diambil merupakan akhbar berita Britain seperti The Independent, The Guardian, The Times, The Daily Mail dan Reuters (Jadual 5.7). Al-Jazeera dilihat seringkali melaporkan kembali laporan berita yang dibuat oleh akhbar lain. Laporan dibuat bagi menunjukkan isu Syria mendapat liputan meluas dalam akhbar seluruh dunia.

Kebanyakan laporan yang dipetik adalah mengenai isu pelarian yang melibatkan aspek kemanusiaan.

Jadual 5.7: Taburan Petikan Media Luar

Media Luar	Al-Jazeera	BBC
Media Britain The Independent The Guardian The Sunday Times The Daily Mail	Dakwaan The Independent (05/01/14) Kenyataan The Independent (14/01/14) Kenyataan The Independent (29/01/14) The Guardian (05/01/14) Kenyataan The Guardian (14/01/2014) The Guardian (29/01/14) Dakwaan The Guardian (30/09/15) The Sunday Times (22/11/15) Laporan The Daily Mail UK (30/09/15)	The Guardian (16/08/2016) Laporan The Guardian oleh Ian Black dan Martin Chulov (15/04/2016) Media Antarabangsa (16/08/2016)
Akhbar Amerika The Washington New York Times America Times	Laporan The Washington Times oleh Peter Morici (30/09/15) Laporan New York Times (22/11/15) Laporan America Times (17/06/14)	-
Akhbar Amerika dan Britain	Akhbar Britain dan Amerika (30/09/15) Akhbar Britain dan Amerika (22/11/15)	-
Pusat Media (Qalamoun)	Laporan Pusat Media Qalamoun (17/02/14)	-
Reuters	Laporan Reuters (pelarian) (06/04/14)	Reuters (16/10/2016)
Media Perancis	Wakil berita Perancis	-

Media Bulgaria	Laporan akhbar “Duma” (27/8/15)	-
Media Greece	Laporan media Greece (23/09/2015)	-
Media Turkiye	-	Laporan akhbar “Birgun” (16/08/2016)

Contoh petikan berita yang dibuat banyak menggunakan kata kerja laporan seperti memfokuskan *rakkaza* (رَكَّزَ), mengambil *tanawala* (تَنَاوَلَ), memetik *naqala* (نَقَلَ), menunjukkan *asyāra* (أَشَارَ) dengan jelas menunjukkan sumber ini merupakan sumber luar. Petikan berita 37 dan 38, dan 42 diperlihatkan bagaimana pewacana meringkaskan laporan asal yang diambil dari akhbar yang terlibat seperti *The Guardian* dan *The Independent*. Penulis seolah-olah melaporkan kembali berita tersebut.

Petikan berita 37

ركزت جل الصحف البريطانية الصادرة اليوم على الشأن السوري، وكان لأزمة اللاجئين نصيب موفور في المقالات الافتتاحية والتقارير، فقد اعتبرتها إحداها نقطة في محيط، وأكدت أخرى ضرورة فتح أوروبا أبوابها لهم...

Kebanyakan akhbar Britain hari ini memfokuskan berita mengenai situasi masyarakat Syria. Krisis pelarian Syria mendapat tempat yang penting dalam artikel utama dan laporan. Salah satunya menganggap isu ini sebagai satu krisis yang tidak berkesudahan. Manakala yang lain menegaskan keperluan Eropah membuka pintu bagi mereka....

وبداية، خصصت صحيفة غارديان افتتاحيتها لأزمة اللاجئين، حيث جاءت افتتاحيتها بعنوان "أزمة اللاجئين.. نقاط في محيط."

Sebagai permulaan, akhbar Guardian memfokuskan kepada krisis pelarian dengan memulakan tajuk utamanya “krisis pelarian....satu krisis yang tidak berkesudahan”
(Sumber: al-Jazeera, 14 Januari 2014)

Petikan berita 38

تناولت صحف بريطانية وأميركية الأزمة السورية المتفاقمة خاصة في جانبها الإنساني، حيث دعت صحيفة إنديبندنت البريطانية - في مقال لرعيمة حزب الخضر ناتالي بينيت - دول الاتحاد الأوروبي إلى مد يد العون والمساعدة للاجئين السوريين الذين تجرهم الحرب على اللجوء إلى الخارج.

Akhbar Britain dan Amerika telah memfokuskan laporannya kepada krisis Syria yang

semakin buruk, terutama dalam aspek kemanusiaan. Akhbar Britain *Independent*, dalam sebuah artikel oleh pemimpin Parti Hijau Natalie Bennett, menyeru negara-negara Kesatuan Eropah untuk membantu pelarian Syria yang terpaksa melarikan diri ke luar negara.

(Sumber: al-Jazeera, 5 Januari 2014)

Petikan berita 39

فقد علقت صحيفة ذي غارديان - في مقال للكاتبة ربما علف - بالقول إن مفاوضات السلام في جنيف تعتبر لعبة بيد الرئيس الأسد، واصفة المفاوضات بأنها غير مجدية وأنها تمثل غطاء للأسد لمواصلة "إرهابه" للشعب السوري.

"Rundingan damai di Geneva adalah permainan untuk Presiden Asad, menggambarkan rundingan sebagai sia-sia dan perlindungan untuk Asad untuk meneruskan "keganasannya" terhadap rakyat Syria, seorang wartawan The Guardian menulis dalam sebuah artikel oleh penulis Rima Alaf.

(Sumber: al-Jazeera, 29 Januari 2014)

Petikan berita 40

فقد أشارت صحيفة ذي ديلي ميل البريطانية إلى أن هناك شريحة من كبار السن والمقعدين ضمن صفوف اللاجئين الفارين إلى المهول في أوروبا طلبا لحياة آمنة بعيدا عن القتل والدمار في بلدانهم الأصلية، وأن هذه الفئة تعاني أكثر من غيرها من اللاجئين في ظروف جوية تتميز بالبرد القارس.

Akhbar *The Daily Mail* melaporkan bahawa golongan tua dan orang kurang upaya adalah antara pelarian yang melarikan diri ke Eropah ke sebuah tempat yang tidak dikenali untuk mencari kehidupan yang selamat dari pembunuhan dan kemusnahan di negara asal mereka. Golongan ini mengalami lebih banyak penderitaan berbanding pelarian lain dalam keadaan cuaca sejuk yang melampau.

من جانبها دعت صحيفة ذي غارديان البريطانية إلى الاستمرار في محاولات إنقاذ اللاجئين الذين يسلكون طرقا بحرية بواسطة قوارب صغيرة سرعان ما تتقاذفها الأمواج، وأشارت إلى أن هناك حملات إنقاذ أوروبية انطلقت أوائل مايو/أيار الماضي، ولكن هذه الحملات بدورها تعاني نقصا بالطاقم والمعدات.

Dalam hal itu, akhbar Britain *The Guardian* menyeru agar usaha untuk menyelamatkan pelarian yang mengambil laluan laut dengan bot-bot kecil yang cepat dipukul ombak. Akhbar ini juga melaporkan terdapat kempen menyelamatkan Eropah yang dilancarkan pada awal Mei. Namun kempen-kempen ini mengalami kekurangan kakitangan dan peralatan.

(Sumber: al-Jazeera, 30 September 2015)

Petikan berita 41

ونقلت صحيفة "الجارديان" البريطانية في عددها الصادر في 13 من الشهر الجاري عن هذه المنظمات وهيئات معنية بحقوق الانسان ان عددا كبيرا من الاطفال العالقين في هذه المخيمات والتي يفترض ان

تكون آمنة، قد تعرضوا لاعتداءات جنسية.

Akhbar The Guardian melaporkan dalam edisi ke-13 bulan ini dari laporan pertubuhan-pertubuhan dan badan hak asasi manusia, bahawa terdapat banyak kanak-kanak yang terkandas di kem-kem tersebut, yang sepatutnya selamat, namun telah terdedah kepada gangguan seksual.

(Sumber: BBC, 16 Ogos 2016)

Petikan berita 42

اهتمت الصحف البريطانية بالعديد من الموضوعات ومنها قصة الطبيب السوري الذي يساعد اللاجئين السوريين الذين يركبون القوارب للوصول إلى أوروبا، ونشر تنظيم الدولة الإسلامية للائحة اغتيالات تضم أسماء عديدة منها وزيرين مسلمين في حزب المحافظين البريطاني. ونطالع في صحيفة التايمز مقالاً لهانا سميث بعنوان "الطبيب اللاجئ الذي أصبح منقذ المهاجرين السوريين من البحر"

Akhbar-akhbar Britain telah memfokuskan pelbagai topik, termasuk kisah seorang doktor Syria yang membantu pelarian Syria yang menaiki bot untuk sampai ke Eropah, laporan mengenai senarai nama individu yang dibunuh militan Daesh melibatkan beberapa nama, termasuk dua menteri Muslim di *Britain Conservative Party*. Kita akan menelaah artikel oleh Hannah Smith di dalam *The Times* yang bertajuk "Doktor pelarian yang menjadi penyelamat pendatang Syria dari laut".

(Sumber: BBC, 15 April 2016)

Petikan berita 38 telah memetik seruan yang dibuat oleh pemimpin *Green Party* di Britain iaitu Natalie Bennett melalui laporan yang ditulisnya di dalam akhbar *Independent* agar negara-negara Eropah membantu pelarian Syria yang terpaksa melarikan diri ke luar negara. Seruan ini juga dibuat oleh Menteri Kesihatan Britain Lord Reid agar negaranya dan kesatuan Eropah agar menerima sebahagian pelarian Syria yang melarikan diri dari peperangan. Seruan ini dibuat selepas Britain menyatakan akan memberi bantuan kewangan berbanding menjadi tuan rumah kepada pelarian. Kerajaan Britain juga telah menolak untuk menyertai 16 negara termasuk US, Perancis, Jerman yang berjanji untuk membenarkan kemasukan lebih 10,000 pelarian Syria. Al-Jazeera dilihat meringkaskan laporan berita Britain dan Amerika berhubung krisis pelarian Syria yang semakin buruk serta respon yang diberikan negara-negara terhadap krisis pelarian.

Petikan berita 39 merupakan petikan laporan wartawan *The Guardian* mengenai rundingan damai di Geneva yang dilihat tidak memberikan solusi yang sepatutnya kepada pelarian Syria. Malah Krisis Syria dan krisis pelarian Syria dilihat semakin teruk. krisis ini telah mengorbankan lebih dari 130,000 orang dan jutaan yang lain hidup secara merempat.

Selain itu, petikan sumber akhbar luar juga digunakan untuk menyampaikan pandangan atau komen akhbar lain terhadap peristiwa yang berlaku. Hal ini menguatkan lagi kenyataan yang dibuat akhbar al-Jazeera atau BBC. Umpamanya petikan berita 40 digunakan sebagai contoh laporan akhbar yang diambil selepas kenyataan yang dibuat oleh penulis mengenai krisis Syria yang meruncing mendapat perhatian akhbar Britain dan Amerika terutamanya kesengsaraan yang dihadapi golongan kelainan upaya dan golongan yang menggunakan kerusi roda.

Terdapat juga petikan dalam petikan. Dalam Petikan berita 41, laporan berita BBC melaporkan mengenai ancaman dan kesusahan yang dihadapi pelarian di kem pelarian yang didiami mereka. Laporan *The Guardian* telah melakukan pendedahan bahawa terdapat banyak kanak-kanak yang terkandas di kem, terdedah kepada gangguan seksual. Laporan ini telah mengambil maklumat melalui laporan pertubuhan-pertubuhan dan pertubuhan hak asasi manusia. Perkara ini menunjukkan keadaan dan situasi sebenar yang dihadapi pelarian kerana disampaikan oleh organisasi dan pertubuhan hak asasi manusia.

Petikan berita 42 merupakan petikan laporan *The Times* mengenai kisah seorang pelarian Syria yang juga seorang doktor telah membantu golongan pelarian di dalam perjalanan yang ditempuhi mereka. Laporan berita ini menceritakan semula laporan yang telah dibuat akhbar *The Times* mengenai kisah doktor ini. Doktor yang bernama Tarkawi ini telah melakukan penghijrahannya bersama isteri dan dua orang anaknya.

Mereka telah pergi ke Turkiye dan tinggal di sana selama 6 bulan dan cuba mencari penyeludup yang boleh membawanya ke tempat yang selamat di Eropah. Beliau menceritakan detik cemas yang dialaminya dalam perjalanan menuju Eropah apabila disuruh untuk terjun ke laut 50 meter dari pantai Yunani. Ketika dia enggan berbuat demikian, pemandu bot bertindak membaling anaknya seorang demi seorang ke dalam air. Beliau terpaksa terjun demi menyelamatkan anak-anaknya. Menurut beliau, apa yang dilalui sepanjang perjalanannya adalah pengalaman terburuk yang pernah dihadapinya dan peristiwa ini merumuskan semua kesusahan, kepayahan dan tragedi yang dilalui rakyat Syria. Beliau kini tinggal di hotel di Norway dan menjalankan kerja-kerja membantu pelarian yang memerlukan rawatan sementara menunggu keputusannya memohon suaka di situ. Kisah-kisah seperti ini memperlihatkan pelarian Syria sebagai mangsa dan berupaya menarik simpati pembaca terhadap golongan pelarian.

5.1.5 Badan Sukarelawan dan Bantuan

Sumber yang terakhir ialah badan sukarelawan dan bantuan. Al-Jazeera dilihat banyak memetik petikan dari sumber ini. Terutamanya para aktivis dan para sukarelawan. Kebanyakan petikan yang dibuat adalah berkisar tentang masalah yang dihadapi badan ini untuk membantu pelarian seperti masalah kewangan untuk menampung rawatan yang akan dibuat serta situasi sebenar yang dihadapi pelarian yang dilaporkan oleh para aktivis dan sukarelawan yang terlibat.

Jadual 5.8: Taburan Petikan Badan Sukarelawan Dan Bantuan

Sumber	Al-Jazeera	BBC
Pakar Ekonomi	Kamiran Kareem (9/02/14)	-

Doktor perubatan	Doktor Iyyad Hudhud Pegawai Perubatan <i>Union of Relief Society</i> di Lubnan (6/05/14, 24/03/15) Doktor Hisham Sulaiman. Doktor Syria yang bekerja di pusat perubatan sukarela al-Basyair (6/5/14)	-
Persatuan Pusat Islam di Buq'ah بجمعية المركز الإسلامي في البقعة	Abdullah Abu Syuk (12/05/14) Bertanggungjawab untuk fail pelarian Syria di Buq'ah	-
Persatuan Syria-Finland رئيس "الرابطة السورية الفنلندية" رامي أدهم	Pengerusi persatuan Rami Adham (19/5/14)	-
الاتحاد الوطني لقوى الثورة والمعارضة السورية Gabungan Kebangsaan Pasukan Revolusi dan Pembangkang Syria	(19/09/2014)	-
Aktivis	Kenyataan aktivis 05/01/2014 Pendedahan aktivis (17/02/14) Kenyataan aktivis (17/02/2014) Kenyataan aktivis media (04/02/2015) Kenyataan aktivis Aiman Solibi 23/09/2015 Aktivis (23/09/2015) Kenyataan sukarelawan (25/08/2015)	Kenyataan aktivis (11/12/2015) Kenyataan aktivis (06/02/2016) Kenyataan aktivis (07/02/2016)

Berdasarkan jadual 5.8, Al-Jazeera dilihat lebih banyak melaporkan sumber petikan dari pelbagai golongan pelaku sosial berbanding BBC. Melibatkan pakar dalam bidang khusus seperti pakar ekonomi dan perubatan, para aktivis dan para sukarelawan. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Petikan berita 43

من جانبه، يرى الخبير الاقتصادي كامران كريم أن هناك نقصاً في تشريعات وقوانين العمل في العراق، وهو ما أدى -حسب تعبيره- إلى استغلال الظروف الحرجة لهؤلاء اللاجئين السوريين وعدم مساواتهم بالعمالة المحلية.

Bagi pihaknya, pakar ekonomi Kamran Karim melihat bahawa terdapat kekurangan pada undang-undang dan undang-undang buruh di Iraq, yang menurutnya membawa kepada - penindasan situasi kritikal pelarian Syria dan berlaku ketidakadilan dengan pekerja tempatan.

(Sumber: Al-jazeera, 09 Februari 2014)

Petikan berita 44

أما الدكتور هشام سليمان -طبيب سوري يعمل مشرفاً في "مركز البشائر الطبي التطوعي" شمال لبنان- فقال إن المشكلة الرئيسية تكمن في عدم تكفل الهيئات الدولية والمحلية بحالات الأمراض المزمنة وتخصيصها جل موازنتها للأمراض الأخرى.

Dr. Hisham Sulaiman, seorang doktor Syria yang bekerja sebagai penyelia di Pusat Perubatan Sukarela Al-Bashaer di utara Lubnan, mengatakan bahawa masalah utama adalah badan-badan tempatan dan antarabangsa tidak memberi perhatian kepada penyakit kronik dan memperuntukkan kebanyakan belanjawan mereka kepada penyakit-penyakit lain.

(Sumber: al-Jazeera, 06 mei 2014)

Petikan berita 45

وأوضح الناشط أيمن صليبي للجزيرة نت أن عمليات استغلال كثيرة تحدث للاجئين خلال رحلتهم، حيث يدفعون المال لعبور البحر بمركب يعتقدون أنه آمن، ثم يتبين لهم أنه زورق مطاطي ضعيف، كما تطلب الفنادق أسعاراً مرتفعة منهم، في حين يشتري "سماسرة الأزمة" بطاقات القطار بأكملها لمدة يومين أو ثلاثة أيام ليبيعوها لهم لاحقاً بأضعاف السعر الحقيقي.

Aktivis Ayman Salibi memberitahu Al Jazeera bahawa terdapat banyak penindasan yang berlaku terhadap pelarian semasa perjalanan mereka, di mana mereka membayar wang untuk menyeberangi laut dengan bot yang mereka percaya selamat, dan kemudian mendapati bot itu merupakan bot getah. Begitu juga hotel yang menuntut harga yang tinggi dari mereka. Manakala "broker krisis" membeli semua tiket kereta api selama dua atau tiga hari untuk menjualnya kemudian didarab dengan harga sebenar.

(Sumber: Al-Jazeera, 23 September 2015)

Petikan berita 46

قال لي الناشطون في اجتماعات الأسبوع الماضي في لندن إن الغرب وقع في فخ صنعه الرئيس الأسد.

Para aktivis dalam pertemuan minggu lalu di London memberitahu saya bahawa Barat

terperangkap dalam perangkap yang dicipta oleh Presiden al-Asad.

(Sumber: BBC, 11 Disember 2015)

Rujukan yang dibuat kepada para aktivis memperlihatkan situasi sebenar yang berlaku.

Hal ini kerana para aktivis atau sukarelawan merupakan mereka yang sentiasa berada di tempat kejadian dan mengikuti perkembangan yang berlaku. Jadi, mereka lebih mengetahui masalah sebenar yang berlaku.

Pada petikan berita 43, rujukan yang dibuat adalah kepada pakar ekonomi Kamiran Kareem bagi mendapat pandangan dari sudut pandangan pakar di dalam bidang mengenai isu eksploitasi buruh yang berlaku di Iraq. Pelarian diberi upah yang lebih rendah berbanding pekerja tempatan. Hal ini menurut beliau disebabkan kelemahan undang-undang buruh di Iraq.

Begitu juga halnya pada petikan berita 44. Pandangan seorang doktor perubatan dirujuk bagi mengetahui masalah sebenar yang dihadapi oleh badan bantuan perubatan. Laporan yang bertajuk “Penyakit Maut Mengancam Pelarian Syria di Lubnan” memaparkan bahawa terdapat banyak kes penyakit yang dihadapi pelarian Syria di Lubnan seperti kegagalan buah pinggang, Talasemia dan kanser. Namun terdapat kekurangan dari aspek rawatan kerana kekurangan sumber kewangan. Kekurangan wang ini menurut doktor Hisham adalah disebabkan peruntukan yang banyak diberikan kepada penyakit biasa berbanding penyakit kronik.

Pada petikan berita 45, seorang aktivis menceritakan apakah bentuk-bentuk penindasan yang sering dilakukan kepada golongan pelarian. Laporan ini dimulakan dengan cerita mengenai pelarian yang bernama Abdullah Musa yang telah ditipu setelah membayar wang sebanyak 2000 euro untuk membolehkan dia sampai ke utara Eropah. Namun begitu, beliau telah diberikan kad pengenalan palsu. Perkara ini menyebabkan dia ditangkap dan dia tidak mendapat semula wang yang telah dibayar. Ini merupakan satu kisah dari banyak kisah pelarian ditindas. Perkara ini dikuatkan lagi

dengan cerita dari aktivis sendiri yang sering ada bersama pelarian. Selain membayar wang yang banyak untuk menyeberangi lautan, pelarian juga dikenakan bayaran yang tinggi untuk perjalanan di darat seperti tambang taksi dan harga tiket kereta api.

Pada petikan berita 46, para aktivis membuat teguran kepada negara Barat yang sering mendengar berita luar berbanding bertanyakan perkara sebenar kepada penduduk Syria. Hal ini membawa kepada salah faham dalam memahami situasi sebenar yang berlaku di Syria. Perkara ini memperlihatkan pelarian sebagai golongan minoriti dan dipinggirkan.

5.2 Interdiskursiviti Dalam al-Jazeera dan BBC

Proses interdiskursiviti merupakan proses asas yang dapat membantu kita memahami bagaimana wacana berfungsi sebagai satu bentuk sosial praktis, bagaimana perubahan amalan wacana mempunyai hubungan dengan perubahan sosial (Fairclough, 1992a). Interdiskursiviti terjadi apabila sebuah wacana mengandungi gabungan beberapa jenis teks dalam strukturnya. Umpamanya berlaku percampuran genre dalam satu wacana. Percampuran genre ini mempengaruhi bagaimana susun atur sesebuah wacana dibuat. Hal ini bermakna struktur masyarakat, struktur organisasi atau institusi yang terlibat akan mempengaruhi struktur wacana.

Fairclough (1992a) dalam menjelaskan proses ini menggunakan istilah genre, jenis aktiviti (*activity type*), gaya (*style*), dan wacana (*discourse*). Unsur interdiskursiviti dalam al-Jazeera dan BBC melibatkan beberapa genre, gaya dan wacana yang digunakan. Satu genre tidak hanya melibatkan sejenis teks yang khusus malah melibatkan proses pembuatan teks, proses penyebaran dan proses penggunaan teks yang khusus. Sesuatu genre biasanya akan dikenalpasti melalui jenis aktiviti yang ingin disampaikan oleh teks. Genre juga cenderung dikaitkan dengan gaya tertentu. Gaya ini dapat dikenalpasti melalui tiga perkara iaitu *tenor*, *mode* dan *rhetorical mode*. *Tenor* merujuk kepada hubungan yang diperoleh antara peserta teks seperti rasmi, tidak rasmi, rapat atau biasa. Manakala *mode* merujuk kepada cara teks disampaikan sama

ada melalui penulisan atau pertuturan atau kedua-duanya. Manakala *rhetorical mode* merujuk kepada cara teks disampaikan sama ada secara argumentatif atau deskriptif.

5.2.1 Gaya Bahasa Ma‘ānī Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC

Terdapat beberapa gaya bahasa berdasarkan ilmu Ma‘ānī telah dikenal pasti dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC seperti penggunaan ayat penyata, ayat bukan penyata, pendepanan dan pengakhiran, kata nama ma‘rifat dan kata nama nakirat dan juga pengkhususan. Kita akan melihat gaya bahasa ini dengan lebih lanjut selepas ini.

5.2.1.1 Ayat Penyata Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC

Secara umumnya, laporan berita yang disampaikan bertujuan untuk memberitahu pembaca mengenai sesuatu berita yang belum diketahui atau maklumat tambahan mengenai berita yang sedia diketahui. Oleh itu, laporan berita banyak menggunakan ayat penyata dalam laporannya. Ayat penyata (Bahagian 2.5.1) juga dikenali sebagai ayat berita atau ayat keterangan. Tujuan utama yang dikehendaki pewacana apabila menggunakan ayat jenis ini adalah memberitahu pendengar atau pembaca mengenai sesuatu perkara yang tidak diketahuinya dikenali sebagai *فائدة الخبر* (faedah berita) dan ada juga berita yang disampaikan bukan bertujuan memberitahu pembaca mengenai sesuatu kerana pembaca sudah maklum mengenainya dikenali sebagai *لازِمُ الْفَائِدَةِ* (maklumat tersedia). Perkara ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Petikan berita 1

وبحسب صحيفة "دوما" البلغارية الصادرة في الـ 21 من أغسطس/آب، قررت سلوفاكيا أن تستضيف ثلاثمئة شخص من السوريين الموجودين حاليا في معسكرات على أراضي إيطاليا وتركيا واليونان.

Menurut akhbar Bulgaria "Duma" pada 21 Ogos, Slovakia memutuskan untuk **mengambil** 300 rakyat Syria yang kini berada di kem di Itali, Turkiye dan Yunani.

(Sumber: al-Jazeera, 27 Ogos 2015)

Petikan berita 2

أعدت تركيا فتح حدودها أمام السوريين اللاجئين الفارين من القتال بين وحدات حماية الشعب الكردية ومسلحي تنظيم الدولة الإسلامية عند مدينة تل أبيض.

Turkiye telah membuka semula sempadannya kepada **rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan** antara kawasan Unit Perlindungan Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (utara Syria).

(Sumber: BBC, 15 Jun 2015)

Berdasarkan laporan di atas, ketiga-tiga contoh merupakan ayat penyata. Pada Petikan berita 1, maklumat yang disampaikan merupakan maklumat yang baru kerana maklumat diperolehi dari pihak yang lain (akhbar Duma) kerana tidak semua orang membaca berita dalam akhbar Duma tersebut. Maklumat ini mungkin sudah diketahui sekiranya pembaca berasal atau mempunyai kaitan dengan negara Bulgaria. Pada Petikan berita 2 pula, maklumat mengenai pembukaan semula sempadan Turkiye merupakan maklumat yang sedia diketahui atau sebagai tambahan kepada maklumat yang sedia ada. Hal ini kerana, melalui frasa ‘pembukaan semula’ kita dapat mengagak bahawa sebelum ini Turkiye pernah membuka sempadannya sebelum menutup serta membukanya kembali. Seperti petikan berita 1 dan 2 ini, kebanyakan ayat laporan di dalam kedua-dua laman berita menyediakan laporan dengan menganggap pembaca di luar sana tidak mempunyai maklumat mengenai perkara yang akan disampaikan. Jadi kebiasaannya disampaikan menggunakan jenis ayat penyata di peringkat permulaan (ابتدائي) tanpa unsur penegas. Namun terdapat juga laporan yang disampaikan menggunakan unsur penegas seperti petikan berita berikut:

وقالت الإدارة الأمريكية إنها سوف تستضيف عشرة آلاف لاجئ من سوريا على مدار العام المقبل.

Pentadbiran Amerika Syarikat menjelaskan bahawasanya ia **akan memberi perlindungan** 10,000 pelarian dari Syria **sepanjang tahun depan**.

(Sumber: BBC, 11 Disember 2015)

Petikan berita BBC ini menunjukkan usaha Amerika Syarikat untuk membantu pelarian memberikan solusi kepada Eropah. Namun begitu, perkara ini masih belum berlaku kerana frasa “akan” dan “tahun depan” menunjukkan perkara ini masih di dalam

perancangan bukannya tindakan yang telah diambil. Tetapi dengan adanya partikel penegasan (أداة التوكيد) bahawasanya /innahā/ (إنَّهَا) dan kata akan /saufa/ (سوف) memberi kesan yang lebih kuat berbanding ayat tanpa unsur penegasan.

Selain dua tujuan utama tadi, ayat jenis ini juga melibatkan tujuan-tujuan lain yang dikenali sebagai أَعْرَاضٌ بِلَاغِيَّةٍ tujuan balaghah seperti memohon belas kasihan, menzahirkan kelemahan, menunjukkan kekecewaan, memberi peringatan dan sebagainya. Contohnya:

<p>Petikan berita 3</p> <p>هناك عوائل تنام بالعرء بدون أن تحصل على أي مساعدة من أي جهة.</p> <p>Ada keluarga yang tidur di tempat terbuka tanpa mendapat bantuan daripada sesiapa. (Sumber: al-Jazeera, 17 Jun 2014)</p>
<p>Petikan berita 4</p> <p>وأظهرت مقاطع فيديو تلفزيونية مصورة أشخاصا بدا عليهم الإنهاك، وأغلبهم من النساء والأطفال، من الأكراد السوريين .</p> <p>Rakaman video menunjukkan orang yang kelihatan begitu letih, kebanyakan wanita dan kanak-kanak, dari kalangan puak Kurdish di Syria. (Sumber: BBC, 19 September 2014)</p>
<p>Petikan berita 5</p> <p>وقال المفوض السامي للأمم المتحدة لشؤون اللاجئين أنطونيو غوتيريس إن "الأزمة السورية أصبحت أكبر حالة طوارئ إنسانية في عصرنا الراهن"، واعتبر أنه وعلى الرغم من ذلك فإن العالم يخفق في تلبية احتياجات اللاجئين والدول المضيفة لهم.</p> <p>"Krisis Syria telah menjadi krisis kemanusiaan terbesar di zaman ini," kata Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hal Ehwal Pelarian, Antonio Guterres. Menurutnya lagi, namun begitu, dunia dan negara-negara tuan rumah gagal memenuhi keperluan pelarian. (Sumber: al-Jazeera, 29 Ogos 2014)</p>
<p>Petikan berita 6</p> <p>حذرت الأمم المتحدة من حدوث مأساة للاجئين في فصل الشتاء المقبل، وطالبت الاتحاد الأوروبي بتقديم المزيد من المساعدات ليونان، بينما أعلنت التشيك عن نشر قوات على الحدود مع النمسا لمنع دخول المهاجرين.</p> <p>Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi amaran mengenai kesengsaraan pelarian pada musim sejuk yang akan datang. Kesatuan Eropah menuntut lebih banyak</p>

bantuan diberikan kepada Greece. Sementara itu, Republik Czech telah mengumumkan penempatan pasukan tentera di sempadan Austria untuk menghalang kemasukan pendatang.

(Sumber: al-Jazeera, 10 Oktober 2015)

Pada petikan berita 3, laporan mengenai keluarga yang tidur di tempat terbuka dilihat bertujuan untuk menjelaskan situasi sebenar pelarian serta menarik belas kasihan orang ramai. Petikan berita 4 menonjolkan golongan wanita dan kanak-kanak yang bertujuan menzahirkan kelemahan golongan ini yang dilihat sebagai golongan yang lemah dan perlu terlebih dahulu dibantu. Petikan berita 5 menunjukkan kekecewaan Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hal Ehwal Pelarian, Antonio Guterres terhadap negara tuan rumah yang terlibat kerana dilihat gagal memberikan perlindungan yang sepatutnya kepada pelarian. Petikan berita 6 pula memperlihatkan amaran dan peringatan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Amaran ini dapat dilihat dengan jelas melalui penggunaan kata memberi amaran /*hazzara*/ (حذر).

5.2.1.2 Ayat Bukan Penyata Dalam Laporan Berita Al-Jazeera dan BBC

Selain ayat penyata, ayat bukan penyata (Bahagian 2.5.2) juga digunakan dalam laporan mengenai pelarian. Namun ayat bukan penyata yang digunakan hanya melibatkan ayat penyata berbentuk permintaan iaitu gaya bahasa pertanyaan (*الاستفهام*). Ayat bukan penyata bukanlah pilihan utama dalam laporan berita. Tetapi apabila digunakan, ayat ini mempunyai tujuan yang khusus. Ayat pertanyaan dalam kedua-dua laman berita wujud pada dua tempat utama iaitu tajuk laporan berita dan kata-kata yang disampaikan pelarian. Gaya bahasa pertanyaan dalam al-Jazeera seringkali dipaparkan melalui suara pelarian. Al-Jazeera dilihat banyak memetik kata-kata pelarian bagi menguatkan maklumat yang disampaikan mengenai kesusahan yang dialami. Hal ini dapat dilihat pada petikan berita berikut:

Petikan berita 7

"الكل يتهرب من توفير العلاج، ويتحجج بعدم الأولوية، أين نذهب ولمن نلجأ؟"

"Semua orang mengelakkan memberikan rawatan, dengan alasan tidak berkeperluan, ke mana kami hendak pergi dan kepada siapa kami meminta perlindungan?."

(Sumber: al-Jazeera, 06 Mei 2014)

Petikan berita 8

مع بداية الربيع العربي، بدأ علي يراقب التغيرات التي أنتجها هذا الربيع الذي لم يألفه أحد من قبل، ففي تونس ومصر أعطى علي مبررا للثورة بسبب القهر، ولكن عندما بدأت الثورة في سوريا تساءل لماذا الثورة؟

يختم علي قصته قائلا "أنهكني التشرد، لا أعلم إلى أين المسير؟ أمشي فقط مع عقارب الساعة لا أكثر، ولكنني لن أندم في حياتي على مشاركتي في الثورة السورية."

Dengan permulaan musim revolusi Arab, Ali mula menyaksikan perubahan-perubahan yang belum pernah dilihat sebelum ini. Dia faham revolusi di Tunisia dan Mesir berlaku disebabkan penindasan. Tetapi ketika revolusi bermula di Syria, dia tertanya-tanya kenapa revolusi ini berlaku?

Beliau mengakhiri kisahnya sambil berkata "Aku sudah letih dengan hidup merempat, aku tidak tahu ke mana lagi aku hendak pergi?, Aku hanya bergerak mengikut peredaran masa, tetapi aku tidak akan menyesal sepanjang hidup aku kerana penglibatan aku dalam revolusi Syria ini. "

(Sumber: al-Jazeera, 30 Mac 2014)

Petikan berita 9

ويتساءل لاجئ آخر "الجيش التركي يرفض دخولنا، والعودة غير ممكنة (...). النساء والأطفال ينامون هنا (في العراق) إلى أين نذهب؟".

"Tentera Turkiye enggan membiarkan kami masuk, pulang adalah tidak mungkin," kata seorang pelarian lain. "Wanita dan kanak-kanak tidur di sini (di tempat terbuka). Ke manakah kami hendak pergi?"

(Sumber: al-Jazeera, 17 Jun 2014)

Pada petikan berita 7 dilaporkan rintihan seorang pelarian Syria di Lubnan yang merupakan seorang ibu mengenai keadaan bayi 9 tahun miliknya, yang telah menghidap kanser limfoma selama lima bulan sejak mereka berpindah ke Lubnan. Namun pihak yang bertanggungjawab tidak memberi perhatian terhadap proses rawatan yang sepatutnya. Pertanyaan ini dibuat untuk menunjukkan kesengsaraan yang sedang dihadapi secara tidak langsung meraih simpati pihak luar. Di dalam Petikan berita 8

dipaparkan kisah pelarian Syria Ali, 25 tahun, yang mempunyai impian untuk melihat kebebasan dan ingin keluar dari kezaliman. Dia tidak pernah terfikir yang dia akan menghabiskan masa sebagai pelarian di Turkiye. Soalan pertama ditanya bertujuan untuk menunjukkan bahawa dia tidak percaya dengan revolusi yang melanda negaranya. Manakala soalan kedua dilontarkan untuk menunjukkan kesengsaraan yang dihadapi.

Petikan berita 9 pula melaporkan luahan pelarian Syria yang terkandas di sempadan Turkiye. Sempadan Turkiye menyaksikan peningkatan yang ketara dalam kemasukan pelarian Syria dari Halab dan sekitar bandar Aleppo di Syria, akibat pengeboman rejim Asad di kawasan tersebut. Soalan yang dilontarkan “ke mana kami hendak pergi?” Dilontarkan untuk menunjukkan kesengsaraan mereka akibat dihalang untuk masuk ke Turkiye, mereka terpaksa tidur di kawasan sempadan kerana dirasakan lebih selamat dari pulang ke tempat asal mereka.

Begitu juga dengan BBC, ayat pertanyaan digunakan untuk tujuan meraih simpati. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berita berikut:

Petikan berita 10

ويضيف زكية، الذي كان يعمل وسيطاً للعقارات، قائلاً "الحياة هنا آمنة، وكل شيء يسير على ما يرام. لكن علينا أن نشترى الطعام واللبن للأطفال. وعلينا أن ندفع أموالاً للحصول على رعاية صحية. كيف يكون بمقدوري أن أدفع الإيجار؟".

Zakiah, yang bekerja sebagai broker hartanah, menambah: "Kehidupan di sini selamat, semuanya berjalan lancar, tetapi kami perlu membeli makanan dan susu untuk anak-anak, dan kami perlu membayar wang untuk mendapatkan penjagaan kesihatan," "Bagaimana aku mampu untuk membayar sewa?"

(Sumber: BBC, 12 September 2015)

Petikan berita 11

هذا فيما قال الأمين العام للأمم المتحدة بان كي مون إن معاملة قوات الأمن المجرية للاجئين غير مقبولة. وأكد مون أن هؤلاء أشخاص يهربون من الحروب والاضطهاد، وينبغي معاملتهم برحمة وكرامة. ومع المأساة الكثيرة التي تسمع يومياً والقصص التي تروى يبقئ الناس في حيرة بين أمرين هل كانت حياة البعض أفضل في سوريا أم لم تكن؟ وهل تستحق هذه الرحلة مواجهة الموت؟

Setiausaha Agung PBB Ban Ki-moon mengatakan bahawa perlakuan pasukan keselamatan Hungari terhadap pelarian tidak dapat diterima. Mereka adalah golongan yang melarikan diri peperangan dan penganiayaan dan seharusnya diperlakukan dengan baik dan dihormati, katanya. Berikutan berita-berita kesengsaraan yang banyak didengari setiap hari dan cerita-cerita yang diceritakan, menjadikan orang ramai dalam kekeliruan antara dua perkara, Adakah mereka lebih baik hidup di Syria atau tidak? Adakah perjalanan menghadapi kematian ini sepatutnya untuk dibuat?

(Sumber: BBC, 18 September 2015)

Petikan berita 12

وسأل إردوغان "نحن نلتزم بتعهدنا، ولكن هل وقت أوروبا بعودها؟"، مشيراً إلى سفر الأتراك بدون تأشيرة إلى أوروبا.

"Kami komited terhadap komitmen kami, tetapi adakah Eropah telah memenuhi janji-janjinya?" Erdogan bertanya, merujuk kepada perjalanan visa percuma Turkiye ke Eropah.

(Sumber: BBC, 26 Julai 2016)

Petikan berita 10 memaparkan kesedihan seorang pelarian yang tinggal lebih 3 tahun di Jordan ke Turkiye kerana bantuan yang diberikan kepada mereka dihentikan. Dia mempersoalkan bagaimana dia perlu hidup bersama keluarga tanpa bantuan. Dia sangat memerlukan wang untuk perbelanjaan harian dan membayar sewa.

Pada petikan berita 11, soalan yang dipaparkan merujuk kepada soalan yang dilontarkan pemberita kepada pelarian yang mengambil keputusan untuk keluar dari Syria melalui jalan laut untuk melarikan diri ke Eropah seperti melalui sempadan Hungaria dan Serbia.

Pada petikan berita 12, soalan dari Presiden Turkiye Recep Tayyib Erdogan mempersoalkan kegagalan Kesatuan Eropah dengan perjanjian yang dibuat bersama. Di bawah perjanjian itu, Turkiye akan menerima semua pelarian dan pendatang, termasuk rakyat Syria yang memasuki Greece secara tidak sah atau yang ditolak permintaan suaka mereka. Perjanjian mengenai pelarian asing yang dibuat pada Mac 2016 bertujuan untuk membanteras penyeludupan manusia melalui pelayaran yang berisiko dari Aegen ke Greece iaitu permulaan perjalanan untuk ke utara Eropah. Sebagai balasan, Kesatuan Eropah berjanji akan memberikan bantuan kewangan kepada Ankara

dalam urusan pelarian dan kemudahan visa kepada rakyat Turkiye untuk masuk ke Eropah serta mengadakan perundingan penyertaan Turkiye ke dalam Kesatuan Eropah.

Selain itu terdapat beberapa tajuk berita BBC yang menggunakan gaya bahasa pertanyaan seperti berikut:

<p>Petikan berita 13</p> <p>من يتحمل مسؤولية الاعتداءات الجنسية في مخيمات اللاجئين؟</p> <p>Siapa yang akan bertanggungjawab untuk serangan seksual di kem-kem pelarian? (Sumber: BBC, 16 Ogos 2016)</p>
<p>Petikan berita 14</p> <p>هل تزداد معاناة اللاجئين السوريين مع تطبيق الاتفاق التركي – الأوروبي؟</p> <p>Adakah Penderitaan Pelarian Syria bakal bertambah melalui persepakatan yang akan dicapai antara Turkiye dan Eropah? (Sumber: BBC, 4 April 2016)</p>
<p>Petikan berita 15</p> <p>من يستمع إلى أصوات السوريين في بريطانيا؟ والشيء الهام هو كيف سيتمكن سلاح الجو الملكي البريطاني من التمييز بين المدنيين وتنظيم الدولة؟</p> <p>Siapa yang mendengar suara rakyat Syria di Britain? Perkara yang paling penting ialah bagaimana Royal Air Force (RAF) dapat membezakan antara orang awam dan militan Daesh? (Sumber: BBC, 11 Disember 2015)</p>
<p>Petikan berita 16</p> <p>إنه طريق طويل أمام اللاجئين السوري القادم إلى الولايات المتحدة، فمن أين يبدأ؟</p> <p>Perjalanan yang panjang menanti pelarian Syria yang datang ke Amerika. Dari mana mereka bermula? (Sumber: BBC, 18 November 2015)</p>

Berita yang bertajuk “Siapa Yang Bertanggungjawab Terhadap Gangguan Seksual Di Kem Pelarian?” pada Petikan berita 13 memaparkan berita mengenai pelarian wanita dan kanak-kanak yang berisiko tinggi terdedah kepada gangguan seksual sehinggakan mereka takut untuk menggunakan tandas pada waktu malam. Tajuk laporan dibuat bagi menarik perhatian pembaca mengenai laporan yang disampaikan secara tidak langsung memberitahu pembaca mengenai kesusahan pelarian. Kem pelarian yang sepatutnya menjadi tempat perlindungan menjadi tempat untuk ancaman bahaya yang lain. Jadi, laporan ini cuba memberitahu, pelarian masih tidak selamat walaupun sudah keluar dari

negara peperangan. Gaya bahasa soalan ini tidak bertujuan mendapatkan jawapan, namun lebih kepada memberi peringatan, seruan dan amaran agar pihak yang bertanggungjawab memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini.

Tajuk laporan berita “Adakah Penderitaan Pelarian Syria Akan Bertambah Melalui Persepakatan Yang Dicapai Antara Turkiye Dan Eropah?” pada Petikan berita 14 mempersoalkan apakah perjanjian pelarian Turkiye-Eropah seperti yang dibincangkan pada Petikan berita 12 sebelum ini, memberikan peluang yang lebih baik atau sebaliknya. Dalam laporan yang diberikan, tidak ada jawapan yang khusus diberikan. Namun laporan ini memetik beberapa individu dan organisasi penting yang mengkritik perjanjian yang dibuat. Amnesty antarabangsa umpamanya, menuduh Turkiye menghantar kembali rakyat Syria ke Syria. Namun Turkiye menafikan tuduhan tersebut. Hal ini dikuatkan dengan luahan seorang pelarian kepada BBC mengatakan perkara ini setakat ini tidak melibatkan pengusiran rakyat Syria. Diikuti oleh pandangan para pemerhati yang berpendapat, perjanjian yang dibuat tidak akan menghentikan migrasi haram, namun mungkin akan mengubah destinasi pelarian dan pendatang menuju Eropah tidak lagi melalui Greece tetapi melalui negara lain seperti Itali. Jadi gaya bahasa soalan digunakan pada tajuk laporan ini bertujuan untuk menarik minat pembaca agar memahami perkara sebenar yang berlaku selepas perjanjian yang dibuat. Laporan ini meninggalkan pembaca untuk menilai sendiri situasi yang sedang berlaku terhadap pelarian.

Laporan berita pada Petikan berita 15 yang bertajuk “Siapa Yang Mendengar Suara Rakyat Syria Di Britain?” melaporkan kemarahan pelarian Syria yang tinggal di Britain atas keputusan Britain menyertai kempen pengeboman yang diketuai Amerika Syarikat bertujuan untuk menyerang kumpulan Negara Islam (IS). Mereka mempersoalkan bagaimana pesawat Tentera Diraja Britain (RAF) dapat membezakan

orang awam dengan kumpulan IS. Hal ini kerana kumpulan ini berpakaian seperti orang awam dan tinggal bersama-sama mereka. Mereka juga memberi amaran kepada kerajaan Britain agar mendengar sendiri masalah yang dihadapi Syria melalui rakyatnya sendiri bukan membuat keputusan yang terburu-buru dengan mendengar cerita dari pihak luar. Gaya bahasa soalan ini bertujuan menyeru Britain untuk tidak meneruskan keputusan untuk melakukan pengeboman di Syria.

Pada Petikan berita 16, tajuk laporan “Bagaimana Pelarian Syria Sampai Ke Amerika Syarikat?” yang dilontarkan merupakan soalan yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca mengenai langkah-langkah yang perlu dilalui oleh seorang pelarian yang datang ke Britain. Langkah-langkah ini diambil berikutan serangan Paris yang mengorbankan 129 orang dan berita mengenai kemungkinan salah seorang penyerang memasuki Eropah sebagai pelarian telah merebak hingga ke Amerika. Gaya bahasa soalan ini bertujuan menjawab soalan yang dilontarkan dan memberi maklumat mengenai perkara ini.

5.2.1.3 Pendepanan dan Pengakhiran (التقديم والتأخير) Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC

Gaya pendepanan dan pengakhiran dapat dilihat dalam kedua-dua laman berita. Gaya bahasa ini dapat dilihat kepada struktur laporan berita itu sendiri. Penggunaan ayat namaan (الجملة الاسمية) pada topik berita diubah menjadi ayat kerjaan (الجملة الفعلية) pada ayat pendahuluan berita. Sebagai contoh:

Petikan berita 17

"ليبيا الثورة" تحتضن اللاجئين السوريين

تستقبل ليبيا آلاف العائلات السورية اللاجئة من بطش النظام السوري، ويعامل هؤلاء اللاجئين كاليبيين في الالتحاق بالمدارس والعلاج في المؤسسات الحكومية، كما تقدم ليبيا الثورة مساعدات إغاثية للسوريين.

“Libya Berevolusi” Melindungi Pelarian Syria

Libya menerima ribuan keluarga Syria yang melarikan diri dari kezaliman sistem pemerintahan Syria. Rakyat Syria dilayan seperti orang Libya kerana boleh mendaftar

<p>di sekolah awam dan menerima rawatan di institusi kesihatan kerajaan. (Sumber: Al-Jazeera, 26 Februari 2014)</p>
<p>Petikan berita 18 أعدت تركيا فتح حدودها أمام السوريين اللاجئين الفارين من القتال بين وحدات حماية الشعب الكردية ومسلحي تنظيم الدولة الإسلامية عند مدينة تل أبيب. Turkiye telah membuka semula sempadannya kepada rakyat Syria (yang merupakan pelarian) yang melarikan diri dari peperangan antara kawasan Unit Perlindungan Penduduk Kurdistan dengan Daesh di bandar Tell Abyad (utara Syria). (Sumber: BBC, 15 Jun 2015)</p>

Petikan berita 17 memaparkan topik berita dalam bentuk ayat namaan. Penggunaan frasa "ليبيا الثورة" menunjukkan perkataan revolusi */al-thaurat/ (الثورة)* terletak selepas perkataan negara Libya seolah-olah menjadi kata adjektif kepada negara Libya. Terjemahan yang sesuai ialah Libya berevolusi. Hal ini berbeza dengan frasa revolusi Libya "ثورة ليبيا". Laporan berita ini memaparkan bagaimana rakyat Libya menggembeng tenaga untuk membantu rakyat Syria yang terjejas dengan peperangan yang berlaku. Kesungguhan ini dilihat perkara yang luar biasa kerana Libya juga baru sahaja selesai dari revolusi yang berlaku di negara mereka. Libya berevolusi ini menunjukkan rakyat Libya sangat memahami situasi rakyat Syria yang mengalami nasib yang sama dengan mereka sebelum ini dan sedaya upaya memberikan bantuan.

Dalam laporan berita sebelum ini, kita dapat melihat kekerapan penggunaan perkataan pelarian Syria */al-lāji 'in al-sūriyyin/ (اللاجئين السوريين)* digunakan. Namun begitu, dalam petikan berita 18, perkataan rakyat Syria didahulukan dari kata pelarian menjadikan */al-sūriyyin al-lāji 'in/ (السوريين اللاجئين)*. Dalam konteks laporan ini, rakyat Syria difokuskan bukan rakyat negara lain. Hal ini kerana mereka sudah lama terkandas di sempadan Turkiye disebabkan peperangan di antara puak Kurdish dan ISIS. Mereka hanya dibenarkan menyeberangi Turkiye selepas sempadan dibuka. Turkiye sebelum ini menutup sempadannya kepada pelarian Syria. Namun, telah mengambil inisiatif membuka kembali sempadan atas dasar kemanusiaan. Gaya bahasa ini menunjukkan rakyat Syria yang merupakan pelarian perlu dibantu.

5.2.1.4 Kata Nama Ma'rifat dan Kata Nama Nakirat (التعريف والتكبير) Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC

Kata Nama Ma'rifat dan Kata Nama Nakirat dapat dilihat kepada penggunaan kata pelarian itu sendiri. Kebanyakan kata pelarian (الألاجي) hadir dalam bentuk kata nama khas menggunakan kata ganti nama seperti mereka هم, kata nama *ma'rifah* menerusi partikel *al* (المعرفة بأل) dan kata nama khas menggunakan nama perseorangan. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan berita berikut:

<p>Petikan berita 19</p> <p>إن أكثر من نصف أولئك اللاجئين والنازحين هم من الأطفال.</p> <p>Lebih dari separuh daripada pelarian itu terdiri daripada kanak-kanak.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 29 Ogos 2014)</p>
<p>Petikan berita 20</p> <p>وقالت مجموعة من المنظمات الإغاثية إنها انتهت من عملية نقل مساعدات إنسانية تكفي لمدة شهر من الغذاء والمواد الصحية لصالح أولئك اللاجئين.</p> <p>Sebuah organisasai bantuan menjelaskan, ia telah selesai melakukan operasi bantuan kemanusiaan melibatkan bantuan makanan dan peralatan perubatan untuk kegunaan golongan pelarian bagi tempoh sebulan.</p> <p>(Sumber: BBC,05 Ogos 2016)</p>

Hampir semua perkataan yang merujuk pelarian Syria menggunakan kata nama *ma'rifah* (Bahagian 3.4.3) dalam laporan berita. Pada petikan berita 19 dan 20, kata tunjuk itu أولئك untuk ramai digunakan sebelum kata pelarian. Penggunaan kata tunjuk sebelum kata nama *ma'rifah* menerusi partikel *al* (المعرفة بأل) menunjukkan maksud mengkhususkan golongan pelarian yang telah disebut dalam laporan yang dikeluarkan. Pada petikan berita 19, golongan pelarian yang dimaksudkan merujuk kepada pelarian yang disebut di dalam laporan yang dikeluarkan UNHCR. Manakala golongan pelarian pada petikan berita 20 dikhususkan kepada pelarian yang terkandas di sempadan Syria

dan Jordan. Tumpuan khusus yang diberikan kepada golongan pelarian menggunakan gaya bahasa ini sebagai penghormatan (*التعظيم*).

5.2.1.5 Pengkhususan (*القصر*) Dalam Laporan Al-Jazeera dan BBC

Al- Jazeera dan BBC juga menggunakan gaya bahasa pengkhususan (*القصر*). Gaya bahasa (Bahagian 3.4.4) ini dapat dilihat di dalam petikan berita berikut:

<p>Petikan berita 23</p> <p>أن الأزمة التي يشكها ملايين اللاجئين السوريين الذين يتوافدون على الدول المجاورة- بدأت تصير كارثة إنسانية وسياسية لا يمكن تخفيف حدتها إلا إذا فتحت أوروبا أبوابها لهم.</p> <p>Krisis yang terjadi akibat pergerakan jutaan pelarian Syria ke negara sempadan telah menjadi bencana kemanusiaan dan politik yang tidak dapat dikawal kecuali Eropah membenarkan pelarian masuk.</p> <p>(Sumber: al-Jazeera, 14 Januari 2014)</p>
<p>Petikan berita 25</p> <p>وكانت تركيا تمنع دخول اللاجئين السوريين إلى أراضيها قائلة إنها لن تسمح بدخولهم إلا في حال حدوث مأساة إنسانية.</p> <p>Turkiye sebelum ini menghalang kemasukan masuk pelarian Syria ke negaranya dengan menyatakan bahawa Turkiye tidak akan membenarkan pelarian masuk kecuali dalam situasi yang melibatkan bencana kemanusiaan.</p> <p>(Sumber: BBC, 15 Jun 2015)</p>

Petikan berita 24 dan 25 memaparkan penggunaan gaya bahasa *al-qasr* menggunakan partikel *al-istithnā'* (*إلا*) yang membawa maksud kecuali. Petikan berita 24 memaparkan krisis pelarian yang semakin kritikal dan tidak dapat dikawal. Seruan agar Eropah membuka pintu sempadan merupakan satu-satunya pilihan yang ada bagi mengawal krisis ini. Begitu juga dalam petikan berita 25 yang menjelaskan tindakan yang diambil Turkiye terhadap krisis yang berlaku. Turkiye tidak akan membenarkan pelarian masuk. Perkara ini tidak terpakai sekiranya krisis pelarian bertukar menjadi bencana kemanusiaan yang teruk. Penggunaan gaya bahasa seperti ini memberi kesan yang lebih kuat kepada pembaca berbanding ayat biasa.

5.3 Gabungan Wacana dan Gaya Wacana Dalam Laporan Berita al-Jazeera dan BBC

Analisis yang dibuat terhadap laporan berita dalam kedua-dua laman berita memaparkan beberapa jenis gabungan wacana dan gaya yang digunakan dalam laporan berita. Wacana dan gaya yang terlibat melibatkan laporan statistik (Petikan berita 26 dan 27), wacana laporan agensi antarabangsa (Petikan berita 28), wacana berita (Petikan berita 29), wacana kajian (Petikan berita 30), wacana rasmi (Petikan berita 31). Perkara ini dapat dilihat dalam ayat berikut:

Petikan berita 26

يُشار إلى أن إحصائية لوزارة الداخلية الألمانية قد ذكرت أن 1734 لاجئا سوريا قد وصلوا البلاد في يناير/ كانون الثاني الماضي، وأن السوريين احتلوا المرتبة الثانية بين 14.463 شخصا من بلدان مختلفة تقدموا بطلبات لجوء لألمانيا في نفس الشهر .

(Sumber: al-Jazeera, 04 Mac 2014)

Statistik Kementerian Dalam Negeri Jerman melaporkan bahawa 1734 pelarian Syria tiba di negara itu pada bulan Januari. Warga Syria berada di tempat kedua di antara 14,463 orang dari pelarian yang datang dari negara-negara yang berlainan yang memohon suaka di Jerman pada bulan yang sama.

Petikan berita 27

وتشير إحصاءات المفوضية العليا لشؤون اللاجئين التابعة للأمم المتحدة إلى أن عدد السوريين الذي اضطرتهم الأزمة للنزوح في الداخل واللجوء الى الخارج بلغ ستة ملايين من بينهم 2.5 مليون خارج البلاد. وبلغ نصيب مصر من اللاجئين السوريين 320 ألفا منذ بدء الصراع بحسب تقديرات وزارة الخارجية المصرية.

(Sumber: BBC, 19 Mac 2014)

Statistik Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian (UNHCR) melaporkan jumlah warga Syria yang terpaksa melarikan diri di

negara ini dan di luar negara telah mencapai enam juta, termasuk 2.5 juta di luar negara. Jumlah pelarian Syria di Mesir telah mencapai 320,000 sejak permulaan konflik itu, menurut anggaran Kementerian Luar Mesir.

Petikan berita 28

قال تقرير أصدرته المفوضية العليا لشؤون اللاجئين التابعة للأمم المتحدة إن عدد اللاجئين السوريين الفارين من بلادهم إلى لبنان -والذين يتلقون المساعدة من المفوضية وشركائها- ارتفع إلى أكثر من 915 ألف شخص.

(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)

Jumlah pelarian Syria yang melarikan diri dari negara mereka ke Lubnan – yang dibantu oleh UNHCR dan organisasinya - telah meningkat kepada lebih daripada 915,000 orang menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Pelarian (UNHCR).

Petikan berita 29

ذي غارديان: محادثات جنيف قد تستمر لأشهر أو سنوات، والأسد سيستمر في ترويع المواطنين السوريين بينما العالم يغسل يديه من الأزمة السورية المتفاقمة عن طريق مفاوضات لا تخفف شيئاً من معاناة الشعب السوري الكارثية"

The Guardian: Pembicaraan Geneva mungkin bertahan selama berbulan-bulan atau tahun. Namun, Asad akan terus melakukan keganasan terhadap rakyat Syria. Manakala dunia sedang menjauhkan diri dari krisis Syria yang semakin buruk melalui rundingan yang tidak meringankan penderitaan golongan Syria"

Petikan berita 30

وذكرت الدراسة أن 99% من اللاجئين العاملين دخلوا إلى قطاع العمل غير المنظم لسهولة ذلك عليهم، حيث يعمل 40% منهم في قطاع البناء و23% في قطاعات التجزئة والتجارة الحرة والمطاعم، وهذا يعني أن التنافس مع الأردنيين اقتصر على الأعمال التي لا تحتاج إلى مهارات عالية.

(Sumber: al-Jazeera, 30 Mei 2015)

Menurut kajian, 99% pelarian bekerja memasuki sektor buruh yang tidak bersistem untuk kemudahan mereka. Manakala 40% bekerja di sektor pembinaan dan 23% di sektor runcit, perdagangan bebas dan restoran. Ini bermakna persaingan dengan warga Jordan adalah terhad kepada kerja yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi.

Petikan berita 31

من جانبه نفى المتحدث باسم وزارة الخارجية المصرية، أن تكون مصر أساءت معاملة اللاجئين السوريين وشنت حملات لاعتقالهم.


وأضاف في بيان رسمي، أنه يعيش في مصر أكثر من 300 ألف لاجئ سوري وتتم معاملتهم بشكل كريم كأشقاء عرب ويحظون بنفس معاملة المصريين خاصة في ما يتعلق بالحصول على الخدمات الصحية والتعليمية.

(Sumber: Al-Jazeera, 03 Januari 2014)

Bagi pihaknya, jurucakap Kementerian Luar Mesir menafikan bahawa Mesir memberikan layanan yang buruk terhadap pelarian Syria dan melancarkan kempen untuk menangkap mereka.

Beliau berkata dalam sebuah kenyataan rasmi bahawa lebih 300 000 pelarian Syria tinggal di Mesir. Mereka diberi layanan yang mulia sebagai bangsa Arab dan menerima layan sama seperti warga Mesir terutamanya yang berkaitan dengan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan.

Berdasarkan contoh di atas kita dapat simpulkan jenis-jenis wacana yang terlibat dalam proses penghasilan wacana laporan berita. Hal ini dapat diringkaskan seperti dalam rajah 5.2.



Rajah 5.2: Jenis-jenis Wacana dalam Laporan Berita AJA dan BBKA

Selain gabungan pelbagai wacana, terdapat juga penggunaan pelbagai gaya dalam penyampaian laporan berita. Antaranya gaya *storytelling*, menggunakan bahasa pertuturan, menggunakan bahasa mengajak, menyeru dan memberi amaran. Kepelbagaian gaya yang digunakan dapat membantu pembaca untuk mudah menerima dan memahami mesej di sebalik laporan berita yang ingin disampaikan. Menurut Che Radiah et. al (2019), bentuk penulisan akhbar adalah mengikut jenis wacana yang dipilih melibatkan wacana pendedahan (*expository*), wacana penerangan (*descriptive*), wacana penceritaan (*narrative*), wacana pemujukan (*persuasive*) dan wacana penghujahan (*argumentative*).

Petikan berita 32

في شقة مؤجرة في حي فقير بالعاصمة الأردنية عمان، حان وقت اللعب لونا، وهي ابنة لأسرة من اللاجئين السوريين.

تجلس هذه الطفلة ذات الملامح البريئة على الأرض وتلهو باصطناع الانهماك في طهو طعام العشاء. وهي من نفس سن الطفل السوري آلان كوردي الذي غرق في البحر قبل أن تلفظ الأمواج جثمانه إلى شاطئ في تركيا.

Di sebuah pangsapuri yang disewa di kawasan kejiranan Amman, Jordan, sudah tiba masa untuk bermain buat Rana, anak perempuan dari keluarga pelarian Syria. Gadis

yang memiliki wajah yang tenang ini duduk di atas lantai dengan khusyuk bermain masak-masak untuk makan malam. Dia seusia dengan kanak-kanak Syria, Alan Kurdi, yang tenggelam di laut sebelum ombak mendamparkan tubuhnya ke pantai di Turkiye.
(Sumber: BBC, 12 September 2015)

Petikan berita 33

عام 2009 وقبل اندلاع الثورة السورية بعامين لفت نظر الشاب حذيفة زوجين من الأحذية في أحد مراكز التسوق.

كان الحذاء معروضا في محل يحمل اسم ماركة "زارا" العالمية الباهظة الأسعار بالنسبة للغالبية العظمى من السوريين.

كان حذيفة يعمل مديرا إقليميا للمبيعات في شركة الهاتف الخليوي السورية "سيرياتيل" وكان يرى أنه من الضروري أن يكون أنيق المظهر بشكل يتناسب مع مركزه الوظيفي. فاشترى الحذاء وأخذه إلى المنزل.

Pada tahun 2009, dua tahun sebelum revolusi Syria, lelaki muda itu tertarik dengan sepasang kasut di sebuah pusat membeli-belah.

Kasut itu dipaparkan di sebuah kedai yang berjenama "Zara", sebuah jenama antarabangsa yang mahal untuk majoriti rakyat Syria.

Hudhayfah adalah pengurus jualan serantau untuk "Syria tel" syarikat telefon bimbit Syria. Dia merasakan perlu untuk tampil bergaya dengan penampilan yang sesuai dengan kerjayanya. Dia membeli kasut dan membawanya ke rumah.

(Sumber: BBC, 30 Mac 2015)

Petikan berita 34

وقال المفوض السامي للأمم المتحدة لشؤون اللاجئين أنطونيو غوتيريس إن "الأزمة السورية أصبحت أكبر حالة طوارئ إنسانية في عصرنا الراهن"، واعتبر أنه وعلى الرغم من ذلك فإن العالم يخفق في تلبية احتياجات اللاجئين والدول المضيفة لهم.

"Krisis Syria telah menjadi krisis kemanusiaan terbesar di zaman ini," kata Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hal Ehwal Pelarian, Antonio Guterres. Menurutnya lagi, namun begitu, dunia dan negara-negara tuan rumah gagal memenuhi keperluan pelarian.

(Sumber: al-Jazeera, 29 Ogos 2014)

Petikan berita 35

من جانبه دعا مجلس التعاون الخليجي المجتمع الدولي إلى تحمل مسؤولياته كاملة إزاء اللاجئين السوريين وتقديم كل المساعدات لهم في أماكن لجوئهم.

Bercakap bagi pihaknya, Majlis Kerjasama Negara Teluk menyeru komuniti antarabangsa untuk menjalankan tanggungjawab penuh terhadap pelarian Syria dan memberikan segala bentuk bantuan kepada mereka di tempat perlindungan mereka.

(Sumber: al-Jazeera, 28 September 2015)

Petikan berita 36

طالبت دول مجاورة لسوريا المجتمع الدولي بمزيد من الدعم لمواجهة أعباء الأعداد المتزايدة من اللاجئين الفارين من الحرب الدائرة في سوريا منذ أزيد من ثلاث سنوات، في حين أعلنت ألمانيا تخصيص نصف مليار يورو لدعم اللاجئين السوريين.

Negara-negara jiran meminta masyarakat antarabangsa untuk memberikan banyak sokongan untuk menangani beban pelarian yang melarikan diri dari perang di Syria lebih 3 tahun lalu. Sementara itu, Jerman telah mengumumkan untuk memperuntukkan setengah bilion Euro untuk menyokong pelarian Syria.

(Sumber: al-Jazeera, 28 Oktober 2014)

Petikan berita 37

حذرت الأمم المتحدة من حدوث مأساة للاجئين في فصل الشتاء المقبل، وطالبت الاتحاد الأوروبي بتقديم المزيد من المساعدات لليونان، بينما أعلنت التشيك عن نشر قوات على الحدود مع النمسا لمنع دخول المهاجرين.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memberi amaran mengenai kesengsaraan pelarian pada musim sejuk yang akan datang. Kesatuan Eropah menuntut lebih banyak bantuan diberikan kepada Greece. Sementara itu, Republik Czech telah mengumumkan penempatan pasukan tentera di sempadan Austria untuk menghalang kemasukan pendatang.

(Sumber: al-Jazeera, 10 Oktober 2015)

Berdasarkan petikan berita berikut, pelbagai gaya dan bentuk wacana yang digunakan.

Seperti gaya *storytelling* pada Petikan berita 32 & 33. Gaya *storytelling* ini dilihat bertujuan membawa pembaca untuk menyelami perasaan dan pengalaman yang pernah dialami oleh pelarian.

Petikan berita 32 memaparkan kisah keluarga Rana yang merupakan anak kepada pelarian Syria yang tinggal di Jordan. Keluarganya terpaksa mengambil keputusan untuk berpindah dari Jordan melalui laut yang disifatkan mereka sebagai “pintu maut” berikutan sekatan bantuan terhadap mereka. Rana dikatakan akan

mengalami nasib yang sama seperti nasib Alan Kurdi yang pernah menggemparkan dunia melalui gambarnya yang terdampar di tepi laut Turkiye bapanya dalam perancangan untuk ke Turkiye.

Petikan berita 33 pula memaparkan kisah seorang penduduk Syria yang telah berpindah ke Holand. Cerita ini memaparkan perjalanan hidup yang dilalui Huzaifah sejak kecil sebelum berakhir sebagai seorang pelarian di Holand. Cerita perjalanannya telah bermula dengan tindakan ibunya yang telah melarikan diri dari Syria sejak awal krisis Syria pada tahun 1979 di zaman Hafiz al-Asad. Perjalanan ini melibatkan negara Jordan, Emiriah Arab Bersatu (UAE), dan berakhir di Britian. Huzaifah yang mengikut ibunya sejak awal, mengambil keputusan untuk kembali ke Syria pada tahun 1997 kerana ingin menyambung pelajaran di sana akibat masalah kewangan yang perlu ditanggung keluarganya ketika berada di UAE. Perkara utama yang dipaparkan di dalam cerita ini ialah mengenai sepasang kasut yang telah dibeli Huzaifah dan ingin memakainya ketika bertemu dengan ibunya. Hasratnya tercapai kerana berjaya pergi ke Britain untuk bertemu dengan ibunya pada tahun 2014. Melalui kisah ini, pewacana cuba memaparkan kepentingan sepasang kasut kepada seorang pelarian. Hal ini dilihat sebagai cara menarik perhatian dan belas kasihan pembaca terhadap situasi yang dialami seorang pelarian sebelum bergelar seorang pelarian.

Laporan pada petikan berita 34 dan petikan berita 37 secara kasarnya membawa maksud memberi amaran. Manakala petikan berita 35 membawa maksud mengajak dan menyeru, diikuti bahasa menuntut pada petikan berita 36. Kepelbagaian penyampaian wacana ini bertepatan dengan autoriti organisasi terlibat yang mempunyai kuasa dan berupaya mengajak, menyeru, menuntut dan memberi amaran. Laporan berita membolehkan pemindahan maklumat daripada pewacana sampai kepada pembaca melalui pelbagai cara dan disampaikan melalui pelbagai pihak dan organisasi.

5.3 Kesimpulan

Bab ini telah menganalisis dua aspek utama dalam peringkat kedua analisis iaitu amalan wacana yang melibatkan unsur intertekstualiti dan interdiskursiviti. Analisis pada Bahagian 5.1 dan 5.2 membantu untuk menjawab soalan kajian 2 (Bahagian 1.4). Soalan kajian 2 melibatkan ‘apakah aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti yang menyumbang kepada representasi pelarian Syria?’.

Aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti memainkan peranan penting dalam proses penghasilan teks. Bagi aspek intertekstualiti, petikan suara pelarian merupakan suara utama yang sering dirujuk kerana banyak ruang diberikan dalam laporan berita. Al-Jazeera dilihat lebih beremosi ketika melaporkan suara pelarian. Selain itu, sumber organisasi antarabangsa seperti UNCHR, Kesatuan Eropah serta sumber media luar juga dirujuk bagi tujuan tertentu. Kesemua sumber-sumber ini digunakan bagi memperlihatkan pelarian mangsa yang memerlukan bantuan yang berterusan.

Manakala aspek interdiskursiviti pula memperlihatkan gabungan beberapa jenis wacana dalam proses penghasilan teks wacana berita. Wacana yang sering dirujuk merupakan laporan statistik di samping laporan agensi antarabangsa dan kenyataan rasmi sesebuah negara. Penggunaan wacana-wacana ini dan pelbagai gaya penyampaian digunakan bagi menyokong maklumat berita yang disampaikan di samping membina hubungan yang baik antara pembaca dan wacana agar pembaca mudah untuk menerima setiap laporan yang disampaikan antaranya dengan melihat pelarian sebagai mangsa dan perlu diberikan bantuan yang berterusan.

Fairclough (1995a) menjelaskan beberapa cara yang telah digunakan media untuk menarik perhatian pembaca. Antaranya menggunakan ayat soalan secara langsung (*direct question*), unsur metafora dan melalui pemilihan genre seperti ayat berbentuk naratif dan penceritaan.

BAB 6 AMALAN SOSIAL

6.0 Pendahuluan

Bab ini akan menjawab soalan kajian ketiga yang bertujuan melihat bagaimanakah amalan sosial mempengaruhi cara representasi pelarian Syria dalam kedua-dua akhbar? Analisis ini akan tertumpu kepada analisis makrostruktur. Makrostruktur adalah berkaitan struktur makna global atau inti pati isi atau maklumat wacana (Idris Aman, 2014: 43). Analisis bahagian ini akan melihat makna sebenar di sebalik pemilihan perkataan, penggunaan gaya bahasa dan amalan wacana yang digunakan dalam kedua-dua laman berita. Perkara ini akan menentukan adakah berita yang disampaikan oleh kedua-dua laman berita dikategorikan sebagai positif, negatif atau neutral.

Sesuatu teks berita dikategorikan sebagai positif sekiranya ia menyokong *human rights* (hak asasi manusia) dan *equality* (hak sama rata). Teks berita dikategorikan sebagai negatif sekiranya tidak menyokong hak asasi dan menyumbang kepada ketidakadilan sosial (Van Dijk, 2009: 62; Wodak dan Meyer, 2009:1–2). Teks ini dikategorikan sebagai neutral sekiranya tiada kenyataan dan argumentasi yang jelas menunjukkan unsur positif atau negatif (Burroughs, 2015:169). Perkara ini dapat dilihat secara umum di dalam topik berita kedua-dua laman berita seperti di bawah:

Jadual 6.1: Kategori Topik Berita al-Jazeera

Bil	Tajuk	Kategori
1	حملات أمنية تلاحق اللاجئين السوريين بمصر Kempen Keselamatan Menjejaki Pelarian Syria di Mesir, 03/01/2014	Negatif
2	دعوة لاستقبال اللاجئين السوريين بأوروبا Seruan Penerimaan Pelarian Syria Di Eropah, 05/01/2014	Positif
3	أزمة اللاجئين السوريين أكبر كارثة إنسانية	Neutral

	Krisis Pelarian Syria Bencana Kemanusiaan Terbesar, 14/01/2014	
4	الأسد يروّع الشعب ومعاونة اللاجئين تتفاقم Al-Asad Menggugut Rakyat Syria, Kesengsaraan Pelarian Bertambah Teruk, 29/01/2014	Neutral
5	اللاجئون السوريون بأربيل بين الحاجة والاستغلال Pelarian Di Arbil Antara Keperluan Dan Diskriminasi, 09/02/2014	Positif
6	مفوضية اللاجئين: نساعد 915 ألف سوري بلبنان UNHCR: Kami Sedang Membantu 915 Ribu Pelarian Syria Di Lubnan, 11/02/2014	Positif
7	استمرار نزوح اللاجئين وقصف عنيف لمدن سورية Penghijrahan pelarian Dan Serangan Ganas Di Bandar-Bandar Syria Berterusan, 17/02/2014	Neutral
8	تنبيه حقوقي أوروبي لمأساة اللاجئين الفلسطينيين والسوريين Peringatan Mengenai Tanggungjawab Eropah Terhadap Kesengsaraan Pelarian Palestin Dan Syria, 19/02/2014	Positif
9	عالقون سوريون يدعون الأردن لإيوائهم Penduduk Syria Yang Terkandas Menyeru Perlindungan Jordan, 24/02/2014	Neutral
10	ليبيا الثورة " تحتضن اللاجئين السوريين" "Revolusi Libya" Melindungi Pelarian Syria, 26/02/2014	Positif
11	مطالبة بتيسير استقدام اللاجئين السوريين لألمانيا Tuntutan Memudahkan Kedatangan Pelarian Syria Ke Jerman, 04/03/2014	Positif
12	في ثلاث سنوات سورية.. تقديس فتوة فلعجوة Syria Sepanjang Tiga Tahun....Pembasmian, Revolusi, Pelarian, 30/03/2014	Neutral
13	وفاة لاجئ سوري بعد اشتباكات مع الدرك الأردني Kematian Seorang Pelarian Syria Selepas Perbalahan Bersama Pegawai Polis Jordan, 06/04/2014	Neutral
14	حملة أوروبية لمساعدة اللاجئين السوريين Kempen Eropah Untuk Membantu Pelarian Syria, 15/04/2014	Positif

15	<p>اللاجئون السوريون ببريطانيا يأملون بتسهيلات أكثر</p> <p>Pelarian Syria Di Britain Mengharapkan Lebih Banyak Kemudahan, 19/04/2014</p>	Neutral
16	<p>مؤتمر وزاري بالزعتري يناقش أوضاع اللاجئين السوريين</p> <p>Persidangan Menteri Di Za'tari Membincangkan Situasi Pelarian Syria, 04/05/2014</p>	Positif
17	<p>أمراض الموت تهدد اللاجئين السوريين بلبنان</p> <p>Penyakit Maut Mengancam Pelarian Syria di Lubnan, 06/05/2014</p>	Neutral
18	<p>سوريون يلجؤون إلى مخيمات الفلسطينيين بالأردن</p> <p>Rakyat Syria Berlindung Di Khemah Pelarian Palestin Di Jordan, 12/05/2014</p>	Positif
19	<p>فنلندا تتأهب لإيواء 500 لاجئ سوري جديد</p> <p>Finland Bersedia Untuk Melindungi 500 Pelarian Baharu Syria, 19/05/2014</p>	Positif
20	<p>سوريون قلقون من حرمانهم صفة اللجوء</p> <p>Rakyat Syria Risau Tidak Diberi Status Pelarian, 06/06/2014</p>	Neutral
21	<p>لاجئون سوريون ينامون بالعراء على الحدود مع تركيا</p> <p>Pelarian Syria Tidur Di Atas Tanah Yang Tdanus Dan Gersang Di Sempadan Syria Turkiye, 17/06/2014</p>	Positif
22	<p>مبادرة لتسوية أوضاع لاجئ سوريا بالمغرب</p> <p>Maghribi Segera Mencari Penyelesaian Pelarian Syria Di Maghribi, 28/06/2014</p>	Positif
23	<p>السوريون بعرسال.. مهجرون حتى من مخيمات اللجوء</p> <p>Rakyat Syria di Aرسال.....Menjadi pelarian di kem Pelarian, 15/08/2014</p>	Neutral
24	<p>عدد لاجئي سوريا يتجاوز ثلاثة ملايين</p> <p>Jumlah Pelarian Syria Melebihi Tiga Juta, 29/08/2014</p>	Neutral
25	<p>موجة نزوح بعد تقدم تنظيم الدولة بشمال سوريا</p> <p>Berlaku Gelombang Pergerakan Pelarian Selepas Tentera Rejim Menguasai Utara Syria, 19/09/2014</p>	Neutral
26	<p>ستون ألف لاجئ يصلون تركيا فرارا من شمال سوريا</p> <p>60,000 Pelarian Sampai Ke Turkiye Melarikan Diri Dari Kawasan Utara</p>	Neutral

	Syria, 20/09/2014	
27	الأمم المتحدة: القتال بسوريا يهدد عشرات آلاف اللاجئين PBB: Perang Syria Mengancam Puluhan Ribu Pelarian, 30/09/2014	Positif
28	آلاف اللاجئين السوريين بالأردن مهددون بالجوع Beribu-Ribu Pelarian Syria Di Jordan Terancam Dengan Risiko Kelaparan, 16/10/2014	Neutral
29	دول جوار سوريا تطلب الدعم لمواجهة أعباء اللاجئين Negara-Negara Jiran Syria Memohon Sokongan Untuk Membantu Beban Pelarian, 28/10/2014	Positif
30	العفو: مئات آلاف اللاجئين السوريين بتركيا بفقر مُدقع Amnesty: Ratusan Pelarian Syria Di Turkiye Di Tahap Miskin Papa, 20/11/2014	Positif
31	لجوء إلى أوروبا بطعم الموت Pelarian Ke Eropah Menempah Maut, 14/12/2014	Neutral
32	لاجئون سوريون بالأورغواي...تكيف صعب وحنين دائم Pelarian Syria Di Uruguay...Sedang Menyesuaikan Diri Dengan Kesusahan Dan Kerinduan Yang Berterusan, 22/12/2014	Neutral
33	السوريون كل الطرق تؤدي إلى الموت Rakyat Syria, Semua Jalan Membawa Kepada Kematian, 07/01/2015	Positif
34	هدى "تحمّد اللاجئين وتشعل تويتر" Ribut "Huda" Membekukan Pelarian dan Menyerang <i>Twitter</i> , 07/01/2015	Positif
35	لاجئون سوريون ببلغاريا يشكون الإهمال والعنصرية Pelarian Syria Di Bulgaria Mengadu Tentang Pengabaian Dan Perkauman, 31/01/2015	Positif
36	السوريون واللجوء.. من لم يمت بالبرد مات بغيره Rakyat Syria Dan Perpindahan....Jika Tidak Mati Dengan Kesejukan, Mati Dengan Cara Yang Lain, 04/02/2015	Positif
37	مئات اللاجئين السوريين بلبنان يطاردهم شبخ التشريد Ratusan Pelarian Syria Di Lubnan Dihantui Oleh Kemelaratan Hidup, 18/03/2015	Neutral

38	<p>عندما يجتمع اللجوء والسرطان على سوري بلبنان</p> <p>Apabila Suaka Dan Kanser Bertemu Dengan Rakyat Syria Di Lubnan, 24/03/2015</p>	Neutral
39	<p>تحدي السكن ينعض احتفاء السويد بالسوريين</p> <p>Sweden Menghadapi Cabaran Perumahan Dengan Kehadiran Rakyat Syria, 27/03/2015</p>	Neutral
40	<p>ظروف عمل صعبة وملاحقة قانونية..اللاجئون السوريون بالأردن</p> <p>Pelarian Syria Di Jordan..Situasi Pekerjaan Yang Sukar Dan Risiko Pendakwaan Undang-Undang, 30/05/2015</p>	Positif
41	<p>اللاجئون السوريون.. فصول مأساة جديدة بمقدونيا</p> <p>Pelarian Syria: Babak Tragedi Baru Di Macedonia, 22/08/2015</p>	Neutral
42	<p>بدول أوروبية.. نعم لمسيحيي اللاجئين لا لمسلميهم</p> <p>Di Eropah...Ya Untuk Pelarian Kristian Tidak Untuk Pelarian Muslim, 27/08/2015</p>	Neutral
43	<p>تحديات إدماج اللاجئين بسوق العمل الألمانية</p> <p>Cabaran Pelarian Menyertai Pasaran Kerja Di Jerman, 17/09/2015</p>	Positif
44	<p>اللاجئون السوريون يتعرضون للاستغلال باليونان</p> <p>Pelarian Syria Di Greece Terdedah Kepada Diskriminasi, 23/09/2015</p>	Neutral
45	<p>أزمة اللاجئين مستمرة وأطفال سوريون بخطر</p> <p>Krisis Pelarian Berpanjangan. Kanak-Kanak Syria Dalam Bahaya, 28/09/2015</p>	Neutral
46	<p>معاونة اللاجئين لأوروبا تتفاقم مع حلول الشتاء</p> <p>Penderitaan Pelarian bertambah teruk dengan kedatangan musim sejuk, 30/09/2015</p>	Neutral
47	<p>الأمم المتحدة: مأساة تهدد اللاجئين بالشتاء</p> <p>PBB: Musim Sejuk Sebuah Tragedi Yang Mengancam Pelarian Syria, 10/10/2015</p>	Neutral
48	<p>غرق لاجئين وإنقاذ العشرات على سواحل اليونان</p> <p>Pelarian Tenggelam. Puluhan Pelarian Diselamatkan Di Pantai Greece, 29/10/2015</p>	Positif
49	<p>الثلوج تدهم اللاجئين في طريقهم لأوروبا</p>	Neutral

	Salji Menghalang Perjalanan Pelarian Ke Eropah, 22/11/2015	
50	تأجيل استقبال اللاجئين بكندا ومباحثات أوروبية لوقفهم Penangguhan Penerimaan Pelarian Di Kanada Dan Rundingan Eropah Untuk Menghentikannya, 26/11/2015	Neutral

Jadual 6.2: Tajuk berita BBC

Bil	Tajuk	Kategori
1	السوريون في مصر: محطة في رحلة البحث عن فرصة الاستقرار Rakyat Syria Di Mesir: Mesir Sebagai Tempat Perhentian dalam Perjalanan Mencari Kestabilan, 19/03/2014	Negatif
2	تركيا ترحب بالأرمن الفارين من مدينة كسب السورية Turkiye Mengalu-Alukan Rakyat Armenia Yang Lari Dari Bandar Kesab Syria, 07/04/2014	Positif
3	السفير السوري في لبنان: القرار اللبناني بخصوص اللاجئين سياسي Duta Syria di Lubnan: Resolusi Lubnan terhadap Pelarian Politik, 02/06/2014	Positif
4	نزوح اللاجئين السوريين Perpindahan Pelarian Syria, 04/07/2014	Neutral
5	تركيا تسمح بعبور أكراد سوريين إلى داخل أراضيها Turkiye: Kami Membenarkan Puak Kurdish Di Syria Menyeberangi Negeranya, 19/09/2014	Positif
6	منظمات اغاثية تؤكد ان دول الجوار تغلق حدودها في وجه اللاجئين السوريين Organisasi Bantuan Memberitahu Negara-Negara Jiran Syria Menutup Sempadan Terhadap Pelarian Syria, 13/11/2014	Positif
7	حذاء حذيفة: رحلة من سوريا إلى هولندا Kasut Huzafah: Perjalanan Dari Syria Ke Holdan, 30/03/2015	Neutral
8	تركيا تفتح حدودها للسوريين الفارين من القتال في تل أبيض Turkiye Membuka Sempadannya Kepada Rakyat Syria Yang Melarikan Diri Dari Peperangan Di Tell Abiad, 15/06/2015	Positif
9	اللاجئون السوريون ودروب الآلام والموت Pelarian Syria Dan Perjalanan Menempuh Kesakitan Dan Kematian, 27/08/2015	Neutral
10	والد الطفل السوري آلان الكردي "يرفض عرضا للجوء إلى كندا" Ayah Kanak-Kanak Syria Alan Kurdi "Menolak Tawaran Suaka Ke Kanada", 05/09/2015	Neutral
11	ألمانيا والنمسا تستقبلان آلاف اللاجئين بعد تخفيف الحجر القيود على السفر Jerman Dan Austria Menerima Beribu-Ribu Pelarian Syria Selepas Hungari Meringankan Pengekangan Terhadap Perjalanan Pelarian, 06/09/2015	Positif

12	بريطانيا تخصص جزءا من المساعدات الدولية للاجئين السوريين Britain Memperuntukkan Sebahagian Daripada Bantuan Antarabangsa Kepada Pelarian Syria, 07/09/2015	Positif
13	أزمة المهاجرين: لماذا لا تسمح دول الخليج باستقبال السوريين Krisis Migrasi: Kenapa Tidak Membenarkan Negara Teluk Mengambil Pelarian, 08/09/2015	Negatif
14	كيف تغذي حروب الشرق الأوسط أزمة المهاجرين في أوروبا؟ Bagaimana Perang Timur Tengah Akan Menyalurkan Makanan Terhadap Krisis Migrasi Di Eropah?, 09/09/2015	Negatif
15	ايرلندا تقرر قبول 4000 لاجئ Ireland Menyatakan Akan Menerima 4000 Pelarian, 10/09/2015	Positif
16	مدينة ليفربول البريطانية تستضيف حفلا غنائيا خيريا لدعم اللاجئين السوريين Bandar Liverpool Menganjurkan Konsert Amal Untuk Membantu Pelarian Syria, 10/09/2015	Positif
17	حجب المساعدات يفتح "بوابة الموت" أمام اللاجئين السوريين Sekatan Bantuan Membuka "Pintu Maut" Kepada Pelarian Syria, 12/09/2015	Neutral
18	اللاجئ السوري الذي عرفته مجرية يعين مدربا في إسبانيا Pelarian Syria Yang Disekat Di Hungari Dilantik Sebagai Jurulatih Di Sepanyol, 17/09/2015	Positif
19	معاونة اللاجئين السوريين... لبلد اللجوء Penderitaan Pelarian Syria.....Di Negara Yang Dituju, 18/09/2015	Neutral
20	الهروب من حكم "الدولة الإسلامية" في سوريا Lari Dari Pemerintahan "ISIS" Di Syria, 24/09/2015	Neutral
21	أردوغان يبحث مع مسؤولي الاتحاد الأوروبي أزمة المهاجرين Erdogan Mengadakan Perbincangan Dengan Pegawai-Pegawai Kesatuan Eropah Mengenai Krisis Migran, 05/10/2015	Positif
22	كيف يصل اللاجئ السوري إلى الولايات المتحدة؟ Bagaimana Pelarian Syria Sampai Ke Amerika Syarikat?, 18/11/2015	Neutral
23	اللاجئون وقوانين الهجرة إلى بريطانيا Pelarian Dan Undang-Undang Migrasi Ke Britain, 07/12/2015	Negatif
24	من يستمع إلى أصوات السوريين في بريطانيا؟ Siapa Yang Mendengar Suara Rakyat Syria Di Britain?, 11/12/2015	Positif
25	رئيس وزراء كندا يرحب بأول فوج من اللاجئين السوريين Perdana Menteri Kanada Mengalu-Alukan Rombongan Pertama Pelarian Syria, 11/12/2015	Positif
26	نورتن بطل فيلم " نادي القتال " يجمع 425 ألف دولار للاجئ سوري Norton Hero Film "Fight Club" Mengumpulkan 100 Dolar Untuk Pelarian Syria, 16/12/2015	Positif

27	أزمة اللاجئين تسيطر على قمة الاتحاد الأوروبي Krisis Pelarian Menguasai Sidang Kemuncak Kesatuan Eropah, 17/12/2015	Neutral
28	ميركل تدعو ألمانيا لرؤية "الفرصة" التي يمثلها تدفق اللاجئين Merkel Menyeru Jerman Melihat "Peluang" Melalui Kemasukan Pelarian, 31/12/2015	Positif
29	تركيا: ارتفاع هائل في عدد اللاجئين السوريين المتجهين إلى الحدود التركية Turkiye: Peningkatan Jumlah Besar Pelarian Syria Yang Menuju Ke Sempadan Turkiye, 06/02/2016	Neutral
30	أردوغان: مستعدون لاستقبال لاجئ حلب "إذا كان ذلك ضروريا" Erdogan: Bersedia Menerima Pelarian Dari Halab "Sekiranya Darurat", 07/02/2016	Negatif
31	الاتحاد الاوربي يناشد تركيا السماح للاجئين السوريين بعبور الحدود Kesatuan Eropah Memuji Turkiye Yang Membenarkan Pelarian Syria Menyeberangi Sempadan, 07/02/2016	Positif
32	منظمات إغاثة تعلن عجزها عن استقبال موجات الفارين من حلب Organisasi Bantuan Menyatakan Ketidakupayaan Mereka Menerima Gelombang Pelarian Dari Halab, 09/02/2016	Neutral
33	أول صحيفة عربية للاجئين في ألمانيا Akhbar Bahasa Arab Pertama Buat Pelarian Syria Di Jerman, 17/02/2016	Neutral
34	الأردن يحذر من ضغط اللاجئين السوريين على المدارس Jordan Memberi Amaran Terhadap Tekanan Yang Diberikan Pelarian Syria Untuk Menyediakan Sekolah, 12/03/2016	Negatif
35	منظمة العفو الدولية تتهم تركيا بإجبار اللاجئين السوريين على العودة لمناطق الحرب Amnesty Antarabangsa Mentohmah Turkiye Yang Memaksa Pelarian Syria Pulang Ke Kawasan Peperangan, 01/04/2016	Positif
36	هل تزداد معاناة اللاجئين السوريين مع تطبيق الاتفاق التركي - الأوروبي؟ Adakah Penderitaan Pelarian Syria Akan Bertambah Melalui Persepakatan Yang Dicapai Antara Turkiye Dan Eropah?, 04/04/2016	Neutral
37	التائمز: قصة طبيب لاجئ ينقذ سوريين خلال رحلتهم على قوارب الموت The Times: Kisah Seorang Doktor Pelarian Menyelamatkan Rakyat Syria Dalam Perjalanan Bot Maut, 15/04/2016	Neutral
38	محكمة يونانية ترفض ترحيل لاجئ سوري إلى تركيا Mahkamah Greece Menolak Keputusan Mengusir Pelarian Syria Ke Turkiye, 21/05/2016	Positif
39	أردوغان ينتقد الاتحاد الأوروبي بشأن اتفاق اللاجئين السوريين Erdogan Mengkritik Kesatuan Eropah Terhadap Kesepakatan Yang Dibuat Mengenai Pelarian Syria, 26/07/2016	Positif
40	العالمين على الحدود مع الأردن وصول أول شحنة مساعدات للمهاجرين السوريين	Positif

	Lori Pertama Yang Membawa Bantuan Kepada Pendatang Syria Yang Terkandas Di Sempadan Jordan Sampai, 04/08/2016	
41	مساعدات إنسانية تصل لآلاف اللاجئين السوريين لأول مرة منذ أسابيع Bantuan Kemanusiaan Sampai Kepada Ribuan Pelarian Syria Bagi Pertama Kalinya Sejak Berminggu-Minggu, 05/08/2016	Positif
42	من يتحمل مسؤولية الاعتداءات الجنسية في مخيمات اللاجئين؟ Siapa Yang Bertanggungjawab Terhadap Gangguan Seksual Di Kem Pelarian?, 16/08/2016	Positif
43	حزب ميركل تخسر شعبيته في عدة مناطق لموقفه اللاجئين Parti Merkel Kehilangan Popularitinya Di Beberapa Tempat Berikutan Pendiriannya Mengenai Isu Pelarian, 03/09/2016	Neutral
44	دونلد توسك: قدرة أوروبا على استيعاب اللاجئين تكاد تصل حدها Donald Tusk: Kemampuan Eropah Untuk Membantu Pelarian Telah Sampai Kepada Kemuncaknya, 04/09/2016	Negatif
45	استطلاع: معظم الأوربيين يتعاطفون مع اللاجئين السوريين Satu Tinjauan: Kebanyakan Rakyat Eropah Bersimpati Dengan Pelarian Syria, 16/09/2016	Positif
46	يونيسيف تحث بريطانيا على نقل اللاجئين الأطفال بدون مرافق UNICEF Menggesa Britain Untuk Memindahkan Pelarian Kanak-Kanak Tanpa Waris, 01/10/2016	Positif
47	قتلى وجرحى في هجوم انتحاري بمخيم الركبان للاجئين السوريين في الأردن Ada Yang Terbunuh Dan Cedera Dalam Serangan Bunuh Diri Di Kem Pelarian Syria Rukban Di Jordan, 16/10/2016	Neutral
48	أطفال سوريون "يستغلون" في تركيا في حياكة الملابس Kanak-Kanak Syria "Merebut Peluang" Di Turkiye Dengan Menjahit Pakaian, 23/10/2016	Positif
49	الأشياء التي اصطحبها السوريون الذي تركوا منازلهم فرارا من أهوال الحرب Perkara-Perkara Yang Menemani Pelarian Syria yang Meninggalkan Kediaman Mereka Kerana Melarikan Diri Dari Bencana Peperangan, 08/12/2016	Neutral
50	المغرب يبدأ المرحلة الثانية من تسوية أوضاع المهاجرين غير الشرعيين Maghribi Memulakan Pusingan Kedua Bagi Menyelesaikan Isu Pendatang Tanpa Izin, 16/12/2016	Positif

Berdasarkan tajuk laporan dan isi kandungan berita AJA dan BBCA, laporan berita dapat dikategorikan kepada positif, negatif dan neutral. Laporan berita dikategorikan sebagai positif apabila menyokong hak asasi manusia dan hak sama rata. Sebagai contoh, dalam laporan al-Jazeera yang bertajuk “Seruan Penerimaan Pelarian Syria Di Eropah” bertarikh 5 Januari 2014 memaparkan seruan yang dibuat oleh Natalie Bennett kepada pemimpin Eropah agar menerima pelarian masuk ke Eropah bagi membantu

pelarian mencari perlindungan di negara berkenaan. Walaupun Britain telah menolak untuk menerima pelarian, namun Britain telah berjanji akan memberikan bantuan kewangan kepada pelarian. Hal ini menunjukkan pemimpin Eropah bersedia memberi bantuan kepada pelarian dan perkara ini dilihat sebagai menyokong hak asasi manusia. Selain itu, dalam laporan BBC yang bertajuk “Turkiye: Kami Membenarkan Puak Kurdish Di Syria Menyeberangi Negaranya” bertarikh 19 September 2014 memperlihatkan bagaimana Turkiye telah membenarkan puak Kurdish untuk masuk ke negara mereka bagi mendapatkan perlindungan dari peperangan yang berlaku di Syria. Kedua-dua laporan berita ini memberikan pengaruh yang positif terhadap golongan pelarian kerana laporan ini dilihat menyokong hak asasi manusia. Masyarakat perlu tahu apakah perlindungan yang boleh diberikan kepada golongan ini.

Laporan berita dikategorikan sebagai negatif sekiranya tidak menyokong hak asasi dan menyumbang kepada ketidakadilan sosial. Sebagai contoh dalam laporan berita al-Jazeera bertajuk Laporan berita al-Jazeera “Kempen Keselamatan Menjejaki Pelarian Syria di Mesir” yang bertarikh 03 Januari 2014 menceritakan layanan buruk pihak berkuasa Mesir terhadap pelarian Syria yang masuk ke Mesir tanpa permit yang sah. Mereka diserbu pada waktu malam dan ditahan di tempat tahanan yang tidak sesuai. Kebanyakan pelarian Syria yang ditahan dihantar pulang ke Syria. Namun di akhir laporan berita, terdapat penafian rasmi telah dibuat oleh pihak berkuasa Mesir mengenai perkara ini. Namun tiada kesimpulan yang jelas mengenai perkara ini di akhir laporan berita sama ada perkara ini berlaku seperti yang diceritakan pelarian atau terdapat penyelesaian yang lebih baik telah dibuat pihak berkuasa Mesir. Selain itu, laporan BBC yang bertajuk “Krisis Migrasi: Kenapa Tidak Membenarkan Negara Teluk Mengambil Pelarian” yang bertarikh 08/09/2015 melaporkan mengenai kemarahan negara barat terhadap Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang terdiri dari negara Bahrain,

Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu yang mengambil pendirian menutup pintu kepada pelarian Syria. Hanya bantuan kewangan yang diberikan. Namun jumlah pelarian yang semakin bertambah memerlukan tempat untuk mereka berteduh bukan untuk tempoh yang seketika malah untuk kelangsungan hidup mereka seterusnya. Negara-negara Teluk hanya membenarkan warga asing yang datang untuk bekerja bagi tempoh tertentu bagi menjaga kerakyatan rakyatnya. Kemarahan ini dilihat sebagai tindak balas Barat terhadap banjir pelarian Syria di negara mereka dan merasakan pelarian Syria selaku bangsa Arab perlu dibantu oleh bangsa Arab terlebih dahulu. Kedua-dua laporan ini memperlihatkan respon negara yang menerima pelarian iaitu Mesir dan juga negara-negara Barat di Eropah yang tidak menerima pelarian dengan baik. Laporan ini memperlihatkan bagaimana negara tuan rumah berupaya untuk bertindak mengikut undang-undang negara mereka tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa yang melindungi mereka.

Golongan ini dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa. Konvensyen Pelarian 1951 yang mengiktiraf pelarian dan menggariskan hak asasi yang diberikan kepada mereka. Prinsip konvensyen adalah pelarian tidak boleh diusir atau dikembalikan kepada situasi kehidupan di bawah ancaman. Mereka sepatutnya diberikan akses kepada perumahan, pekerjaan, faedah kebajikan dan peluang untuk integrasi bersama masyarakat negara tuan rumah. Disebabkan situasi pelarian ini, undang-undang antarabangsa menetapkan kategori pelarian adalah suatu perisytiharan. Hal ini bermakna, mereka mempunyai hak asasi sebagai pelarian sebelum kategori mereka diiktiraf secara rasmi (Amnesty International Jun 2010:5).

Walaupun terdapat negara yang tidak mendandatangani Konvensyen Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu 1951 berkaitan dengan Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967, negara ini masih terikat dengan undang-undang adat antarabangsa. Justeru, adalah

menjadi kewajiban untuk menghormati prinsip *non-refoulement* yang menjadi tunjang kepada perlindungan untuk pelarian. *Non-refoulement* bermaksud seseorang itu tidak boleh dikembalikan ke negara di mana mereka berdepan dengan penindasan atau pelanggaran hak asasi manusia yang lain, dan mereka juga tidak boleh ditolak permohonan masuk ketika berada di sempadan sesebuah negara (Amnesty International Jun 2010:6).

Laporan berita dikategorikan sebagai neutral sekiranya tiada kenyataan dan argumentasi yang jelas menunjukkan unsur positif atau negatif. Sebagai contoh, laporan al-Jazeera bertajuk “Jumlah Pelarian Syria Melebihi Tiga Juta” yang bertarikh 29 Ogos 2014 melaporkan mengenai statistik yang dikeluarkan UNHCR mengenai jumlah pelarian yang keluar dari Syria. Kebanyakan pelarian Syria tertumpu di negara sempadan seperti Lubnan, Turki dan Jordan. Selain itu, laporan BBC yang bertajuk “Perpindahan Pelarian Syria” yang bertarikh 04 Julai 2014 melaporkan statistik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pergerakan harian pelarian Syria yang semakin meningkat dan menjadikan krisis pelarian Syria adalah yang paling dahsyat selepas perang dunia kedua. Peperangan dan keganasan yang berterusan memaksa rakyat Syria untuk terus keluar terutamanya selepas senjata kimia digunakan oleh tentera al-Asad. Kedua-dua laporan ini hanya memaparkan situasi sebenar yang dihadapi oleh pelarian tanpa ada argumentasi yang jelas menyokong tindakan dan layanan yang diberikan kepada pelarian.

Secara umumnya, laporan berita al-Jazeera lebih memfokuskan mengenai kesusahan yang dialami pelarian sebagai mangsa, diikuti laporan berita mengenai bantuan dan kemanusiaan, seterusnya pelarian sebagai pelarian. Akhir sekali ialah laporan berita mengenai langkah-langkah ke arah mencari penyelesaian dan solusi kepada krisis yang sedang berlaku. Manakala BBC pula banyak memfokuskan laporan

beritanya kepada tema utamanya melibatkan tema kemanusiaan. Diikuti oleh tema pelarian sebagai mangsa. Seterusnya tema pelarian sebagai pelarian dan akhir sekali tema solusi. Tema laporan berita al-Jazeera yang melibatkan tema mangsa, bantuan dan kemanusiaan, pelarian sebagai pelarian serta tema BBC melibatkan tema kemanusiaan, mangsa, pelarian sebagai pelarian dan solusi telah mengkategorikan berita ini kepada positif, negatif dan neutral seperti jadual di atas. Melalui tema-tema ini kita dapat melihat apakah mesej yang ingin disampaikan dalam kedua-dua laman berita di sebalik laporan berita mengenai pelarian. Mesej-mesej ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut selepas ini.

6.1 Mesej Simpati

Mesej simpati dapat dilihat dalam laporan berita yang disampaikan. Mesej ini disampaikan melalui gambaran pelarian sebagai golongan yang memerlukan bantuan disebabkan situasi yang mereka alami, golongan yang lemah dan terdesak serta mangsa kepada keadaan. Mesej simpati ini dapat dilihat melalui pemilihan kata oleh kedua-dua laman berita, petikan suara pelarian dan penggunaan kata kerja laporan yang sering digunakan dalam laporan berita. Melalui tema-tema utama (Bab 4) berkaitan pelarian, mereka ditonjolkan sebagai golongan yang sentiasa bergerak mencari perlindungan, datang dengan kumpulan yang ramai, mangsa peperangan yang berlaku dan tidak mendapat bantuan yang sepatutnya.

Mesej ini dikuatkan lagi melalui cerita-cerita kesusahan pelarian yang dilaporkan menggunakan petikan langsung. Cerita ini juga dilaporkan secara terperinci dengan memaparkan latar belakang pelarian serta menggunakan nama pelarian secara khusus. Melalui perkongsian cerita yang dibuat, pembaca dapat merasai dengan lebih dekat kesusahan yang dialami mereka. Tumpuan kepada cerita peribadi pelarian dilihat sebagai usaha untuk mendapatkan respon berbentuk emosi kepada cerita. Selain itu,

tumpuan berita terhadap cerita kesusahan pelarian yang dilihat sebagai golongan yang terdesak secara berterusan telah membentuk sebuah sosiobudaya (Srividya Ramasubramanian, 2018).

Pelarian juga seringkali dilihat sebagai subjek dalam ayat dan seringkali dirujuk menggunakan kata ganti nama mereka (هم). Pada masa yang sama, pelarian merupakan subjek utama bagi kata kerja lari, pergi, sampai, datang dan sebagainya. Pemilihan perkataan sinonim ini memberikan gambaran keadaan pelarian yang sentiasa bergerak mencari perlindungan tanpa henti. Pemilihan perkataan al-Jazeera lebih pelbagai dan sering menggunakan perkataan yang memberi kesan kepada emosi pembaca. Sebagai contoh al-Jazeera seringkali meletakkan kata adjektif bagi perkataan utama yang ingin dirujuk. Sebagai contoh perkataan peperangan seringkali digambarkan sebagai, ancaman *هول المعارك*, yang memusnahkan negara *القتال الذي يعصف ببلادهم*, kesengsaraan *جحيم الصراع*, bencana *وَيَلَأْتُ الحروب*, yang dahsyat *فَدَاخَةٌ*. Al-Jazeera dilihat memberikan penumpuan kepada nasib golongan ini setelah keluar dari Syria melalui penceritaan peristiwa-peristiwa yang berbentuk naratif. Penceritaan ini banyak melibatkan pengalaman pahit golongan pelarian dalam perjalanan menuju destinasi yang lebih selamat secara terperinci. Selain itu Al-Jazeera menyediakan maklumat terperinci mengenai nama pelarian, latar belakang pendidikan, bilangan ahli keluarga, nama tempat tinggal dan nasib yang dihadapi. Perkara ini dinamakan sebagai *extensivization* dalam kajian KhosraviNik (2009) yang menunjukkan representasi yang positif terhadap golongan ini kerana banyak maklumat tambahan diberikan secara terperinci. Maklumat-maklumat seperti ini membantu kita untuk membuat penilaian terhadap situasi sebenar yang dihadapi golongan pelarian.

Secara umumnya, kedua-dua laman berita membawa mesej simpati terhadap pelarian melalui laporan yang disampaikan. Al-Jazeera dan BBC dilihat seringkali memaparkan berita yang positif mengenai pelarian kerana seringkali memaparkan berita mengenai kesusahan pelarian, menyokong usaha-usaha membantu pelarian, dan

mencetuskan simpati pembaca terhadap golongan ini melalui berita-berita yang disampaikan. Namun terdapat beberapa perbezaan di dalam fokus berita yang disampaikan.

Al-Jazeera dan BBC juga sering menggunakan nombor dan statistik dalam laporan mengenai pelarian. Hal ini bagi menunjukkan ramainya pelarian yang keluar dari Syria. Al-Jazeera menggunakan metafora air apabila membincangkan mengenai banjir golongan ini. Perkataan seperti gelombang *maujat* (موجة), limpahan *tadaffuq* (تدفق) dan barisan *tawabir* (طوابير) seringkali digunakan sebagai rujukan kepada pelarian selain rujukan melalui laporan statistik. Metafora yang digunakan bertujuan menggambarkan betapa ramainya pelarian Syria yang berpindah ke negara luar. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dibuat Abid RZ et. al (2017) yang menemukan empat kategori metafora yang sering digunakan dalam laporan berita mengenai pelarian Syria seperti berikut:

- i) Kategori pertama digunakan untuk menunjukkan jumlah pelarian yang ramai; a) Pelarian digambarkan sebagai entiti air, b) Jumlah pelarian ditunjukkan sebagai entiti yang sentiasa meningkat.
- ii) Kategori kedua digunakan untuk menunjukkan kesan buruk yang dibawa oleh pelarian Syria; a) Pelarian ialah satu daya tekanan.
- iii) Kategori ketiga digunakan untuk menunjukkan kemasukan pelarian Syria ke dalam negara tuan rumah; a) Negara tuan rumah adalah sebuah bangunan.
- iv) Kategori keempat digunakan untuk menunjukkan keperluan komuniti antarabangsa untuk membantu pelarian Syria dan negara tuan rumah yang didiami mereka; a) Bantuan adalah satu kelegaan kepada kesengsaraan yang dihadapi.

Jika dilihat dalam kedua-dua laman berita AJA dan BBKA, kedua-duanya menggunakan metafora yang sama. Penggunaan kata seperti lebih dari 1 juta (بأكثر من)

مليون, jutaan /malāyīm/ (ملايين), hampir 3 juta (نحو ثلاثة ملايين), ribuan /ālāf/ (آلاف), bertambah /tazāyadat/ (تزايدت), huru-hara /al-faudhā/ (الغوضى), limpahan /al-tadaffuq/ (التدفق), penghijrahan terbesar (أكبر الهجرات), arus manusia "المد البشري".

Kajian lepas menunjukkan metafora air ini memberikan konotasi yang negatif kerana pelarian dilihat sebagai ancaman kepada tuan rumah. Namun di dalam kajian ini, metafora ini boleh dilihat dengan kedua-dua aspek positif dan negatif dengan melihat konteks laporan berita yang dilaporkan. Al-Jazeera umpamanya, menggunakan unsur metafora ini bagi meraih simpati dan bantuan masyarakat. Perkara ini berbeza dengan BBC yang melihat pelarian sebagai ancaman kepada mereka. Pertentangan ini berlaku akibat pengalaman berbeza antara kedua-dua negara. Al- Jazeera yang mewakili negara Qatar tidak terlibat secara langsung dalam krisis pelarian. Hal ini berbeza dengan negara Eropah yang menjadi destinasi pilihan pelarian. Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi cara laporan disampaikan. Contoh petikan berita AJA dan BBCA yang menunjukkan mesej simpati dapat dilihat seperti dalam petikan di bawah:

Petikan Berita 1

ويعيش اللاجئون السوريون خارج وطنهم معاناة مزدوجة تتمثل في تدهور أوضاعهم المعيشية وحزنهم على ما يتعرض له بلدهم.

Pelarian Syria yang hidup di negara luar berhadapan dengan penderitaan yang berganda disebabkan kesusahan hidup dan kesedihan mereka terhadap apa yang sedang berlaku terhadap negara mereka.

(Sumber: al-Jazeera, 11 Februari 2014)

Petikan Berita 2

وأكد مون أن هؤلاء أشخاص يهربون من الحروب والاضطهاد، وينبغي معاملتهم برحمة وكرامة. ولا يزال العنف المستمر يجبر السوريين على الفرار عبر الحدود.

"Ini adalah golongan yang melarikan diri dari peperangan dan penganiayaan, mereka harus diperlakukan dengan baik dan dimuliakan," kata Moon.

(Sumber: BBC, 18 September 2015)

Petikan berita 1 dan 2 di atas jelas memaparkan kesusahan hidup yang dialami pelarian di samping sokongan pihak berkuasa yang menyeru semua untuk melayani pelarian dengan baik setelah beberapa episod kesusahan demi kesusahan yang mereka alami.

6.2 Mesej Kemanusiaan

Secara umumnya, al-Jazeera memfokuskan beritanya kepada situasi pelarian di negara-negara jiran Syria seperti di Jordan, Libya, Lubnan, Iraq dan Turkiye. Di samping itu, al-Jazeera dilihat seringkali merujuk laporan akhbar Britain dan memaparkan seruan terhadap Eropah untuk membantu pelarian. Al-Jazeera dilihat menyeru kepada perlindungan dan bantuan semua pihak terutama negara Eropah.

BBC pula dilihat lebih memfokuskan pelarian yang dalam perjalanan ke Eropah dan pelarian yang sedang tinggal di negara-negara Eropah. Selain itu, BBC dilihat banyak memaparkan isu pelarian yang melibatkan negara Turkiye. BBC dilihat membawa mesej perlindungan dan percubaan mencari solusi yang boleh dibuat terhadap isu ini. Melalui laporan yang dipaparkan BBC, isu pelarian yang semakin kritikal perlu ditangani segera oleh semua pihak termasuk negara-negara Arab. BBC juga dilihat menggambarkan pelarian sebagai satu beban dan masalah kepada Eropah berikutan kehadiran golongan pelarian yang semakin ramai menuju Eropah.

Di dalam usaha al-Jazeera menyampaikan mesej kemanusiaan, al-Jazeera dilihat banyak menggunakan sumber akhbar lain. al-Jazeera dilihat seringkali merujuk berita-berita yang disampaikan oleh akhbar dari UK contohnya pada laporan berita yang bertarikh 5 Januari 2014, 14 Januari 2014, dan 29 Januari 2014. Al-Jazeera seolah-olah memberitahu pembaca bahawa isu pelarian merupakan isu sejagat sehingga mendapat tempat dalam akhbar barat. Sebagai contoh laporan berita al-Jazeera bertarikh 14 Januari 2022 berikut:

Petikan berita 3

ركزت جل الصحف البريطانية الصادرة اليوم على الشأن السوري، وكان لأزمة اللاجئين نصيب موفور في المقالات الافتتاحية والتقارير، فقد اعتبرتها إحداها نقطة في محيط، وأكدت أخرى ضرورة فتح أوروبا أبوابها لهم...

Kebanyakan akhbar Britain hari ini memfokuskan berita mengenai situasi masyarakat Syria. Krisis pelarian Syria mendapat tempat yang penting dalam artikel utama dan laporan. Salah satunya menganggap isu ini sebagai satu krisis yang tidak berkesudahan. Manakala yang lain menegaskan keperluan Eropah membuka pintu bagi mereka.....

(Sumber: al-Jazeera, 14 Januari 2014)

Melalui contoh di atas al-Jazeera telah melaporkan beritanya mengenai situasi semasa yang berlaku di Syria. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan isu ini merupakan satu isu sejagat dan kritikal. Pada masa yang sama al-Jazeera dilihat memberi kepercayaan kepada Britain sebagai negara contoh yang memperjuangkan isu pelarian Syria. Al-Jazeera dilihat banyak meringkaskan berita sedia ada yang telah dilaporkan seperti akhbar *The Guardian*, *The Independent* yang kedua-duanya berpusat di United Kingdom di samping menguatkan fakta yang ada dengan sumber-sumber organisasi pelarian seperti Amnesty, UNHCR, Pro Asyl EUROMED dan sebagainya. Selain badan-badan yang berkaitan, al-Jazeera seringkali memetik suara pelarian dan aktivis bagi melaporkan berita mengenai pelarian. Al-Jazeera juga seringkali mewujudkan ruang antara teks luar yang digunakan dalam laporan berita. Hal ini menunjukkan al-Jazeera seringkali menjadi orang tengah yang menyampaikan maklumat kepada masyarakat awam mengenai isu pelarian Syria. Kebanyakan teks luar yang digunakan datang dari sumber luar yang dipercayai.

Manakala BBC dilihat hanya sekali merujuk akhbar *The Times* dalam laporan beritanya yang bertarikh 15 April 2016 yang bertajuk “*The Times*: Kisah Seorang Doktor Pelarian Menyelamatkan Rakyat Syria Dalam Perjalanan Bot Maut”. Contoh petikan berita BBCA yang bertarikh 15 April 2016:

Petikan berita 4

اهتمت الصحف البريطانية بالعديد من الموضوعات ومنها قصة الطبيب السوري الذي يساعد اللاجئين السوريين الذين يركبون القوارب للوصول إلى أوروبا، ونشر تنظيم الدولة الإسلامية للائحة اغتيالات تضم أسماء عديدة منها وزيرين مسلمين في حزب المحافظين البريطاني. ونطالع في صحيفة التايمز مقالاً لها هنا سميث بعنوان "الطبيب اللاجئ الذي أصبح منقذ المهاجرين السوريين من البحر"

Akhbar-akhbar Britain telah memfokuskan pelbagai topik, termasuk kisah seorang doktor Syria yang membantu pelarian Syria yang menaiki bot untuk sampai ke Eropah, laporan mengenai senarai nama individu yang dibunuh militan Daesh melibatkan beberapa nama, termasuk dua menteri Muslim di Britain dalam *Conservative Party*. Kita akan menelaah artikel oleh Hannah Smith di dalam *The Times* yang bertajuk "Doktor pelarian yang menjadi penyelamat pendatang Syria dari laut".

(Sumber: BBC, 15 April 2016)

Kisah yang menyayat hati ini memaparkan kesusahan seorang doktor yang pada asalnya bertugas di bandar Homs berakhir sebagai seorang pelarian. Perjalanannya menuju Eropah merupakan sebuah perjalanan yang mengerikan apabila beliau dan keluarganya menaiki bot yang dimiliki oleh kumpulan penyeludup. Perkara ini berupaya membuka mata pembaca mengenai kesusahan yang dialami pelarian Syria.

6.3 Representasi “kita” vs “mereka” (*us vs them*)

Hasil analisis mendapati wujudnya unsur berat sebelah dari segi ideologi, dan cara ideologi ini memisahkan ‘kita’ (*ingroups*) dan ‘mereka’ (*outgroups*). Strategi representasi positif adalah terhadap diri sendiri (*positive self-representation*) manakala strategi representasi negatif pula terhadap orang lain (*negative other-representation*) yang menekankan perkara baik ada pada diri sendiri dan perkara tidak baik pada orang lain.

BBC dalam laporannya yang bertajuk “Apa Timur Tengah Hendak Beri Makan Kepada Pelarian di Eropah?” menyatakan kebimbangan sebahagian ahli politik, wartawan barat terhadap isu pelarian terutamanya terhadap negara jiran Syria. Lebih

membimbangkan, golongan pelarian yang jumlahnya besar dan semakin meningkat cuba memasuki negara-negara Eropah yang paling kaya. Sebab utama golongan pendatang ini keluar dari negara mereka disebabkan peperangan yang berlaku, keganasan dan ketidakstabilan yang mendorong hidup susah dan terdedah kepada bahaya (BBC, 9 September 2015) yang menyaksikan kegagalan kuasa-kuasa besar untuk menghentikan krisis yang sedang berlaku. BBC juga dilihat menampelak negara-negara Arab yang dianggap tidak membantu menyelesaikan masalah pelarian ini. Laporan ini menunjukkan kedatangan pelarian sebagai masalah kepada negara Eropah yang sebelum ini menyatakan pendirian mereka untuk memberi bantuan kewangan kepada negara jiran Syria berbanding menerima kedatangan pelarian ke Eropah. Di sini pelarian ditonjolkan secara negatif.

BBC dan al-Jazeera sebelum ini menyatakan kemarahan mereka terhadap Presiden Syria Bashar al-Asad. Tindakan yang dibuat Asad seringkali dirujuk sebagai satu jenayah besar. Sebagai contoh al-Jazeera dalam laporannya yang bertajuk “Seruan Penerimaan Pelarian Syria Di Eropah” yang bertarikh 5 Januari 2014 mengkritik Al-Asad dengan frasa “penyembelihan” rakyat Syria *السوريين بدمية* dan laporan al-Jazeera yang bertarikh 29 Januari 2014 dan menganggap tindakannya sebagai satu keganasan melalui frasa “keganasannya” terhadap rakyat Syria *إرهابه للشعب السوري*.

Walaupun Bashar al-Asad dilihat sebagai punca krisis ini berlaku. Namun pada masa yang sama BBC yang mengamalkan sistem demokrasi juga menolak pelarian masuk ke negara mereka. Perkara ini dilihat bertentangan dengan pendiriannya terhadap kejahatan yang dilakukan Bashar. Contoh petikan berita AJA dan BBKA yang menyampaikan representasi “kita” vs “mereka” dapat dilihat seperti dalam petikan berikut:

Petikan berita 4

"الكل يتهرب من توفير العلاج، ويتحجج بعدم الأولوية، أين نذهب ولمن نلجأ؟". بهذه الشكوى استهلت اللاجئة السورية بلبنان والدة الطفل فراس حكمت الحديث عن حالة طفلها البكر تسع سنوات) المصاب بسرطان الغدد الليمفاوية من خمسة شهور منذ انتقلهم إلى لبنان.

"Semua pihak enggan memberikan rawatan, dengan alasan tiada keperluan, ke mana kami hendak pergi dan kepada siapa kami meminta perlindungan?." Demikian rintihan pelarian Syria di Lubnan, ibu Firas mengenai keadaan bayi 9 tahun miliknya, yang telah mengidap kanser limfoma selama lima bulan sejak mereka berpindah ke Lubnan.
(Sumber: al-Jazeera, 06 Mei 2014)

Petikan berita 5

وقال توسك للصحفيين إن "قدرة أوروبا العملية على استضافة موجات جديدة من اللاجئين، ناهيك عن المهاجرين لاغراض اقتصادية، توشك ان تصل حدها".

"Keupayaan praktikal Eropah untuk menjadi **tuan rumah** gelombang pelarian baru hampir mencapai hadnya. Belum lagi melibatkan pendatang untuk tujuan ekonomi," kata Tusk kepada wartawan.

(Sumber: BBC, 04 September 2016)

Petikan berita 4 dan 5 memperlihatkan kelemahan negara tuan rumah untuk menerima kedatangan pelarian dengan baik. Petikan berita 4 (al-Jazeera) menunjukkan bagaimana layanan negara Lubnan yang menjadi tempat perlindungan pelarian Syria. Pelarian tetap dilayan sebagai orang luar. Begitu juga dengan petikan berita 5 (BBC) yang memperlihatkan keupayaan Eropah untuk menampung kedatangan pelarian yang datang ke sana hampir mencapai tahap maksimum. Solusi terbaik adalah perlu menghalang kemasukan pelarian ke Eropah. Secara tidak langsung menyeru negara lain untuk mengambil bahagian sebagai destinasi penempatan pelarian. Hal ini bagi menjaga Eropah dari banjir pelarian sehingga mengganggu kehidupan masyarakat Eropah sedia ada dari aspek sosial, keselamatan dan ekonomi.

6.4 Pembinaan Identiti Pelarian

Al-Jazeera menggunakan kata Pelarian Syria *al-lāji'ūn al-sūriyyūn* (اللاجئون السوريون) bagi merujuk kepada golongan pelarian. Pelarian menjadi subjek utama dalam setiap laporan berita yang dibuat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila al-Jazeera sering memaparkan kata-kata pelarian. Malah setiap laporan berita yang dibuat oleh pihak al-Jazeera adalah bertitik-tolak dari maklumat yang diberikan oleh pelarian. Antaranya dalam laporan yang bertarikh 3 Januari 2014, Februari 2014 dan 30 Mac 2014. Sebagai contoh petikan berita al-Jazeera bertarikh 3 Januari 2014 :

Petikan berita 6

"اقتحمت قوات الشرطة المصرية، منزلنا بمدينة 6 أكتوبر وهم مدججون بالسلاح، في وقت متأخر من الليل، للاستفسار عن الإقامة، ثم خرجوا من الشقة بعد أن تأكدوا من سريلانها، قبل أن يعتقلوا اثنين من اللاجئين السوريين في ذات العمارة السكنية لعدم امتلاكهما للإقامة"، بهذه الكلمات عبر أبو يزن للجزيرة نت، عن معاناة اللاجئين السوريين في مصر نتيجة حملات الاعتقال والمداهمات العشوائية.

“Polis Mesir menyerbu rumah kami pada tengah malam pada 6 Oktober dengan lengkap bersenjata untuk bertanya mengenai permit untuk menetap. Kemudian meninggalkan apartmen itu setelah mengesahkan kesahihannya, sebelum mereka menahan dua pelarian Syria di bangunan pangsapuri yang sama kerana tidak mempunyai permit untuk menetap” Demikian penjelasan Abu Yazin kepada Al Jazeera net tentang penderitaan pelarian Syria di Mesir akibat kempen penangkapan dan serbuan secara rawak.

(Sumber: Al-Jazeera, 03 Januari 2014)

Selain itu al-Jazeera juga menggunakan kata pelarian dalam negara *al-nāziḥūn* (النّازِحون) apabila merujuk pelarian di dalam Syria. Perkataan ini juga merujuk kepada pergerakan mereka yang melarikan diri dari peperangan. Perkataan pendatang al-muhājir (المُهَاجِر) pula sering digunakan bagi merujuk pelarian Syria yang datang bersama pelarian dari negara lain seperti Palestin dan Afrika. Perkataan pendatang sering digunakan bersama frasa *عَئِيرَ الشَّرْعِيّين* (tidak sah). Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan pengiktirafan status pelarian itu secara mutlak hanya kepada pelarian Syria.

Manakala BBC menggunakan perkataan rakyat Syria bagi merujuk kepada golongan ini. Pelarian sebagai pelarian juga dapat dilihat kepada penggunaan beberapa

perkataan yang digunakan bagi merujuk pergerakan pelarian. Antaranya perkataan seperti lari *farru* (فَرَّوْا) dan *sa'aū* (سَعَوْا), perpindahan secara paksa *al-tarhīl al-qasrī* (القسري الترحيل), menuju *tawajjaha* (تَوَجَّهَ), bergerak secara ramai/berasak-asak *tadaffaqa* (تَدَفَّقَ), masuk *yaqba'* (يَقْبَعُ), datang *qudūm* (قُدُومٌ), lari *haraba* (هَرَبَ), berlepas *al-mughādarat* (المغادرة), mencari perlindungan di luar *al-lujū' fī al-khārij* (اللجوء في الخارج). Penggunaan perkataan ini telah membentuk identiti pelarian yang merujuk kepada seorang yang terpaksa melarikan diri dari krisis yang berlaku secara beramai-ramai dan sentiasa bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Hal ini menimbulkan rasa kasihan pembaca terhadap pergerakan pelarian yang seakan-akan tiada pengakhiran. Pembaca seolah-olah melihat pelarian sebagai golongan yang sentiasa letih melarikan diri.


Selain penggunaan kata yang menunjukkan pelarian sebagai pelarian, penggunaan ayat bersama perkataan tadi menjelaskan mengenai identiti seorang pelarian. Al-Jazeera dilihat menyifatkan peperangan yang berlaku merupakan suatu perkara yang dahsyat sehinggakan membawa kepada krisis pelarian. Perkataan seperti *هول المعارك* (ancaman peperangan), *القتال الذي يعصف ببلادهم* (peperangan yang memusnahkan negara mereka), *القصف المستمر على المدينة بالمدفعية الثقيلة وراجمات الصواريخ* (pengeboman yang berterusan ke atas bandar dengan meriam berat dan pelancar roket), *النزاع الدائر* (persengketaan yang berlaku), *وَيَأْتِي الحروب* (musibah peperangan). Penggunaan kata-kata seperti ini menambah lagi rasa simpati pembaca terhadap pelarian dan rasa marah pembaca terhadap pihak Rejim Asad dan sekutu yang bertanggungjawab dengan peperangan ini. Selain itu, penerangan mengenai suasana peperangan yang berlaku juga digambarkan secara teliti dalam laporan berita al-Jazeera yang bertarikh 17 Februari 2014. Begitu juga BBC. Sebagai contoh dalam laporan BBC yang bertarikh 12 September 2015 bertajuk Sekatan Bantuan Membuka “Pintu Maut” Kepada Pelarian Syria. Istilah “Pintu maut” di sini menunjukkan golongan ini merupakan golongan yang sentiasa terancam dengan kematian.

Kesan penggunaan ketiga-tiga istilah ini menunjukkan al-Jazeera mengiktiraf rakyat Syria yang keluar dari negara mereka sebagai pelarian. Status pelarian ini menjadikan mereka adalah golongan yang berhak mendapat bantuan semua pihak. Manakala BBC tidak mengiktiraf semua rakyat Syria sebagai pelarian. Laporan BBC banyak menggunakan perkataan rakyat Syria *al-sūriyyūn* (السُّورِيُّونَ) bagi merujuk golongan pelarian berbanding perkataan pelarian Syria *al-lāji 'ūn al-sūriyyūn* (اللاجئين السوريين). Hal ini menunjukkan penerimaan yang berbeza antara al-Jazeera dan BBC terhadap pelarian. Secara tidak langsung membentuk identiti pelarian sejagat dari dua aspek. Pertamanya ciri seorang pelarian menjadi pelarian, keduanya gambaran kehidupan seorang pelarian selepas menjadi pelarian. Kedua-dua perkara ini terpakai kepada semua pelarian seluruh dunia apabila gambaran laporan berita mengenai pelarian adalah hampir sama dalam kedua-dua laman berita AJA dan BBCA. Hanya berbeza dari segi istilah dan kecenderungan kandungan berita yang disampaikan.

6.5 Kesimpulan

Setelah melihat kepada mesej kedua-dua laman berita, penulis mendapati tidak ada perbezaan yang ketara antara kedua-dua laman berita. Tema laporan berita al-Jazeera yang melibatkan tema mangsa, bantuan dan kemanusiaan, pelarian sebagai pelarian serta tema BBC melibatkan tema kemanusiaan, mangsa, pelarian sebagai pelarian dan solusi berkongsi pada tiga tema yang awal. Sedikit perbezaan hanya pada tema solusi yang lebih banyak dilihat di dalam laporan berita BBC. Hal ini mungkin disebabkan dominasi media terhadap golongan pelarian. Pelarian sememangnya ingin ditonjolkan dan diperlihatkan sedemikian oleh media. Selain itu, jika dilihat dari aspek geopolitik, krisis Syria yang bermula Mac 2011 sehingga kini masih belum menampakkan penyelesaiannya. Menurut Ayman Rashdan Wong (2017), campur tangan pihak luar yang berkepentingan menjadikan krisis ini berterusan. Isu ini telah membentuk dua

kumpulan besar media yang bertentangan; a) media Amerika Syarikat dan sekutu, b) Media Syria dan sekutu. Pembahagian ini dapat dilihat dalam jadual berikut:



Rajah 6.1: Kumpulan Media Terhadap Isu Syria

Jika dilihat dari aspek geopolitik antara dua negara, Britain bersama al-Jazeera dalam menentang Basyar al-Asad. Jadi tidak hairan jika tiada perbezaan ketara di antara keduanya melainkan fokus utama berita antara keduanya. Rangkaian al-Jazeera yang diasaskan pada tahun 1996 dan dibiayai secara langsung oleh keluarga diraja Qatar memainkan peranan penting dalam kebangkitan Arab Spring yang melanda Timur Tengah dari 2011. Walau bagaimanapun, rangkaian berita Qatar ini telah dikritik kerana menyokong revolusi Tunisia, Mesir, Syria dan Libya, namun tidak memberikan perhatian yang sama kepada pemberontakan di Yaman, Arab Saudi dan Bahrain, sekutu dekat Doha dan ahli (Bahrain dan Arab Saudi) Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Selain

itu al-Jazeera juga dituduh sebagai penyokong pemberontak Syria dan dilihat sering menyampaikan berita yang negatif terhadap rejim Presiden Bashar al-Asad (Barakat, 2011 dalam Zainab Abdul Nabi 2015:272).

Penggunaan bahasa dalam laporan berita pelarian memberi sumbangan utama terhadap representasi pelarian Syria. Namun begitu, faktor politik antara dua laman berita juga memainkan peranan kerana melibatkan dua buah negara yang berlainan iaitu Qatar (al-Jazeera) dan Britain (BBC). Al-Jazeera dan BBC menyampaikan berita mewakili negara Arab dan negara Eropah. Melalui laporan berita di dalam kedua-dua laman berita, Qatar tidak ditonjolkan sebagai negara yang menerima pelarian. Walhal al-Jazeera berpangkalan di Qatar. Manakala BBC merupakan pihak yang terlibat dengan isu kemasukan pelarian ke Eropah. Eropah merupakan destinasi dan juga persinggahan untuk sebilangan besar pelarian dan pencari suaka.

Melalui laporan BBC, kita dapat melihat unsur *us vs them* yang menunjukkan Eropah selaku negara yang menerima pelarian dan memberikan bantuan kepada pelarian. Namun, pada masa yang sama mengkritik pelarian dan negara Timur Tengah. Selain itu, al-Jazeera juga dilihat sebagai pihak yang menyokong segala usaha yang dibuat Eropah dalam usaha membantu golongan pelarian. Hal ini telah membentuk corak laporan antara dua buah badan berita yang mengalami pengalaman yang berbeza dengan isu pelarian. Keseluruhan kajian ini akan disimpulkan pada bab seterusnya.

BAB 7

RUMUSAN DAN CADANGAN

7.0 Pendahuluan

Bab ini akan merumuskan kajian ini secara keseluruhan. Rumusan bagi kajian ini dijelaskan pada Bahagian 7.1. Dapatan utama kajian ini diterangkan pada Bahagian 7.2. Diikuti oleh sumbangan kajian pada Bahagian 7.3 serta cadangan penambahbaikan untuk kajian akan datang pada Bahagian 7.4. Seterusnya penutup bagi bab ini pada (Bahagian 7.5).

7.1 Rumusan Kajian

Bab 1-7 dirumuskan pada bahagian ini. Kajian ini melihat representasi pelarian Syria dalam artikel akhbar bahasa Arab yang dilaporkan dalam dua laman berita Al-Jazeera dan BBC. Rata-rata kajian seumpama ini dilaksanakan dengan menggunakan data berbahasa Inggeris dan melibatkan pelarian dari bangsa yang berlainan. Namun, kajian ini dibuat bagi melihat gambaran yang diberikan terhadap pelarian berbangsa Arab menggunakan akhbar bahasa Arab. Pelbagai istilah dan perkataan pelarian yang digunakan di dalam artikel berita telah dijelaskan (Bahagian 1.1). Model Tiga Dimensi Fairclough (1992a) diintegrasikan bersama ilmu Balaghah bahasa Arab bagi merealisasikan objektif dan soalan kajian ini (Bahagian 1.3-1.4). Kajian ini dilihat memberi manfaat pada bidang analisis wacana Arab dan kajian bahasa media (Bahagian 1.5). Kajian ini terbatas kepada beberapa batasan yang telah dijelaskan (Bahagian 1.6). Rangka keseluruhan kajian telah dijelaskan (Bahagian 1.7).

Kajian lepas yang berkaitan mengenai kajian ini telah dilihat melibatkan topik analisis wacana, analisis wacana kritikal dan ilmu Balaghah bahasa Arab (Bahagian 2.1-2.2). Diikuti topik mengenai pembahagian ayat berdasarkan ilmu balaghah dan analisis

wacana Arab (Bahagian 2.3-2.4). Jurang kajian ini dengan kajian yang telah dilakukan juga telah dijelaskan (Bahagian 2.5).

Analisis kajian ini menggunakan Model Tiga Dimensi Fairclough (1992a) sebagai pendekatan analisis yang mengandungi tiga dimensi analisis teks, amalan wacana dan amalan sosial (Bahagian 3.1). Kajian ini juga menggunakan data teks bahasa Arab (Bahagian 3.2). Jenis data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan artikel berita yang dikeluarkan laman berita al-Jazeera dan BBC (Bahagian 3.2.1) dan dikumpulkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dengan sebab dan alasan yang telah dijelaskan (Bahagian 3.2.2). Analisis data menggunakan Model Tiga Dimensi Fairclough melibatkan tiga dimensi utama yang dibahagikan mengikut analisis teks, analisis amalan wacana dan analisis amalan sosial (Bahagian 3.2.2). Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini akan dilihat berdasarkan terjemahan data yang disemak oleh pakar (Bahagian 3.3).

Hasil dari analisis yang dibuat, dapatan utama kajian dapat dilihat pada bab 4-6. Bab 4 telah menjelaskan representasi pelarian di bawah empat tema utama; pelarian sebagai pelarian (Bahagian 4.1), pelarian sebagai angka (Bahagian 4.2), pelarian sebagai mangsa (Bahagian 4.3) dan pelarian sebagai penerima bantuan (Bahagian 4.4). Bab 5 telah menjelaskan dimensi amalan wacana melibatkan aspek intertekstualiti (Bahagian 5.1) dan aspek interdiskursiviti (Bahagian 5.2) yang terdapat dalam artikel berita mengenai pelarian. Manakala Bab 6 menjelaskan dimensi amalan sosial melibatkan analisis makrostruktur (Bahagian 6.1). Bab 4-6 telah menjawab soalan kajian (Bahagian 1.4) dan jawapan kepada setiap soalan akan dirumuskan pada Bahagian 7.2.

7.2 Jawapan Soalan Kajian

Bab 4-6 telah menjawab soalan kajian pada Bahagian 1.4. Setiap bab mewakili setiap satu dimensi Model Tiga Dimensi Fairclough (1992a) yang telah dibahagikan kepada 3 bahagian analisis. Setiap bab ini juga mewakili setiap soalan dan objektif kajian (Bahagian 1.3-1.4). Secara ringkasnya, perkara ini dapat dilihat dalam jadual 7.1.

Jadual 7.1: Padanan Bab, Dimensi Dan Soalan Kajian

Bab	Dimensi	Soalan Kajian
4	Teks	Apakah representasi yang digunakan untuk menggambarkan pelarian Syria dalam laporan berita al-Jazeera dan BBC?
5	Amalan Wacana	Bagaimana aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti menyumbang kepada representasi pelarian Syria?
6	Amalan Sosial	Bagaimana amalan sosial mempengaruhi cara representasi pelarian Syria dalam kedua-dua akhbar?

7.2.1 Soalan Kajian 1 (Analisis Teks)

Soalan kajian 1 : Apakah representasi yang digunakan untuk menggambarkan pelarian Syria dalam laporan al-Jazeera dan BBC? Pada bab 4, kita telah melihat bagaimana pelarian ditonjolkan dalam berita dari aspek penggunaan bahasa. Melalui bahasa yang digunakan, terdapat empat representasi pelarian Syria dalam kedua-dua laman berita. Representasi pertama ialah pelarian sebagai pelarian (Bahagian 4.1). Representasi kedua ialah pelarian sebagai angka (Bahagian 4.2), representasi ketiga ialah pelarian sebagai mangsa (Bahagian 4.3) dan representasi keempat ialah pelarian sebagai penerima bantuan (Bahagian 4.4).

7.2.1.1 Pelarian Sebagai Pelarian

Representasi pertama pelarian sebagai pelarian menjelaskan bagaimana pelarian ditonjolkan menggunakan identiti dan kategori pelarian melalui penggunaan pelbagai istilah sebagai rujukan kepada golongan pelarian. Pelarian sebagai pelarian ini

memberikan dua maksud. Pertama, sebagai ciri dan sifat (identiti) seorang pelarian yang digambarkan sebagai golongan yang sentiasa bergerak atau berlari dari satu tempat ke satu tempat mencari perlindungan. Kedua, sebagai pengiktirafan (kategori) pelarian sebagai seorang pelarian, pendatang atau kedua-duanya.

Identiti Pelarian

Pelarian seringkali ditonjolkan sebagai orang yang melarikan diri. Al-Jazeera dilihat sering menonjolkan keadaan peperangan atau krisis yang berlaku di Syria melalui penggunaan kata adjektif sebelum atau selepas perkataan pelarian dan peperangan. Hal ini dapat dilihat pada Jadual 4.3, kengerian peperangan *haul al-mu'arik* (هَوَلُ الْمُعَارِكِ), peperangan yang memusnahkan (الْقِتَالُ الَّذِي يَعْصِفُ), kesengsaraan peperangan جَحِيمِ (وَيَأْتِ الْحُرُوبِ) dan musibah peperangan (الصَّرَاعِ).

Hal ini berbeza dengan BBC. BBC pula dilihat tertumpu kepada penggunaan ayat yang hampir sama mengenai pergerakan pelarian. Umpamanya melarikan diri dari peperangan seperti dalam Jadual 4.4. BBC dilihat menggunakan kerap kali menggunakan frasa perang saudara */al-ḥarb al-'ahliyyat/* (الْحَرْبُ الْأَهْلِيَّةُ) dan perkataan perang */al-ḥarb/* (الْحَرْبُ) yang dilihat lebih umum.

Perkataan */fārrīn/* (فَارِّينَ) yang digunakan dalam kedua-dua laman berita merupakan kata nama pelaku (subjek) yang menggambarkan keadaan fizikal seorang pelarian yang sentiasa melarikan diri. Perkataan */al-fārrin/* (الْفَارِّينَ) merupakan kata sifat yang selalu hadir selepas kata pelarian Syria. Perkataan bahasa Arab yang dibina menggunakan wazan *فَاعِل* merupakan kata sifat yang mempunyai makna yang sehati dengan pelaku. Penggunaan kata */al-fārr/* (الْفَارِّ) memberikan makna yang lebih kuat dari penggunaan kata *haraban* (هَارِبًا) yang datang dalam bentuk kata terbitan dari kata akar */haraba/* (هَارَبَ) yang membawa maksud lari. Kesan dari penggunaan perkataan-perkataan ini seolah-olah memberitahu pembaca, pelarian sentiasa bergerak, berlari bergerak menuju ke satu tempat ke satu tempat yang lain. Perkataan 'lari' juga menunjukkan unsur yang berlebihan dalam menggambarkan cara pergerakan golongan

pelarian. Walaupun hakikat pergerakan mereka bukan hanya secara berlari, malah berjalan, menaiki kereta api dan menaiki bot. Perkara ini secara tidak langsung menggamit rasa belas kasihan pembaca terhadap golongan pelarian yang sentiasa bergerak tanpa henti. Terdapat dua identiti utama pelarian yang ditonjolkan al-Jazeera dan BBC iaitu:

- a) Pelarian merupakan orang yang melarikan diri dari peperangan.
- b) Pelarian merupakan orang yang melarikan diri ke negara luar bagi mencari perlindungan.

Kategori Pelarian

Pelarian sering dirujuk menggunakan perkataan seperti pelarian */al-lāji/* (اللاجي), warga Syria */al-sūrīyy/* (السوري), pelarian dalam negara */al-nāziḥ/* (النّازح), pendatang */al-muhājir/* (المهاجر), orang yang datang */al-qādim/* (القادم), rombongan yang tiba */al-wāfid/* (الوافد) dan yang dihantar pulang ke negara mereka */al-murahḥil/* (المرحّل). Namun begitu, Al-Jazeera dan BBC membezakan dengan jelas 3 kategori utama iaitu pelarian */al-lāji/* (اللاجي), pelarian dalam negara */al-nāziḥ/* (النّازح) dan pendatang */al-muhājir/* (المهاجر). Pemilihan kata yang digunakan untuk merujuk pelarian memberi implikasi yang berbeza terhadap undang-undang, polisi serta sikap dan penerimaan tuan rumah/masyarakat terhadap pelarian. Kesan penggunaan ketiga-tiga istilah ini menunjukkan al-Jazeera mengiktiraf semua rakyat Syria yang keluar dari negara mereka sebagai pelarian. Hal ini kerana AJA tidak menggunakan perkataan pendatang kepada pelarian Syria. Manakala BBC dilihat menggunakan perkataan pelarian dan pendatang kepada pelarian Syria. Perkataan pelarian Syria dalam AJA dan BBCA berada pada frekuensi tertinggi. Perkataan */lāji/* (لاجي) seringkali hadir bersama perkataan rakyat Syria */sūrīyy/* (سوري) sebagai satu entiti iaitu “pelarian Syria” */al-lāji ʿin al-sūrīyyīn/* (اللاجئين السوريين). Perkataan pelarian berulang sebanyak 528 kali, diikuti perkataan rakyat Syria berulang sebanyak 378 kali di dalam AJA dan perkataan pelarian berulang sebanyak 295 kali, diikuti perkataan rakyat Syria yang berulang 299 kali di dalam

BBCA. Perkataan Pelarian Syria ini dilihat khusus kepada pelarian yang datang dari Syria. Sekiranya terdapat pelarian lain yang hadir bersama pelarian dari Syria, AJA dilihat akan menggunakan istilah pendatang. Status pelarian ini menjadikan pelarian Syria adalah golongan yang berhak mendapat bantuan semua pihak. Manakala BBC tidak mengiktiraf semua rakyat Syria sebagai pelarian kerana menggunakan perkataan pelarian dan pendatang sebagai rujukan kepada pelarian Syria. Hal ini menunjukkan penerimaan yang berbeza antara al-Jazeera dan BBC terhadap pelarian.

7.2.1.2 Pelarian Sebagai Angka

Representasi kedua ialah pelarian sebagai angka. Representasi ini menjelaskan bagaimana pelarian sentiasa dirujuk sebagai kumpulan ramai. Golongan ini juga seringkali dirujuk dalam bentuk angka, statistik dan hadir bersama perkataan yang menunjukkan banyak dan ramai seperti lebih daripada, seramai, menjangkau, hampir dan penggunaan angka.

Laporan AJA seringkali menggunakan angka seperti ratusan ribu */miāt al-alāf/* (مئات الآلاف), sepuluh ribu */‘asyarat ālāf/* (عَشْرَةَ آلاف), jutaan */malāyīm/* (ملايين), lebih daripada enam ratus ribu (أكثر من ستمائة ألف) puluhan ribu */asyar āt ālāf/* (عشرات آلاف) sebagai rujukan kepada pelarian. Penggunaan perkataan seperti puluhan, ratusan, dan jutaan memperlihatkan angka anggaran yang dibuat dan menggambarkan ramainya pelarian yang ada sehingga tidak terkira jumlahnya. Selain itu, penggunaan perkataan berkaitan bilangan seperti menjangkau, mencapai hampir, bilangan pelarian mencapai, seramai. Pelarian juga sering dikaitkan dengan perumpamaan seperti gelombang */maujaṭ/* (موجة), limpahan */tadaffuq/* (تدفق) dan barisan */ṭawābīr/* (طوابير).

Begitu juga gambaran yang diberikan laman berita BBC mengenai golongan ini. Penggunaan kata seperti lebih dari 1 juta (بأكثر من مليون), jutaan */malāyīm/* (ملايين), hampir 3 juta (نحو ثلاثة ملايين), ribuan */ālāf/* (آلاف), bertambah */tazāyadat/* (تزايدت)

sering digunakan. BBC juga dilihat menggunakan perkataan yang menunjukkan jumlah yang ramai seperti huru-hara /*al-faudhā*/ (الْفَوْضَى), limpahan /*al-tadaffuq*/ (التَدَافُق), penghijrahan terbesar (أكبر الهجرات), arus manusia "المد البشري".

Terdapat perbezaan antara kedua-dua laman berita apabila melaporkan jumlah dan angka golongan pelarian. Laporan laman berita AJA dilihat lebih banyak melaporkan jumlah golongan ini, namun seringkali membuat anggaran mengenai jumlah pelarian tanpa memetik mana-mana sumber. Penggunaan kata seperti ratusan, ribuan, jutaan lebih daripada, menjangkau serta hampir menunjukkan anggaran yang dibuat dan tidak dapat ditentukan jumlahnya, tidak diketahui sumbernya. Hal ini berbeza dengan laman berita BBCA yang sentiasa menyandarkan setiap angka kepada organisasi yang berkaitan seperti UNHCR, Majlis Pelarian Norway dan Jawatankuasa Bantuan Antarabangsa.

7.2.1.3 Pelarian Sebagai Mangsa

Representasi ketiga ialah pelarian sebagai mangsa. Representasi ini menjelaskan bagaimana bahasa yang digunakan memaparkan kesusahan yang dialami pelarian sama ada melalui laporan berita wartawan atau melalui naratif pelarian sendiri. Pelarian sebagai mangsa ini menunjukkan pelarian sebagai golongan yang memerlukan bantuan. Laporan berita AJA sering menggunakan kata seperti penderitaan /*mu'ānāt*/ (مُعَانَاة), bencana /*kārithat*/ (كَارِثَة), susah /*šo'bat*/ (صُعْبَة), bahaya /*al-khaṭar*/ (الْخَطَر), terseksa /*al-mu'aḍḍab*/ (الْمُعَذَّب), diskriminasi/eksploitasi /*al-istighlāl*/ (الاستغلال), tragedi /*ma'sāt*/ (مَأْسَاة), terdesak /*iḥtiyājāt*/ (اِحْتِيَاجَات) menunjukkan kesusahan dan situasi pelarian yang pelbagai sebagai mangsa.

Laporan berita BBCA sering menggunakan kata seperti keganasan /*al-'unf*/ (الْعُنْف), yang terkandas /*al-'aliqin*/ (العَالِقِينَ), percubaan /*muḥāwalat*/ (مُحَاوَلَة), kesengsaraan

/mu'ānāt/(مُعَانَاة), kesengsaraan */ma'sāt/* (مَأْسَاة), pergelutan */al-isytibākāt/* (الإِشْتِبَاكَات), dan tempat perlindungan */al-mā'wā/* (الْمَأْوَى) menunjukkan kesusahan dan situasi pelarian yang pelbagai sebagai mangsa.

Pelarian sebagai mangsa dapat dilihat dari dua tema utama laporan berita iaitu : i) kesusahan pelarian akibat peperangan dan ii) kesusahan pelarian akibat layanan dari negara tuan rumah. Kisah kesengsaraan pelarian juga digambarkan melalui naratif pelarian mengenai kesusahan yang mereka hadapi. Al-Jazeera dilihat banyak memaparkan kisah pelarian melalui penceritaan pelarian. Di samping sering menyediakan maklumat latar belakang mereka secara terperinci seperti maklumat pendidikan, pekerjaan serta merujuk pelarian menggunakan nama sebenar.

Hal ini juga dapat dilihat dalam laporan yang dibuat BBC dalam laporan beritanya mengenai kesusahan yang dialami pelarian. BBC dilihat mengambil pendekatan yang lebih umum dalam laporan beritanya mengenai kesusahan pelarian. Hal ini berbeza dengan laporan al-Jazeera yang dilihat mampu menyentuh emosi pembaca melalui penggunaan kata dan laporan mengenai kesusahan pelarian secara perseorangan dan individu.

7.2.1.4 Pelarian Sebagai Penerima Bantuan

Representasi keempat ialah pelarian sebagai penerima bantuan. Representasi ini menjelaskan bagaimana pelarian dilihat sebagai golongan yang perlu dibantu sama ada bantuan penerimaan untuk tinggal di negara yang dituju atau bantuan keperluan asas yang lain. Hal ini dapat dilihat melalui pemilihan kata seperti menjemput */tastaḍīf/* (تَسْتَضِيف) dan mengalu-alukan/menerima */tastaqbil/* (تَسْتَقْبِل), terima */qubūl/* (قُبُول), membenarkan masuk */al-simāḥ al-dukhūl/* (السِّمَاحُ الدُّخُولُ), membuka pintu */yaftaḥ al-bāb/* (يَفْتَحُ الْبَابَ), melindungi */īywā/* (إِيْوَاء). Perkara ini dapat dilihat dalam dua aspek utama iaitu:

a) Penerimaan negara tuan rumah

b) Jenis bantuan yang diterima

Al-Jazeera dilihat lebih banyak melaporkan mengenai bantuan yang telah diberikan kepada pelarian. Manakala BBC pula banyak melaporkan mengenai perancangan mengenai apakah bantuan yang bakal diterima pelarian. Perkara ini dilihat sebagai perkara yang belum pasti. Pemilihan perkataan seperti pertolongan, bantuan, perlindungan merupakan perkataan yang sering hadir bersama kata pelarian.

Melalui corak berita yang meletakkan pelarian sebagai penerima bantuan, terdapat dua kesan yang boleh dilihat: Pertama, melalui bantuan yang telah diberikan, menunjukkan nasib pelarian terbelah dengan bantuan yang telah diberikan. Maka bantuan masih perlu diberikan berikutan krisis pelarian yang semakin teruk. Kedua, melalui bantuan yang akan diberikan merupakan perancangan yang baru dirancang dan merupakan perkara yang belum pasti. Pihak yang ingin membantu dilihat sebagai golongan dominan. Manakala golongan pelarian dilihat sebagai golongan yang pasif (Ozdora-Aksak, 2021), hanya menunggu bantuan dari pihak lain untuk meneruskan kehidupan.

Jika dilihat kepada kedua-dua laman berita, sasaran pembaca utama ialah masyarakat Arab kerana menggunakan bahasa Arab. Malah krisis yang dibincangkan juga melibatkan krisis masyarakat Arab. Selain itu, isu geopolitik Timur Tengah juga perlu diambil kira bagi mendapat gambaran penuh cara berita disampaikan. Perkara-perkara seperti ini sedikit sebanyak mempengaruhi cara berita disampaikan. Terutamanya pada penggunaan bahasa. Kajian ini melihat krisis yang berlaku pada bangsa Arab melalui perspektif bangsa Arab.

7.2.2 Soalan Kajian 2 (Amalan Wacana)

Soalan kajian 2 berbunyi: Bagaimana aspek intertekstualiti dan interdiskursiviti menyumbang kepada representasi pelarian Syria tersebut? Analisis intertekstualiti

merupakan analisis yang dibuat bagi melihat bagaimana proses sesuatu wacana dihasilkan. Pembinaan teks tidak pernah sunyi dari menggunakan sumber-sumber luar dalam proses penghasilannya. Terdapat lima sumber atau suara utama yang sering digunakan dalam artikel berita mengenai pelarian. Sumber-sumber tersebut ialah suara pelarian (Bahagian 5.1.1) sama ada bercakap sebagai orang perseorangan atau wakil pelarian, agensi antarabangsa (Bahagian 5.1.2) pelarian seperti UNHCR (Bahagian 5.1.2.1) dan AMNESTY (Bahagian 5.1.2.2), negara luar (Bahagian 5.1.3) seperti kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh sesebuah negara, media luar (Bahagian 5.1.4) dan antarabangsa seperti *The Independent* dan *Reuters* serta aktivis dan badan sukarelawan (Bahagian 5.1.5) seperti Gabungan Kebangsaan Pasukan Revolusi dan Pembangkang Syria. Setiap sumber memainkan peranan yang tersendiri dalam proses pembinaan wacana berita yang disampaikan.

Kesengsaraan pelarian yang disampaikan melalui suara mereka sendiri adalah satu usaha untuk menyampaikan suara pelarian kepada dunia bagi meminta simpati pembaca dan membuat pelarian rasa diterima dan melahirkan rasa simpati kepada pelarian. Kesengsaraan mereka dinyatakan melalui pendirian mereka terhadap situasi yang mereka sedang hidup. Mereka menjadi saksi terhadap kesusahan yang mereka sendiri alami. Gambaran ini meletakkan mereka atau mengasingkan mereka dari golongan masyarakat lain. Perkara ini akan menjadikan mereka sebagai mangsa dan akan terus mengekalkan status mereka sebagai 'others'. Kisah kesengsaraan mereka sering dipaparkan melalui cerita-cerita mereka yang menyentuh hati dan kesengsaraan mereka melalui petikan kata-kata mereka (*reported voices*). Suara pelarian yang digunakan bertujuan untuk meminta simpati dan mendapat kepercayaan pembaca bahawa pelarian merupakan golongan yang berada di dalam kesulitan.

Petikan laporan, kenyataan, statistik, kritikan, gesaan dari agensi-agensi ini memainkan peranan penting bagi menyokong setiap maklumat yang disampaikan kerana agensi ini mempunyai autoriti dalam isu pelarian. Setiap maklumat yang diambil menggunakan nama-nama agensi ini akan diberi perhatian oleh pembaca.

Proses interdiskursiviti pula merupakan proses asas yang dapat membantu kita memahami bagaimana wacana berfungsi sebagai satu bentuk sosial praktis, bagaimana perubahan amalan wacana mempunyai hubungan dengan perubahan sosial (Fairclough, 1992a). Interdiskursiviti terjadi apabila sebuah wacana mengandungi gabungan beberapa jenis teks dalam strukturnya. Umpamanya berlaku percampuran genre dalam satu wacana. Percampuran genre ini mempengaruhi bagaimana susun atur sesebuah wacana dibuat. Analisis yang dibuat terhadap laporan berita dalam kedua-dua laman berita memaparkan beberapa jenis gabungan wacana dan gaya yang digunakan dalam laporan berita (Bahagian 5.3). Wacana dan gaya yang terlibat melibatkan laporan statistik, wacana laporan agensi antarabangsa, wacana berita, kenyataan rasmi negara, wacana kajian, gaya penceritaan (*narrative*), bahasa pertuturan, bahasa mengajar, bahasa menyeru, bahasa menuntut, dan memberi amaran.

Proses interdiskursiviti merupakan proses asas yang dapat membantu kita memahami bagaimana wacana berfungsi sebagai satu bentuk sosial praktis, bagaimana perubahan amalan wacana mempunyai hubungan dengan perubahan sosial (Fairclough, 1992a). Interdiskursiviti terjadi apabila sebuah wacana mengandungi gabungan beberapa jenis teks dalam strukturnya. Umpamanya berlaku percampuran genre dalam satu wacana. Percampuran genre ini mempengaruhi bagaimana susun atur sesebuah wacana dibuat. Hal ini bermakna struktur masyarakat, struktur organisasi atau institusi yang terlibat akan mempengaruhi struktur wacana.

7.2.3 Soalan Kajian 3 (Amalan Sosial)

Soalan kajian 3 berbunyi: Bagaimanakah amalan sosial mempengaruhi cara representasi pelarian Syria dalam kedua-dua akhbar?

Analisis bahagian ini mendapati makna sebenar di sebalik pemilihan perkataan, penggunaan gaya bahasa dan amalan wacana yang digunakan dalam kedua-dua laman berita telah memberikan representasi yang positif dan negatif dalam beberapa mesej yang ingin disampaikan. Mesej utama yang ingin disampaikan ialah mesej simpati, mesej kemanusiaan, representasi “kita” vs “mereka (*us vs them*) dan pembinaan identiti pelarian. Mesej-mesej ini mengajak masyarakat luar untuk melihat golongan pelarian dari kaca mata yang pelbagai.

Mesej simpati dapat dilihat dalam representasi pelarian sebagai pelarian, representasi pelarian sebagai angka dan representasi pelarian sebagai mangsa. Mesej kemanusiaan pula dapat dilihat dalam representasi pelarian Syria sebagai mangsa dan representasi pelarian sebagai penerima bantuan. Representasi “kita” vs “mereka” dapat dilihat dalam representasi pelarian sebagai penerima bantuan. Manakala pembinaan identiti pelarian dapat dilihat dalam keempat-empat representasi yang disampaikan. Representasi pelarian dipengaruhi oleh tiga ciri utama yang dapat dilihat dalam kajian ini iaitu:

- a) Sejauh mana “dramatik” golongan pelarian digambarkan menggunakan bahasa di dalam laporan berita.
- b) Kaedah petikan suara pelarian yang seringkali menggunakan petikan langsung suara pelarian dan kuantiti ruang yang diberikan pelarian di dalam laporan berita.
- c) Maklumat keseluruhan mengenai sesuatu peristiwa melibatkan pelarian dibantu oleh maklumat sampingan yang menyokong amalan sosial di dalam laporan berita.

Secara umumnya, al-Jazeera memfokuskan beritanya kepada situasi pelarian di negara-negara jiran Syria seperti di Jordan, Libya, Lubnan, Iraq dan Turkiye. Di samping itu, al-Jazeera dilihat seringkali merujuk laporan akhbar Britain dan memaparkan seruan terhadap Eropah untuk membantu pelarian. Al-Jazeera dilihat menyeru kepada perlindungan dan bantuan semua pihak terutama negara Eropah.

BBC pula dilihat lebih memfokuskan pelarian yang dalam perjalanan ke Eropah dan pelarian yang sedang tinggal di negara-negara Eropah. Selain itu, BBC dilihat banyak memaparkan isu pelarian yang melibatkan negara Turkiye. BBC dilihat membawa mesej perlindungan dan percubaan mencari solusi yang boleh dibuat terhadap isu ini. Melalui laporan yang dipaparkan BBC, isu pelarian yang semakin kritikal perlu ditangani segera oleh semua pihak termasuk negara-negara Arab. BBC juga dilihat menggambarkan pelarian sebagai satu beban dan masalah kepada Eropah berikutan kehadiran golongan pelarian yang semakin ramai menuju Eropah.

7.3 Sumbangan Kajian

Hasil kajian ini memberi sumbangan kepada ilmu kajian dalam bidang analisis wacana Arab, bidang analisis wacana bahasa media dan bidang analisis wacana kemanusiaan. Sumbangan ini dapat dibahagikan kepada tiga aspek. Pertama, sumbangan dari segi teori dan metodologi. Kedua, sumbangan dari segi ilmu gaya bahasa terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa. Ketiga, sumbangan dari segi isu kajian.

7.3.1 Analisis Wacana Bahasa Arab (Sumbangan Teori & Metodologi)

Dapatan kajian ini menunjukkan ilmu analisis wacana boleh dibuat dan dikembangkan menggunakan alat analisis yang bersesuaian dengan data yang digunakan. Kajian ini telah memilih data yang menggunakan bahasa Arab. Hal ini telah menampakkan kepentingan ilmu Balaghah Arab sebagai alat analisis teks bahasa Arab. Semua bahasa

berkongsi ciri sistem utama walaupun berbeza. Melalui kajian ini, keunikan ilmu Balaghah sebagai alat analisis dapat dilihat. Perbahaasan ilmu Balaghah mencakupi bidang sintaksis dan pragmatik. Sebagai contoh dalam ilmu Balaghah, terdapat konsep seperti makna atau tujuan ayat penyata. Tujuan ini dinamakan sebagai *أَعْرَاضُ بَلَاغِيَّة* (tujuan balaghah atau tujuan estetika). Perkara ini boleh dibandingkan dengan pembahagian lakuan tuturan di dalam bahasa Inggeris melibatkan *locution*, *illocutionary* dan *perlocution*. Manakala gaya bahasa *Ma'ānī* seperti ungkapan ringkas, setara dan panjang (*الإيجاز والإطناب والمساواة*) dapat dibandingkan dengan konsep maksim kerjasama Grice (1975). Kajian analisis wacana dapat dikembangkan menggunakan konsep yang sedia ada di dalam bahasa yang dikaji. Kajian ini juga dapat melihat perspektif bangsa Arab terhadap pelarian Arab itu sendiri apabila data kajian menggunakan teks berita berbahasa Arab dari negara Arab. Berbeza dengan kajian sedia ada yang kebanyakan melibatkan data kajian berbahasa Inggeris dan kajian dibuat terhadap pelarian dari bangsa yang luar.

7.3.2 Wacana Bahasa Media (Sumbangan Ilmu terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa)

Dapatan kajian juga dapat digunakan bagi tujuan pedagogi. Kajian menunjukkan penggunaan gaya bahasa media berbeza dengan penggunaan dan gaya penulisan teks biasa kerana melibatkan pelbagai jenis wacana dan gaya penyampaian. Setiap perkataan yang digunakan mestilah digunakan dalam konteks yang sesuai. Sebagai contoh, dalam berita mengenai pelarian yang melarikan diri dari peperangan, banyak kosa kata berkaitan peperangan telah digunakan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadi teks pilihan untuk tujuan pembelajaran terutamanya bagi subjek seperti bahasa Arab untuk tujuan khas. Hal ini secara tidak langsung membantu pendidik untuk membimbing pelajar menggunakan bahasa Arab untuk tujuan khas. Perkataan mati hadir

dalam pelbagai bentuk; *وَفَاةٌ، مَاتَ، حَصَدَتْ أَرْوَاحٌ، قَتَلَ، تَوَفَّى، لَقُوا حَتْفَهُمْ*. Perkataan tolong; *بَدَلَ، تَقَدَّمَ، مَدَّ يَدَ الْعَوْنِ، الْمُسَاعَدَةَ، التَّعَاوُنَ، إِغَاثَةَ، عَوْنٌ، يَشْحَذُ هِمَّةً، إِيْوَاءُ، الْمَعُونَاتُ*. Perkataan bergerak; *فَرَّ وَسَعَى، الْمَغَادِرَةَ، التَّرْحِيلَ، اللُّجُوءَ، تَدَفَّقَ، قَبَعَ، نَزَحَ، هَرَبَ، تَوَجَّهَ، هَاجَرَ، قَدُومٌ، أَتَى،* *اخْتَرَقَ، تَوَافَدَ*.

Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk membimbing pelajar memahami gaya bahasa berita. Melalui kajian ini, gaya bahasa berita mempunyai beberapa ciri. Antaranya banyak penggunaan istilah-istilah baru yang mempunyai pengaruh bahasa asing, penggunaan *jamak taksir* lebih kerap digunakan, penggunaan pelbagai variasi istilah yang merujuk kepada makna yang sama, topik berita menggunakan ayat namaan, berita utama menggunakan ayat kerjaan dan laporan berita memuatkan berita yang telah berlaku dan berita yang akan berlaku bergantung kepada penggunaan penanda wacana yang digunakan.

7.3.3 Analisis Wacana Kemanusiaan (Sumbangan Isu Kajian)

Kebanyakan kajian pelarian dan isu kemanusiaan dibuat dalam ruang lingkup kajian undang-undang antarabangsa dan sains politik. Jadi kajian ini cuba melihat analisis wacana kemanusiaan dari perspektif kajian bahasa. Perkara ini sedikit sebanyak memberikan kita maklumat mengenai bagaimana sesuatu isu ditonjolkan media melalui laporan berita yang dikeluarkan. Gaya dan cara laporan berita dibuat dipengaruhi oleh komuniti masyarakat yang mengeluarkan teks berita secara tidak langsung memberi gambaran perspektif yang diambil masyarakat di luar terhadap sesuatu isu di dalam teks. Hal ini secara tidak langsung membawa kita untuk menelusuri latar belakang krisis pelarian yang berlaku melangkaui sejarah negara, budaya dan masyarakat. Krisis yang terjadi di Syria sekarang mempunyai asal-usulnya dalam sejarah penubuhan negara Syria di zaman lampau. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kita perlu cakna dengan isu kemanusiaan yang melanda dengan melihat isu ini secara holistik

bukan sahaja dari kaca mata undang-undang antarabangsa dan sains politik malah melangkaui kajian bahasa yang memberi peluang kepada kita untuk melihat perspektif masyarakat terhadap sesuatu isu dengan melihat cara teks berita ditulis. Teks yang ditulis ini juga akan mempengaruhi masyarakat yang membaca.

7.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Melalui dapatan kajian ini, beberapa kajian lanjutan dapat dibuat bagi melihat representasi pelarian secara menyeluruh. Kajian ini boleh dipanjangkan dengan melibatkan aspek-aspek yang berbeza seperti cara pemilihan data, dan pendekatan yang digunakan. Antara cadangan kajian lanjutan yang dapat dibuat ialah:

Pertama: Kajian lanjutan mengenai isu pelarian dalam teks berbahasa Arab boleh dikembangkan dengan kajian dalam bidang ilmu semiotik. Data kajian boleh dikembangkan dari teks tulisan kepada teks berbentuk gambar, simbol, video dan audio mengenai pelarian. Hal ini boleh menguatkan dapatan kajian sedia ada yang kebanyakan tertumpu kepada analisis teks sahaja.

Kedua: Kajian mengenai pelarian juga boleh dilihat berdasarkan latar peristiwa tertentu yang terlibat dengan pelarian seperti Brexit, serangan Paris yang mempengaruhi corak laporan berita mengenai pelarian sebelum dan selepas peristiwa tersebut.

Ketiga: Kajian melibatkan dua pihak yang bertentangan terhadap isu pelarian. Seperti negara Arab yang menyokong dan menentang isu pelarian. Kajian perbandingan antara negara Arab berdasarkan latar belakang politik yang berbeza membawa kepada bentuk laporan berita yang berbeza. Seperti negara teluk dan bukan negara Teluk serta kajian perbandingan antara dua kuasa besar yang berbeza seperti CNN mewakili Amerika dan al-Jazeera mewakili negara Arab dalam masa yang sama Qatar juga merupakan sekutu AS.

Keempat: Kajian yang dibuat terhadap sebelum dan selepas sesuatu polisi dibuat seperti kajian terhadap BBC selepas Brexit kerana antara isu Britain keluar dari Kesatuan Eropah (EU) adalah disebabkan isu imigran dan pelarian.

7.5 Penutup

Secara umumnya, terdapat empat tema serta representasi utama pelarian bagi kedua-dua laman berita. Merangkumi pelarian sebagai pelarian (bahagian 4.1), pelarian sebagai angka (bahagian 4.2), pelarian sebagai mangsa (bahagian 4.3) serta pelarian sebagai penerima bantuan (bahagian 4.4). Kedua-dua laman berita menunjukkan representasi yang positif mengenai pelarian kerana setiap laporan yang dibuat bertujuan memaparkan kesusahan yang dialami pelarian. Al-Jazeera dilihat lebih dominan dalam penyampaian berita mengenai pelarian kerana bahasa yang digunakan mampu membawa pembaca bersama-sama menyelami kesusahan pelarian terutamanya pada (bahagian 4.3) yang melibatkan tema pelarian sebagai mangsa. Al-Jazeera dilihat lebih beremosi melalui pemilihan perkataan yang digunakan ketika melaporkan kesusahan pelarian. Al-Jazeera dan BBC menyampaikan berita mewakili negara Arab dan negara Eropah. Negara Arab seperti Qatar tidak ditonjolkan sebagai negara yang menerima pelarian. Manakala BBC merupakan pihak yang terlibat dengan isu kemasukan pelarian ke Eropah. Hal ini telah membentuk corak laporan antara dua buah badan berita yang mengalami pengalaman yang berbeza dengan isu pelarian.

Akhir kata, setiap laporan yang ditonjolkan media berupaya membentuk cara pandang pembaca terhadap golongan pelarian dan secara tidak langsung telah membentuk identiti golongan pelarian yang perlu diterima pembaca. Hal ini terbukti apabila laporan al-Jazeera dan BBC mengenai pelarian Syria tidak menunjukkan perbezaan yang ketara berikutan gambaran yang diberikan media terhadap pelarian. Golongan pelarian sengaja digambarkan demikian walaupun hakikatnya banyak perkara lain yang boleh

dilaporkan seperti pengakhiran golongan ini di negara tuan rumah serta apakah solusi yang boleh dibuat bagi membantu negara yang bergolak. Isu pelarian tidak akan mencapai solusi sewajarnya jika masalah negara Syria tidak diselesaikan. Laporan berita media juga telah membentuk identiti wartawan sebagai golongan yang mempunyai keupayaan dan kuasa menyampaikan maklumat, golongan yang mempunyai fakta dan mempunyai hak untuk memberitahu. Pembaca pula ditonjolkan sebagai golongan yang mudah menerima maklumat, sentiasa menunggu untuk diberitahu, sentiasa ingin tahu dan sebagai pengguna yang mendapatkan maklumat dari penulis yang berinformasi untuk memberitahu masyarakat yang mempunyai keinginan untuk tahu.

RUJUKAN

- Abdul Halim Brahim. (1997). *Jenis-jenis ayat penyata dari segi balaghah dalam bahasa Arab*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdul Rahim Ibrahim. (2009). *Ketidakterusan perintah dan larangan dalam al-Quran: Kajian terhadap ayat-ayat hukum surah al-Baqara*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdullah Haron. (1997). Makna Tersirat Di Sebalik Ayat Tanya: Satu Kajian Deskriptif Dalam Surah Al-Naml. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abid, RZ. (2015). *The representation of Syrian Refugees in the online media news, reports of host dan non-host country : a corpus-based critical discourse analysis*. (Unpublished Doctoral Thesis). Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Abid, RZ., Manan SA, Rahman ZAAA (2017). 'A flood of Syrians has slowed to a trickle': The use of metaphors in the representation of Syrian refugees in the online media news reports of host dan non-host countries. *Discourse & Communication*, 11(2), 121–140.
- Ahmad Mukhtar Umar. (2008). *Al-Mu'jam al-Lughah al-Arabiyah al-Mu'asir*. Kaherah: 'Alim al-Kutub.
- Ahmad Thalal Hassan. (2015). *Analisis Wacana Gaya Bahasa Komunikasi Rasulullah S.A.W dengan Ummul Mukminin*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Al-Munjid fī al-Lughat al-'Arabiyat al-Mu'asirat*. (2000). Beirut: Dār al-Mashriq.
- Majma' al-Lughat al-'Arabiat*. (2004).
- Al-Heijin, B. (2014). Covering muslim women: semantic macrostructures in BBC news. *Discourse & Communication*, 1(1), 1-28.
- Alonso, I. B., McCabe, A. & Chornet-Roses, D. (2010). In their own words: the construction of the image of the immigrant in peninsular Spanish broadsheets dan freesheets. *Discourse & Communication*, 4(3), 227-242.
- Ariza Abdullah. (2019). *Bahasa Kepimpinan Rumah Tangga Rasulullah S.A.W dalam Riwayat Aishah R.A dari Sudut Analisis Wacana kritikal*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Ashafizrol Ab Hamid. (2016). *Binaan Ayat Bahasa Arab*. Alor Setar, Kedah Darul Aman: Alasfiyaa Sdn Bhd.
- Ayman Rashdan Wong (2017). *Dunia Tanpa Tembok*. Ampang, Selangor : Patriots Publication.
- Ayman Rashdan Wong (2019). *Dunia Tanpa Tembok II*. Ampang, Selangor : Patriots Publication.

- Ayman Rashdan Wong (2020). *Dunia Tanpa Tembok III*. Ampang, Selangor : Patriots Publishing.
- Baker, P., Gabrielatos, C., Khosravi-Nik, M., Krzyzanowski, M., Mcenery, T., Wodak, R. (2008). A useful methodological synergy? Combining critical discourse analysis dan corpus linguistics to examine discourses of refugees dan asylum seekers in the UK press. *Discourse & Society*, 19(3), 273-306.
- Ben Isa B. (2008). *Al-Balāghat al-‘Arabiyyat: Muqaddimāt Wa Taḥḥiqāt*. Benghazi, Libya : Dār al-Kitāb al-Jadīd al-Muttaḥidat.
- Billig, M. (2003). *Critical Discourse Analysis dan the Development of New Science*, dalam G. Weiss dan R. Wodak (eds), *Critical Discourse Analysis: Theory dan Interdisciplinarity*. London: MacMillan.
- Blinder, S. & Allen, W. L. (2016). Constructing immigrants: Portrayals of Migrant Groups in Britain National newspapers, 2010-2012. *International Migration Review*, 50(1), 3-40.
- Bolte, Stef & Keong, Y. C. (2014). The Refugee Swap Deal in Malaysian Online News Reports: Ideology dan Representation. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(2), 93-108.
- Breazu, P., & Machin, D. (2018). A critical multimodal analysis of the Romanian press coverage of camp evictions dan deportations of the Roma migrants from France. *Discourse & Communication*, 12(4), 339–356.
- Brekke, J. & Brochmann, G. (2014). Stuck in transit: Secondary migration of asylum seekers in Europe, national differences, dan the Dublin Regulation. *Journal of Refugee Studies*, 28(2), 145-162.
- Burroughs, E. (2015). Discursive representations of 'illegal immigration' in the Irish newsprint media: The domination dan multiple facets of the 'control' argumentation. *Discourse & Society*, 26(2), 165-183.
- Coole, C. (2002). A warm welcome? Scottish dan UK media reporting of an asylum-seeker murder. *Media, Culture & Society*, 24, 839-852.
- Coulthard, M. 1996. The official version: audience manipulation in police records of interviews with suspects. Dlm. *Text dan practices: readings in critical discourse analysis*. Disunting oleh Caldas-Coulthard, C. R. & M. Coulthard. London dan New York: Routledge.
- Dragaš, M (2012). Gender relations in daily newspaper headlines: the representation of gender inequality with respect to the media representation of women (critical discourse analysis). *Studia Humana*, 1(2), 67—78.
- Dimitrova, D. V., Ozdora-Aksak, E., dan Connolly-Ahern C. (2018). On the border of the Syrian refugee crisis: Views from two different cultural perspectives. *American Behavioral Scientist*, 00(0), 1-15.

- Don, Z. & Lee, C. (2014). Representing immigrants as illegals, threats dan victims in Malaysia: Elite voices in the media. *Discourse & Society*, 25(6), 687–705.
- Efe, I. (2018). A corpus-driven analysis of representations of Syrian asylum seekers in the Turkiyesh press 2011-2016. *Discourse & Communication*, 00(0), 1-20.
- El-Nawawy, M. & Iskandar, A. (2003). *Al-Jazeera: The story of the network that is rattling governments dan redefining modern journalism*. Massachusetts: Westview.
- El-Nawawy, M. & Iskandar, Adel. (2002). *Al-Jazeera: How the free Arab news network scooped the world dan changed the Middle East*. Boulder, CO: Westview Press.
- Esses, V. M., Medianu, S. & Lawson, A.S. (2013). Uncertainty, threat, dan the role of the media in promoting the dehumanization of immigrants dan refugees. *Journal of Social Issues*, 69(3), 518-536.
- Eurostat (2019). Asylum quarterly report. Retrieved from https://ec.europa.eu/eurostat/statisticsexplained/index.php?title=Asylum_quarterly_report
- Fairclough, N. (1989). *Language dan Power*. London: Longman.
- Fairclough, N. (1992a). *Discourse dan Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1992b). Discourse dan text: linguistic dan intertextual analysis within discourse analysis. *Discourse & Society*, 3(2), 193-217.
- Fairclough, N. (1995a). *Media Discourse*. London: Edward Arnold.
- Fairclough, N. (1995b). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Englan: Longman Group Limited.
- Fairclough, N. (2010). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Second Edition. London dan New York: Routledge.
- Fairclough, N. & Wodak, R. (1997). *Critical discourse analysis*. In T. A. Van Dijk (ed.), *Discourse Studies A Multidisciplinary Introduction*, Vol. 2. *Discourse as Social Interaction*.
- Fairclough, N. (2009). *Tahlil al-Khitab: Tahlil al-Nassiy Fi al-Bahs al-Ijtima'iy*. (Tolal Wahbah, terjemah). Beirut: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarjamah.
- Fairclough, N., & Wodak, R. (1997). *Critical Discourse Analysis*. In T. v. Dijk (Ed.), *Discourse as social interaction* (Vol. 2, pp. 258-284). London: Sage.
- Fotopoulos, S. dan Kaimaklioti, M. (2016). Media discourse on the refugee crisis: On what have the Greek, German, dan British press focused? *European View*, 15 (2), 265-279.

- Gabrielatos, C. dan Baker, P. (2008). Fleeing, sneaking, flooding. A corpus analysis of discursive constructions of refugees dan asylum seekers in the UK press, 1996-2005. *Journal of English Linguistics*, 36 (1), 5-38.
- Gale, P. (2004). The refugee crisis dan fear: Populist politics dan media discourse. *Journal of Sociology*, 40(4), 321-340.
- Gill, S. K. et al. (2012). Ideological features of vocabulary in news reports of Malaysia's medium of instruction change. *Gema Online Journal of Language Studies*, 12(3): 765-787.
- Goodman, S & Kirkwood, S. (2019) Political dan media discourses about integrating refugees in the UK. *Eur J Soc Psychol.*, 49:1456–1470.
- Greussing, E. dan Boomgaarden H. G. (2017). Shifting the refugee narrative? An automated frame analysis of Europe's 2015 refugee crisis. *Journal of Ethnic dan Migration Studies*, 43 (11), 1749-1774.
- Guilfoyle, A. & Hancock, P. (2009). Discourses dan refugees' social inclusion: introduction to method dan issues. *Tamara Journal*, 8(8.5), 123-133.
- Haider, A. S. dan Olimy S. (2019). The representation of laji'een (refugees) dan muhajirin (migrants) in the headlines of Jordan News Agency (PETRA). *International Journal for the Semiotic of Law-Reveu Internationale de Semiotique Juridique*, 32 (1), 155-186.
- Hanyes, A., Devereux, E. dan Breen, M. (2004). A Cosy Consensus on Deviant Discourse: How the refugee dan asylum seeker meta-narrative has endorsed an interpretive crisis in relation to the transnational politics of the world's displaced persons. Department of Sociology Working Paper Series. Maklumat diperolehi pada 10 Disember 2015, daripada <http://www3.ul.ie/sociology/docstore/workingpapers/wp2004-03.pdf>.
- Høeg, E. dan D. Tulloch C. (2019). Sinking strangers: Media representations of climate refugees on the BBC dan Al-Jazeera. *Journal of Communication Inquiry*, 43 (3), 225-248.
- Ibrāhīm Madkūr. (1990). *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Istanbul : Dār al-Da'wah.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit UKM
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit UKM
- Idris Aman & Kamila Ghazali. (2016). *Praktis Analisis Wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- J. Thomas J. & Shahira Fahmy. (2008). The Cnn of the Arab world or a shill for terrorists? How support for press freedom dan political ideology predict credibility of al-Jazeera among its audience. *The International Communication Gazette* 70(5), 338-360.

- J. Thomas J. & Shahira Fahmy. (2010). Who is winning the hearts dan minds of the Arab public? An examination of how Arab viewers judge the credibility of Al-Jazeera, Al-Arabiya, Al-Hurra dan local Arab stations. *International Communication Research Journal*, January 2010.
- Jeff, M. (2013). An interdiscursive analysis of language dan immigrant integration policy discourse in Canada. *Critical Discourse Studies*, 10(1), 18-31.
- Kamila Ghazali. (1999). *A critical discourse analysis of the speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kasyfullah Abd Kadir. (2006). Ayat perintah dalam surah al-Anfal dan al-Taubat: Satu Analisis Wacana. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- KhosraviNik, M. (2009). The representation of refugees, asylum seekers dan immigrants in Britain newspapers during the Balkan conflict (1999) dan the Britain general election (2005). *Discourse & Society*, 20(4), 477-498.
- KhosraviNik, M. (2010). The representation of refugees, asylum seekers dan immigrants in British newspapers: A critical discourse analysis. *Journal of Language dan Politics* 9(1): 1-28.
- Kirkwood, S. (2017). The humanisation of refugees: a discourse analysis of UK parliamentary debates on the European refugee 'crisis'. *Journal of Community & Applied Social Psychology*, 27, 115-125.
- Kolukıřık, S. (2009). Mülteci Ve Sığınmacı Olgusunun Medyadaki Görünümü: Medya Politığı Üzerine Bir Deęerlendirme [Image of refugees dan asylum-seekers in the media: An evaluation on media politics]. *Gaziantep Üniversitesi Sosyal Bilimler Dergisi*, 8(1), 1-20.
- Kress G. 1994. Text dan grammar as explanation. In *Text, Discourse dan Context: Representations of Poverty in Britain*, ed. UH Meinhof, K Richardson. London: Longman.
- Kyriakides, C. (2017). Words don't come easy: Al-Jazeera's migrant-refugee distinction dan the European culture of (mis)trust. *Current Sociology*, 65(7), 933-952.
- Lee, C. (2016). *Refugee Representation In Malaysia: A Study Of Media Representations Dan Personal Narratives*. (Unpublished Doctoral Thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Liu, K. & Guo, F. (2016). A review on critical discourse analysis. *Theory dan Practice in Language Studies*, 6(5), 1076-1084.
- Lueck, K, Due C. & Augoustinos, M. (2015). Neoliberalism dan nationalism: Representations of asylum seekers in the Australian mainstream news media.

- Mahmud Ahmad Nahlah. (2001). *'Ilm al-Lughah al-Nizamiy, madkhal ila al-Nazariyyah al-Lughawiyah 'Inda Halliday*. Iskandarriayah: Jamia'ah al-Iskandarriyah.
- Majid Alhumaidi. (2013). *A critical discourse analysis of al-Ahram dan al-Jazeera's online coverage of Egypt's 2011 revolution*. (Unpublished Doctoral Thesis). University of Florida, United States.
- Martin Rojo L. (1995). Division dan rejection: from the personification of the Gulf conflict to the demonization of Saddam Hussein. *Discourse & Society*, 6(1), 49–80.
- Maserah Shabudin dan Idris Aman (2012). Wacana dan ideologi iklan produk kecantikan berbahasa Jepun. *Gema Online Journal of Language Studies*, 12(3), 789-816.
- Miles, H. (2005). *Al-Jazeera: The inside story of the Arab news channel that is challenging the west*. New York: Grove Press.
- Mohd Abdul Nasir Abdul Latif (2014). Wacana komunikasi dalam al-Quran: satu analisis terhadap dialog dua hala (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Malaysia.
- Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2003). *Kohesi dalam wacana arab: satu kajian dalam novel al-sihab al-ahmar karangan mustafa sadiq al-rafei*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Fahmi Abdul Khir (2003). Pengguguran kata dan ayat : satu analisis kemukjizatan al-quran. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhamad Farid Wajdi Tajudin (1999). *Uslub Al-Istifham Dalam Al-Quran : Satu Analisis Dalam Surah Al-Baqarah*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohamed Helmi Sufi (1998). *Uslub al-Taucid dalam al-quran: satu analisis dalam surah al-Baqarah*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Sadri Abdullah (1999). *Uslub Al-Istifham Dalam Al-Quran*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohamad Rushdan Azizan. (2012). *Manifestasi perjuangan dalam pidato Yasser Arafat dari sudut analisis wacana kritikal*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab : Satu Pengenalan dalam Ilmu al-Ma'ānī* . Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Fuad Mohd Isa, Mohd Nazri Zainuddin. (2010). *Kamus Miftah Al Tullab*. Seremban, Negeri Sembilan : Al Azhar Media Enterprise.
- Mollard, C. (2001). *Asylum:the truth behind the headlines*. Oxfam GB. Maklumat diperoleh pada 22 Disember 2015, daripada <http://policy-practice.oxfam.org.uk/publication/asylum-the-truth-behind-the-headlines>
- Moloi, C. K. & Bojabotseha. (2014). A critical analysis of intertextuality dan interdiscursivity in the African National Congress (ANC). *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 3(4), 417-423.
- Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. (2008). *Kajian Tatabahasa Arab Dahulu dan Sekarang*. Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2008). *Bahasa Kepimpinan Rasulullah S. A. W.: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mustafa-Awad, Z. & Kirner-Ludwig, M. (2021). Syrian refugees in digital news discourse: Depictions dan reflections in Germany. *Discourse & Communication*, 15(1), 74-97.
- Nor Zaiton Saad. (2005). *Konsep al-Amr Menurut Pandangan Ulama Usul*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Olsen, C., El-Bialy, R., Mckelvie, M., Rauman, P., Brunger, F. (2014). 'Other' Troubles: Deconstructing Perceptions dan Changing Responses to Refugees in Canada. *Journal of Immigrant dan Minority Health*, 18 (1), 58-66.
- Ozdora-Aksak, E., Connolly-Ahern, C. & Dimitrova, D. (2021). Victims or intruders? Refugee portrayals in the news in Turkey, Bulgaria dan the UK. *Media, War & Conflict*, 14(3), 282-302.
- Pamuk, H., & Baczynska, G. (2016). EU, Turkey seal deal to return migrants, but is it legal? Or doable? Reuters. Retrieved from <http://uk.reuters.com/article/uk-europe-migrants-eu-idUKKCN0WK05A>
- Parker, S. (2015). 'Unwanted invaders': The representation of refugees dan asylum seekers in the UK dan Australian print media. *eSharp* (23), 1-21.
- Parzer, M. (2021). Double burden of representation: how ethnic dan refugee categorization shapes Syrian migrants' artistic practices in Austria. *Journal of Ethnic dan Migration Studies*, 47(11), 2459-2476.
- Powers S (2009). *The Geopolitics Of The News: The Case Of The Al Jazeera Network* (Unpublished Doctoral Thesis). University of Southern, California, United States.

- Ramirez, Plascencia D. (2017). Refugee crisis representation on German online press: the case of Aylan Kurdi. *REMHU: Revista Interdisciplinar da Mobilidade Humana*, 25 (51), 95-108.
- Renkema, J. (1993). *Discourse Studies: An Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Company.
- Richardson J. E. (2006). *Analysing newspapers an approach from critical discourse analysis*. New York, N. Y. : Palgrave Macmillan.
- Riduan Mohamad Nor, M. Abdul Malik Abdul Karim & Ahmad Ulwan Hassim. (2012). *Travelog Luka Air Mata Syria*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Reisigl, M. dan Wodak, R. (2001) *Discourse dan Discrimination: Rhetorics of Racism dan Anti-Semitism*. London dan New York: Routledge.
- Saipol barin Ramli. (2004). *Gaya Bahasa Doa Dalam Al-Quran: Satu Kajian Deskriptif*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Schuster, L. (2011). Turning refugees into 'illegal migrants': Afghan asylum seekers in Europe. *Ethnic dan Racial Studies*, 34 (8), 1392-1407.
- Seib, P. (2007). *New media dan the new Middle East*. US: Palgrave Macmillan.
- Serafis, D., Greco, S., Pollaroli C. & Soria, C. J. M. (2019). Towards an integrated argumentative approach to multimodal critical discourse analysis: evidence from the portrayal of refugees dan immigrants in Greek newspapers. *Critical Discourse Studies*, 17(5), 545-565.
- Shahira fahmy & J. Thomas J. (2007). Show the truth dan let the Audience decide: A web-based survey showing support among viewers of Al-Jazeera for use of graphic imagery. *Journal of Broadcasting & Electronic Media* 51(2), 245-264.
- Shaw, P., & Pecorari, D. (2013). Types of intertextuality in Chairman's statements. *Nordic Journal of English Studies*, 13(1), 37-64.
- Shreim, N. (2008). War in Gaza: a cross-cultural analysis of news reporting dan reception, the case of BBC dan Al-Jazeera. (Unpublished Doctoral Thesis). Loughborough University, Englan.
- Siti Ikbal Sheikh Salleh. (1999). *Analisis Gaya Bahasa al-Insya'*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Tavassoli, F., Jalilifar, A. & White, R., P. (2018). Britain newspapers' stance towards the Syrian refugee crisis: An appraisal model study. *Discourse & Society*, 00(0), 1-2.
- Teo, P. (2000) 'Racism in the News: A critical discourse analysis of news reporting in two Australian newspapers'. *Discourse & Society* 11(1), 7-49.

- Toker, H. (2019). Too similar to be different? 'Syrian refugee' coverage in Turkiyesh dan Norwegian popular media. *An International Journal of Pure Communication Inquiry*, 7(1), 63-83.
- UNHCR. (2020) *Global trends Report*. Retrieved from <https://www.unhcr.org/flagship-reports/globaltrends/>
- UNHCR. (2021). *Planning Summary Report*. <https://reporting.unhcr.org/sites/default/files/pdfsummaries/GA2021-Turkey-eng.pdf> (Diakses pada 22 Desember 2021)
- UNHCR. (2020). *Planning Summary Report*. <https://reporting.unhcr.org/sites/default/files/pdfsummaries/GA2020-Turkey-eng.pdf> (Diakses pada 22 Desember 2021)
- Van Gorp, B. (2005). Where is the frame?: Victims dan Intruders in the Belgian Press Coverage of the Asylum Issue. *European Journal of Communication*, 20(4), 484-507.
- Van Dijk, T. (2006). Discourse dan manipulation. *Discourse & Society*, 17(2), 359-383.
- Van Dijk, T. (2001). Critical discourse analysis. In D. Schiffrin, D. Tannen & H. E. Hamilton (Eds.), *The handbook of discourse analysis*. Cambridge, MA, dan Oxford, UK: Blackwell.
- Van Dijk, T. (1996). Discourse, Power dan Access. In C.-R. Caldas-Coulthard & M. Coulthard (Eds.), *Texts dan Practices. Readings in Critical Discourse Analysis*(pp. 84-104). London: Routledge.
- Van Dijk, T. (2009) Critical discourse studies: A sociocognitive approach. In: Wodak R dan Meyer M (eds) *Methods of Critical Discourse Analysis*. London: SAGE, pp.62–86.
- Van Dijk T. 1991. *Racism dan the Press*. London: Routledge.
- Van Leeuwen, T. dan Wodak, R. (1999) 'Legitimizing Immigration Control: A Discourse historical Analysis', *Discourse Studies* 1(1): 83–118.
- Victor Ho. (2011). What functions do intertextuality dan interdiscursivity serve in request e-mail discourse? *Journal of Pragmatics*, 43, 2534-2547.
- Wan Rohani Wan Mokhtar. (2012). *Penggunaan Uslub Khobarīy dalam al-Quran: Kajian Terhadap Surah Yasin*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

- Wodak, R. (1996) 'The Genesis of Racist Discourse in Austria since 1989', in C.R. Caldas-Coulthard dan M. Coulthard (eds) *Texts dan Practices*. London dan New York: Routledge.
- Wodak, R. (1997) 'Others in Discourse, Racism dan Anti-semitism in Present Day Austria'. *Research on Democracy dan Society* 3: 275–96.
- Wodak, R. dan Meyer (2009). *Methods of critical discourse analysis*. London : Sage Publication.
- Wright, T. (2004). Collateral coverage: media images of Afghan refugees, 2001. *Visual Studies*, 19 (1), 97-112.
- Zahazan Mohamed (2001). *Al-fasl dan al-wasl: satu analisis dalam surah al-Mulk*. (Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zeng, L., & Tahat, K. (2012). Picturing terrorism through Arabic lenses: A comparative analysis of Al Jazeera dan Al Arabiya. *Asian Journal of Communication*, 22(5), 433-448.
- Zetter, R., dan Pearl, M. (2000). The minority within the minority: refugee community-based organisations in the UK dan the impact of restrictionism on asylum-seekers. *Journal of Ethnic dan Migration Studies*, 26 (4), 675-697.
- Zheni, T. (2019). Cognitive Frames in Media Discourse: 'The Guardian' Coverage of the Syrian Refugee Crisis in Europe (2015-2019). *Arab World English Journal*, 10 (3) 64-80.
- Zulkifli Mohamad. (2012). *Krisis Syria dan mauqif ulama*. Negeri Sembilan, Malaysia: Pustaka Cahaya Kasturi.